



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENILAIAN PELAKSANAAN PENTAKSIRAN BERASASKAN SEKOLAH DALAM KALANGAN GURU

NOORZELIANA BINTI IDRIS



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH (PENGUKURAN PENDIDIKAN)

FAKULTI PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2016



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menilai pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) dalam kalangan guru. Terdapat lapan tujuan kajian dan lima hipotesis kajian. Model Penilaian CIPP digunakan sebagai kerangka kajian yang melibatkan semua komponen iaitu konteks, input, proses dan produk. Sampel kajian terdiri daripada 589 orang guru yang melaksanakan PBS di Semenanjung Malaysia dan dipilih secara rawak berstrata dari 48 buah sekolah. Analisis data kuantitatif dan kualitatif (temu bual, analisis dokumen dan pemerhatian yang melibatkan empat orang guru) dilaporkan secara serentak untuk menyokong dapatan kajian. Soal selidik rubrik dua lapis dibina sendiri oleh penyelidik yang mempunyai empat konstruks dengan nilai Alpha Cronbach antara 0.707 hingga 0.884. Perangkaan deskriptif secara keseluruhannya mendapati semua komponen dalam Model CIPP menunjukkan tahap yang sederhana sahaja. Namun begitu, terdapat kekuatan dan kelemahan yang didapati dalam setiap sub konstruk. Analisis MANOVA pula mendapati tahap Perancangan dan Pelaksanaan PBS guru sekolah menengah lebih tinggi dan berbeza secara signifikan dengan guru sekolah rendah. Manakala tahap Perancangan dan Pelaksanaan guru di sekolah bandar lebih tinggi dan berbeza secara signifikan dengan guru di sekolah luar bandar. Analisis Regresi Berganda bagi menunjukkan sumbangan pemboleh ubah tak bersandar terhadap Penerimaan Guru dalam Melaksanakan PBS adalah sebanyak 47.6%. Antara faktor dominan yang menyumbang kepada konstruk Penerimaan Guru dalam Melaksanakan PBS ialah Pelaksanaan Pentaksiran dan Matlamat PBS. Manakala sumbangan pemboleh ubah tak bersandar terhadap Pelaksanaan PBS adalah sebanyak 53.6% dan faktor yang paling mempengaruhi ialah Perancangan Sekolah dan Sikap Guru Terhadap Pelaksanaan PBS. Sebanyak lapan saranan diketengahkan bagi memenuhi matlamat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 iaitu untuk mencapai visi sistem pendidikan dan aspirasi murid yang dapat memenuhi keperluan negara pada masa depan.





AN EVALUATION OF THE IMPLEMENTATION OF THE SCHOOL-BASED ASSESSMENT AMONG TEACHERS

ABSTRACT

The aim of this study is to evaluate the implementation of the SBA among teachers. There are nine goals and five hypotheses to be tested. The CIPP Evaluation Model is used as a framework for this study. All the four components of the model – context, input, process and product are included. The sample consisted of 589 teachers who have implemented SBA in Peninsular Malaysia. They were randomly selected from 48 schools . Quantitative data analysis (SPSS version 19) and qualitative data analysis (interviews, document analysis and observations involving four teachers) were reported simultaneously. The double layer rubric questionnaire is developed by the researcher. The Cronbach Alpha value was 0.707 to 0.884. Overall, the descriptive statistics showed that all the components of the CIPP model was at a moderate level. Nevertheless, there were some strengths and weaknesses found in every sub construct. MANOVA analysis found that the level of Planning and Implementation of the SBA of the secondary school teachers were higher but varied significantly with the primary school teachers. While the level of Planning and Implementation of the school teachers in urban is higher and varies significantly compared to the teachers in rural areas. Multiple regression analysis showed the contribution of the independent variables to Acceptance Teachers Implementing SBA was 47.6%. Among the dominant factors affecting Acceptance Teachers Implementing SBA were the Implementation of the Assessment and the SBA Goals whereas other independent variables leaning toward the Implementation of SBA was 53.6%. The most influential factors to Implementation of SBA were the Planning of Schools and Attitude Towards Implementation of SBA Teachers. Eight recommendations are put forward to fulfill the goals of National Education Blueprint 2013-2025 which is aimed to achieve the vision and aspirations of the students' education system that can fulfill the needs of the country.





KANDUNGAN

	Muka Surat
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI SINGKATAN	xviii
SENARAI LAMPIRAN	xx
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Penyataan Masalah	7
1.4 Tujuan Kajian	12
1.5 Persoalan Kajian	14
1.6 Hipotesis Kajian	15
1.7 Kerangka Konseptual Kajian	17
1.7.1. Penilaian Konteks (Penataran dan Penguasaan Maklumat PBS)	20



1.7.2. Penilaian Input (Kesediaan Guru)	21
1.7.3. Penilaian Proses (Perancangan dan Pelaksanaan)	22
1.7.4. Penilaian Produk (Penerimaan Guru dalam Melaksanakan PBS)	24
1.8. Kepentingan Kajian	26
1.9. Batasan Kajian	28
1.10. Definisi Operasional	29
1.10.1. Penilaian	30
1.10.2. Pentaksiran	30
1.10.3. Pelaksanaan PBS dalam Kalangan Guru	31
1.10.4. Penilaian Konteks	31
1.10.5. Penilaian Input	32
1.10.6. Penilaian Proses	34
1.10.7. Penilaian Produk	36
1.11. Rumusan	38

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1. Pengenalan	39
2.2. Penilaian	
2.2.1. Definisi Penilaian	40
2.2.1. Konsep Penilaian Program	41
2.3. Soal Selidik Rubrik Dua Lapis	44
2.3.1. Pembinaan Soal Selidik Rubrik Dua Lapis	51
2.4. Model Penilaian Program	57
2.3.1. Model Penilaian Tyler (1950)	59
2.3.2. Model Penilaian Stake (1967)	60

2.3.3	Model Penilaian Scriven (1972)	61
2.3.4	Model Penilaian CIPP	62
2.5	Justifikasi Pemilihan Model CIPP	74
2.6	Pentaksiran Berasaskan Sekolah	78
2.7	Penilaian Konteks (Penataran dan Penguasaan Maklumat PBS)	91
2.6.1	Objektif PBS	92
2.6.2	Matlamat PBS	93
2.6.3	Konsep PBS	94
2.8	Penilaian Input (Kesediaan Guru)	97
2.7.1	Sumber Manusia	97
2.7.2	Sumber Bukan Manusia	100
2.7.3	Pengetahuan dan Kemahiran	102
2.9	Penilaian Proses (Perancangan dan Pelaksanaan)	106
2.8.1	Perancangan Guru	107
2.8.2	Perancangan Panitia	110
2.8.3	Perancangan Sekolah	113
2.8.4	Pentaksiran Sekolah	115
2.8.5	Pembinaan Instrumen	120
2.8.6	Penjaminan Kualiti (Pementoran, Penyelarasan, Pemantauan, Pengesanan)	124
2.10	Penilaian Produk (Penerimaan Guru dalam Melaksanakan PBS)	133
2.9.1	Kepercayaan Guru dalam Melaksanakan PBS	134
2.9.2	Sikap Guru dalam Melaksanakan PBS	136
2.9.3	Komitmen Guru dalam Melaksanakan PBS	139
2.11	Kekangan Guru dalam Melaksanakan PBS	142
2.12	Kajian-kajian Lepas	147

2.13	Rumusan	151
------	---------	-----

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	152
3.2	Reka Bentuk Kajian	155
3.3	Kaedah Kajian	156
3.4	Instrumen Kajian	161
3.4.1	Kesahan Instrumen Kajian	162
3.4.2	Kajian Rintis	175
3.4.3	Protokol Temu bual Semi-struktur	186
3.4.4	Senarai Semak Analisis Dokumen	187
3.4.5	Senarai Semak Pemerhatian	188
3.5	Kesahan dan Kebolehpercayaan Data Kualitatif	189
3.5.1	Kesahan dan Kebolehpercayaan Protokol Temu bual	189
3.5.2	Kesahan dan Kebolehpercayaan Senarai Semak	192
3.6	Populasi Kajian	192
3.7	Sampel Kajian	194
3.7.1	Kajian Kuantitatif	194
3.7.2	Kajian Kualitatif	202
3.8	Tatacara Pengumpulan Data	204
3.8.1	Pengumpulan Data Kuantitatif	204
3.8.2	Pengumpulan Data Kualitatif	207
3.9	Prosedur Penganalisan Data	213
3.9.1	Analisis Data Kuantitatif	213
3.9.2	Analisis Data Kualitatif	221



3.10	Rumusan	229
------	---------	-----

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	230
4.2	Ujian Normaliti	231
4.3	Profil Responden Kajian	236
4.4	Kekerapan Pelaksanaan	237
4.5	Analisis Dekriptif	
4.5.1	Status Konteks	242
4.5.2	Status Input	248
4.5.3	Status Proses Perancangan	253
4.5.4	Status Proses Pelaksanaan	267
4.5.5	Status Produk	290
4.5.6	Status Keseluruhan Produk	298
4.5.7	Status Kekangan Guru dalam Melaksanakan PBS	300
4.6	Pengujian Hipotesis	
4.6.1	Perbandingan Proses yang Merangkumi Perancangan dan Pelaksanaan PBD Berdasarkan Lokasi dan Jenis Sekolah	308
4.6.2	Pemboleh ubah yang Menyumbang kepada Penerimaan Guru dalam Melaksanakan PBS	318
4.6.3	Pemboleh ubah yang Menyumbang kepada Pelaksanaan PBS	325
4.7	Kesimpulan	335



**BAB 5 PERBINCANGAN**

5.1	Pengenalan	337
5.2	Rumusan Kajian	338
5.3	Perbincangan	
5.3.1	Kekerapan Pelaksanaan	343
5.3.2	Penataran dan Penguasaan Maklumat PBS (Konteks)	346
5.3.3	Kesediaan Guru dalam Melaksanakan PBS (Input)	352
5.3.4	Proses Perancangan dan Pelaksanaan (Proses)	360
5.3.5	Penerimaan Guru dalam Melaksanakan PBS(Produk)	378
5.3.6	Kekangan Guru dalam Melaksanakan PBS	384
5.3.7	Perbandingan Proses yang Perancangan dan Pelaksanaan PBD Berdasarkan Lokasi dan Jenis Sekolah	390
5.3.8	Pemboleh ubah yang Menyumbang kepada Penerimaan Guru dalam Melaksanakan PBS	392
5.3.9	Pemboleh ubah yang Menyumbang kepada Pelaksanaan PBS	395
5.4	Penutup	398

BAB 6 KESIMPULAN DAN CADANGAN

6.1	Pengenalan	399
6.2	Implikasi Kajian	398
6.3	Kesimpulan	400
6.4	Cadangan Pelaksanaan	404
6.5	Cadangan Kajian Lanjutan	407
6.6	Penutup	409



**SENARAI JADUAL****No Jadual****Muka surat**

2.1	Kandungan Soal Selidik	47
2.2	Skala Penilaian	54
2.3	Peperiksaan Pusat bagi Mata Pelajaran Matematik	80
2.4	Standard Prestasi dan Tafsirannya	84
2.5	Dokumen Standard Prestasi	86
2.6	Hubung kait antara Pernyataan Standard, Deskriptor dan Eviden	87
2.7	Penerangan Terperinci Kerangka Pernyataan Standard	88
3.1	Ringkasan Pendekatan Kuantitatif dan Kualitatif berdasarkan Elemen yang di Kaji	160
3.2	Validasi Item Persetujuan Pakar Mengikut Sub konstruk Kajian	165
3.3	Bilangan Item Mengikut Sub konstruk Selepas Kajian Rintis Kedua	167
3.4	Peratus Persetujuan Pakar	172
3.5	Nilai Kebolehpercayaan	177
3.6	Kebolehpercayaan bagi Elemen Konteks	178
3.7	Kebolehpercayaan bagi Elemen Input	179
3.8	Kebolehpercayaan bagi Elemen Proses	181
3.9	Kebolehpercayaan bagi Elemen Produk	183



3.10	Kebolehpercayaan bagi Item Kekangan	184
3.11	Kebolehpercayaan bagi Keseluruhan Elemen	185
3.12	Populasi Kajian	193
3.13	Kriteria Pemilihan Responden Kajian	196
3.14	Ringkasan Kadar Pemulangan Soal Selidik	206
3.15	Analisis Statistik bagi Setiap Persoalan Kajian	214
3.16	Interpretasi Skor Min	217
3.17	Analisis Data Senarai Semak (Analisis Dokumen)	224
3.18	Analisis Data Senarai Semak (Pemerhatian - Masa)	225
3.19	Analisis Data Senarai Semak (Pemerhatian - Peratusan)	227
3.20	Ringkasan Analisis Kualitatif	228
4.1	Profil Responden Kajian	236
4.2	Kekerapan Pelaksanaan	238
4.3	Sasaran Minimum dan Ringkasan Frekuensi bagi Kekerapan Pelaksanaan	241
4.4	Pencapaian Kriteria Minimum bagi Pelaksanaan dan Penyelarasan PBS.	241
4.5	Skor Min dan Skor Rubrik bagi Objektif PBS	243
4.6	Skor Min dan Skor Rubrik bagi Matlamat PBS	245
4.7	Skor Min dan Skor Rubrik bagi Konsep PBS	246
4.8	Skor Min dan Skor Rubrik bagi Sumber Manusia	249
4.9	Skor Min dan Skor Rubrik bagi Sumber Bukan Manusia	252
4.10	Skor Min dan Skor Rubrik bagi Pengetahuan dan Kemahiran	255

4.11	Skor Min dan Skor Rubrik bagi Perancangan Guru	258
4.12	Analisis Senarai Semak (Dokumen)	261
4.13	Skor Min dan Skor Rubrik bagi Perancangan Panitia	262
4.14	Skor Min dan Skor Rubrik bagi Perancangan Sekolah	265
4.15	Skor Min dan Skor Rubrik bagi Pentaksiran Sekolah	267
4.16	Analisis Dokumen (Peraturan)	271
4.17	Skor Min dan Skor Rubrik bagi Pembinaan Instrumen	276
4.18	Skor Min dan Skor Rubrik bagi Pementoran	280
4.19	Skor Min dan Skor Rubrik bagi Penyelarasan	283
4.20	Skor Min dan Skor Rubrik bagi Pemantauan	286
4.21	Skor Min dan Skor Rubrik bagi Pengesanan	288
4.22	Skor Min dan Skor Rubrik bagi Kepercayaan Guru Tentang Kepentingan Pelaksanaan PBS	291
4.23	Skor Min dan Skor Rubrik bagi Sikap Guru Terhadap Pelaksanaan PBS	294
4.24	Skor Min dan Skor Rubrik bagi Komitmen Guru dalam Melaksanakan PBS	297
4.25	Skor Min Keseluruhan	299
4.26	Skor Min dan Skor Rubrik bagi Kekangan Guru dalam Melaksanakan PBS	301
4.27	Ujian Box's M	310
4.28	Analisis Varian-korarian (<i>Levene's Test of Quality of Variance</i>)	311
4.29	Analisis MANOVA Perbezaan Proses Pelaksanaan PBS Berdasarkan Jenis dan Lokasi Sekolah	312
4.30	Ujian Kesan Antara Proses Pelaksanaan PBS Berdasarkan Jenis Sekolah dan Lokasi Sekolah	314



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

XV

4.31	Analisis Regresi Berganda (<i>Stepwise</i>) Bagi Pemboleh ubah Bebas yang Mempengaruhi Penerimaan Guru dalam Melaksanakan PBS	320
4.32	Analisis Varians	320
4.33	Analisis Regresi Berganda (<i>Stepwise</i>) Bagi Pemboleh ubah Bebas yang Mempengaruhi Pelaksanaan PBS	327
4.34	Analisis Varians	328



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

SENARAI RAJAH

No Rajah	Muka surat
1.1 Kerangka Konseptual Kajian	19
2.1 Tata cara Pembinaan Instrumen	53
2.2 Jumlah Skor di Terjemahkan ke Skala Likert	55
2.3 Jumlah Skor bagi Kategori Kedua di Terjemahkan ke Skala Likert	55
2.4 Teori Penyeliaan Klinikal Tiga Tahap (Acheson, 1997).	67
2.5 Tindakan Dinamik Model Penilaian CIPP	70
2.6 Hubungan Antara Membuat keputusan dengan Penilaian dan Aktiviti	70
2.7 Hubungan Kepercayaan, Sikap dan Tingkah Laku	73
2.8 Komponen PBS	79
2.9 Pelaksanaan PBS	81
2.10 Kerangka Utama Pernyataan Standard	88
2.11 Penggunaan Standard Prestasi dalam Pentaksiran Sekolah	109
3.1 Kerangka Tatacara Proses Kajian Penilaian Pelaksanaan PBS dalam Kalangan Guru	154
3.2 Ringkasan Reka Bentuk dan Kaedah Kajian	155
3.3 Fasa Pengumpulan Data	159
3.4 Prosedur Pemilihan Sampel Sekolah	198
3.5 Prosedur Pemilihan Sampel Guru	201
3.6 Contoh Dokumen dari Buku Rekod Mengajar	210

3.7	Contoh Instrumen Guru	211	
3.8	<i>Camera Cam</i> Panasonic SDR-S26	212	
4.1	Graf Plot Normal	234	
4.2	Graf Plot Taburan (<i>Scatter plot</i>)	235	
4.3	Histogram	235	
4.4	Pentaksiran yang dilakukan oleh Guru	273	
4.5	Contoh Pelaporan Guru	273	
4.6	Set Instrumen di Pasaran	278	
4.7	Fail Pentaksiran Murid	303	
4.8	Contoh Eviden Murid 1	304	
 05-4506832	4.9	Contoh Eviden Murid 2	304
	4.10	Graf Kesan Interaksi Antara Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah Bagi Proses dan Perancangan Pelaksanaan PBS dalam Kalangan Guru	316
	4.11	Graf Kesan Interaksi Antara Sekolah Bandar dan Sekolah Luar Bandar Bagi Proses dan Perancangan Pelaksanaan PBS dalam Kalangan Guru	317

**SENARAI SINGKATAN**

BRM	Buku Rekod Mengajar
DSK	Dokumen Standard Kurikulum
DSP	Dokumen Standard Prestasi
FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
FPN	Falsafah Pendidikan Negara
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
JUS	Jurulatih Utama Sekolah
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
KSSM	Kurikulum Standard Sekolah Menengah
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
LPM	Lembaga Peperiksaan Malaysia
PBS	Pentaksiran Berasaskan Sekolah
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
PEKA	Pentaksiran Kerja Amali
PLBS	Pentaksiran Lisan Berasaskan Sekolah
PMR	Penilaian Mengah Rendah
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
S/U	Setiausaha
SPSS	<i>Statistical Packages For The Social Science</i>





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

xix

ULBS Ujian Lisan Berasaskan Sekolah
UPSR Ujian Penilaian Sekolah Rendah



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun





ptbupsi



SENARAI LAMPIRAN

- A Soal Selidik Rubrik Dua Lapis
- B Jadual Penentuan Item (JPI)
- C Pekali Korelasi
- D Validasi Instrumen Kajian
- E Senarai Pakar
- F Protokol Temu bual Semi-struktur
- G Skor Min dan Sisihan Piawai Aspek Perancangan dan Pelaksanaan Berdasarkan Lokasi Sekolah
- H Skor Min Dan Sisihan Piawai Aspek Perancangan Dan Pelaksanaan Berdasarkan Jenis Sekolah
- I Surat Kelulusan Membuat Kajian (BDPPP)
- J Surat Kebenaran Membuat Kajian (Negeri)







05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 1

PENDAHULUAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

1.1 Pengenalan

Bab ini menghuraikan latar belakang kajian, iaitu prosedur yang terlibat dalam pelaksanaan PBS, penilaian proses pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) dalam kalangan guru yang dijalankan di sekolah serta menentukan sejauh mana program PBS mencapai matlamat bagi melihat penerimaan guru dalam melaksanakan PBS. Seterusnya perbincangan mengenai pernyataan masalah, tujuan, objektif, persoalan dan kerangka konseptual telah diutarakan diikuti dengan penjelasan mengenai kepentingan



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



kajian dan batasan kajian. Akhir sekali penyelidik menghuraikan definisi operasi bagi tujuan menjelaskan pemboleh ubah kajian.

1.2 Latar Belakang Kajian

Mengikut hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK), produk yang hendak dikeluarkan adalah individu yang sempurna dan lengkap, yang bukan hanya lulus dalam peperiksaan semata-mata. Secara umumnya, dapat diperhatikan sistem pendidikan negara kita berteraskan peperiksaan yang mendorong pelajar-pelajar belajar dan menghafal untuk lulus peperiksaan. Pengetahuan yang diterima dengan cara ini tidak akan kekal dan mereka boleh lupa apa yang dipelajari selepas peperiksaan. Ini bermakna kejayaan dalam peperiksaan tidak memberi gambaran sebenar tentang kejayaan penguasaan sesuatu kurikulum (Azman, 1987; Ruslina, 2002). Proses pembelajaran di sekolah kini terlalu menekankan aspek menghafal fakta sedangkan fakta seharusnya digunakan untuk berfikir (Jamil, 2002). Maka pelajar yang berkualiti rendahlah yang akan terhasil.

Berikutan itu, pihak kementerian amat prihatin terhadap dakwaan bahawa sistem pendidikan negara terlalu berpaksikan peperiksaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM), 2013-2025 (KPM, 2012). Justeru, Mesyuarat Jemaah Menteri bertarikh 17 Disember 2010 telah bersetuju supaya PBS dilaksanakan sebagai sebahagian daripada Program Transformasi Pendidikan. Program ini bertepatan dengan visi dan aspirasi yang





dinyatakan dalam laporan awal PPPM, 2013-2025 di mana pihak kementerian sangat menekankan konsep 'kualiti' yang perlu ada pada setiap murid. Oleh kerana itu, PBS merupakan satu pentaksiran yang bersifat holistik yang mampu menilai aspek kognitif (intelekt), afektif (emosi dan rohani) dan psikomotor (jasmani) selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM).

PBS telah pun dilaksanakan di Malaysia secara berperingkat bermula pada tahun 2003 dalam sebelas mata pelajaran yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Sebelas mata pelajaran ini termasuklah Ujian Lisan Berasaskan Sekolah (ULBS) dan Pentaksiran Lisan Berasaskan Sekolah (PLBS) dalam subjek Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris; Pentaksiran Kerja Amali (PEKA) dalam subjek Sains; kerja kursus untuk subjek Kajian Tempatan, Geografi, Kemahiran Hidup (Ekonomi Rumah Tangga, Kemahiran Teknikal, dan Perdagangan dan Keusahawanan), Sivik dan Kewarganegaraan, Pendidikan Moral, dan Sejarah (Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2012c). Kini PBS telah dijalankan secara menyeluruh bagi semua mata pelajaran di 5034 buah sekolah rendah dan 1800 buah menengah rendah (KPM, sehingga Ogos 2013).

PBS juga telah memberi pengiktirafan dan autonomi kepada guru untuk melaksanakan pentaksiran formatif (pentaksiran yang dijalankan semasa proses pembelajaran berlangsung) dan sumatif (pentaksiran yang dijalankan di akhir satu unit pembelajaran) yang berasaskan sekolah. PBS dilaksanakan di sekolah oleh guru dengan mengikut prosedur dan format yang telah ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia





(LPM). Guru perlu melakukan penilaian dan melaksanakan PBS dengan mentadbir, menaksir, menskor dan merekod pencapaian afektif pelajar di peringkat sekolah (Zambri, Mohamad Amin & Nik, 2010). Pelaksanaan PBS telah melibatkan guru seramai 212 115orang (KPM, sehingga Ogos 2013) di seluruh Malaysia Barat.

Program PBS ini merupakan transformasi dalam sistem penilaian pendidikan di Malaysia dan merupakan suatu sistem pentaksiran alternatif kerajaan dengan mengkaji semula sistem pentaksiran dan penilaian sedia ada dalam usaha menjadikan persekolahan tidak terlalu berorientasikan peperiksaan. Sistem penilaian tradisional yang diguna pakai pada masa kini adalah berasaskan penilaian sumatif di mana pelajar dinilai di akhir pembelajaran untuk menentukan gred pencapaian mereka seperti dalam Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) dan Penilaian Menengah Rendah (PMR).

Maka dengan itu, KPM telah memberi fokus kepada pemantapan sistem pentaksiran dan penilaian masa kini supaya lebih holistik dan autentik. Ini bermakna pentaksiran amat penting kerana ia boleh melihat prestasi pelajar secara menyeluruh yang menepati matlamat FPK dalam usaha membentuk dan membangunkan modal insan yang gemilang. Ini bertepatan dengan matlamat PBS iaitu;

- i) mendapatkan gambaran tentang prestasi seseorang pelajar dalam pembelajaran;
- ii) menilai aktiviti yang dijalankan semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung;





- iii) mendapatkan maklumat secara berterusan tentang pengajaran dan pembelajaran serta merancang dan memperbaiki pengajaran dan pembelajaran.

(Mohd Isha, 2011).

Nevo (1994) juga berpendapat bahawa, dalam pentaksiran pelajar akan dinilai berasaskan penglibatan yang aktif dalam menggunakan pengetahuan dengan cara yang kreatif untuk menyelesaikan sesuatu masalah yang autentik atau mempunyai realiti dalam kehidupan sebenar.

Sementara itu, Hishamuddin (Utusan Malaysia, 2006) menyatakan bahawa untuk memastikan sistem pentaksiran menjadi lebih berkesan, maka perlu ada standard atau piawai yang dijadikan kriteria dan rujukan kepada pihak-pihak yang terlibat dalam pentaksiran seperti LPM dan guru di sekolah yang akan melaksanakannya. Untuk itu, guru perlu dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan pentaksiran di sekolah dengan jayanya. Menurutnya lagi, PBS yang hendak dijalankan mestilah bersifat holistik di mana pentaksiran holistik membolehkan pelajar dinilai secara berpusatkan pelajar dan berasaskan inkuiri.

Jamil (2008) menyatakan bahawa dalam membuat sesuatu PBS, pelaksanaan yang dibuat perlu mengikut acuan yang telah dibina dalam sistem pendidikan kebangsaan. Selain itu PBS perlu mencakupi semua aspek penilaian yang dibuat agar selari dengan FPK yang bermatlamat untuk melahirkan insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi,





intelekt dan rohani (JERI). Menurutnya lagi, PBS yang hendak dilaksanakan perlu mengambil kira tenaga sumber manusia (guru) yang akan melaksanakan PBS, pelajar yang akan dinilai, kaedah penilaian yang hendak digunakan dan sebagainya. Ini adalah penting supaya PBS yang bakal di laksana benar-benar mencapai tahap atau standard yang ditetapkan oleh kerajaan tanpa menimbulkan sebarang masalah.

Rentetan dari itu, keberhasilan sesuatu pembaharuan dalam pendidikan bergantung kepada faktor guru yang menjalankan pentaksiran. Perubahan tidak akan berlaku jika guru tidak yakin tentang keperluan untuk berubah dan bersedia untuk berubah paradigma. Ini adalah kerana PBS adalah satu pentaksiran yang lebih bermakna, *authentic* (sahih) dan *robust* (kukuh). PBS yang *authentic* bermaksud penyelarasan skor kepada pentaksiran yang telah dijalankan oleh guru ke atas hasil kerja murid di sekolah harus dijalankan. Maklum balas yang didapati hasil daripada penyelarasan pentaksiran oleh guru di sekolah harus diberikan supaya guru dapat memperbaiki kelemahan pentaksiran yang dijalankan. Dengan itu, pentaksiran PBS yang *robust* dapat direalisasikan. Selain *authentic* dan *robust*, PBS juga harus menjadi holistik, bersepadu, *low stake*, dan mempunyai mekanisme penjaminan kualiti. Adalah diharapkan bentuk pentaksiran ini akan menghasilkan modal insan yang kritis, kreatif, inovatif, berdaya saing dan progresif seperti yang dihasratkan oleh negara (Lembaga Peperiksaan, 2012a).

Persoalannya sejauh mana pelaksanaan program PBS yang dirancang mencapai matlamat seperti yang diharapkan oleh KPM. Satu penilaian perlu untuk melihat keberkesanan program PBS yang dilaksanakan oleh guru. Kajian ini juga perlu untuk





mengungkap sama ada wujud masalah yang mempengaruhi guru dalam melaksanakan PBS di sekolah. Masalah-masalah tersebut perlu dikenal pasti supaya pihak tertentu mencari penyelesaian agar proses pengajaran dan pembelajaran khususnya PBS dapat berjalan dengan lancar.

1.3 Pernyataan Masalah

Dua dekad yang lepas, pentaksiran antarabangsa telah muncul sebagai satu kaedah perbandingan langsung tentang kualiti keberhasilan pendidikan yang merentas negara dan sistem (PPPM 2013-2015). Walaupun pentaksiran ini tidak memberikan gambaran menyeluruh tentang keberhasilan persekolahan, namun ia dapat menggambarkan kekuatan dan kelemahan bidang pentaksiran dalam pendidikan negara. Maka KPM berhasrat supaya Malaysia berada di peringkat teratas dalam sistem pentaksiran (PPPM 2013-2015). Perkara ini sedikit sebanyak memberi kebimbangan kepada guru dalam melaksanakan PBS. Pernyataan ini juga pernah dibincangkan dalam penemuan kajian yang dijalankan oleh Tunstall (2001) tentang kebimbangan guru-guru berkaitan PBS. Mereka agak sukar membuat pentaksiran di sebabkan kurang mahir dalam mentaksir. Hal ini menjelaskan bahawa pentaksiran ke atas murid merupakan sesuatu yang sukar terutama bagi guru yang baru bertugas di sesebuah sekolah.





Namun begitu, seperti umum ketahui bahawa PBS merupakan satu era baru dalam sistem pentaksiran yang menghapuskan peperiksaan berpusat seperti UPSR dan PMR. Maka, guru-guru telah diberi tanggung jawab membuat pentaksiran sepenuhnya kepada murid. Walaupun guru-guru telah mengikuti kursus tetapi mereka tetap merasa kurang yakin dalam menaksir murid. Kekurangan pengetahuan, kemahiran dan sumber material menambahkan lagi ketidakyakinan mereka dalam pentaksiran. Tambahan pula laporan PPPM 2013-2025 mendapati bahawa guru masih belum memahami dan menguasai sepenuhnya pelaksanaan PBS. Seseengah guru menghadapi kesukaran menyediakan tugas dan instrumen pentaksiran untuk komponen pentaksiran sekolah. Hal ini juga pernah diutarakan oleh Radin (2008) bahawa guru mengimpikan latihan profesional dalam pentaksiran bagi mendapatkan pengetahuan dan kemahiran pentaksiran agar mereka boleh melaksanakan PBS dengan jayanya. Guru-guru mahu dibekalkan dengan sumber material seperti Dokumen Standard Prestasi (DSP), Manual Pentaksiran, contoh instrumen, contoh pemarkahan dan sebagainya. Latihan dan bengkel ini sangat penting untuk memberi kemahiran dan keyakinan kepada guru untuk merangka bentuk dan pelaksanaan PBS.

Tambahan pula PBS berperanan menguji dan menilai prestasi murid dari semua segi secara keseluruhan. Pentaksiran ini merangkumi prestasi akademik, kokurikulum dan sahsiah sepanjang murid menjalani proses PdP. Guru yang bertanggungjawab dan berperanan menjalankan proses PBS ini perlu mengikuti semua langkah dan prosedur pentaksiran. Namun begitu, sikap ketidaksungguhan guru dalam menaksir akan menjejaskan seluruh sistem pentaksiran. Kualiti pentaksiran boleh dipertikaikan oleh semua pihak jika tiada sistem pemantauan. Sekiranya perkara ini berlaku, di bimbangi





berlaku ketidakadilan, ketelusan dan keseragaman dalam membuat pentaksiran terhadap murid, sedangkan amalan ini merupakan salah satu elemen yang penting dalam menentukan murid mendapat gred yang menepati apa yang diusahakan dan diperolehi sepanjang PdP. Perkara ini juga telah dibincangkan dalam kajian Tan (2010) di mana kurang pemantauan telah menjadikan guru tidak bersungguh dan leka dalam melakukan pentaksiran. Tambahan pula pemantauan hanya dilakukan selepas proses pentaksiran iaitu hanya pada kertas sahaja. Oleh itu guru perlu dipantau dengan menggunakan satu piawai atau standard pentaksiran yang sah dan sesuai digunakan terhadap murid semasa proses pentaksiran itu berlaku.



Sementara itu, sistem peperiksaan selama ini juga banyak memberi tekanan emosi kepada ibu bapa, guru malah kepada murid itu sendiri. Namun sistem peperiksaan sebenarnya telah menyekat kreativiti murid untuk menyampaikan dan menunjukkan prestasi serta kemampuan sebenar mereka dalam pembelajaran. Jamil (2005) menyatakan bahawa guru semakin hilang kreativiti dalam corak pengajarannya apabila mengajar untuk peperiksaan. Kualiti dalam pendidikan dilihat semakin merosot apabila guru dan ibu bapa lebih mementingkan keputusan peperiksaan dari apa yang dipelajari oleh murid dan anak mereka sendiri. Pihak sekolah pula mengadakan pelbagai aktiviti supaya sekolah mencapai kecemerlangan dengan menyediakan pelbagai kemudahan kepada guru dan murid. Sekolah menengah mendapat tumpuan JPN negeri masing-masing kerana di sekolah menengah terdapat dua jenis peperiksaan besar iaitu PT3 dan SPM. Keputusan peperiksaan ini akan memberi impak kepada prestasi kecemerlangan peperiksaan negeri masing-masing (Asraf, 2013). Maka PPD, JPN setiap negeri akan memastikan keputusan peperiksaan sentiasa





cemerlang dengan memberi tumpuan seperti pemantauan, kursus dan sebagainya (Lim, 2008).

Namun begitu bukan semua murid dapat menikmati kemudahan tersebut. Sekolah - sekolah di bandar dibekalkan dengan kemudahan bangunan dan peralatan yang baik dan lengkap, guru terlatih dan sumber mencukupi. Sebaliknya, peluang menikmati pendidikan bagi penduduk di luar bandar dan pedalaman amat terhad (PPPM 2013-2025). Malah sekolah luar bandar mengalami pelbagai kekurangan daripada segi infrastruktur dan peralatan seperti komputer, internet dan sebagainya. Ketidaksamarataan dan jurang pendidikan ini wujud disebabkan keutamaan pada masa itu tertumpu kepada usaha memastikan lebih ramai pelajar mendapat pendidikan berbanding dengan kualiti pendidikan yang disediakan (Jemaah Nazir, 2010). Muhammad et al. (2012) dalam kajiannya turut mendapati perkara yang sama di mana sekolah luar bandar tidak mendapat kemudahan yang secukupnya terutama kemudahan ICT.

Namun setelah hampir lima tahun pelaksanaan PBS di sekolah, guru-guru mula merungut akan bebanan kerja yang terpaksa ditanggung. Perkara ini telah menjadi bualan dan terpampang di dada-dada akhbar. Ramai guru bersetuju jika PBS dihapuskan. Pernyataan ini bertambah kuat apabila kajian secara 'online' yang dijalankan oleh KPM untuk melihat persetujuan guru dalam pelaksanaan PBS mendapati hampir 75% guru setuju ia dihapuskan. Ini juga terbukti lagi apabila wujud laman di 'facebook' yang ingin memansuhkan PBS. Ia disokong oleh lebih 70 ribu orang guru (<https://www.facebook.com/KamiMahuSPPBSDimansuhkan>). Tambahan pula pihak KPM



telah memberhentikan pelaksanaannya buat seketika pada bulan Februari 2013 bagi mengkaji semula semua rungutan guru tentang pelaksanaan PBS yang dikatakan agak terburu-buru. Bebanan kerja yang ditanggung oleh guru ada dibincangkan dalam kajian Tan (2010). Antara bebanan tugas guru adalah seperti tugas pengkeranian, proses memasukkan markah dan sistem fail menjadi kekangan guru dalam melaksanakan PBS.

Oleh sebab PBS telah dilaksanakan di seluruh negara semenjak 2010, maka satu bentuk penilaian yang menyeluruh perlu dilaksanakan bagi menilai prosedur pelaksanaan, proses pelaksanaan dan tahap pencapaian matlamatnya. Maklumat ini adalah penting sebagai maklum balas kepada semua pihak yang terlibat dalam PBS sama ada pihak sekolah, Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan KPM dalam merancang dan melaksanakan penambahbaikan bagi menambahkan keberkesanan PBS. Menurut Stufflebeam dan Shinkfield (2007), penilaian adalah satu disiplin yang amat penting bagi memastikan suatu program atau projek itu berjaya. Suatu program atau projek itu tidak boleh dikatakan berjaya setelah kekuatan dan kelemahannya dapat dikesan. Oleh itu langkah pembetulan dapat diambil dan proses penambahbaikan dapat dilaksanakan agar suatu program itu mencapai matlamat yang dihasratkan. Stufflebeam dan Shinkfield (2007) telah menegaskan bahawa:

Tujuan utama penilaian bukanlah untuk membuktikan tetapi untuk memperbaiki..., kita tidak boleh memastikan tujuan-tujuan kita itu berfaedah kecuali kita dapat memadankannya dengan keperluan orang ramai yang hendak kita berikan perkhidmatan.

(Stufflebeam & Shinkfield, 2007: p.151)



Oleh yang demikian, kajian ini dilaksanakan untuk menilai prosedur pelaksanaan PBS dari segi Penataran dan Penguasaan PBS, Kesediaan Sumber, Proses Pelaksanaan PBS yang dijalankan di sekolah yang melibatkan Perancangan dan Pelaksanaan serta menentukan sejauh manakah PBS mencapai matlamat bagi melihat tahap Penerimaan Guru dalam Pelaksanaan PBS. Selain itu kajian ini juga bertujuan untuk mengenal pasti pemboleh ubah yang menjadi penyumbang utama kepada pelaksanaan PBS dan Penerimaan Guru dalam melaksanakan PBS. Kajian ini menggunakan Model Penilaian CIPP yang dikemukakan oleh Stufflebeam et al. (2003). Fokus kajian ini ialah kepada empat komponen utama iaitu penilaian dari segi Penataran dan Penguasaan Maklumat PBS (konteks), penilaian dari segi Prosedur Pelaksanaan PBS (penilaian input), proses Perancangan dan Pelaksanaan PBS (penilaian proses) dan pencapaian matlamat PBS iaitu Penerimaan Guru (penilaian produk) dalam melaksanakan PBS.

1.4 Tujuan Kajian

- 1) Menentukan tahap Penataran dan Penguasaan Paklumat PBS guru yang meliputi Objektif PBS, Matlamat PBS dan Konsep PBS
- 2) Menentukan tahap input Kesediaan Guru yang meliputi Sumber Manusia, Sumber Bukan Manusia serta Pengetahuan dan Kemahiran.





- 3) Menentukan tahap Perancangan PBS yang meliputi Perancangan Guru, Perancangan Panitia dan Perancangan Sekolah.
- 4) Menentukan tahap Pelaksanaan PBS yang meliputi Pentaksiran Sekolah, Pembinaan Instrumen, Pementoran, Penyelarasan, Pemantauan dan Pengesanan.
- 5) Menentukan tahap Penerimaan Guru dalam Melaksanakan PBS yang meliputi Kepercayaan Guru tentang Kepentingan Melaksanakan PBS, Sikap Guru Terhadap Pelaksanaan PBS dan Komitmen Guru dalam Melaksanakan PBS

- 6) Menentukan tahap keangan guru dalam melaksanakan PBS.



- 7) Mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan dari segi proses yang merangkumi Perancangan dan Pelaksanaan PBS berdasarkan lokasi sekolah dan jenis sekolah.
- 8) Mengenal pasti pemboleh ubah-pemboleh ubah yang menyumbang kepada tahap Penerimaan Guru dalam Melaksanakan PBS.
- 9) Mengenal pasti pemboleh ubah-pemboleh ubah yang menyumbang kepada kelancaran Pelaksanaan PBS.





1.5 Persoalan Kajian

Penilaian program PBS ini akan cuba menjawab persoalan-persoalan kajian berikut;

1. Apakah tahap Penataran dan Penguasaan Maklumat guru berkaitan PBS yang meliputi Objektif PBS, Matlamat PBS dan Konsep PBS?
2. Apakah tahap Penyediaan Input dalam Pelaksanaan PBS di sekolah yang meliputi Sumber Manusia, Sumber Bukan Manusia dan Pengetahuan dan Kemahiran?
3. Apakah tahap Perancangan PBS yang dilakukan oleh guru, panitia dan sekolah?
4. Sejauh manakah PBS dilaksanakan di sekolah berdasarkan aspek Pentaksiran Sekolah, Pembinaan Instrumen, Pementoran, Penyelarasan, Pemantauan dan Pengesanan di sekolah?
5. Apakah tahap Penerimaan Guru dalam Melaksanakan PBS yang meliputi aspek Kepercayaan Guru Tentang Kepentingan Melaksanakan PBS, Sikap Guru Terhadap Pelaksanaan PBS dan Komitmen Guru dalam Melaksanakan PBS?
6. Apakah tahap kekangan guru dalam melaksanakan PBS?





7. Adakah terdapat perbezaan dari segi Perancangan dan Pelaksanaan PBS berdasarkan jenis sekolah dan lokasi sekolah?
8. Apakah pemboleh ubah-pemboleh ubah yang menyumbang kepada tahap Penerimaan Guru Melaksanakan PBS?
9. Apakah pemboleh ubah-pemboleh ubah yang menyumbang kepada kelancaran Pelaksanaan PBS?



1.6 Hipotesis Kajian

Bagi memperjelaskan lagi persoalan kajian 7, 8, dan 9 penyelidik membentuk hipotesis-hipotesis kajian seperti berikut:

Ho₁ Tidak terdapat perbezaan skor min Perancangan Guru, Perancangan Panitia, Perancangan Sekolah, Pentaksiran Sekolah, Pembinaan Instrumen, Pementoran, Penyelarasan, Pemantauan dan Pengesanan yang signifikan antara sekolah rendah dengan sekolah menengah.

Ho₂ Tidak terdapat perbezaan skor min Perancangan Guru, Perancangan Panitia, Perancangan Sekolah, Pentaksiran Sekolah, Pembinaan Instrumen, Pementoran,





Penyelarasan, Pemantauan dan Pengesanan yang signifikan antara sekolah bandar dan sekolah luar bandar.

Ho₃ Tidak terdapat kesan interaksi yang signifikan antara jenis sekolah dan lokasi sekolah terhadap Perancangan Guru, Perancangan Panitia, Perancangan Sekolah, Pentaksiran Sekolah, Pembinaan Instrumen, Pementoran, Penyelarasan, Pemantauan dan Pengesanan dalam Perancangan dan Pelaksanaan PBS .

Ho₄ Semua koefisien regrasi bagi pemboleh ubah bebas iaitu Objektif PBS, Matlamat PBS, Konsep PBS, Sumber Manusia, Sumber Bukan Manusia, Pengetahuan dan Kemahiran, Perancangan Guru, Perancangan Panitia, Perancangan Sekolah, Pentaksiran Sekolah, Pembinaan Instrumen, Pementoran, Penyelarasan, Pemantauan dan Pengesanan adalah sifar apabila disandarkan dengan Penerimaan Guru dalam Melaksanakan PBS.

Ho₅ Semua koefisien regrasi bagi pemboleh ubah bebas iaitu Objektif PBS, Matlamat PBS, Konsep PBS, Sumber Manusia, Sumber Bukan Manusia, Pengetahuan dan Kemahiran, Perancangan Guru, Perancangan Panitia, Perancangan Sekolah, Kepercayaan Kepentingan Pelaksanaan PBS, Sikap Guru Terhadap Pelaksanaan PBS dan Komitmen Guru dalam Melaksanakan PBS adalah sifar apabila disandarkan dengan Pelaksanaan PBS dalam kalangan guru.





1.7 Kerangka Konseptual Kajian

Model penilaian CIPP dipilih sebagai satu kerangka kajian dalam penyelidikan ini. Penggunaan model penilaian CIPP dalam kajian ini adalah selaras dengan definisi operasional penilaian yang diguna pakai dalam kajian ini berdasarkan Stufflebeam (2003) iaitu penilaian adalah satu proses menggambar, mengumpul dan menyediakan maklumat yang berguna untuk memilih keputusan alternatif bagi penambahbaikan. Penilaian dalam konteks kajian ini bukanlah tujuan untuk membuktikan sesuatu tentang pelaksanaan PBS tetapi adalah bertujuan untuk memperoleh maklumat atau gambaran yang menyeluruh tentang pelaksanaan PBS dalam kalangan guru. Maklumat-maklumat yang diperoleh bermanfaat kepada semua pihak yang terlibat dalam pelaksanaan PBS untuk dijadikan panduan dalam merancang langkah penambahbaikan dan tindakan bagi mengatasi masalah yang dihadapi dalam proses pelaksanaan tersebut.

Model penilaian CIPP ini dibina dengan harapan maklumat-maklumat yang diperoleh berguna kepada pembuat keputusan. Untuk itu, Stufflebeam dan Shinkfield (2007) telah memperkemaskan dan memperluaskan takrif penilaian. Mengikut mereka;

Penilaian adalah proses mengumpul, memperoleh dan membekalkan maklumat secara deskriptif tentang faedah sesuatu objek dari segi maklumat, reka bentuk, pelaksanaan dan impaknya agar dapat membimbing dalam membuat keputusan bagi memenuhi kehendak untuk akauntabiliti dan meningkatkan kefahaman ke atas fenomena yang berkaitan.

(Stufflebeam & Shinkfield 2007; p.159)






Takrifan ini merumuskan konsep asas model penilaian CIPP. Ianya mengutarakan tiga tujuan utama penilaian, iaitu memberi panduan kepada pembuat keputusan, menghasilkan rekod dan mewujudkan kefahaman tentang sesuatu fenomena yang terlibat dalam program. Penilaian juga dianggap sebagai satu proses berterusan yang melibatkan tiga langkah iaitu menggambar, memperoleh dan menyediakan maklumat yang berguna untuk memilih tindakan alternatif.

Penilaian konteks, input, proses dan produk dapat memberikan maklumat yang penting dan berguna dalam merancang strategi pelaksanaan atau plan tindakan dalam menstrukturkan semula pelaksanaan PBS supaya lebih mantap dalam mencapai matlamatnya. Penilaian konteks menilai sejauh mana penguasaan guru tentang maklumat berkaitan PBS. Penilaian input pula menilai sejauh mana penyediaan sumber yang ada disediakan untuk mencapai objektif sesuatu program. Manakala penilaian proses pula memberi penekanan dari segi kekuatan dan kelemahan perancangan serta pelaksanaan proses atau aktiviti yang dijalankan bagi mencapai matlamat program (Stufflebeam, 2003). Sementara penilaian produk tertumpu kepada sejauh mana hasil program tercapai seperti yang dirancang. Penyelidikan ini memberikan tumpuan kepada semua komponen dalam Model Penilaian CIPP iaitu penilaian konteks, penilaian input, penilaian proses dan penilaian produk supaya dapat memberi maklumat yang penting kepada pembuat dasar dalam merancang tindakan-tindakan alternatif bagi tujuan penambahbaikan program. Berdasarkan rasional di atas, maka kerangka konsep kajian ini dibentuk dalam Rajah 1.1





Rajah 1.1 Kerangka Konseptual Kajian



1.7.1 Penilaian Konteks (Penataran dan Penguasaan Maklumat PBS)

Penilaian konteks sering kali dirujuk sebagai penilaian keperluan dan membantu menilai masalah, aset dan peluang-peluang dalam masyarakat yang ditetapkan (Stufflebeam & Shinkfield, 2007). Menurut Stufflebeam dan Shinkfield (2007) matlamat penilaian konteks adalah untuk menentukan konteks yang relevan, mengenal pasti populasi sasaran dan menilai keperluannya di samping mengenal pasti peluang-peluang menangani keperluan dan mendiagnosis masalah yang mendasari keperluan. Tujuan utama penilaian konteks adalah untuk mengetahui kekuatan dan kelemahan yang dimiliki oleh penilai. Penilai boleh membuat pertimbangan untuk penambahbaikan daripada kekuatan dan kelemahan tersebut (Hamid Hasan, 2009). Suharsimi Arikunto dan Cepi Safrudin (2009) menjelaskan penilaian konteks adalah keupayaan untuk menggambarkan secara terperinci pengaruh keperluan dalam sesuatu program. Menurut Warr, Bird dan Rackham (1970) penilaian konteks (context) iaitu meninjau keadaan dan situasi organisasi, keperluan latihan dan objektif latihan yang dirancang dan dijalankan.

Penilaian konteks dalam kajian ini tertumpu pada penataran dan penguasaan guru-guru tentang maklumat asas berkaitan PBS. Menurut Stufflebeam dan Shinkfield (2007), penilaian konteks tertumpu kepada persekitaran di mana perubahan akan berlaku apabila matlamat dan objektif suatu program dikuasai dan difahami. Tujuan penilaian ini adalah untuk menentukan kesesuaian persekitaran dalam membantu pencapaian matlamat dan objektif program. Kekuatan dan kelemahan guru dalam menguasai maklumat asas tentang





PBS seperti yang diharapkan oleh KPM perlu di unguikan bagi menyediakan satu garis panduan untuk perubahan. Objektif pelaksanaan PBS, Matlamat dan Konsep PBS merupakan kriteria yang dipilih bagi aspek Penataran dan Penguasaan Maklumat PBS. Memandangkan guru perlu menguasai semua maklumat ini supaya lebih bersedia untuk melaksanakan pentaksiran. Penilaian Konteks meliputi Objektif PBS, Matlamat PBS dan Konsep PBS.

1.7.2 Penilaian Input (Kesediaan Guru)



Penilaian input tertumpu pada prosedur yang terlibat dalam penggunaan sumber yang digunakan untuk program pelaksanaan PBS yang merangkumi aspek kesediaan. Menurut Stufflebeam dan Shinkfield (2007), penilaian input tertumpu pada sumber yang terlibat bagi membantu pembuat keputusan dalam menentukan cara-cara untuk mencapai matlamat dan objektif program. Sumber yang terlibat dalam kajian ini termasuklah sumber manusia dan bukan manusia. Namun demikian, Tuckman (1985) menjelaskan bahawa penilaian input juga merujuk kepada bahan atau pengetahuan dan kemahiran guru yang terlibat dalam implementasi program. Menurut Shapard (2000) untuk guru yang melakukan sesuatu perubahan itu, guru tersebut perlu diberikan pengetahuan dan kemahiran:

...progressive educational required infinitely skilled teacher being able to ask the right questions at the right time, anticipate conceptual pitfalls, and have at the ready repertoire of task that will help student take the next step requires deep knowledge





of subject matter. Teacher will also need knowledge in learning to use assessment in new way.”

(Shapard, 2000, p.71)

Kajian Afifah (2013) tentang Kesiediaan Masyarakat Dalam Pembangunan Program Homestay juga meletakkan konstruk pengetahuan dan kemahiran di bawah aspek kesiediaan. Dengan menggabungkan dari definisi dan pendapat tokoh di atas maka penyelidik merumuskan kriteria di bawah penilaian input bagi aspek kesiediaan adalah Sumber Manusia, Sumber Bukan Manusia, Pengetahuan dan Kemahiran.



1.7.3 Penilaian Proses (Perancangan dan Pelaksanaan)

Penilaian proses tertumpu kepada perancangan dan pelaksanaan proses atau aktiviti-aktiviti yang terlibat dalam mencapai matlamat dan objektif projek. Penilaian proses yang terlibat dalam pelaksanaan PBS terbahagi kepada dua iaitu proses perancangan dan proses pelaksanaan. Stoner dan Wankel (1995) dalam buku mereka iaitu ‘Management’ mentakrifkan perancangan sebagai satu garis panduan yang dirangka oleh pihak-pihak dalam sesebuah organisasi bagi mencapai maksud asal penubuhannya. Pada masa yang sama, perancangan membantu pihak pengurusan organisasi menentukan arah tujuan organisasi, memutuskan isu-isu yang berkaitan dengan persoalan mengenai-apa, bila dan bagaimanakah pelan perancangan akan dilaksanakan dan siapa yang akan melakukannya.





Namara (1998) pula menambah dan menjelaskan bahawa perancangan program yang berkesan perlu disediakan selaras dengan misi dan matlamat organisasi, secara berpasukan, berstruktur, mengenal pasti kekunci kejayaan, menyemak semula dan menilai perancangan program. Pendapat Namara (1998) selaras dengan pandangan LPM (2013) yang mengatakan perancangan yang teliti di peringkat tertinggi dilaksanakan secara berkumpulan antara LPM, JPN dan pelaksana PBS yang telah dilantik. Oleh itu di dalam satu sekolah, kerja secara berpasukan juga amat penting dan kerja berpasukan tentulah di dalam sekolah tentulah terdiri daripada guru, panitia dan sekolah. Segala perancangan sama ada perancangan guru, panitia, dan sekolah perlu mantap sebelum melaksanakan sesuatu program di sekolah. Maka dalam kajian ini, penyelidik telah menentukan bahawa penilaian proses di bawah aspek perancangan meliputi perancangan guru, panitia dan sekolah.

Stoner dan Wankel (1995) telah melontarkan pandangan bahawa 'perancangan tanpa pelaksanaan adalah satu perbuatan yang sia-sia.' John West (2009) melihat pelaksanaan sebagai satu proses untuk memenuhi apa yang telah dirancang. Setelah perancangan dibuat, ia perlu dilaksanakan. Memandangkan pentaksiran dan pembinaan instrumen adalah satu perkara yang wajib bagi semua guru lakukan dalam pelaksanaan PBS (Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2012), maka penyelidik memilih dua perkara ini sebagai kriteria yang perlu diukur di bawah aspek proses pelaksanaan. Apa yang dilaksanakan juga perlulah mengikut apa yang telah dirancang dengan sempurna bagi menjamin kualiti suatu program (Jaafar, 2003).





Definisi kualiti bagi MS ISO 9000 merupakan satu program yang dilihat sebagai sifat atau ciri keseluruhan bagi satu produk atau perkhidmatan bergantung pada keupayaannya bagi memenuhi keperluan yang ditetapkan. Jaminan kualiti pula merujuk kepada tindakan bersistem yang terancang untuk memberi keyakinan yang muktamad bahawa satu produk atau perkhidmatan akan memenuhi keperluan atau kualiti. Kriteria yang perlu ada di bawah penjaminan kualiti adalah amalan yang konsisten bagi menentukan proses yang disampaikan pada tahap kualiti yang optimum (John West, 2009). Maka penjaminan kualiti yang telah ditetapkan oleh LPM adalah Pementoran, Penyelarasan Pemantauan dan Pengesanan. Maka penyelidik memilih sub konstruk bagi penilaian proses pelaksanaan adalah Pentaksiran PBS, Pembinaan Instrumen, dan Penjaminan Kualiti yang terdiri dari Pementoran, Penyelarasan, Pemantauan dan Pengesanan.

1.7.4 Penilaian Produk (Penerimaan Guru Dalam Melaksanakan PBS)

Penilaian produk pula adalah tertumpu kepada pencapaian matlamat projek pelaksanaan PBS dengan guru sebagai pelaksanaannya. Hall dan Hord (2001) menyatakan adalah wajar untuk mengenali guru itu sendiri terhadap penerimaan mereka sebagai pelaksana perubahan kerana kejayaan sesuatu perubahan bermula dan berakhir pada tahap individu yang menjadi pelaksanaannya. Menurut Shapard (2000), untuk mengubah paradigma sesuatu sistem dalam pendidikan, guru sebagai pelaksana dan sebagai agen perubahan perlu diberi





perhatian sewajarnya. Memandangkan pentaksiran di sekolah dijalankan sepenuhnya oleh guru maka sepanjang proses PdP, gurulah yang akan memainkan peranan penting dalam proses pentaksiran (Law, 2003). Namun begitu sikap gurulah yang akan menentukan kejayaan di sekolah. Pelaksanaan perubahan kurikulum telah menunjukkan guru sebagai pelaksana akan mengubah inovasi sehingga terdapat banyak perbezaan antara perkara yang diamalkan di dalam bilik darjah dengan perkara yang dikehendaki oleh kurikulum (Tan, 2010).

Dalam konteks kajian ini, kepercayaan dirujuk kepada kepercayaan guru tentang kepentingan PBS; sikap dirujuk kepada sikap sejauh mana persetujuan guru terhadap pelaksanaan PBS. Walau pun dalam konteks Malaysia guru wajib melaksanakan PBS, tetapi kajian ini ingin meninjau sama ada guru melaksanakannya dengan sepenuh kemahuan atau sebaliknya; komitmen guru pula merujuk kepada suatu sikap kebulatan tekad yang dimiliki oleh guru di dalam mencapai sebuah tujuan, tanpa dipengaruhi oleh apa pun juga keadaan, hingga tujuan tersebut tercapai. Kepercayaan, sikap dan komitmen guru (tingkah laku) akan menjadi antara faktor yang dikaji untuk mengetahui sejauh mana faktor-faktor tersebut mempengaruhi tahap penerimaan guru dalam melaksanakan PBS. Maka penilaian produk Penerimaan Guru dalam Melaksanakan PBS ini meliputi Kepercayaan Guru tentang Kepentingan Melaksanakan PBS, Sikap Guru terhadap Pelaksanaan PBS dan Komitmen Guru dalam Melaksanakan PBS.





1.8 Kepentingan Kajian

Mutu dan keberkesanan sesuatu inovasi atau program bergantung kepada kepakaran dalam kalangan pembina atau penggubal program serta sambutan yang diberikan oleh para penggunanya (Abu Bakar, 1995). Sesuatu program itu tidak boleh dikatakan berjaya kecuali setelah kekuatan dan kelemahannya dapat dikesan. Oleh itu adalah penting bagi sesuatu program itu dinilai supaya gambaran menyeluruh tentang pelaksanaan program tersebut dapat diperoleh serta dapat dikenal pasti sama ada terdapat penambahbaikan yang perlu dibuat. Dengan itu, langkah pembetulan dapat diambil dan proses penambahbaikan dapat dilaksanakan agar sesuatu program itu mencapai matlamatnya seperti yang



diharapkan.

PBS merupakan satu bentuk penilaian sepanjang tahun terhadap seseorang pelajar. Konsep dan bentuk penilaian ini adalah penting dan mesti selaras dengan matlamat utama PBS dilaksanakan. Pentaksir yang menjalankan pentaksiran perlu mempunyai kesediaan supaya boleh menerima transformasi dalam pendidikan dan secara tidak langsung ia akan menghasilkan amalan-amalan yang positif sepanjang pentaksiran dijalankan. Oleh itu hasil kajian ini diharapkan dapat membantu guru-guru dalam melaksanakan PBS di sekolah. Maklumat yang di peroleh dapat membantu guru-guru membuat perancangan dalam melaksanakan tugas dan tanggung jawab dengan teliti dan berkesan. Sekiranya perlu, guru harus berusaha meningkatkan pengetahuan dan kemahiran tentang PBS melalui kursus, bengkel atau melalui rakat sejawat. Pengetahuan dan kemahiran ini penting bagi guru-guru





menerima perubahan dalam pendidikan ini. Penjaminan kualiti yang terdiri daripada pementoran, penyelarasan, pemantauan, dan pengesanan juga menentukan sejauh mana matlamat PBS tercapai.

Kualiti dan keberkesanan program bergantung kepada kepakaran penggubal kurikulum dan respon positif yang diberikan oleh penggunanya. Oleh itu kajian ini bertujuan untuk menilai prosedur dan proses pelaksanaan PBS yang dijalankan di sekolah-sekolah seluruh Malaysia serta menentukan sejauh manakah program tersebut mencapai matlamat bagi melihat tahap penerimaan guru dalam melaksanakan PBS. Kajian ini juga mengenal pasti kekangan-kekangan dalam pelaksanaan PBS serta mengenal pasti pemboleh ubah yang signifikan yang menyumbang kepada tahap penerimaan guru dalam melaksanakan PBS. Maklum balas dapatan kajian ini diharap dapat memberi maklumat yang berguna kepada pihak sekolah, PPD, JPN dan KPM dari segi status pelaksanaan PBS di sekolah.

Kajian ini diharapkan akan dapat mengenal pasti kekuatan dan kelemahan PBS. Seterusnya penambahbaikan boleh dilakukan dari semua aspek khasnya dari segi pelaksanaannya. LPM sebagai pelaksana dasar pentaksiran kebangsaan sudah pasti memerlukan data dan maklumat yang tepat ke arah penambahbaikan PBS. Memandangkan kajian ini penting, maka LPM disarankan menggunakan dapatan ini untuk meningkatkan keberkesanan pelaksanaan PBS di sekolah pada masa hadapan.





1.9 Batasan Kajian

Kajian ini adalah terhad kepada batasan kajian seperti berikut;

Kumpulan sasaran kajian ini adalah guru sekolah rendah dan menengah rendah yang melaksanakan PBS di seluruh Semenanjung Malaysia berdasarkan zon yang ditetapkan. Oleh itu kajian ini boleh di generalisasikan untuk kajian Semenanjung Malaysia.

Pemilihan lokasi sekolah iaitu sekolah bandar dan luar bandar adalah berdasarkan pemilihan secara rawak mudah. Spesifikasi sekolah bandar dan sekolah luar bandar yang dipilih adalah berdasarkan ketetapan oleh pihak JPN.

Kajian ini menggunakan dua senarai semak iaitu senarai semak analisis dokumen dan senarai semak pemerhatian bagi menguji proses pelaksanaan PBS yang terdiri dari perancangan dan pelaksanaan. Senarai semak analisis dokumen hanya menganalisis proses perancangan guru-guru bagi melihat proses perancangan guru-guru sebelum proses PdP dijalankan. Manakala senarai semak pemerhatian pula hanya menganalisis pelaksanaan PBS dalam kalangan guru bagi melihat sejauh mana guru-guru melaksanakan PBS di bilik darjah.





Hanya empat orang guru yang melalui sesi ditemu bual, analisis dokumen dan menjalani proses pemerhatian terhadap PdP. Empat orang guru yang berlainan negeri menjalani proses yang sama di lokasi dan masa yang berbeza.

Oleh kerana kajian ini menggunakan soal selidik dan temu bual dalam pengumpulan data, maka data kajian ini bergantung kepada kejujuran responden memberi respon terhadap pernyataan-pernyataan yang dikemukakan. Masalah yang dikaji terbatas kepada item yang dikemukakan dalam soal selidik dan soalan-soalan temu ramah yang diberi kepada guru-guru yang melaksanakan PBS sahaja.



1.10 Definisi Operasional

Beberapa istilah dan didefinisikan bagi menjelaskan kajian yang dijalankan. Definisi istilah-istilah ini dihuraikan bersesuaian dengan tujuan serta skop kajian yang dijalankan. Huraian maksud istilah-istilah turut dirujuk daripada penyelidikan terdahulu yang telah dijalankan. Keterangan tentang beberapa istilah yang digunakan dalam kajian ini dihuraikan dalam sub topik di bawah.





1.10.1 Penilaian

Secara umum penilaian bertujuan untuk memperoleh maklumat atau gambaran umum tentang pelaksanaan sesuatu program atau projek. Dalam konteks kajian ini, definisi penilaian yang digunakan adalah definisi yang dikemukakan oleh Stufflebeam (2003) iaitu penilaian ialah satu proses menggambar, mengumpul dan menyediakan maklumat yang berguna untuk memilih keputusan alternatif, manakala tujuan penilaian bukanlah untuk membuktikan sesuatu tetapi adalah untuk penambahbaikan.

1.10.2 Pentaksiran



Pentaksiran dikenali sebagai penilaian alternatif (Gredler, 1996). Pentaksiran adalah suatu bentuk pengujian yang memerlukan pelajar menguasai suatu kemahiran dan mendemonstrasikan keupayaan dalam melaksanakan sesuatu tugas. Pencapaian pelajar dinilai dari kebolehannya melaksanakan tugas yang diberikan. Dalam kajian ini, PBS melibatkan kepada kepelbagaian kaedah yang digunakan oleh guru untuk memperoleh maklumat berkenaan pembelajaran murid dalam mata pelajaran. Pentaksiran Sekolah di dalam kajian ini adalah termasuklah status guru dalam melaksanakan PBS, perkara yang dilakukan sepanjang aktiviti pentaksiran, amalan guru dalam pentaksiran, perkara yang dilakukan oleh guru bagi murid yang belum menguasai pembelajaran, perkara yang dilakukan semasa pentaksiran, perkara yang dilakukan dalam proses pentaksiran, cara guru menguruskan eviden murid, cara guru membuat penskoran, kriteria semasa pentaksiran murid, kriteria pentaksiran guru dan kriteria pelaporan yang dibuat oleh guru.





1.10.3 Pelaksanaan PBS dalam Kalangan Guru

Pelaksanaan PBS dalam kalangan guru ialah guru menaksir perkara yang hendak ditaksir dalam PBS mengikut prosedur yang telah ditetapkan seperti dalam Buku Panduan Pengurusan PBS oleh LPM.

1.10.4 Penilaian Konteks

Menurut Stufflebeam dan Shinkfield (2007) matlamat penilaian konteks adalah untuk menentukan konteks yang relevan, mengenal pasti populasi sasaran dan menilai keperluannya di samping mengenal pasti peluang-peluang menangani keperluan dan mendiagnosis masalah yang mendasari keperluan. Penilaian konteks dalam kajian ini adalah untuk menilai kekuatan dan kelemahan guru dalam menguasai maklumat asas tentang PBS seperti yang diharapkan oleh KPM. Objektif PBS, Matlamat PBS dan Konsep PBS merupakan kriteria yang dipilih bagi aspek Penataran dan Penguasaan Maklumat PBS (Penilaian Konteks).

a. Objektif PBS

Objektif program merupakan sesuatu yang khusus yang ingin dicapai dalam jangka masa pendek (Amin Senin, 2008). Objektif PBS dalam kajian ini mencangkup pengetahuan guru dan maklumat yang diperolehi berkaitan objektif PBS seperti yang telah ditetapkan oleh KPM.





b. Matlamat PBS

Matlamat merupakan satu komitmen pihak tertentu untuk mencapai sesuatu keputusan atau hasil yang boleh dicapai dalam jangka masa tertentu (Azman & Ahmad, 2003). Matlamat PBS dalam kajian ini mencangkup pengetahuan guru dan maklumat yang di perolehi berkaitan matlamat PBS seperti yang ditetapkan oleh KPM.

c. Konsep PBS

Konsep PBS dalam kajian ini mencangkup pengetahuan guru dan maklumat yang di perolehi berkaitan konsep PBS. Maka dengan itu, guru-guru perlu memastikan PBS yang dilaksanakan adalah berdasarkan konsep yang betul.



1.10.5 Penilaian Input

Penilaian input mencangkup penilaian terhadap prosedur yang terlibat dalam pelaksanaan PBS dan melihat sejauh mana kesediaan sama ada sekolah mahu pun guru itu sendiri. Kesediaan ini dalam kontek kajian ini adalah penyediaan sumber yang digunakan untuk pelaksanaan PBS iaitu sumber manusia, sumber bukan manusia serta pengetahuan dan kemahiran guru.





a. Sumber manusia

Sumber manusia merujuk kepada segala sumber yang terdapat pada individu yang boleh digunakan (David, 1997). Dalam kajian ini, sumber manusia merujuk kepada bagaimana penyediaan yang dilakukan di sekolah dalam pelaksanaan PBS seperti kelayakan guru mentaksir pelajar, jangka masa guru mengikuti kursus, konten kursus tersebut kekerapan Mesyuarat PBS dan konten mesyuarat tersebut. Sumber manusia di dalam kajian ini juga adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi oleh guru-guru sepanjang melaksanakan PBS.

b. Sumber Bukan Manusia



Sumber bukan manusia merupakan harta benda atau kemudahan yang terdapat di persekitaran (David, 1997). Dalam kajian ini, sumber bukan manusia merujuk kepada kecukupan alat atau bahan yang membantu guru dalam melaksanakan PBS. Ini termasuklah prasarana sekolah, bahan-bahan untuk guru, capaian internet dan kemudahan komputer di sekolah.

c. Pengetahuan dan Kemahiran

Menurut Chan, Gurnam dan Md Rizal (2009), pengetahuan dalam PBS ialah kesedaran atau kefahaman tentang beberapa komponen penting dalam PBS. Dalam kajian ini pengetahuan merujuk kepada pengetahuan guru terhadap perkara-perkara yang berkaitan pelaksanaan PBS, sama ada yang diperolehi melalui pengalaman atau pendedahan daripada





kursus, bengkel, dan rakan sejawat. Kemahiran pula merujuk kepada kebolehan lisan atau fizikal yang ada pada seseorang (Bennet & Rockwell, 1995). Dalam kajian ini kemahiran merujuk kepada kemahiran guru dalam bidang pentaksiran dan membina instrumen yang diperoleh semasa atau selepas mereka mengikuti kursus, bengkel oleh JPN/PPD, kursus dalaman atau LADAP yang dibuat di sekolah.

1.10.6 Penilaian Proses

Penilaian proses tertumpu kepada perancangan dan pelaksanaan proses atau aktiviti-aktiviti yang terlibat dalam mencapai matlamat dan objektif projek. Dalam kajian ini, penyelidik telah menentukan bahawa penilaian proses di bawah aspek perancangan meliputi Perancangan Guru, Perancangan Panitia dan Perancangan Sekolah. Manakala proses pelaksanaan dalam kajian ini meliputi Pentaksiran Sekolah, Pembinaan Instrumen dan Penjaminan Kualiti yang terdiri daripada Pementoran, Pengesanan, Pemantauan dan Penyelarasan.

a. Perancangan guru

Perancangan guru dalam kajian ini merujuk kepada apa yang dirangka dan disediakan oleh guru sebelum proses PdP dijalankan. Kontek perancangan guru dalam kajian ini juga adalah merujuk perkara yang dilakukan oleh guru sebelum pentaksiran dibuat ke atas pelajar dan langkah-langkah awal yang guru lakukan sebelum membina atau menyediakan instrumen.





b. Perancangan Panitia

Perancangan panitia dalam kajian ini merujuk kepada kesediaan panitia dari segi perancangan pelaksanaan, penyelarasan, bahan yang dibekalkan kepada guru, dan pemantauan tanggung jawab JUS dalam panitia.

c. Perancangan Sekolah

Perancangan sekolah dalam kajian ini merujuk kepada bagaimana pihak sekolah memastikan pelaksanaan PBS berjalan dengan baik iaitu dari segi perancangan pelaksanaan PBS, kelancaran pelaksanaan PBS, dan kesampaian maklumat kepada guru.



d. Pentaksiran Sekolah

PBS merupakan satu bentuk pentaksiran yang dilaksanakan di sekolah. Ianya dirancang, ditadbir, di skor dan dilaporkan secara terancang mengikut prosedur yang ditetapkan oleh LPM. Dalam kajian ini, PBS adalah satu bentuk penilaian yang dilakukan kepada guru-guru sekolah rendah dan guru menengah rendah yang melaksanakan pentaksiran ke atas murid mereka.

e. Pembinaan Instrumen

Dalam kajian ini pembinaan instrumen adalah merujuk kepada pengetahuan dan kemahiran guru dalam pembinaan instrumen, cara guru menyediakan dan membina instrumen serta bentuk instrumen yang kerap digunakan oleh guru dalam bilik darjah.





f. Penjaminan Kualiti

Menurut LPM, penjaminan kualiti merupakan satu piawaian untuk menentukan kualiti pelaksanaan PBS mengikut garis panduan yang ditetapkan. Penjaminan Kualiti terdiri dari empat komponen iaitu pementoran, penyelarasan, pemantauan dan penyelarasan.

Pementoran dalam kajian ini mencakupi mentor guru di sekolah, perkara yang dibincangkan dengan mentor, fungsi mentor dan fungsi pementoran di sekolah. Manakala

Penyelarasan dalam kajian ini mencakupi status keterlibatan guru dalam aktiviti penyelarasan, perkara yang dibincangkan dalam mesyuarat penyelarasan, masa penyelarasan di buat, tujuan penyelarasan dan pihak yang bertanggung jawab membuat penyelarasan di sekolah. **Pemantauan** pula dalam kajian ini termasuklah dari segi status

pemantauan guru, pihak yang membuat pemantauan, kriteria pemantauan, dan tujuan pemantauan dan **Pengesanan** dalam kajian ini pula termasuklah status guru dalam aktiviti pengesanan, pihak yang terlibat dalam pengesanan, cara guru pastikan kesahan dan kebolehpercayaan skor dan kriteria pengesanan instrumen.

1.10.7 Penilaian Produk

Penilaian produk tertumpu kepada pencapaian matlamat projek pelaksanaan PBS dengan guru sebagai pelaksananya. Penilaian produk Penerimaan Guru dalam Melaksanakan PBS ini meliputi Kepercayaan Guru tentang Kepentingan Melaksanakan PBS, Sikap Guru terhadap Pelaksanaan PBS dan Komitmen Guru dalam Melaksanakan PBS.





a. Kepercayaan Guru Tentang Kepentingan Melaksanakan PBS

Menurut White et al. (2005) kepercayaan merupakan pengetahuan yang merujuk kepada pendapat seseorang tentang sesuatu. Dalam kajian ini kepercayaan guru tentang kepentingan melaksanakan PBS merujuk kepada kelebihan pelaksanaan PBS, pendapat guru dalam pelaksanaan PBS, tugas pentaksiran yang dihasilkan oleh guru, keyakinan guru tentang pentaksiran yang dilakukan, kepercayaan guru sepanjang pelaksanaan PBS, dan amalan guru dalam pengajaran dan pentaksiran.

b. Sikap Guru Terhadap Pelaksanaan PBS

Sarwono, (2009) menjelaskan bahawa sikap merupakan reaksi evaluatif yang disukai atau tidak disukai terhadap sesuatu atau seseorang, menunjukkan kepercayaan, perasaan, atau kecenderungan perilaku seseorang. Dalam kajian ini, sikap guru terhadap pelaksanaan PBS merujuk kepada sejauh mana persetujuan guru terhadap pelaksanaan PBS. Sikap guru terhadap pelaksanaan PBS juga merujuk kepada cara guru menyelesaikan masalah dalam melaksanakan PBS, dan sikap guru semasa melaksanakan PBS.

d. Komitmen Guru dalam Melaksanakan PBS

Komitmen guru dalam melaksanakan PBS merupakan sikap kesediaan diri untuk memegang teguh visi, misi serta kemahuan untuk mengerahkan seluruh usaha dalam melaksanakan tugas. Dalam kajian ini, komitmen guru dalam melaksanakan tugas merujuk





kepada pentingnya pelaksanaan PBS kepada guru, pentingnya pelaksanaan PBS kepada murid dan kebolehlaksanaan PBS di Malaysia.

1.11 Rumusan

Bab ini telah membincangkan tentang perkara utama dalam kajian ini iaitu menilai program PBS dari aspek konteks, input, proses perancangan dan pelaksanaan serta pencapaian matlamatnya. Maklumat dalam kajian ini adalah penting sebagai maklum balas kepada pihak pembuat dasar dan semua pihak yang terlibat dalam program ini bagi menyedia, merancang dan melaksanakan tindakan penambahbaikan bagi meningkatkan keberkesanan pelaksanaan program PBS.





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 2

TINJAUAN LITERATUR



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

2.1 Pengenalan

Bab ini menghuraikan mengenai literatur berkaitan aspek kajian. Antaranya ialah definisi dan konsep penilaian serta model penilaian program. Penyelidik menghuraikan justifikasi pemilihan Model CIPPP dalam kajian ini. Selain itu penyelidik juga menjelaskan pembinaan soal selidik yang digunakan dalam kajian ini iaitu soal selidik dua lapis. Memandangkan kajian ini berkait dengan pelaksanaan PBS, maka penyelidik menyentuh



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



secara ringkas perkara penting berkaitan PBS, pelaksanaan PBS di Malaysia dan isu-isu berkaitan PBS. Untuk melengkapkan lagi bab ini, penyelidik menyentuh mengenai kajian-kajian lepas berkaitan PBS di setiap sub konstruk. Kajian-kajian lepas dalam memilih reka bentuk kajian, persampelan dan pemilihan instrumen juga dibincangkan.

2.2 Penilaian

2.2.1 Definisi Penilaian



Definisi penilaian secara umum mengikut The Joint Committee (1994) dalam Stufflebeam dan Shinkfield (2007) ialah penilaian merupakan satu kaedah pentaksiran secara sistematik untuk menentukan nilai atau merit sesuatu objek. Objek dari penilaian ialah sesuatu yang dinilai oleh penilai; satu program; projek atau bahan. Stufflebeam juga menegaskan penilaian adalah satu proses menggambar (delineating), memperoleh dan menyediakan maklumat untuk membuat keputusan dalam membuat pemilihan.

Namun begitu, penilaian menurut Tyler (1949) pula adalah satu aktiviti untuk menentukan sejauh mana sesuatu program mencapai matlamatnya. Cronbach (1963), Alkin (1969) dan Stufflebeam dan Shinkfield (2007) juga mendefinisikan penilaian sebagai satu proses pengumpulan dan penggunaan maklumat untuk membuat keputusan bagi





meningkatkan mutu pendidikan dan sebagai aktiviti yang mencakupi kedua-dua aspek penghuraian dan pertimbangan.

Sementara itu, Wothan dan Sander (1973) telah mengenal pasti beberapa perkara penting daripada takrifan yang dikemukakan oleh Stufflebeam. Pertama penilaian dilakukan untuk membekalkan maklumat penting kepada pembuat keputusan. Kedua penilaian merupakan proses berkisar dan berterusan yang mana harus digunakan dengan cara yang sistematik. Ketiga proses penilaian mempunyai tiga perkara iaitu menggambarkan (delineating), memperoleh (obtaining) dan membekalkan (providing).

Secara kesimpulannya, penilaian merupakan proses memperoleh maklumat atau gambaran tentang pelaksanaan sesuatu program. Maklumat-maklumat yang diperoleh bermanfaat kepada pembuat dasar atau pembuat keputusan untuk dijadikan sebagai panduan dalam merancang strategi bagi mengatasi masalah yang dihadapi dalam pelaksanaan program dan penambahbaikan pelaksanaan program.

2.2.2 Konsep Penilaian Program

William (2001) menyatakan program adalah satu perancangan yang teliti, komprehensif dan operasi berterusan untuk memperbaiki elemen-elemen yang terdapat di dalam satu kurikulum. Ia juga dinyatakan sebagai susunan kegiatan yang dilakukan untuk mencapai





suatu tujuan tertentu (Stern, Dietz, & Guagnano, 1995). Maka dengan itu penilaian program harus dilihat pada tujuan program, struktur dan proses, terutamanya jika penilaian dilakukan untuk menambah baik sesuatu program.

Stufflebeam dan Shinkfield (2007), telah menggariskan tiga konsep penilaian program yang dapat diterima sepanjang tempoh 60 tahun yang lalu di mana setiap satunya mempunyai kebaikan dan kelemahan yang tersendiri. Konsep pertama, berkembang sekitar tahun 1920-an dan 1930-an yang menyamakan penilaian sebagai satu pengukuran. Penilaian sesuatu program merupakan ujian dalam peperiksaan yang dibuat sebagai alat bagi mengukur kejayaan sesuatu program. Konsep kedua, menyatakan bahawa proses penilaian adalah untuk mengenal pasti matlamat dan objektif sesuatu program itu supaya selaras dan sehaluan dengan kejayaan program tersebut. Konsep ketiga pula, menyatakan penilaian sebagai satu pengukuran yang profesional dan mempersoalkan reliabiliti dan objektiviti sesuatu penilaian.

Kennedy (1982) pula mengemukakan konsep penilaian program sebagai satu proses berkisar dan berterusan yang mesti dijalankan secara sistematik. Conrad et al. (2002) juga menyatakan penilaian program sebagai satu aktiviti untuk mengukur keberkesanan program yang sedia ada atau program yang baru. Manakala Craven (1980) pula menyatakan penilaian program merupakan satu proses mengumpul, menganalisis dan mentafsir maklumat tentang aspek-aspek tertentu sesuatu program. Hasil daripada maklumat tersebut dapatlah dipastikan sama ada sesuatu program itu hendak diteruskan, diubahsuai atau diberhentikan. Sementara itu, Wang, Walberg dan Haertel (1990)





menyatakan, penilaian program dalam pendidikan merujuk kepada pemeriksaan yang berhati-hati dan bersungguh-sungguh terhadap sebarang perkembangan atau sistem sebagai usaha untuk penambahbaikan atau meningkatkan pengalaman pendidikan pelajar seperti kurikulum, program, polisi dan sebagainya.

Sementara itu, Ibrahim (2001) pula menyatakan penilaian program itu bertujuan memperbaiki reka bentuk sesuatu program, mengetahui tahap pencapaian objektif sesuatu program, memperbaiki cara program dilaksanakan, mempertingkatkan penggunaan ilmu dan kemahiran yang ada, sebagai tindakan susulan bagi mengetahui masalah yang dihadapi semasa melaksanakan program pembangunan sumber manusia. Manakala Azahari (2005) menyatakan penilaian program menunjukkan beberapa tujuan iaitu untuk mengenal pasti kelemahan sesuatu program, melalui tahap pengetahuan serta dapat memberikan penambahbaikan sesuatu program bagi melaksanakan sesuatu program. Bagi Namara (1998), aspek utama dan terpenting dalam penilaian program bukanlah jenis penilaian yang digunakan, tetapi apakah maklumat yang diperlukan untuk membuat keputusan terhadap program dan bagaimana maklumat tersebut dapat dikumpul secara tepat serta bagaimana untuk memahami dan memperjelaskan maklumat tersebut.

Sebagai kesimpulannya, konsep penilaian program yang diberikan oleh pakar-pakar penilaian didapati mempunyai banyak persamaan. Menurut Gredler (1996), terdapat beberapa persamaan yang nyata berkaitan konsep penilaian program di mana kebanyakan program penilaian adalah untuk membuat penambahbaikan kepada sesuatu program itu. Secara umumnya, konsep penilaian program adalah merupakan disiplin inkuiri yang





menyumbang kepada pembinaan pengetahuan dan menilai keberkesanan sesuatu program supaya ia boleh dibuat penambahbaikan.

2.3 Soal Selidik Rubrik Dua Lapis

Pada masa kini, satu trend penyelidikan menggunakan sama ada skala pengukuran lima (5) markat, empat (4) markat, enam (6) markat, sembilan (9) markat atau sepuluh (10) markat dengan interpretasi yang agak berbeza. Akan tetapi pada amnya mata skala skor berkisar kepada interpretasi sangat tidak setuju pada satu hujung ke angkuh sangat-sangat setuju pada hujung yang bertentangan. Namun begitu, penyelidik melakukan transformasi ke atas pembinaan instrumen kajian dengan menggunakan skala rubrik dua lapis. Pendekatan ini memberi input yang lebih terperinci di mana bukan sekadar status skala skor tetapi penyelidik mampu menerangkan tahap mengikut tahap skor rubrik (Mohd Sahandri Gani et al., 2015).

Rubrik merupakan alat untuk menilai produk, projek dan prestasi (Stergar, 2005). Tujuan utama pembinaan rubrik adalah untuk mengukur penguasaan serta kemahiran berfikir seseorang. Komponen utama rubrik kebiasaannya terdiri daripada skala kadar, kriteria yang mencerminkan standard, indikator bagi setiap prestasi, sistem penskoran dan skala penggredan (Stergar, 2005). Skala berbentuk holistik dan analitik merupakan dua jenis skala yang biasa digunakan dalam rubrik (Mohd Faizal Nizam et al., 2015). Rubrik





analitik digunakan dalam dimensi berbeza-beza atau ciri-ciri yang dinilai adalah secara berasingan. Manakala rubrik holistik adalah memberi deskripsi tahap keseluruhan persepsi (Eftah & Abdul Aziz, 2012). Rubrik yang digunakan dalam soal selidik ini adalah rubrik jenis holistik kerana lebih cekap dan sesuai untuk mendapatkan keseluruhan persepsi (Eftah & Abdul Aziz, 2012).

Kekuatan penggunaan instrumen ini bagi setiap item atau pernyataan bukan hanya diketengahkan status skor min akan tetapi dapat memperincikan lagi pada tahap lemah, sederhana atau baik dengan huraian deskriptif yang lebih jelas. Dapatan ini juga mudah dibaca pada laporan, dan senang dicari penyelesaian dan mencatat saranan dengan lebih tepat dan bermakna (Mohd Sahandri Gani et al., 2013a). Selain itu, kajian sebelum ini mendapati apabila analisis terperinci dilakukan ke atas respon item, didapati majoriti responden meletakkan skala 4, 5 dan menjadi dominan berbanding dengan skala 1, 2 dan 3. Permasalahan ini wujud disebabkan oleh pernyataan pada item hanya menjurus kepada persepsi andaian tanpa mempunyai bukti kukuh seperti rubrik. Di samping itu, fakta nombor hanya dirumuskan dalam bentuk angka yang tidak dapat dijelaskan sebagaimana kekuatan yang ditunjukkan item rubrik pada setiap pemboleh ubah (Mohd Sahandri Gani et al., 2015). Analisis daripada kajian lepas antara data yang mencerminkan dua hujung tidak jelas. Sehubungan itu, laporan yang dihasilkan amat membanggakan tetapi realitinya dari segi amalan tidak berlaku seperti yang dijangka (Samsudin, 2012 dalam Mohd Sahandri Gani, 2012a) di mana keseluruhan tesis ini telah dirombak semula dari segi penggunaan instrumen pelaksanaan program.





Soal selidik (Lampiran A) dibina sendiri oleh penyelidik berdasarkan kerangka konsep kajian (Rajah 1.1). Soal selidik berbentuk rubrik dua lapis (*double layer rubric*) merupakan satu transformasi dalam penyediaan instrumen. Manakala konstruk dan sub konstruk bagi pembentukan soal selidik adalah seperti dalam kerangka kajian ini. Asas pembinaan tiga sub konstruk bagi penilaian konteks adalah berdasarkan literatur dalam Buku Pengurusan PBS 2012 dan 2013. Manakala pembinaan tiga sub konstruk bagi penilaian input adalah berdasarkan literatur daripada Abdul Zubir (2007) Jamil (2002) dan Buku Panduan Pengurusan PBS (2012). Sembilan konstruk bagi penilaian proses pelaksanaan program PBS pula adalah berdasarkan tinjauan literatur hasil kajian Jamil (2002), kertas kerja Kursus Penataran JPN (2012), Buku Panduan Pengurusan PBS (2012) dan Mazuien (2013). Manakala asas pembinaan tiga konstruk bagi penilaian produk iaitu penerimaan guru dalam melaksanakan PBS adalah berasaskan kepada gabungan dua teori utama iaitu pertama berdasarkan saranan Shapard (2000) dalam bukunya *The Role Of Classroom Assessment in Teaching and Learning*, kedua adalah teori oleh Fishbein dan Ajzen (1975) tentang perhubungan antara kepercayaan, sikap, dan penilaian tingkah laku.

Item-item yang dibentuk dalam soal selidik ini dibina sendiri oleh penyelidik berdasarkan definisi operasional bagi setiap konstruk yang diguna pakai dalam kajian ini serta ubahsuaian dari soal selidik yang diguna pakai oleh Abdul Zubir (2007), Jamil (2002), Mazuien (2013), Norhafizi (2012) dan Radin (2008). Kandungan lengkap soal selidik adalah seperti Jadual 2.1.





Jadual 2.1

Kandungan Soal Selidik

Item	Aspek/Konstruk yang diukur	Bil Item	Sumber
i	Maklumat Demografi Kehadiran kursus/bengkel oleh JPN/PPD Maklumat tentang kursus/bengkel oleh JPN/PPD	10	Penyelidik Jamil (2002) Mazuien (2013)
ii	Kekerapan pelaksanaan	4	Penyelidik
A1	Objektif PBS	3	Buku Pengurusan PBS (2012, 2013)
A2	Matlamat PBS	4	Buku Pengurusan PBS (2012, 2013)
A3	Konsep PBS	3	Buku Pengurusan PBS (2012, 2013)
B1	Sumber manusia	5	Jamil (2002) Buku Panduan Pengurusan PBS (2012)
B2	Sumber Bukan Manusia	4	Buku Panduan Pengurusan PBS (2012) Abdul Zubir (2007)
B3	Pengetahuan dan Kemahiran	4	Buku Panduan Pengurusan PBS (2012) Abdul Zubir (2007) JPN (2012)

(bersambung)

(Jadual 2.1 *sambungan*)

Item	Aspek/Konstruk yang diukur	Bil Item	Sumber
C1	Perancangan guru	4	Buku Panduan Pengurusan PBS (2012) Radin (2008)
C2	Perancangan Panitia	4	Buku Panduan Pengurusan PBS (2012) JPN (2012)
C3	Perancangan Sekolah	3	Buku Panduan Pengurusan PBS (2012) JPN (2012) Mazuien (2013)
D1	Pentaksiran Sekolah	11	Buku Panduan Pengurusan PBS (2012) Abdul Zubir (2007)
D2	Pembinaan item	5	Buku Panduan Pengurusan PBS (2012)
D3	Pelaksanaan Pementoran	5	Buku Panduan Pengurusan PBS (2012)
D4	Pelaksanaan Penyelarasan	5	Buku Panduan Pengurusan PBS (2012) Abdul Zubir (2007)
D5	Pelaksanaan Pemantauan	4	Buku Panduan Pengurusan PBS (2012) Abdul Zubir (2007) Jamil (2002)
D6	Pelaksanaan Pengesanan	4	Buku Panduan Pengurusan PBS (2012) Radin (2008)

(bersambung)

(Jadual 2.1 *sambungan*)

Item	Aspek/Konstruk yang diukur	Bil Item	Sumber
E1	Kepercayaan Guru Tentang Kepentingan Melaksanakan PBS	4	Shapard (2000) Fishbein dan Ajzen (1975) Abdul Zubir (2007) Radin (2008) Buku Panduan Pengurusan PBS (2012)
E2	Sikap Guru Terhadap Pelaksanaan PBS	3	Shapard (2000) Fishbein dan Ajzen (1975) Radin (2008) Abdul Zubir (2007)
E3	Komitmen Guru dalam Melaksanakan PBS	3	Shapard (2000) Fishbein dan Ajzen (1975) Radin (2008)
F	Kekangan Guru Dalam Melaksanakan PBS	4	Radin (2008) Abdul Zubir (2007) Norhafizi (2012)

Soal selidik mengandungi lapan bahagian. Bahagian i mengandungi 10 item, bagi mendapat maklumat tentang latar belakang responden iaitu jantina, bangsa, lokasi sekolah, jenis sekolah, kelulusan akademik, pengalaman mengajar, jawatan yang disandang tentang PBS dan pengalaman guru dalam melaksanakan PBS dan aspek kehadiran kursus/bengkel yang dianjurkan oleh JPN/PPD. Bahagian ii pula mengandungi 4 item bagi mendapatkan maklumat berkaitan kekerapan pelaksanaan beberapa aktiviti dalam pelaksanaan PBS di sekolah.



Bahagian A mengandungi 10 item dengan 50 rubrik bagi mendapatkan maklumat tentang konteks pelaksanaan PBS di sekolah yang meliputi maklumat tentang Objektif PBS (3 item dengan 15 rubrik), Matlamat PBS (4 item dengan 20 rubrik), serta Konsep PBS (3 item dengan 15 rubrik),

Bahagian B mengandungi 13 item dengan 65 rubrik bagi mendapatkan maklumat tentang input pelaksanaan PBS di sekolah yang meliputi maklumat tentang Sumber Manusia (5 item dengan 25 rubrik), Sumber Bukan Manusia (4 item dengan 20 rubrik), serta Pengetahuan dan Kemahiran (4 item dengan 20 rubrik),

Bahagian C pula mengandungi 11 item dengan 53 rubrik bagi mendapatkan maklumat tentang PBS proses perancangan di sekolah. Ini mencakup aspek Perancangan Guru (4 item dengan 18 rubrik), Perancangan Panitia (4 item dengan 20 rubrik), dan Perancangan Sekolah (3 item dengan 15 rubrik)

Bahagian D mengandungi 34 item dengan 153 rubrik bagi mendapatkan maklumat tentang proses pelaksanaan di sekolah. Ini mencakup aspek Pentaksiran Sekolah (11 item dengan 52 rubrik), Pembinaan Instrumen (5 item dengan 23 rubrik), Pementoran (5 item dengan 22 rubrik), Penyelarasan (5 item dengan 22 rubrik), Pemantauan (4 item dengan 17 rubrik) dan Pengesanan (4 item dengan 17 rubrik).

Bahagian E pula mengandungi 10 item dan 50 rubrik bagi mendapatkan maklumat tentang produk pelaksanaan PBS iaitu Penerimaan Guru dalam Melaksanakan PBS. Ini





mencangkup aspek Kepercayaan Guru tentang Kepentingan Pelaksanaan PBS (4 item dengan 20 rubrik), Sikap Guru Terhadap Pelaksanaan PBS (3 item dengan 15 rubrik), Komitmen Guru dalam Melaksanakan PBS (3 item dengan 15 rubrik) dan Bahagian F mengandungi 4 item dengan 20 rubrik yang mencangkup aspek Kekangan guru dalam melaksanakan PBS (4 item dan 20 rubrik). Secara keseluruhannya, soal selidik ini mengandungi 82 item dan 391 rubrik.

2.2.1 Pembinaan Soal Selidik Rubrik Dua Lapis

Pembinaan item instrumen dibuat melalui proses yang diadaptasi daripada senarai semak berdasarkan pembinaan dan pengesahan item yang dikemukakan oleh Benson dan Clark (1982) yang mengandungi empat peringkat iaitu perancangan, pembinaan, penilaian kuantitatif dan pengesahan. Proses pembinaan item yang dikemukakan oleh mereka merupakan langkah berurutan, bermula daripada peringkat merancang, peringkat membina sehinggalah peringkat mengesahkan item dengan mengaplikasikan prinsip *psychometric*. Rajah 2.1 menunjukkan perjalanan tata kerja pembinaan instrumen kajian yang jelas.


Berdasarkan Rajah 2.1, semasa peringkat perancangan, literatur kajian digunakan untuk memahami konstruk dan sub konstruk kajian dan meneliti teori serta konsep pelaksanaan PBS. Setelah mengumpulkan bahan literatur kajian, definisi konstruk dan sub konstruk dibina. Item bagi konteks, input, proses dan produk dibina bagi mentaksir pelaksanaan PBS dalam kalangan guru. Berdasarkan bahan yang ada, Jadual Penentuan





Item (JPI) dibentuk (lihat Lampiran B). JPI terdiri daripada proses perancangan dan penentuan set lengkap dengan mengambil kira skala dan skor rubrik. Konstruk dan sub-konstruk yang ditentukan disokong dengan literatur manakala reka bentuk trait dan item berkaitan dengan subjek dan predikat dikawal oleh silabus dan prinsip pengukuran dan pentaksiran (Mohd Sahandri Gani, 2013a). JPI membantu menetapkan kandungan item bagi sesuatu konstruk dan sub konstruk dalam kajian ini lebih tepat, terperinci dan menyeluruh (Azizi & Mohd Isha, 2008; Bhashah, 2003; Kubiszyn & Borich, 2003). Penggunaan JPI juga membantu penyelidik membina item dan rubrik dengan lebih terarah, tidak berulang-ulang dan mengandungi pelbagai aras kesukaran (Mohd Majid, 1998).





Rajah 2.1 Tata cara Pembinaan Instrumen

Peringkat kedua dalam pembinaan instrumen oleh Benson dan Clark (1982) ialah membina item. Item dibina berpandukan penjelasan konstruk dan aras item yang



ditetapkan penyelidik dalam JPI. Format item dan rubrik yang digunakan bagi setiap konstruk juga perlu ditetapkan dalam JPI. Maka setiap pernyataan yang mewakili item dirubrikkan dengan rubrik yang signifikan dan relevan untuk diukur. Penentuan skala juga diambil kira supaya ia bersesuaian dengan item dan rubrik. Skala item ditentukan dengan lima (5) skala markat. Manakala lima (5) rubrik bagi setiap item seperti ditunjukkan dalam Jadual 2.2.


Jadual 2.2

Skala Penilaian

Kategori	Skor Rubrik	Pernyataan					
1	0	Tidak tahu	Tidak mahir	Tidak setuju	Tidak	Tidak	Tidak
	1	Tahu sebahagian	Mahir sebahagian	Setuju	Kadang-kadang	Sebahagian	Ya
2	2	Tahu sepenuhnya	Mahir sepenuhnya	Sangat setuju	Ya	Ya	

Terdapat dua kategori skor rubrik seperti Jadual 2.2, iaitu kategori 1 dan kategori 2. Setiap kategori mempunyai skala skor yang berbeza. Namun begitu jumlah skor rubrik diterjemahkan kepada skala likert 5 markat. Rajah 2.2 menunjukkan bagaimana skala rubrik diterjemahkan ke skala likert 5 markat yang terdapat di dalam soal selidik rubrik dua lapis.






Rajah 2.2 Jumlah Skor di Terjemahkan ke Skala Likert

Rajah 2.3 menunjukkan jumlah skor rubrik di terjemahkan ke skala likert 5 markat.

Item di atas merupakan kategori satu yang mana skor rubrik di wakili dengan 0 – Tidak dan 1 – Ya. Skor rubrik merupakan ‘jawapan’ dari sampel kajian. Apabila skor rubrik dijumlahkan, iaitu 3 dari 5 atau 3 per 5. Jumlah skor ini dipindahkan ke skala likert bagi menentukan jawapan responden tadi di kedudukan lemah, sederhana atau kuat. Bagi item yang mewakili kategori kedua pula, skala likert telah berubah (Rujuk 2.3).



Rajah 2.3 Jumlah Skor bagi Kategori Kedua di Terjemahkan ke Skala Likert



Jumlah skor adalah 10 kerana skor penuh untuk ssetiap rubrik adalah dua. Jika jumlah skor rubrik adalah 7 per 10 maka apabila diterjemahkan ke skala likert maka skor terletak pada skala 4. Contoh lain pula, jika jumlah skor rubrik adalah 3 per 10 maka skor terletak di skala 2.

Seterusnya dalam pembinaan soal selidik ini, semasa pembinaan draf pertama, sejumlah 95 item dibina. Kesemua item disemak dengan merujuk JPI bersama-sama penyelia. Item yang tidak menepati dibaiki dan item yang bertindih maksudnya dibuang. Proses penyemakan item dibuat sebanyak empat pusingan iaitu penyemakan draf pertama, draf kedua, draf ketiga dan draf keempat sehingga draf kelima. Penyemakan draf demi draf dilakukan sehingga penyelidik dan penyelia berpuas hati dan membuat keputusan supaya draf instrumen kelima melalui peringkat ketiga iaitu penilaian kuantitatif.

Peringkat penilaian kuantitatif bermula apabila draf kelima instrumen penilaian pelaksanaan PBS ini dihantar serentak untuk kajian rintis pertama dan semakan pakar pusingan pertama. Data rintis pertama dianalisis untuk menguji kesahan kriteria dan kebolehpercayaan item instrumen manakala data semakan pakar dilakukan untuk menguji kesahan kandungan (Mohd Majid, 2005). Semakan pakar menggunakan teknik persetujuan 80 peratus bertujuan untuk mendapatkan ketepatan instrumen kerana instrumen masih baru, belum dibuktikan lagi dan bertujuan untuk meningkatkan kesahan instrumen itu sendiri. Semua item diteliti semula dan item yang mempunyai nilai koefisien kurang daripada 0.40 digugurkan seperti yang disarankan oleh Lim (2007). Item yang mempunyai kebolehpercayaan alpha Cronbach yang kurang dari 0.6 dibaiki atau digugurkan. Begitu



juga item yang mempunyai peratus persetujuan pakar 60 peratus hingga 79 peratus telah dibaiki dan dimurnikan (Mohd Sahandri Gani, 2013a). Kaedah persetujuan pakar pusingan pertama dilakukan untuk analisis kuantitatif manakala komen pakar dilakukan untuk analisis kualitatif. Kesemua item diteliti dan dimurnikan berdasarkan empat jenis analisis untuk menghasilkan draf keempat instrumen.

Peringkat pengesahan bertujuan untuk mengesahkan instrumen. Untuk tujuan ini, draf kelima instrumen dihantar untuk kajian rintis kedua dan semakan pakar menerusi teknik persetujuan pakar pusingan kedua. Data kajian rintis kedua dilakukan analisis kebolehpercayaan dan kesahan konstruk. Berdasarkan kedua-dua data analisis, data kajian rintis dan hasil perbincangan bersama-sama penyelia, keputusan berkaitan item instrumen dibuat. Akhirnya instrumen penilaian pelaksanaan PBS dalam kalangan guru mengandungi 82 item dan 391 rubrik telah berjaya dibentuk.

2.4 Model Penilaian Program

Model adalah satu gambaran konseptual tentang sesuatu aktiviti yang dapat menunjukkan perkaitan antara berbagai elemen yang terlibat di dalam aktiviti tersebut. Dengan adanya satu model, aktiviti penilaian dapat dijalankan dengan lebih lengkap dan bermakna (Azizi Yahya et al., 2010). Selaras dengan pernyataan Nadler (1983) yang menyatakan bahawa model diibaratkan sebagai jalan raya yang membantu seseorang pemandu agar tidak sesat. Manakala Ibrahim (2001) pula menyatakan bahawa model adalah lambang atau simbol



kepada keadaan sebenar. Bagi beliau, model boleh menggambarkan keadaan sebenar yang ringkas tetapi komprehensif dan penyelidik harus bijak dalam menentu dan memilih model dalam penilaian.

Model juga adalah gambaran konseptual tentang sesuatu aktiviti yang dapat menunjukkan perkaitan antara berbagai-bagai elemen yang terlibat dalam aktiviti tersebut (Razali Arof, 1987). Berbagai-bagai model penilaian dan pendekatan telah dikembangkan untuk menjadi sebagai panduan dalam melaksanakan penilaian sesuatu program. Antara penilaian program yang terdapat ialah model 'Portrayal' (Stake, 1983), 'Adversary' (Wolf, 1983), 'Utilization' (Patton, 1978), 'Investigative Journalism' (Guba, 1981), 'Goa-free' (Scriven, 1973), 'Modus Operandi' (Scriven, 1974), 'Connoisseurial' (Eisner, 1983), 'CIPP' (Stufflebeam et al. 1971), 'Objective based' (Tyler, 1983), 'Cost-Effectiveness' (Levin, 1983) (dalam Jamil, 2002), dan 'Success Case Method' (Brinkerhoff, 2003).

Penentuan model yang akan digunakan untuk membuat penilaian ke atas sesuatu program merupakan satu aspek yang kritikal dalam penilaian program. Patton (1997;1990) menegaskan bahawa tiada reka bentuk atau model penilaian yang lengkap atau mutlak. Namun begitu, menurut Israel, Cummings dan Dignan (1995), tujuan, strategi dan 'trade-offs' merupakan tema yang bergerak bersama dalam membincangkan dan mempertimbangkan reka bentuk atau model penilaian kerana tidak terdapat reka bentuk atau model penilaian yang lengkap. Model penilaian tidak hanya menggambarkan kerangka keseluruhan penilaian tetapi ia berkait rapat dengan soalan kajian, organisasi, dan fokus kajian. Antara pelbagai model penilaian yang dikemukakan oleh pakar-pakar





penilaian dan pendidikan, penyelidik membincangkan beberapa model penilaian dan seterusnya menjustifikasi pemilihan sesuatu model penilaian tersebut. Antara model-model penilaian yang dibincangkan adalah Model Penilaian Tyler (1950), Model Penilaian Stake (1967), Model Penilaian Scriven (1972) dan Model Penilaian CIPP.

2.3.1 Model Penilaian Tyler (1950)

Model Tyler merupakan model penilaian yang pertama dalam era penilaian moden yang diasaskan oleh Ralph Walter Tyler pada tahun 1950. Model ini menekankan konsistensi antara matlamat, pengalaman dan hasil. Model ini juga dikenali sebagai '*tradisional-Tyler Rationale*' dan '*Objectives-Base Evaluation*'. Ini kerana ia berasaskan kepada objektif sesuatu program dan hasil akhir yang sepatutnya dicapai oleh program tersebut.

Bagi Tyler, sesuatu program perlu mencapai matlamat yang jelas agar objektif tingkah laku dapat menggambarkan perubahan yang berlaku dalam diri peserta program. Menurut beliau lagi, sekiranya matlamat tidak tercapai sepenuhnya, ini membawa kepada implikasi sama ada pelaksanaan program adalah lemah atau matlamat yang ditetapkan adalah tidak sesuai.

Kekuatan Model Tyler adalah ia mempunyai pendekatan berbentuk linear, terus, mudah dan cekap. Ia amat berguna bagi penggubal kurikulum kerana ia boleh mengelakkan kekeliruan dalam proses perkembangan kurikulum (Juraidah, 2005).





Kelemahan model ini pula adalah tidak sesuai digunakan apabila terdapat perbezaan pengalaman dalam kalangan peserta program. Ini kerana perbezaan pengalaman akan menyukarkan objektif yang dibuat. Objektif yang tidak jelas dan tepat akan mengurangkan keberkesanan proses penilaian (Shapiee, 2002). Model ini juga tidak fleksibel kerana terlalu menitik beratkan objektif tingkah laku sahaja dan mengabaikan aspek-aspek seperti emosi dan kemanusiaan.

2.3.2 Model Penilaian Stake (1967)



Model oleh Robert T. Stake (1967) ini dikenali sebagai ‘Countenance Model of Evaluation’. Orientasi model ini lebih kepada program-program pendidikan berbanding produk-produk pendidikan. Ini kerana menurut Stake (1967), nilai sesuatu produk bergantung kepada manfaat program-programnya. Model ini juga dikenali sebagai ‘Transaction Model’. Ini menunjukkan pendekatan yang digunakan oleh model ini ialah penekanan terhadap proses pengajaran (Instructional processes). Sebelum sesuatu penilaian dibuat mengikut Model Stake (1967), penilai perlu mengenal pasti apakah rasional penilaian itu dibuat.

Penilai perlu mengumpul maklumat mengenai tujuan di ketiga-tiga peringkat latar belakang, pelaksanaan dan hasil. Seterusnya penilai perlu mengumpul maklumat mengenai apa yang sebenarnya berlaku di ketiga-tiga peringkat tadi melalui pemerhatian. Kemudian diikuti dengan mengumpul maklumat mengenai bagaimanakah yang diharapkan





atau standard ketiga-tiga peringkat ini. Akhir sekali penilai perlu mengenal pasti keputusan terakhir di semua peringkat latar belakang, pelaksanaan dan hasil.

Kekuatan Model Stake (1967) adalah model ini menekankan proses mengumpul data secara sistematik, komprehensif dan melibatkan semua peringkat yang berkaitan (Juraidah, 2005). Ia mampu menggambarkan kesulitan penilaian program pendidikan (Shapiee, 2002). Kelemahan model ini pula adalah ia memerlukan penilai yang benar-benar faham dan berkebolehan dalam membuat keputusan (Juraidah, 2005). Model ini juga terlalu banyak memberi perhatian kepada ‘steak holders’ sehingga mengabaikan maklumat program dan peserta sebagai ‘steak holders’ dalam setiap aspek yang menstrukturkan penilaian termasuk aspek teknikal (Shapiee, 2002). Keadaan ini boleh mengurangkan kualiti penilaian (Scheereens, 1990).

2.3.3 Model Penilaian Scriven (1972)

Scriven (1972) telah memperkenalkan konsep penilaian matlamat bebas (free-goal evaluation). Model ini lebih menekankan kepada cara bagaimana hendak mengurangkan ‘bias’ dengan tidak memaklumkan kepada penilai program itu sendiri. Penilai mesti berada dan menghadiri sesuatu program dan menyelidik semua hasilnya. Model ini menganggap pengguna sebagai audiens utama. Untuk menggunakan model ini dalam penilaian, soalan berbentuk berikut sering ditanya, iaitu ‘Apakah kesan daripada menjalankan program





tersebut?' Melalui model ini beliau mahu penilai mengukur kesan yang didapati daripada sesuatu program berbanding dengan keperluan pengguna dan tidak membandingkannya dengan matlamat pihak penganjur. Prosedur model ini adalah seperti berikut:

- i. Memerhatikan program, dokumen dan penyimpanan rekod
- ii. Menemu ramah orang yang terlibat dalam program
- iii. Mengenal pasti kesemua kesan terhadap program

Kelebihan model ini adalah tidak sukar untuk melakukan penilaian berasaskan matlamat, penilaian tidak terjejas walaupun matlamat program berubah, lebih mudah untuk mengenal pasti kesan sampingan (*side effects*) program, kurang cenderung untuk bias dari segi sosial, persepsi dan kognitif, lebih mencabar dan lebih adil ke atas sesuatu nilai (Stufflebeam & Shinkfield, 2007). Manakala kekurangan model ini pula, adalah penilai tidak diberi satu panduan atau piawaian yang khas semasa menilai sesuatu program yang besar. Ini bermaksud bahawa penilai terpaksa menilai program tersebut mengikut kepandaian dan kreativiti masing-masing. Selain itu penilaian jenis ini memerlukan perbelanjaan yang besar (Gredler, 1996).

2.3.4 Model Penilaian CIPP

Model CIPP (*Context, Input, Process, Product*) diperkenalkan oleh Danial Stufflebeam et al. pada tahun 1971 dan dikemas kini oleh Stufflebeam dan Shinkfield pada tahun 2007.





Model ini juga dikenali sebagai model pembuat keputusan (*decision-making model*). Model penilaian CIPP ini dibina dengan harapan supaya maklumat-maklumat yang diperoleh daripada proses penilaian ini berguna kepada pembuat keputusan. Untuk itu Stufflebeam dan Shinkfield (2007) telah memperkemas dan memperluaskan takrifan penilaian. Menurut mereka;

Penilaian adalah proses mengumpul, memperoleh dan membekalkan maklumat secara deskriptif tentang faedah sesuatu objek dari segi matlamat, reka bentuk, pelaksanaan dan impaknya agar dapat membimbing dalam membuat keputusan bagi memenuhi kehendak untuk akauntabiliti dan meningkatkan kefahaman ke atas fenomena yang berkaitan.

(Stufflebeam dan Shinkfield 2007: p. 159)



Takrifan ini merumuskan konsep asas model penilaian CIPP. Ia mengutarakan tiga tujuan utama penilaian, iaitu memberi panduan kepada pembuat keputusan, menghasilkan rekod dan mewujudkan kefahaman tentang satu fenomena yang terlibat dalam program. Penilaian juga dianggap sebagai satu proses berterusan yang melibatkan tiga langkah iaitu menggambar, memperoleh dan menyediakan maklumat yang berguna untuk memilih tindakan alternatif.

Menurut Stufflebeam (2003), tindakan telah dibuat dalam empat bahagian iaitu keputusan tentang persekitaran (konteks), keputusan tentang sumber (input), keputusan tentang pelaksanaan (proses) dan keputusan tentang hasil (produk).





a. Penilaian konteks

Penilaian konteks tertumpu pada persekitaran di mana perubahan akan berlaku dan masalah persekitaran yang dihadapi. Fokus asal penilaian konteks ialah untuk menyediakan rasional; bagi menetapkan objektif program. Keperluan yang tidak selaras dan peluang atau kesempatan yang tidak digunakan dikenal pasti dan masalah yang dihadapi di diagnosis (Stufflebeam & Shinkfield 2007).

Stufflebeam dan Shinkfield (2007) memperluaskan fokus penilaian konteks ini kepada mengenal pasti kepada kekuatan dan kelemahan institusi, program, populasi sasaran, atau seseorang dan untuk menjurus arahan kepada penambahbaikan. Menurut mereka, tujuan penilaian ini adalah untuk (i) mentafsir atau menilai status projek (program dan sebagainya), (ii) mengenal pasti kelemahan atau kekurangan dan kekuatan yang ada untuk membaiki kelemahan dan (iii) mendiagnosis masalah yang mungkin akan mengehadkan kelancaran projek atau program. Jadi matlamat penilaian ini adalah untuk menentukan kesesuaian persekitaran dalam membantu pencapaian matlamat dan objektif program.

Menurut David Ausubel (1938) dalam Teori Pembelajaran Penerimaan mengatakan bahawa penguasaan maklumat melalui bahasa yang bermakna oleh Advance Organiser (AO) sangat berkesan. AO bermaksud pengurusan atau pendedahan awal. Menurut Ausubel, AO perlu diberikan sebelum sesuatu program atau pengajaran sebenar dilaksanakan. Ini bertujuan untuk memastikan pelaksana atau murid mendapat pendedahan





awal. Dalam hal ini, guru perlu mendapat maklumat awal berkaitan PBS seperti objektif, matlamat serta konsep PBS dan menguasainya sebelum bersedia untuk melaksanakannya. Objektif pelaksanaan PBS, matlamat dan konsep PBS merupakan kriteria yang dipilih bagi aspek Penataran dan Penguasaan Maklumat PBS. Memandangkan guru perlu menguasai semua maklumat ini supaya lebih bersedia untuk melaksanakan pentaksiran. Penilaian Konteks meliputi Objektif PBS, Matlamat PBS dan Konsep PBS.

Hasil daripada penilaian konteks iaitu Penataran dan Penguasaan Maklumat PBS ini adalah untuk membekalkan maklumat asas kepada penilai iaitu KPM sama ada hendak menyesuaikan semula atau meneruskan keutamaan dan matlamat program dan mengenal pasti keperluan untuk berubah (Stufflebeam & Shinkfield 2007).



b. Penilaian input

Penilaian input pula tertumpu pada sumber yang terlibat bagi membantu pembuat keputusan dalam menentukan cara-cara untuk mencapai matlamat dan objektif program. Fokus asal penilaian input ini ialah untuk menyediakan maklumat bagi tiga keputusan utama iaitu adakah bantuan luar diperlukan untuk mencapai matlamat? Apakah mungkin projek atau program menerima proses penyelesaian masalah yang disediakan atau membentuk program baru? dan, apakah prosedur perancangan yang harus digunakan untuk mengimplementasikan langkah penyelesaian yang dipilih.





Kajian ini telah memilih sumber manusia, sumber bukan manusia, pengetahuan dan kemahiran guru sebagai kriteria bagi penilaian input (Kesediaan Guru) kerana dalam Hukum Kesediaan Thorndike, kesediaan merujuk kepada persiapan yang perlu ada sebelum bertindak (Ee Ah Meng, 2002). Kesediaan juga merupakan persiapan sumber atau satu kaedah yang wujud untuk memungkinkan peluang menjalankan sesuatu aktiviti atau gerak kerja dengan baik (Thorndike, 1932). Thorndike (1932) juga berpendapat, guru bukan saja harus bersedia dari segi fizikal malah perlu bersedia dari segi mental iaitu melengkapkan diri dengan pengetahuan dan kemahiran. Kesediaan guru dari segi mental mampu meyakinkan segala aktiviti yang dilakukan. Menurut Stufflebeam dan Shinkfield (2007), komponen penting dalam analisis atau penilaian input ialah untuk mengenal pasti sebarang halangan atau kekangan yang mungkin akan mempengaruhi atau menghalang operasi sesuatu program.


c. Penilaian Proses

Seterusnya penilaian proses tertumpu pada proses yang digunakan untuk mencapai matlamat dan objektif program. Maklum balas ini perlu diketahui dari masa ke semasa untuk mengawal pelaksanaan program. Tujuan utama adalah untuk membekalkan maklum balas tentang modifikasi jika pelaksanaan program kurang berjaya. Ia mencakup persoalan, adakah aktiviti program mengikut jadual?, adakah pelaksanaan program mengikut seperti apa yang dirancangan?, adakah bahan-bahan yang terdapat telah digunakan dengan berkesan? dan, adakah peserta menerima dan melaksanakan peranan masing-masing? (Stufflebeam & Shinkfield, 2007). Sebagai tambahan, penilaian proses



seharusnya menghasilkan perbandingan implementasi yang sebenar dengan yang dikehendaki oleh program, kos pelaksanaan dan penghakiman daripada peserta terhadap kualiti daripada usaha tersebut.

Pembentukan sub konstruk perancangan dan pelaksanaan ini adalah berdasarkan Teori Penyeliaan Klinikal Tiga Tahap (Acheson, 1997) (Rajah 2.4)



Rajah 2.4 Teori Penyeliaan Klinikal Tiga Tahap (Acheson, 1997).

Penyeliaan klinikal lebih menjurus kepada penambahbaikan pengajaran bilik darjah. Proses penyeliaan klinikal yang dimaksudkan menunjukkan bilik darjah sebagai klinik di mana data-data langsung dikumpulkan untuk tujuan memahami dan



penambahbaikan. Acheson (1997) telah mencadangkan tiga tahap yang lebih mudah iaitu tahap perancangan, penyeliaan (Penjaminan Kualiti) dan maklum balas.

Apa yang menjadi fokus kepada penyeliaan klinikal adalah keterlibatan yang aktif oleh kedua-dua pihak yang terlibat dalam mencapai matlamat yang ditetapkan dalam penyeliaan klinikal tersebut. Tiga tahap utama yang menjadi fokus kepada perbincangan adalah proses perancangan pengajaran yang memerlukan perancangan guru dalam penyediaan instrumen, pentaksiran di bilik darjah. Perancangan panitia dan sekolah juga perlu dalam proses perancangan. Perbincangan pasca pengajaran iaitu proses yang melibatkan Penjaminan Kualiti. Maka penyelidik memilih sub konstruk bagi penilaian proses pelaksanaan adalah Perancangan guru, Perancangan Panitia, Perancangan Sekolah, Pentaksiran PBS, Pembinaan Instrumen, dan Penjaminan Kualiti yang terdiri dari Pementoran, Penyelarasan, Pemantauan dan Pengesanan.



d. Penilaian produk

Penilaian produk tertumpu pada hasil program setelah ia tamat dilaksanakan. Fungsi utama penilaian produk adalah untuk mengukur, membuat interpretasi dan penghakiman terhadap pencapaian program (Stufflebeam & Shinkfield 2007). Kegunaan utama penilaian produk adalah untuk menentukan sama ada program hendak diteruskan, diberhentikan atau diubahsuai. Penilaian produk harus dapat menyediakan langkah-langkah untuk mengubahsuai program kepada cara yang lebih baik dan efektif. Penilaian produk adalah komponen penting dalam laporan akauntabiliti (Stufflebeam & Shinkfield 2007).






Menurut Stufflebeam dan Shinkfield (2007), dalam model CIPP, penilaian boleh dilaksanakan secara berasingan iaitu boleh menggunakan sama ada aspek konteks, input, proses atau produk sahaja atau dilaksanakan dengan cara mengintegrasikan keempat-empat komponen. Dalam model CIPP, penilaian menyumbangkan kepada empat jenis keputusan yang sejajar dengan empat jenis penilaian.

- i. Keputusan Merancang (*Planning decision*) dalam menentukan pemilihan matlamat dan objektif program (penilaian konteks)
- ii. Keputusan Menstruktur (*Structuring decision*) yang berkaitan dengan strategi dan prosedur untuk mencapai objektif (penilaian input).
- iii. Keputusan Melaksana (*Implementing decision*) yang berkait dengan semua yang terlibat dalam pelaksanaan strategi atau pelan tindakan (penilaian proses).
- iv. Keputusan Kitaran Semula (*Recycling decision*) digunakan dalam menentukan perhubungan antara pencapaian program dengan objektif sama ada hendak diteruskan, diberhentikan atau diubahsuai projek atau program (penilaian produk).


Hubung kait antara empat jenis penilaian dengan empat jenis keputusan penambahbaikan dalam model penilaian CIPP adalah seperti dalam Rajah 2.5





Rajah 2.5 Tindakan Dinamik Model Penilaian CIPP. Diadaptasi dari Wilson, J.A.R, Robeck, M.C. & Micheal, W.B., 1974 (dalam Jamil Ahmad, 2002)

Worthern dan Sanders (1987) menjelaskan proses pembuat keputusan, aktiviti dan penilaian saling berkait antara satu sama lain. Proses penilaian seperti konteks, input, proses dan produk juga mempunyai kaitan dengan aktiviti penilaian. Rajah 2.6 menunjukkan perkaitan antara pembuat keputusan, penilaian dan aktiviti dalam model CIPP.



Rajah 2.6 Hubungan Antara Membuat keputusan dengan Penilaian dan Aktiviti. Diadaptasi dari Wothern dan Sanders, 1987



Hubungan antara membuat keputusan, penilaian dan aktiviti membentuk satu logik bagi mempengaruhi membuat keputusan. Bulatan di sebelah kanan menunjukkan kedudukan aktiviti utama penilaian iaitu melakar, mengamal dan membekal. Ringkasnya kajian penilaian perlu melibatkan aktiviti proses penilaian dan mengaitkannya pula dengan aktiviti membuat keputusan. Keputusan yang di buat perlulah berdasarkan kriteria-kriteria yang telah ditetapkan semasa proses perancangan.

Penentuan kriteria yang sesuai dan tepat ini adalah penting, kerana ianya menjadi kayu pengukur pencapaian objektif program. Namara (1998) menegaskan bahawa langkah terpenting dalam penilaian program ialah menentukan standard dan kriteria yang sesuai dan tepat. Kadang-kadang kriteria yang hendak dipilih dalam menentukan matlamat program tidak jelas, oleh itu penilai perlu menyatakan dengan berhati-hati dengan asas penentuan kriteria bagi analisis mereka. Menyedari hakikat ini, penyelidik membina kriteria atau petunjuk bagi mengukur objektif program pelaksanaan PBS dalam kalangan guru seperti Rajah 1.1.

Konstruk yang terkandung di bawah penilaian produk adalah berasaskan kepada gabungan dua teori utama. Pertama berdasarkan saranan Shapard (2000) dalam bukunya *The Role Of Classroom Assessment in Teaching and Learning*, kedua adalah teori oleh Fishbein dan Ajzen (1975) tentang perhubungan antara kepercayaan, sikap, kemahuan dan tingkah laku atau amalan dalam bukunya *Beliefs, Attitudes, Intentions and Behaviors*. Menurut Shapard (2000), guru-guru perlu mempunyai kepercayaan tentang pentingnya






melaksanakan pentaksiran seperti yang dinyatakan di dalam bukunya iaitu “...*teacher’s belief, attitudes and behaviors are pivotal in bringing about change in assessment practice. Teacher’s knowledge and belief should be a primary site for research.* (p. 71).

Berdasarkan saranan oleh Shapard (2000) boleh disimpulkan bahawa dalam pelaksanaan PBS sebagai satu program, guru-guru yang baru atau sudah lama terlibat sebagai pelaksana PBS perlu mempunyai kepercayaan tentang kepentingan PBS.

Dari sudut psikologi, menurut Fishbein dan Ajzen (1975) kepercayaan seseorang terhadap sesuatu perkara boleh mempengaruhi sikapnya terhadap perkara tersebut yang seterusnya boleh menimbulkan keinginan atau kemahuan seseorang itu untuk melakukan atau mengamalkan sesuatu perkara yang melibatkan penilaian pada dirinya. Setelah mengamalkan perkara tersebut mungkin juga ia akan memberi kesan semula kepada kepercayaannya terhadap perkara tersebut. Ini dapat disimpulkan bahawa kepercayaan dan sikap seseorang boleh mempengaruhi individu tersebut dalam melakukan sesuatu perkara. Perubahan tingkah laku atau amalan yang dilakukan boleh dinilai dengan melihat sejauh mana kepercayaan seseorang terhadap sesuatu objek. Adakah apa yang seseorang individu itu percaya, maka itu yang akan dilakukan? Perkaitan antara kepercayaan dan sikap dengan tingkah laku seperti yang dinyatakan oleh Fishbein dan Ajzen (1975) ditunjukkan dalam Rajah 2.7





Rajah 2.7 Hubungan Kepercayaan, Sikap dan Tingkah Laku

Fishbein dan Ajzen (1975) merujuk sikap (attitudes) seseorang itu sama ada ia menyokong atau menolak dalam menilai sesuatu program, sementara kepercayaan (beliefs) seseorang menggambarkan keyakinan yang dipunyai oleh seseorang tentang sifat-sifat sesuatu program manakala keinginan (intentions) merujuk kepada kemahuan seseorang untuk melakukan sesuatu perkara dan tingkah laku (behavior) merujuk kepada amalan dan komitmen seseorang dalam melaksanakan sesuatu tugas.

Tujuan utama penilaian CIPP ialah untuk mengaitkan matlamat, konteks, input dan proses dengan hasil program. Ia juga menilai setakat mana sesuatu perubahan dalam program itu berjaya mencapai matlamatnya. Tujuannya adalah untuk membekalkan maklumat penilaian berterusan kepada pentadbir atau pembuat keputusan. Menurut Stufflebeam dan Shinkfield (2007), tiap-tiap bahagian penilaian memerlukan tiga jenis

aktiviti iaitu mengumpul maklumat sebanyak yang mungkin, mengorganisasikan maklumat yang dikumpul dan menganalisis dengan menggunakan kaedah pengukuran statistik. Aktiviti penilaian seterusnya ialah melaporkan maklumat yang telah dianalisis kepada pihak yang terlibat supaya keputusan dapat dibuat. Aspek penting yang perlu diberi penekanan adalah model CIPP ini bukan semata-mata bertujuan untuk membuktikan kejayaan atau kegagalan sesuatu program tetapi lebih kepada usaha penambahbaikan seperti yang ditegaskan oleh Stufflebeam dan Shinkfield (2007) bahawa “*The most important purpose of evaluation is not to prove but to improve...*”. (p. 79).

2.5 Justifikasi Pemilihan Model CIPP

Penyelidik berpendapat bahawa salah satu aspek yang sukar dalam proses penilaian adalah untuk menentukan model penilaian yang paling sesuai dan yang patut digunakan. Tidak terdapat satu kaedah khas untuk penilaian program pelaksanaan PBS dan oleh kerana itu tidak ada satu model yang khusus yang boleh dipakai dalam semua keadaan (OECD, 2009). Hal ini juga dipersetujui Norasmah (2002) yang berpendapat bahawa setiap pakar penilai perlu melihat kepada tujuan, reka bentuk, ciri-ciri kesesuaian, kajian lepas, kekuatan dan kelemahan sebelum memilih model penilaian yang paling sesuai.

Bagi konteks kajian ini, model CIPP telah dipilih untuk menilai pelaksanaan PBS dalam kalangan guru di sekolah. Penyelidik memilih model ini kerana ia mempunyai



hubung kait antara *outcome* (produk) program dengan konteks, input dan aktiviti atau proses program. Ini bermakna model CIPP merupakan satu kaedah yang jelas dan sistematik untuk menunjukkan perkaitan di antara sumber yang digunakan untuk melaksanakan sesuatu program, aktiviti yang telah dilaksanakan, dengan perubahan atau hasil yang diharapkan. Malah penggunaan model CIPP akan memudahkan lagi perancangan, komunikasi dan penganalisan untuk melihat pencapaian sebenar (Stufflebeam, 2003).

Para pakar menyifatkan penggunaan model ini sebagai salah satu langkah pertama dan penting dalam penilaian dan ia merupakan alat utama penilaian berorientasikan pembuatan keputusan yang efektif (Fitzpatrick, Sander & Wothern, 2004). Oleh kerana kajian ini berguna kepada pembuat keputusan (KPM) maka pemilihan model ini sangat membantu kepada mereka untuk menilai semula keberkesanan PBS dan sejauhmana pencapaiannya. Ini adalah kerana model CIPP merupakan satu cara yang berkesan untuk menerangkan sumber program dengan pencapaiannya (Azizi, Jamluddin & Shahrin, 2010). Selain itu, model CIPP juga boleh dilaksanakan secara formatif dan sumatif (Kang, 1994). Penyataan ini disokong oleh Herod (2000) yang mengatakan model CIPP ini telah menyediakan keseimbangan antara teoritis dan praktis dalam penilaian bagi memperbaiki suatu program dan sesuai digunakan dalam kajian kuantitatif, pemerhatian, soal selidik, lawatan, temubual dan teknik persampelan rawak (Hsieh, Miskel & Hsiao, 2001). Komponen dalam model CIPP pula boleh di ambil sebahagian atau kesemuanya





dalam suatu kajian, manakala setiap komponen mempunyai tujuannya yang tertentu yang berlainan (Finch & Crunkilton, 1993).

Selaras dengan definisi dan tujuan penilaian dalam konteks kajian ini, maka model penilaian CIPP adalah paling sesuai kerana ianya dapat menghuraikan dan menjelaskan bagaimana penilaian boleh memberi sumbangan kepada proses membuat keputusan. Penggunaan model ini dalam penilaian program atau projek dapat memberikan satu usaha yang komprehensif dan sistematik dalam mengumpul maklumat untuk tujuan menilai kualiti projek secara menyeluruh bagi tujuan penambahbaikan. Penyelidik yakin penilaian yang dilaksanakan dengan menggunakan CIPP mampu menghasilkan dapatan yang komprehensif dan teratur kerana pendekatan ini menjelaskan spesifikasi yang dinilai.

Malahan, Phi Delta Kappa National Study of Committee of Evaluation telah mencadangkan bahawa pendekatan ini boleh digunakan sebagai satu proses untuk menerangkan, memperolehi dan membekalkan maklumat yang berguna dalam penentuan keputusan (Chan, 2003).

Selain itu penyelidik lebih mudah menggunakan model ini dalam kajian kerana ia boleh dipersembahkan dalam bentuk grafik dan mudah difahami. (Zhang et al., 2011) juga bersetuju bahawa kepentingan model ini dipersembahkan dalam bentuk grafik. Dengan menyusun proses program yang jelas ke dalam carta, kesemua komponen amat mudah difahami dan dapat mengenal pasti hubungan antara komponen.

Model penilaian CIPP juga banyak digunakan oleh penyelidik lain dalam pelbagai bidang kajian. Antara kajian-kajian luar negara yang menggunakan model penilaian CIPP



dalam menilai program ialah Kennedy (1982) dalam menilai Program Kejururawatan Peringkat Baccalaureate (Sarjana Muda); Chaiyot Ruangsuwan & William (1986) dalam kajiannya tentang penilaian Program Teknologi Pendidikan di Universiti Srinakharinwirot; Suchade (1986) dalam kajiannya tentang Program Ijazah Lanjutan Kedoktoran di University Srinakgharinwirot; dan Fidone (1993) dalam kajiannya yang bertajuk *An Evaluation of a Secondary Program Using The Context Component of the CIPP Decision-Making Model*. Selain itu Chaisaen (1997) dalam kajiannya yang bertajuk *An Evaluation Of Curriculum And Teaching Models At The Welfare And Vocational Training Centre In The Central Region*.

Penyelidik-penyelidik tempatan yang menggunakan model CIPP pula antaranya ialah Abu Bakar (1989) dalam kajiannya tentang penilaian Program Diploma Pengajian Banking di Institut Teknologi Mara (ITM); Fawzia (1991) dalam kajian penilaian Program Kemahiran Hidup di Wilayah Persekutuan; Noor Shah (1992) dalam kajian yang bertajuk Pendidikan guru Matematik Sekolah Rendah: Persepsi Guru Lulusan Dan Pensyarah Maktab; Jamil Ahmad (2002) dalam kajiannya penilaian Pemupukan Budaya Penyelidikan dalam Kalangan Guru Di Sekolah; Muhammad Amin (2008) dalam kajiannya penilaian Model Pengayaan Seluruh Sekolah Untuk Pelajar Pintar Cerdas di Maktab Rendah Sains Mara; dan Ahamad dan Sidek (2012) dalam kajiannya Penilaian Keberkesanan Pelaksanaan Kurikulum mata pelajaran Sejarah Menengah Rendah.

Penyelidik yakin penilaian yang dilaksanakan dengan menggunakan CIPP mampu menghasilkan dapatan yang komprehensif dan teratur kerana pendekatan ini menjelaskan



spesifikasi yang boleh dinilai. Malahan Phi Delta Kappa *National Study Committee of Evaluation* telah mencadangkan bahawa pendekatan ini boleh digunakan sebagai satu proses untuk menerangkan dan membekalkan maklumat yang berguna dalam penentuan keputusan (Chan, 2003).

2.6 Pentaksiran Berasaskan Sekolah


PBS ialah satu daripada dua komponen utama dalam Sistem Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan (SPPK). Satu komponen lagi ialah Peperiksaan Pusat (UPSR, PMR, Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM), Sijil Pelajaran Malaysia Ulangan (SPMU)). PBS merupakan satu pentaksiran yang bersifat holistik iaitu menilai aspek kognitif, afektif dan psikomotor selaras dengan FPK dan kurikulum kebangsaan.

PBS dilaksanakan oleh guru-guru mata pelajaran secara berterusan semasa proses PdP. Ia juga merupakan penilaian holistik yang menilai aspek kognitif (intelekt), afektif (emosi dan rohani) dan aspek-aspek psikomotor (fizikal) selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan KSSR atau KSSM.

Komponen PBS terdiri daripada bidang akademik dan bukan akademik seperti Rajah 2.8. Bidang akademik terdiri daripada Pentaksiran Sekolah (PS) dan Pentaksiran Pusat (PP), manakala bidang bukan akademik terdiri daripada Pentaksiran Psiko metrik



(PPsi) dan Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK). Kedua-dua bidang ini memberi pengiktirafan dan autonomi kepada guru untuk melaksanakan pentaksiran formatif dan sumatif yang berasaskan sekolah (LPM, 2012c).



Rajah 2.8 Komponen PBS

PP ialah komponen utama dalam proses PdP kerana pentaksiran ini berperanan mengukuhkan pembelajaran murid, meningkatkan keberkesanan pengajaran guru serta mampu memberi maklumat yang sah tentang apa yang telah dilaksanakan atau dicapai dalam satu-satu proses PdP. PP dilaksanakan secara pentaksiran formatif yang dijalankan seiring dengan proses PdP dan pentaksiran sumatif yang dijalankan pada akhir unit pembelajaran, penggal, bulanan atau tahun seperti peperiksaan pusat.

Peperiksaan pusat pula adalah peperiksaan untuk menilai pencapaian pelajar yang dikendalikan sepenuhnya oleh LPM. Ini adalah sama seperti peperiksaan awam yang sedia ada (Ong, 2010). Laporan peperiksaan pusat dibentangkan menggunakan sijil oleh LPM



bersama-sama dengan PS dan PP (LPM, 2012b). Sebagai contoh, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2.3 adalah peperiksaan pusat bagi mata pelajaran matematik untuk sekolah rendah dan menengah. Peperiksaan pusat bagi subjek matematik terdiri daripada Matematik UPSR (Tahun Enam), Matematik PMR (Tingkatan 3), Matematik Tambahan (Tingkatan 5) dan SPM, STAM dan SPMU Matematik (Tingkatan 5).

Jadual 2.3


Peperiksaan Pusat bagi Mata Pelajaran Matematik

Instrumen	UPSR Matematik	PMR Matematik	SPM/STAM/SPMU Matematik	SPM Matematik Tambahan
Instrumen 1	Objektif 40 soalan 1 jam	Objektif 40 soalan 1 jam 15 minit	Objektif 40 soalan 1 jam 15 minit	Objektif 40 soalan 2 jam
Instrumen 2	Subjektif 20 soalan 40 minit	Subjektif 20 soalan 1 jam 45 minit	Subjektif A: 11 soalan B: 4(5) soalan 2 jam 30 minit	Subjektif A: 6 soalan B: 4(5) soalan C: 2(4) soalan 2 jam 30 minit

PS dilaksanakan oleh guru dan pihak sekolah sepenuhnya bermula dari aspek perancangan, pembinaan item dan instrumen pentaksiran, pentadbiran, pemeriksaan atau penskoran, perekodan dan pelaporannya. PS merupakan aktiviti yang berterusan yang menuntut komitmen yang tinggi serta hala tuju yang jelas daripada guru dan pihak sekolah untuk memperkembangkan potensi setiap murid ke tahap maksimum. PS berfungsi sebagai pentaksiran untuk pembelajaran (*assessment for learning*) dan pentaksiran tentang



pembelajaran (assessment of learning). Melalui PBS, pelajar dinilai dalam pelbagai aspek yang meliputi pelbagai kecerdasan serta perkembangan emosi sahsiah pelajar. Antara aspek yang dinilai ialah daya kreatif, kemahiran proses sains, perlakuan dan amalan nilai murni sikap, kesihatan dan kecergasan, kemahiran kinestetik serta bakat dan minat. Pelaksanaan PBS yang sistematik perlu mengikut langkah-langkah seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 2.9.



Rajah 2.9 Pelaksanaan PBS. Diadaptasi dari LPM, (2012c)



PAJSK merupakan panduan untuk menilai aktiviti fizikal dan kesihatan serta mengukur penyertaan, penglibatan dan pencapaian murid dalam pelbagai aktiviti sukan, kokurikulum dan ekstra kurikulum. PAJSK memerlukan murid melibatkan diri dalam aktiviti bukan akademik sama ada di dalam atau di luar bilik darjah mengikut keupayaan murid. PAJSK dibangunkan untuk melengkapi sistem pentaksiran pendidikan di Malaysia supaya lebih holistik dan bersepadu. Ia juga sejajar dengan konsep Satu Murid Satu Sukan (1M1S), pembangunan modal insan dan perkembangan potensi murid dari segi JERI seperti yang dihasratkan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Sekolah melaksanakan pentaksiran ini berdasarkan garis panduan yang disediakan oleh LPM (LPM, 2013).



PPsi pula adalah suatu kaedah yang digunakan secara sistematik untuk mengumpul maklumat yang menggambarkan tret psikologi. Tret psikologi yang diukur merangkumi aptitud dan personaliti murid. Ujian aptitud digunakan bagi menilai bakat semula jadi dan kebolehan diperoleh, seperti kebolehan berfikir dan menyelesaikan masalah. Inventori personaliti digunakan bagi mengenal pasti trait dan ciri utama yang membentuk personaliti murid. Hasil dapatan PPSi dapat digunakan untuk membantu mempertingkatkan pembelajaran murid. PPSi menggunakan instrumen pentaksiran yang tidak berasaskan kurikulum dan proses PdP. PPSi mengukur kebolehan semula jadi (*innate ability*) dan kebolehan yang diperoleh (*acquired ability*) daripada pengalaman dan persekitaran. LPM menghasilkan instrumen ini dan menyediakan garis panduan cara menggunakannya.





a. Standard prestasi

Dalam pentaksiran ini, standard prestasi digunakan untuk melihat kemajuan dan pertumbuhan (*growth*) pembelajaran serta pencapaian prestasi seseorang murid. Dalam hal ini juga, pentaksiran berperanan sebagai proses untuk mendapatkan maklumat tentang sejauh mana murid tahu, faham dan boleh buat atau telah menguasai apa yang dipelajari berdasarkan pernyataan standard prestasi. Pernyataan standard prestasi ini ditetapkan mengikut tahap-tahap penguasaan seperti yang dihasratkan dalam Dokumen Kurikulum. Murid dinilai secara adil dan saksama sebagai individu berdasarkan keupayaan, kebolehan, bakat, kemahiran dan potensi diri tanpa dibandingkan dengan orang lain (LPM, 2012a).

Standard prestasi merupakan satu pernyataan yang menerangkan tentang tahap-tahap penguasaan seseorang murid dalam sesuatu bidang atau mata pelajaran yang dipelajari. Dalam satu tempoh pembelajaran, murid ditaksir berdasarkan penanda aras (*benchmark*) yang terdapat dalam standard prestasi. Guru menggunakan standard prestasi sebagai rujukan untuk menentukan aktiviti pentaksiran dilaksanakan secara adil dan berfokus. Standard Prestasi juga menjadi sumber rujukan oleh semua pihak yang terlibat dalam pendidikan secara langsung dan tidak langsung seperti murid, guru, ibu bapa serta pihak yang berkepentingan untuk menunjukkan dengan jelas matlamat yang ingin dicapai dalam sistem pendidikan. Selain itu, standard prestasi juga boleh dijadikan kayu ukur untuk menentukan tahap dan standard pendidikan negara berbanding negara lain. Jadual 2.4 menunjukkan pernyataan dalam Standard Prestasi dan tafsirannya. Dengan menggunakan Standard Prestasi:



- i. Murid tahu dengan jelas apa yang perlu dikuasai atau dicapai, apa yang ditaksir dan kualiti yang diharapkan dalam sesuatu pentaksiran.
- ii. Guru tahu matlamat yang akan dicapai dalam pendidikan murid di sekolah, apa yang ditaksir dan kualiti yang harus ada pada setiap murid.
- iii. Ibu bapa tahu apa yang telah dikuasai atau dicapai oleh anak-anak mereka selepas melalui proses pendidikan untuk satu tempoh tertentu.
- iv. Pihak yang berkepentingan tahu matlamat kurikulum dan kualiti murid yang melalui sistem pendidikan negara.

Jadual 2.4

Standard Prestasi dan Tafsirannya

Pernyataan	Tafsiran
Band	Satu label yang digunakan untuk menunjukkan tanda aras tertentu yang disusun secara hierarki digunakan bagi tujuan pelaporan tahap penguasaan murid
Standard	Satu pernyataan tentang suatu domain merujuk kepada tanda aras tertentu dan bersifat generik bagi memberi gambaran secara holistik tentang tahap penguasaan murid.
Pernyataan Standard	Pernyataan Standard bagi sesuatu mata pelajaran diguna pakai sepanjang tempoh peringkat pembelajaran (Sekolah rendah : Tahun 1 hingga Tahun 6 dan Sekolah menengah rendah: Tingkatan 1 hingga Tingkatan 3) dan digubal berdasarkan Objektif Mata Pelajaran berkenaan.

(bersambung)

(Jadual 2.4 *sambungan*)

Pernyataan	Tafsiran
Deskriptor	Deskriptor merujuk kepada perkara yang murid seharusnya tahu dan boleh buat berdasarkan standard pembelajaran yang diterakan dalam Standard Kurikulum bagi mata pelajaran berkenaan. Deskriptor setiap pernyataan standard adalah berbeza bagi setiap tahun pembelajaran
Evidens (Murid)	Pernyataan yang menerangkan bagaimana murid menunjukkan perkara yang diketahui dan dikuasai berdasarkan sesuatu deskriptor.
Evidens (Bahan)	Bahan atau apa-apa bentuk bukti yang dapat ditunjukkan oleh murid yang melaksanakan sesuatu tugas dalam bentuk produk atau proses. Eviden boleh dalam bentuk produk atau proses seperti gambar foto, grafik, artifak dan laporan
Instrumen	Alat yang digunakan untuk menguji penguasaan/pencapaian murid bagi sesuatu domain seperti Ujian bertulis, Ujian lisan, Demonstrasi, Ujian Amali, Pemerhatian, Kajian Lapangan dan sebagainya.

b. Dokumen Standard Prestasi (DSP)

DSP dibangunkan oleh LPM. Dokumen yang dibangunkan ini mengandungi panduan untuk mentafsir pencapaian murid mengikut tahap-tahap pencapaian seperti yang dihasratkan dalam Dokumen Standard Kurikulum (DSK). DSK dibangunkan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum yang mengandungi perkara-perkara yang patut dipelajari dan perlu disampaikan dalam proses PdP. Jadual 2.5 menunjukkan contoh DSP



yang mengandungi pernyataan deskriptor dan eviden bagi mata pelajaran Sains tingkatan Satu. Manakala Jadual 2.6 menunjukkan hubung kait antara pernyataan standard, deskriptor dan eviden. Namun begitu, pada tahun 2014, penggunaan descriptor dan eviden tidak lagi digunakan.

Jadual 2.5

Dokumen Standard Prestasi

Band	Pernyataan Standard	Deskriptor	Evidens
1	B1	B1D1	B1D1E1
Tahu	Mengetahui konsep dan prinsip asas sains	Menyatakan kerjaya dalam sains	Menyenaraikan kerjaya dalam bidang sains
		B1D2	B1D2E1
		Mengenal pasti sel sebagai unit asas kehidupan	Menyatakan sel sebagai unit asas kehidupan
			B1D2E2
			Menyenaraikan pelbagai jenis sel manusia
		B1D3	B1D3E1
		Menyatakan tentang benda-benda di sekeliling	Menyenaraikan benda-benda yang mempunyai isim dan memenuhi ruang.



Jadual 2.6

Hubung kait antara Pernyataan Standard, Deskriptor dan Evide

Band	Penyataan	Deskriptor	Evidens
1	Penerangan generik/umum tentang tahap kemajuan pembelajaran	APA yang murid tahu dan boleh buat	BAGAIMANA murid menunjukkan apa yang mereka tahu dan boleh buat
2			
3			
4			
5			
6			

c. Kerangka Standard Prestasi

Pernyataan Standard Prestasi ialah pernyataan tentang sesuatu domain merujuk kepada tanda aras tertentu dan bersifat generik atau umum tentang tahap pertumbuhan dan penguasaan murid dalam pembelajaran. Pernyataan Standard diletakkan dalam kategori mengikut band iaitu Band 1, Band 2, Band 3, Band 4, Band 5 dan Band 6 yang disusun mengikut hierarki. Pernyataan Standard ini diperjelaskan lagi dengan deskriptor yang menyatakan tentang tingkah laku terperinci yang boleh di perhati dan diukur dalam menentukan prestasi atau tahap penguasaan murid dalam pembelajaran. Rajah 2.10 menunjukkan kerangka utama Pernyataan Standard manakala Jadual 2.7 menunjukkan penerangan terperinci tentang kerangka standard prestasi.



Rajah 2.10 Kerangka Utama Pernyataan Standard

Penerangan terperinci Kerangka Pernyataan Standard

BAND	STANDARD
6	Murid berupaya menggunakan pengetahuan dan kemahiran sedia ada untuk digunakan pada situasi baru secara sistematik, bersikap positif, kreatif dan inovatif serta boleh dicontohi
5	Murid melaksanakan sesuatu kemahiran pada situasi baru, dengan mengikut prosedur atau secara sistematik, serta tekak dan bersikap positif.
4	Murid melaksanakan sesuatu kemahiran dengan beradab, iaitu mengikut prosedur atau secara sistematik.
3	Murid boleh menggunakan pengetahuan untuk melaksanakan sesuatu kemahiran pada suatu situasi
2	Murid menunjukkan kefahaman untuk menukar bentuk komunikasi atau menterjemah serta menjelaskan apa yang telah dipelajari.
1	Murid tahu perkara asas, atau boleh melakukan kemahiran asas atau memberi respons terhadap perkara yang asas.



d. Pengurusan evidens

Evidens ialah bahan bukti yang perlu diuruskan secara sistematik mengikut keputusan Jawatankuasa PBS. Evidens terbahagi kepada dua iaitu evidens murid dan evidens bahan. Evidens murid merujuk kepada keupayaan sebenar murid tentang apa yang dia tahu dan boleh buat secara lisan atau perlakuan. Evidens bahan merujuk kepada apa-apa bukti produk atau proses seperti foto, grafik, artifak, laporan dan lain-lain yang dihasilkan oleh murid dalam melaksanakan sesuatu tugas. Evidens bahan boleh disediakan secara individu atau berkumpulan. Ciri-ciri evidens adalah:

- i. Sah iaitu evidens yang dikemukakan hendaklah relevan dan menggambarkan penguasaan/pencapaian standard yang telah ditetapkan;
- ii. Autentik iaitu murid dapat membuktikan evidens yang dikutip adalah hasil kerjanya sendiri;
- iii. Kecukupan iaitu evidens yang dikumpul mencukupi untuk menunjukkan kemampuan murid;
- iv. Semasa iaitu evidens dapat membuktikan murid dapat membuat tugas mengikut piawaian semasa; dan
- v. Tekal iaitu evidens yang dikumpul dapat membuktikan ketekalan perlakuan dan membuktikan keputusan yang sama diberi oleh pentaksir yang berlainan

(LPM, 2012c; p. 48).





Antara jenis-jenis evidens PS pula adalah;

- i) penulisan iaitu pelajar menulis aksara pada perantara dengan tujuan untuk membentuk perkataan dan gagasan lain yang mewakili bahasa atau maklumat. Ia juga merupakan penciptaan bahan-bahan yang disampaikan melalui tulisan;
- ii) bahan cetakan iaitu hasil kerja murid yang menggunakan pelbagai medium cetakan;
- iii) persembahan iaitu pembentangan atau penglibatan murid dalam mempamerkan bakat melalui pelbagai aktiviti. Contohnya: gerak kerja/aktiviti semasa melakukan tugas dan ia juga adalah satu evidens murid;
- iv) foto iaitu gambar yang mempunyai persamaan dengan suatu subjek; dan
- v) grafik yang merupakan persembahan visual yang ditunjukkan pada permukaan seperti dinding, kanvas, skrin komputer, kertas, papan untuk tujuan jenama, pemberitahuan, ilustrasi atau hiburan. Contoh grafik ialah gambar, foto, lukisan, seni tanpa ton, graf, tipografi, nombor, simbol, reka bentuk geometri, peta, lukisan kejuruteraan atau imej lain. Grafik selalunya menggabungkan teks, ilustrasi dan warna. Grafik juga boleh merupakan bayangan atau menggambarkan perkara yang wujud dalam dunia sebenar.

(LPM, 2012c; p. 40).

Penyimpanan evidens murid disimpan dalam dua jenis fail seperti berikut a) Fail Perkembangan Murid (FPM) iaitu fail yang menyimpan evidens perkembangan





pembelajaran murid. Seorang murid mempunyai satu FPM yang mengandungi evidens semua mata pelajaran. Setiap evidens hendaklah direkodkan dalam Rekod Perkembangan Murid (RPM). RPM diletakkan di hadapan evidens setiap mata pelajaran. Fail ini menyimpan evidens terkini bagi setiap descriptor dan evidens terdahulu dikembalikan kepada murid. b) Fail *Showcase* (FS) ialah fail yang menyimpan setiap evidens terbaik bagi semua deskriptor untuk semua mata pelajaran. FS hendaklah dijadikan rujukan piawaian evidens. FS hendaklah disediakan mengikut tahun/tingkatan atau kelas. Cara pelupusan evidens pula ialah eviden hendaklah diserahkan semula kepada murid setelah di rekod dalam aplikasi SPPBS. Evidens yang tidak dituntut oleh murid boleh dilupuskan selepas dua minggu daripada tempoh di rekod dalam aplikasi SPPBS. Namun, selepas

2013, semua sistem fail ini dihapuskan dan diganti dengan sistem *offline*.



2.7 Penilaian Konteks (Penataran dan Penguasaan Maklumat PBS)

Menurut Stufflebeam dan Shinkfield (2007), penilaian konteks tertumpu kepada persekitaran di mana perubahan akan berlaku apabila matlamat dan objektif suatu program dikuasai dan difahami. Tujuan penilaian ini adalah untuk menentukan kesesuaian persekitaran dalam membantu pencapaian matlamat dan objektif program. Kekuatan dan kelemahan guru dalam menguasai maklumat asas tentang PBS seperti yang diharapkan oleh KPM perlu di unguatkan bagi menyediakan satu garis panduan untuk perubahan. Objektif PBS, Matlamat PBS dan Konsep PBS merupakan kriteria yang dipilih bagi aspek Penataran dan Penguasaan Maklumat PBS.





2.6.1 Objektif PBS

Setiap program perlu mempunyai objektif supaya pelaksana program dapat menjadikan objektif tersebut sebagai hala tuju bagi menjayakan program tersebut. Objektif program merupakan sesuatu yang khusus yang ingin dicapai dalam jangka masa pendek (Amin Senin, 2008). Objektif sesuatu program dibina berdasarkan matlamat program tersebut (Tyler, 1949). Berdasarkan Model Penilaian Tyler, elemen penetapan objektif ada diselitkan bagi memastikan sesuatu program itu mencapai matlamatnya.



Justeru itu, KPM telah menggariskan objektif PBS yang perlu dikuasai oleh guru-guru dalam melaksanakan PBS. Objektif PBS yang telah digariskan adalah seperti berikut;

- i) mendapatkan gambaran secara keseluruhan tentang potensi individu
- ii) memantau pertumbuhan dan membantu meningkatkan potensi individu
- iii) membuat pelaporan bermakna tentang pembelajaran individu

(LPM, 2012a)

Pentingnya guru-guru menguasai objektif PBS ini bagi memastikan guru-guru ini tahu mengapa PBS ini dilaksanakan. Antara tujuan PBS dilaksanakan adalah untuk mendapatkan gambaran secara keseluruhan tentang potensi murid dan membantu mereka meningkatkan potensi tersebut. Berbanding sistem peperiksaan sebelum ini yang membanding prestasi antara murid, sistem pentaksiran hanya menumpukan potensi yang ada dalam diri murid itu sendiri (Eftah & Abdul Aziz, 2013). Selaras dengan pernyataan





Harlen (2003) yang menyatakan antara tujuan pentaksiran adalah untuk memberi gambaran kepada guru dan murid agar mereka tahu tentang tahap pencapaian mereka. Sementara itu guru-guru perlu mempunyai sistem pelaporan yang cekap dan sistematik (Eftah & Abdul Aziz, 2013) supaya guru-guru boleh menghasilkan satu pelaporan yang bermakna tentang pembelajaran murid.

2.6.2 Matlamat PBS

Penyataan tentang matlamat sesuatu program menentukan arah tuju program tersebut.

Matlamat merupakan satu komitmen pihak tertentu untuk mencapai sesuatu keputusan atau hasil yang boleh dicapai dalam jangka masa tertentu (Azman & Ahmad, 2003). Setiap

matlamat mesti spesifik, boleh diukur, diterima dan dipersetujui, realistik, mempunyai tempoh masa dan, *extending* dan *rewarding* (Mumtaz, 2008). Matlamat yang jelas juga

akan memberi arah tuju kepada sesuatu program yang dirancang (Kaye & Dyason, 1994).

Maka adalah menjadi satu keperluan kepada para guru untuk mengetahui matlamat PBS supaya pelaksanaan PBS yang dilakukan ada arah tuju. Selaras dengan Mumtaz et al.

(2008) dalam kajiannya tentang kesan integriti dan pengurusan kualiti mendapati pembentukan visi, misi dan matlamat mempunyai hubungan terhadap kejayaan dalam sesuatu organisasi.





Maka dengan itu, KPM telah menetapkan matlamat PBS adalah untuk memperkembangkan potensi setiap murid ke tahap maksimum. Ini bermakna guru-guru perlu memberi tumpuan yang menyeluruh kepada semua potensi murid dari segi jasmani, rohani, emosi dan intelek ke tahap yang lebih cemerlang. Penguasaan matlamat PBS ini akan menjadi garis panduan para guru sepanjang melaksanakan PBS. Perkara ini adalah penting kerana menurut (Baum, Olenchak, & Owen, 1998) apabila seseorang itu tahu sesuatu matlamat yang akan dilakukan maka mereka akan lebih bermotivasi untuk melakukan perkara tersebut dan akan sedaya upaya untuk mencapai matlamat tersebut. Matlamat PBS dalam kajian ini mencangkup pengetahuan guru dan maklumat yang di perolehi berkaitan matlamat PBS.



2.6.3 Konsep PBS

PBS yang dilaksanakan dengan sempurna oleh guru dapat membantu mengatasi masalah pembelajaran yang telah dikenal pasti pada peringkat awal lagi supaya kelemahan tersebut tidak terhimpun seterusnya. Di samping itu, kekuatan pelajar telah diperkukuh dan diperkayakan dengan pelbagai aktiviti yang dijalankan oleh guru. Konsep PBS dalam kajian ini mencangkup pengetahuan guru dan maklumat yang di perolehi berkaitan konsep PBS. Maka dengan itu, guru-guru perlu memastikan PBS yang dilaksanakan adalah berdasarkan konsep yang betul. Beberapa konsep PBS yang utama yang telah ditetapkan, antaranya seperti berikut:

- i. PBS dikendalikan oleh guru iaitu guru sendiri yang menilai pelajarinya.





- ii. PBS juga berasaskan kriteria, iaitu ia berperanan menilai penguasaan pelajar berdasarkan hasil pembelajaran yang telah ditentukan.
- iii. PBS bersifat formatif dan dijalankan secara berterusan. Pengendalian PBS boleh dijalankan dalam kaedah yang pelbagai. Contohnya kaedah pemerhatian, lisan, penulisan dan sebagainya.
- iv. PBS bersifat mengesan perkembangan pembelajaran secara menyeluruh dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani.
- v. PBS juga menekankan perkembangan individu di mana ianya berdasarkan kemampuan individu dan bukan untuk perbandingan antara individu.
- vi. PBS mesti bersistem. Sistem PBS mesti mengandungi sejumlah tindakan yang perlu ada dan dilaksanakan. Contohnya sistem merancang, menentukan instrumen, melaksana, menganalisis, merekod, melapor serta tindakan susulan.
- vii. PBS mempunyai ciri menggalakkan penilaian sendiri. PBS melatih pelajar menilai kemajuan sendiri secara berterusan, manakala dalam masa yang sama guru mendapat maklumat tambahan.
- viii. PBS mesti membolehkan tindakan susulan dilakukan. Ini bagi mengatasi kelemahan pembelajaran serta mempertingkatkan kekuatan pembelajaran.

(LPM, 2012b)

Antara kekuatan PBS adalah terletak pada amalan maklum balas guru (*assessment feedback*) semasa proses PdP. Maklum balas guru ini dapat membantu murid mengubah,





menstruktur dan memperhalusi proses pemikiran terhadap pembelajaran. Maka setiap guru yang menghayati konsep PBS akan dapat memantau perubahan konsepsi murid semasa proses PdP berlangsung (Rohaya Talib, Mohd Zaki Kamsah & Hamimah Abu Naim, 2015). Namun, Yang dan Yang (2001) dari Universiti Hong Kong menggariskan pendapat tentang kewajaran pelaksanaan PBS, iaitu seperti berikut:

- i. Kesedaran kepada pentaksiran pelajar berasaskan kepada asas kewajaran.
- ii. Kesedaran untuk tidak menafikan peluang untuk belajar ketika proses peluang pelajar untuk belajar ketika proses pentaksiran berlaku.
- iii. Kesedaran untuk tidak merampas peluang pelajar untuk menerima pendidikan secara keseluruhan.



Benny berpendapat bahawa PBS merupakan satu keperluan. Namun PBS perlu dilengkapkan dengan sebaiknya dengan mekanismenya memerlukan perubahan dari semasa ke semasa selaras sistem pendidikan negara. Goos dan Moni (2001) pernah membentangkan kertas kerja berkenaan PBS sebagai amalan profesional dan menaksir pelajar. Menurut beliau, tanggungjawab seorang guru adalah untuk menyediakan satu model kepada praktik yang profesional untuk pelajar.





2.8 Penilaian Input (Kesediaan Guru)

Kesediaan bermaksud keadaan atau kualiti persediaan dari segi minda dengan keazaman dan kesungguhan. Seorang individu yang bersedia bekerja akan melaksanakan dengan lancar dan berpuas hati terhadap hasil yang di perolehi. Sebaliknya, jika tidak bersedia untuk menerima tugas dan dalam keadaan terpaksa, seseorang individu akan tidak akan mencapai kepuasan dalam bekerja (Skinner, 1965). Menurut Skinner (1965) lagi, kesediaan asas dan kecenderungan seseorang untuk bekerja bergantung pada kesediaan atau sebaliknya. Dalam konteks kajian ini, kesediaan membawa maksud kesediaan guru-guru mendapat dan menerima maklumat (sumber manusia), penyediaan kemudahan di sekolah (sumber bukan manusia), pengetahuan dan kemahiran guru dalam melaksanakan PBS.

2.7.1 Sumber Manusia

Sumber manusia merupakan sekumpulan kakitangan dan pekerja yang berkhidmat dalam sesebuah organisasi. Ia merangkumi penggabungan semua tenaga kerja yang pelbagai untuk mencapai matlamat bersama (Bohlander, Snell & Sherman, 2001). Menurut Cronbach (1982), guru berperanan sebagai penilai dan menyedari kepentingan membuat keputusan yang bijak dalam proses penilaian yang dilakukan. Setiap langkah penilaian yang dibuat akan mempengaruhi hasil dari proses PdP. Melalui PBS juga, guru telah





diberikan pengiktirafan dan autonomi untuk melaksanakan pentaksiran formatif dan sumatif yang berasaskan sekolah. Hal ini akan dapat meningkatkan integriti dan kredibiliti profesion perguruan kerana guru merupakan orang yang paling sesuai untuk mentaksir murid masing-masing.

Ini bermakna guru-guru bertanggungjawab dalam pentaksiran pelajar dan perlu mempunyai standard, kompeten (kelayakan) dan keyakinan dalam mentaksir pelajar (Eftah & Abdul Aziz, 2013). Namun perkara yang sering disuarakan dalam perbincangan tentang PBS adalah kebolehan dan kelayakan guru-guru dalam melaksanakan pentaksiran. Standard dan kelayakan guru dalam mentaksir murid dapat dilihat apabila guru-guru berkemahiran memilih kaedah pentaksiran dan berjaya memperkembangkan kaedah pentaksiran sesuai dengan keputusan PdP (Gavin Thomas Lumsden Brown, 2003).

Dari kajian-kajian yang dijalankan di dapati guru-guru melaporkan bahawa mereka merasakan latihan perguruan adalah tidak mencukupi bagi mereka untuk melaksanakan tugas ini. (Schafer & Tarpy, 1993; Stiggins, Schafer & Hill 1991; Schafer & Lissitz, 1987). Fawzia (1991) dalam kajiannya bagi program peralihan Kemahiran Hidup Tingkatan Satu melaporkan bahawa guru-guru bersikap positif terhadap PBS tetapi guru-guru merasakan jangka masa latihan yang diikuti bagi melaksanakan pentaksiran kerja kursus adalah tidak mencukupi. Ini menggambarkan kursus yang diikuti tidak meyakinkan guru-guru dalam membuat pentaksiran.

Namun menurut Fang et al. (2014) keyakinan guru dalam mentaksir semakin bertambah apabila mereka mengikuti kursus-kursus disekolah. Amin Senin (2008) turut





mengakui bahawa aktiviti profesional seperti kursus dalaman dapat menyediakan peluang pembelajaran bagi keperluan guru dan menambah keyakinan guru. Beliau juga mengakui bahawa sebarang kursus dalaman akan lebih berkesan jika dikendalikan oleh individu yang kepakarannya bersesuaian dengan bidang yang diberi. Individu yang mempunyai kepakaran yang dimaksudkan adalah guru-guru mata pelajaran yang telah mengikuti kursus tentang PBS selama beberapa hari yang dianjurkan oleh PPD, JPN atau KPM dan menyampaikan semula segala maklumat yang diperolehi semasa Mesyuarat PBS di sekolah atau kursus dalaman. Guru tersebut digelar Jurulatih Utama Sekolah (JUS) dan akan menjadi rujukan guru-guru lain.

Setelah guru-guru tersebut menyerap maklumat yang disampaikan, maka guru-guru dianggap sudah layak dalam membuat pentaksiran. Namun begitu, kajian Rohaya (2009) mendapati 87 peratus daripada jumlah guru di Malaysia berada pada tahap kelayakan dalam pentaksiran adalah sederhana rendah. Keadaan ini berlaku adalah disebabkan kursus yang dianjurkan tidak hanya berfokus kepada cara pentaksiran. Menurutnya lagi model latihan yang diberikan tidak efektif dan sistematik. Seharusnya sistem PBS di manfaatkan dari aspek penguasaan ilmu dan kemahiran yang lebih berkesan untuk membantu guru menjadi pendidik yang bersifat reflektif-kendiri dari aspek pengajaran. Sebaliknya, PBS di Malaysia memberi penekanan yang tersasar dari konsep sebenar PBS. Contohnya, latihan guru tertumpu kepada prosedur teknikal pelaksanaan PBS dan tidak memberikan input tentang teori pembelajaran terkini.





Justeru, melalui kursus yang dihadiri, guru-guru dapat memahami dengan jelas semua kriteria pemarkahan dalam pentaksiran kerja kursus dan membantu mereka memahami dokumentasi pentaksiran dengan lebih jelas. Dapatan ini selari dengan kajian Jaliah (2002) yang mendapati bahawa guru perlu menjalani kursus mengenai Penilaian Kerja Kursus terlebih dahulu sebelum menilai kerja kursus pelajar. Melalui kursus yang diikuti, bukan sahaja membuka peluang kepada guru untuk meningkatkan penguasaan ilmu dan pengetahuan untuk membina instrumen malah ia merupakan laluan meningkatkan kerjaya dalam bidang perguruan. Ini bertepatan dengan pendapat Robin (1998) bahawa guru harus menekankan aspek penguasaan ilmu dan kemahiran untuk perubahan masa depan.



2.7.2 Sumber Bukan Manusia

Pentaksir yang menjalankan pentaksiran perlu mempunyai kesediaan supaya boleh menerima transformasi dalam pendidikan dan secara tidak langsung ia akan menghasilkan amalan-amalan yang positif sepanjang pentaksiran dijalankan. Antara kesediaan yang perlu ialah input sumber bukan manusia. Kemudahan seperti capaian internet, bilik PBS, set komputer dan maklumat bercetak dapat meningkatkan kesediaan guru dalam melaksanakan PBS.





Justeru, berdasarkan pernyataan yang telah diutarakan, sememangnya PBS sukar dilaksanakan sekiranya guru tidak diberi sokongan sepenuhnya dari segi kesediaan bahan-bahan atau sumber yang mereka gunakan dalam proses PdP. Donovan dan Cross (2002) dalam Harrel (2004) bersetuju bahawa peningkatan tahap kesediaan dan profesionalisme guru dalam pengurusan bilik darjah adalah sangat penting kerana ketidakupayaan guru untuk mengurus bilik darjah dengan efektif akan memberi kesan kepada pencapaian murid (Oliver & Reschly, 2007).

Menurut Kementerian Kewangan dalam buku Tahunan Perangkaan Malaysia 2012, perbelanjaan untuk pendidikan dan latihan telah diperuntukkan lebih lapan juta Ringgit Malaysia. Ini termasuklah bahan-bahan sokongan yang disediakan oleh LPM untuk guru seperti DSP bagi setiap mata pelajaran, Manual Pentaksiran dan contoh-contoh instrumen bagi memudahkan guru-guru memahami konsep PS yang telah disebar luaskan di laman sesawang LPM. Penyediaan sumber ini adalah untuk memudahkan pihak sekolah, panitia dan guru dalam melaksanakan PBS.

Namun demikian, hasil kajian Azizi (1999) mendapati kelengkapan peralatan dan bengkel, sokongan pengetua, kemahiran guru mengajar dan latihan adalah tidak berkesan secara keseluruhannya. Sementara dari segi peruntukan kewangan, jadual waktu dan masa serta pengetahuan guru menunjukkan keberkesanan yang tinggi. Berbeza dengan dapatan Suzana (2015) yang mendapati bahawa tahap penyediaan bahan-bahan seperti buku rujukan, manual PBS dan sebagainya di sekolah adalah sederhana. Namun begitu, kajian





Mohd Anuar dan Zamiyah (2010) mendapati penyediaan kemudahan PBS berada di tahap yang tinggi. Ini adalah kerana adanya sikap keprihatinan pihak pentadbir terhadap pelaksanaan PBS di sekolah.

2.6.3 Pengetahuan dan Kemahiran

Mengikut Bennet dan Rockwell (1995), pengetahuan merujuk kepada kesedaran, kefahaman dan keupayaan menyelesaikan masalah. . Kemahiran pula merujuk kepada kebolehan lisan atau fizikal yang ada pada seseorang (Bennet & Rockwell, 1995)



Dalam sidang media pada 18 Mac 2014, Menteri Pendidikan (Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin) menegaskan bahawa latihan adalah satu aspek utama dalam memastikan guru dapat melaksanakan pentaksiran. Oleh itu, latihan yang diberikan kepada guru dapat membantu meningkatkan kemahiran dan pengetahuan memahami istilah-istilah dalam pentaksiran. Sejalan dengan itu, LPM juga mengingatkan guru-guru sentiasa merujuk kepada DSK dan DSP yang mengandungi istilah-istilah seperti standard prestasi, pernyataan standard, deskriptor, dan band bagi menambahkan pemahaman guru dalam melaksanakan PBS.

Bertepatan dengan kajian Radin (2008) yang mendapati guru-guru mengimpikan latihan yang profesional dalam pentaksiran bagi mendapatkan pengetahuan dan kemahiran pentaksiran agar mereka boleh melaksanakan PBS dengan jayanya. Guru-guru juga mahu





dibekalkan dengan sumber material seperti DSP, Manual Pentaksiran, contoh instrumen, contoh pemarkahan dan sebagainya. Latihan dan bengkel ini sangat penting untuk memberi kemahiran dan keyakinan kepada guru untuk merangka bentuk dan pelaksanaan PBS.

Dapatan ini juga selari dengan kajian Jaliah (2002) yang mendapati bahawa guru perlu menjalani kursus mengenai Penilaian Kerja Kursus terlebih dahulu sebelum menilai kerja kursus pelajar. Kursus yang diikuti bukan sahaja membuka peluang kepada guru untuk meningkatkan penguasaan ilmu dan pengetahuan untuk membina instrumen malah berupaya meningkatkan kerjaya dalam bidang perguruan. Ini juga bertepatan dengan pandangan Robin (1998) yang menyatakan bahawa guru harus menekankan aspek penguasaan ilmu dan kemahiran untuk perubahan masa depan. Memandangkan guru diberi kepercayaan untuk mentaksir pelajar mereka, maka adalah menjadi satu keperluan guru-guru mendalami pengetahuan dan kemahiran dalam menggunakan berbagai-bagai kaedah pentaksiran (Bahagian Pendidikan Guru, KPM, 2007). Namun, kajian Abdul Zubir, (2007) menunjukkan sebaliknya di mana hampir 50% guru masih belum menerima sebarang latihan dan taklimat khusus berhubung dengan PBS.

Kajian Begum dan Farooqui (2008) turut mendapati bahawa kebanyakan guru-guru tidak mendapat latihan yang secukupnya untuk melaksanakan PBS. Begitu juga dengan kajian Abdul Zubir (2007) yang mengkaji pelaksanaan PBS dalam kalangan guru tingkatan tiga yang mendapati guru mempunyai tahap pengetahuan dan kemahiran yang sederhana





dalam melaksanakan pentaksiran. Guru yang tidak terlatih dalam pentaksiran akan mempunyai kefahaman yang sedikit dan seterusnya boleh menyebabkan markah tidak dapat diagihkan dengan berkesan akibat ketidakmampuan guru tersebut. Jika PS ini dilaksanakan tanpa menyediakan latihan yang mencukupi kepada guru-guru, jurang yang besar akan wujud antara strategi yang digubal oleh kerajaan dengan realiti sebenar dalam bilik darjah (Abdul Zubir, 2007). Maka Shapard (2000) menyuarakan bahawa untuk guru melakukan sesuatu perubahan, guru tersebut perlu diberikan pengetahuan dan kemahiran:

“...progressive educational required infinitely skilled teacher being able to ask the right questions at the right time, anticipate conceptual pitfalls, and have at the ready repertoire of task that will help student take the next step requires deep knowledge of subject matter. Teacher will also need knowledge in learning to use assessment in new way.”



(Shapard, 2000; p.71)

Namun terdapat sedikit perbezaan dengan dapatan Mohd Azhar dan Shahril (2007), Zamri dan Norazah (2011) dan Suzana dan Jamil (2012). Kajian mereka mendapati aspek pengetahuan dan kemahiran guru dalam pentaksiran adalah rendah. Kajian Zamri dan Norazah (2011) dan Suzana dan Jamil (2012) telah dijalankan di peringkat awal pelaksanaan KSSR. Pada peringkat ini guru-guru mula didedahkan dengan pengetahuan dan kemahiran berkaitan pentaksiran melalui kursus-kursus yang dijalankan oleh KPM.

Satu kajian yang telah dijalankan oleh Mohd Anuar dan Zamiyah (2010) untuk mengenal pasti tahap pengetahuan dan kemahiran, sikap dan bentuk masalah yang dihadapi oleh guru-guru KHB semasa melaksanakan PBS. Kajian mereka turut mendapati





guru-guru mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang rendah dalam pentaksiran. Kajian luar negara seperti kajian Phelan, Kang, Niemi, Vendlinski dan Choi (2009), Hall dan Burke (2003), Brookhart (2007), Fisher dan Frey (2009), Black et al. (2004) dan Black dan William (1998) juga mendapati pengetahuan dan kemahiran guru dalam pentaksiran berada pada tahap rendah walaupun di negara-negara mereka telah lama melaksanakan pentaksiran. Namun kajian Nor Sahidah (2014) pula melaporkan tahap pengetahuan guru berkaitan PBS, 68 peratus responden berada pada tahap sederhana dan 13 peratus berada di tahap yang lemah.

Menurut Abdul Rahim et.al (2006) sebaik-baik guru adalah mereka yang berpengetahuan tinggi, mahir dalam bidang teknikal dan cekap menjalankan tugas sebagai seorang guru. Esah Sulaiman (2003) dalam Shamsiah, Nelly, Hamidah dan Mohd Nor (2010) pula berpendapat guru merupakan pengurus pembelajaran yang bertanggungjawab untuk merancang pengetahuan, kemahiran dan nilai yang hendak diajar kepada murid setiap hari. Oleh yang demikian, guru perlu diberikan pendedahan tentang kaedah dan teknik membuat mentaksir melalui kursus dan program latihan yang disediakan oleh KPM, JPN dan PPD.





2.9 Penilaian Proses (Perancangan dan Pelaksanaan)

Penilaian proses yang terlibat dalam pelaksanaan PBS terbahagi kepada dua iaitu proses perancangan dan proses pelaksanaan. Stoner dan Wankel (1995) dalam buku mereka iaitu 'Management' mentakrifkan perancangan sebagai satu garis panduan yang dirangka oleh pihak-pihak dalam sesebuah organisasi bagi mencapai maksud asal penubuhannya. Pada masa yang sama, perancangan membantu pihak pengurusan organisasi menentukan arah tujuan organisasi, memutuskan isu-isu yang berkaitan dengan persoalan mengenai – apa, bila dan bagaimanakah pelan perancangan akan dilaksanakan dan siapa yang akan melakukannya.



Stoner dan Wankel (1995) telah melontarkan pandangan bahawa 'perancangan tanpa pelaksanaan adalah satu perbuatan yang sia-sia.' John West (2009) melihat pelaksanaan sebagai satu proses untuk memenuhi apa yang telah dirancang. Setelah perancangan dibuat, ia perlu dilaksanakan. Dalam kajian ini, penyelidik telah menentukan bahawa penilaian proses di bawah aspek perancangan meliputi Perancangan Guru, Perancangan Panitia dan Perancangan Sekolah. Manakala proses pelaksanaan dalam kajian ini meliputi Pentaksiran Sekolah, Pembinaan Instrumen dan Penjaminan Kualiti yang terdiri daripada Pementoran, Pengesanan, Pemantauan dan Penyelarasan.





2.8.1 Perancangan Guru

Perancangan adalah satu garis panduan yang dirangka oleh pihak-pihak dalam sesebuah organisasi bagi mencapai maksud asal penubuhannya (Stoner & Wankel, 1995). Secara umumnya, PBS adalah satu sistem pentaksiran yang praktikal dan holistik (Rohaya Talib et al., 2015). PBS dicirikan sebagai *educative assessment system* yang boleh meningkatkan sifat endah guru terhadap pelajar, adil (pelajar dinilai secara berterusan dan penilaian guru diberikan pengiktirafan), holistik (melibatkan 4 komponen dari 3 domain), seimbang (merangkumi akademik dan non-akademik) dan bermakna (*meaningful*). Bermakna bermaksud proses pentaksiran yang menekankan kebolehan pelajar untuk menghubungkan kait idea, mengaplikasikan pengetahuan dan menyelesaikan masalah. Sebelum itu, proses pengajaran guru perlulah mengambil kira pengetahuan sedia ada sebagai petunjuk menghasilkan perancangan pengajaran yang bermakna (Bransford et al., 2000).

Menurut Guskey (2008, 2010), aspek perancangan perlu dilakukan sebaiknya bagi memastikan pelaksanaan pentaksiran menepati standard pembelajaran. Ini bermakna guru-guru perlu memastikan perancangan yang dilakukan adalah berdasarkan DSP dan PPPM. Perancangan dalam menggunakan bahan pengajaran, instrumen pentaksiran dan sebagainya perlu supaya guru-guru bersedia dengan sesi PdP. Ini disokong oleh Brookhart (2005), Stiggins dan Chappuis (2006) yang menyatakan bahawa perancangan dari segi bahan pengajaran perlu dilakukan setiap hari bagi memastikan pelaksanaannya lancar.





Cowie dan Bell (1999), dan Gruskey (2008, 2010) juga menegaskan bahawa aspek perancangan perlu dilakukan sebaiknya bagi memastikan pelaksanaan pentaksiran menepati standard pembelajaran yang ditetapkan. Maka guru perlu memulakan proses PdP dengan melakukan perancangan berikut;

- i. memilih tajuk dan merancang perkara yang akan diajar dengan memilih kandungan mata pelajaran yang terdapat dalam DSK.
- ii. tentukan kaedah pengajaran serta mengenal pasti kaedah pentaksiran seterusnya menyediakan bahan-bahan pengajaran
- iii. menyampaikan kandungan mata pelajaran kepada murid dengan menggunakan pelbagai strategi mengikut kreativiti guru.



- iv. menaksir pemahaman murid tentang perkara yang diajar dan melaporkan tahap prestasi murid berdasarkan evidens yang dikemukakan oleh murid.

(LPM, 2012c)

Guru yang melakukan pentaksiran perlu sentiasa memastikan berlaku penjajaran strategi dan instrumen pentaksiran yang bersesuaian dengan perkara yang ditaksir. Pentaksiran boleh dilakukan secara tidak formal sebagai contoh menggunakan kaedah pemerhatian iaitu guru menilai murid secara berterusan tentang apa yang mereka tahu, faham dan boleh buat. Pelajar pula boleh memberikan eviden untuk dinilai dalam bentuk proses, produk atau diri murid itu. Sekiranya pelajar telah mencapai standard yang ditetapkan, guru akan meneruskan PdP kandungan berikutnya dalam DSK. Sekiranya murid tidak mencapai standard yang ditetapkan guru akan membuat sesi pemulihan untuk



membimbing murid tersebut. Pemilihan strategi pengajaran penting bagi membantu murid mendapat pengalaman pembelajaran yang sejajar dengan DSK. Rajah 2.11 menunjukkan Penggunaan Standard Prestasi dalam Pentaksiran Sekolah.



Rajah 2.11 Penggunaan Standard Prestasi dalam Pentaksiran Sekolah

Selari dengan dapatan Asriman (2009) yang menyatakan kaedah harus dipilih berdasarkan pencapaian yang akan diukur. Guru juga akan memastikan instrumen yang digunakan bersesuaian dengan kaedah pengajaran. Perancangan yang sempurna akan membantu guru lebih fokus terhadap pengajaran dan akan menghasilkan pembelajaran yang bermakna (Gavin Brown, 2011).



2.8.2 Perancangan Panitia

Panitia adalah sebuah organisasi ikhtisas yang dianggotai oleh semua guru yang mengajar mata pelajaran yang sama di sesebuah sekolah (Mok Soon Sang, 2010). Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 4/1986 ada menyatakan bahawa semua pihak sekolah perlu menubuhkan panitia pelajaran. Semua guru yang terlibat mengajar sesuatu mata pelajaran tertentu secara automatik akan termasuk dalam panitia mata pelajaran tersebut.

Kewujudan panitia sesuatu mata pelajaran memerlukan pelantikan ketua iaitu

Ketua Panitia bagi mata pelajaran tersebut (Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan, 1989).



Ketua Panitia perlu memastikan panitianya merancang, mentadbir dan menguruskan mata pelajarannya dengan baik. Asraf (2013) menyatakan Ketua Panitia yang tidak memahami peranan, kurang kemahiran merancang program dan kurang mahir mengurus akan meninggalkan kesan yang negatif kepada sekolah dengan mengakibatkan pencapaian peratus kelulusan akademik pelajar rendah, kemerosotan dalam kualiti kerja guru dan sebagainya.

Tugas panitia adalah untuk menentukan buku rujukan yang sesuai, menguruskan staf dalam panitia, mengelola dan mentadbir sumber pengajaran, menggalakkan staf meningkatkan kemahiran dalam pengajaran dan melaksanakan arahan dari pengetua dari masa ke semasa (Torrington & Weightman, 1989). Namun demikian, setiap panitia





mempunyai sekurang-kurangnya seorang JUS yang diwakili oleh guru yang telah mengikuti kursus yang dianjurkan oleh PPD/JPN. JUS akan memberi kursus dalaman kepada guru-guru lain untuk berkongsi pengetahuan dan kemahiran yang di perolehi dari kursus di PPD/JPN. Sesungguhnya kursus dalaman merupakan satu mekanisme yang amat penting bagi perkongsian ilmu di kalangan guru dalam konteks di sekolah dan dapat meningkatkan keberkesanan PdP. Ini selaras dengan pandangan Abd Rahim (1999) bahawa kursus dalaman dapat memajukan staf atau guru di sekolah dan mengembangkan tahap profesionalisme guru.

Maka setiap panitia akan terdiri daripada ketua, JUS dan ahli panitia yang akan duduk bersama berbincang untuk merancang aktiviti sepanjang tahun, permasalahan guru-guru, keperluan bahan-bahan pengajaran dan sebagainya bagi memastikan kelancaran pelaksanaan proses PBS. Ini adalah kerana jatuh bangun sesuatu panitia bergantung pada pengurusannya (Butler & Mc Munn, 2006). Justeru itu, perancangan yang rapi bukan sahaja dapat melancarkan pelaksanaan PBS malah ia boleh mencapai matlamat PBS itu sendiri. Berdasarkan Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 4/1986, tujuan penubuhan dan fungsi Panitia adalah untuk;

- i. membaiki dan meningkatkan mutu keberkesanan PdP;
- ii. berikhtiar dan berusaha untuk mendapatkan strategi-strategi mengajar yang inovatif dan boleh mendorong serta menggerakkan kecenderungan murid terhadap pembelajaran;





- iii. memperbaiki prestasi murid dalam peperiksaan

(Mok Soon Sang, 2010)

Bagi memastikan kejayaan panitia mata pelajaran, iaitu berfungsi dengan berkesan untuk meningkatkan mutu/prestasi mata pelajaran di sekolah, Guru Besar atau Pengetua seharusnya memastikan:

- i. Seorang guru kanan mata pelajaran yang sesuai dilantik sebagai Ketua Panitia;
- ii. Panitia menyediakan rancangan jangka panjang dan jangka pendek mengikut garis panduan yang diberikan;



- iii. Mesyuarat panitia berjalan seperti yang dirancangan;

- iv. Pihak Guru Besar/Penolong Kanan dapat menghadiri mesyuarat panitia untuk memberi bimbingan profesional;
- v. Pihak Guru Besar/Penolong Kanan menerima dan menyemak minit mesyuarat serta mengambil tindakan ke atas keputusan-keputusan mesyuarat;
- vi. Pihak Guru Besar menerima laporan daripada Penolong Kanan dan ketua panitia tentang perkembangan/kemajuan aktiviti kurikulum dan kokurikulum mata pelajaran yang dijalankan di sekolah;

(Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan, 1989)



Menurut Jones et al. (1989), penggerak utama untuk melakukan perkembangan staf dan kursus dalaman di sekolah adalah pihak pentadbir iaitu pengetua atau guru besar. Ia bergantung pada sikap pihak pentadbir yang pasif, aktif, reaktif ataupun proaktif dengan sebarang keperluan pendidikan (Bell et al., 1991).

2.8.3 Perancangan Sekolah

Matlamat utama dalam perancangan sekolah adalah untuk membina perasaan kepunyaan dan komitmen dalam kalangan warga sekolah terhadap penambahbaikan dan pembangunan sekolah (Ahmad Shabudin et al., 2010). Justeru, pentadbir dan guru-guru perlu memainkan peranan masing-masing terhadap perancangan yang telah diatitkan sepanjang tahun. Memandangkan PBS harus dilaksanakan dengan penuh ketelusan, maka semua pihak perlu bekerjasama bagi memastikan kelancarannya. Kejayaan sesebuah institusi itu adalah bergantung pada kerjasama dari semua pihak iaitu pemimpin, pengikut dan pekerja sokongan (Tan, 2010). Bagi memastikan guru-guru mendapat maklumat berkaitan PBS, pihak sekolah harus memastikan ia disampaikan sama ada semasa mesyuarat PBS, kursus dalaman atau LADAP.

Al-Ramaiah (1992) telah melihat bahawa pencapaian kecerlangan sekolah terletak kepada faktor-faktor pengurusan dan kepimpinan di sekolah dan kegagalan pihak pengurusan sekolah melaksanakan tugas dengan berkesan akan memberi impak yang



sebaliknya. Menurut Mohd Musa (2008), Guru Besar dan Pengetua sebagai pemimpin pentaksiran di sekolah haruslah mempunyai ilmu yang luas dan mendalam di dalam bidang pentaksiran ini. Mereka perlu arif dalam bidang ilmu pentaksiran termasuklah prinsip asas dalam pentaksiran pendidikan, pengendalian, penentuan standard dan penggunaan fail pentaksiran.

Memandangkan bidang pentaksiran pendidikan adalah bidang yang menjadi ukuran pencapaian sekolah, maka pihak pentadbir terutama Guru Besar atau Pengetua akan memainkan peranan yang utama dalam proses merancang dalam mencapai kejayaan. Selaras dengan pernyataan ini, Syed Ismail dan Ahmad Subki (2010) menyatakan tonggak kepimpinan Guru Besar atau Pengetua mempengaruhi kejayaan sekolah dalam bidang akademik dan juga kokurikulum. Oleh yang demikian kepimpinan Guru Besar dalam pelaksanaan PBS di peringkat sekolah amat diperlukan supaya matlamat dan hal tuju sistem PBS tidak menyimpang dari tujuan asalnya. Yusuf dan Mohd Musa (2011) dalam kajiannya menyatakan Guru Besar yang mempunyai pengetahuan tentang PBS akan memberi sokongan dalam pelaksanaan PBS.

Namun begitu, menurut Amin Senin (2008) matlamat utama perancangan adalah untuk membina perasaan keupayaan dan komitmen dalam kalangan warga sekolah terhadap penambahbaikan program. Bagi memastikan semua perancangan dilaksanakan seperti apa yang di atur, pihak pentadbir dan guru perlu berkongsi tanggung jawab dengan memainkan peranan dan mengambil kira semua faktor semasa proses merancang (Clement & Vandenberghe, 2001). Perancangan yang mantap dari gabungan guru, panitia dan





sekolah mampu menghasilkan suatu perubahan dalam pelaksanaan PBS. Ini adalah penting supaya pelaksanaan PBS memenuhi hasrat yang ditetapkan oleh LPM serta memenuhi aspirasi negara melalui Dasar Pentaksiran Negara secara holistik.

2.8.4 Pentaksiran Sekolah

Pentaksiran sekolah (PS) merujuk pentaksiran yang dirancang, dibina, ditadbir, diperiksa, di rekod dan di lapor oleh guru sekolah yang berkenaan (LPM, 2012c). Pentaksiran sekolah dilaksanakan secara formatif dan sumatif bagi melihat perkembangan pembelajaran murid serta menambah baik PdP. Pentaksiran formatif dijalankan seiring dengan proses PdP. Manakala pentaksiran sumatif dijalankan pada akhir setiap unit pembelajaran, penggal, bulan dan tahun. PS berfungsi sebagai pentaksiran untuk pembelajaran (*assessment for learning*) dan pentaksiran tentang pembelajaran (*assessment of learning*). PS berfungsi sebagai pentaksiran untuk pembelajaran (*assessment for learning*) dan pentaksiran tentang pembelajaran (*assessment of learning*) dan ia merupakan salah satu cabang dalam PBS.

Sementara itu, menurut LPM (2005), PBS merupakan satu bentuk pentaksiran yang dilaksanakan di sekolah. Ianya dirancang, ditadbir, di skor dan dilaporkan secara terancang mengikut prosedur yang ditetapkan oleh LPM. PBS juga merupakan kombinasi pentaksiran sekolah yang dilaksanakan oleh guru serta pengesahan daripada pentaksir





pusat atau kebangsaan, pencapaian pelajar di laporkan berdasarkan kompetensi yang telah mereka capai, faham dan berkemahiran (Groundland & Principles For Fair Students Assessment Practice for Education In Canada, 1993; Gredler, 1996; Rahaya, 2009 dan Azhari, 2005).

Tata kerja yang pertama dalam proses pelaksanaan Pentaksiran Sekolah ialah aspek perancangan iaitu guru merancang pengajaran, merancang pentaksiran, merancang kaedah pengajaran, dan penyediaan instrumen. Kajian Hamzah dan Paramasivam (2009) berkaitan PBS dalam ujian lisan Bahasa Inggeris mendapati terdapat guru yang melaksanakan PBS dengan tidak mengikut garis panduan sebenar yang dikeluarkan oleh KPM. Terdapat juga sekolah-sekolah yang melaksanakan PBS hanya bagi memenuhi tugas pentadbiran yang diarahkan. Kajian Mukhari dan Amin (2010) juga mendapati prosedur pelaksanaan PBS tidak dipatuhi apabila dokumen pentaksiran kerja kursus tidak difahami guru dengan baik khususnya dalam proses pengredan.

Namun begitu, apa yang disarankan oleh LPM adalah guru-guru perlu mengubah strategi pengajaran dan berusaha meningkatkan pencapaian murid jika masih ada murid yang belum mencapai tahap yang telah ditetapkan. Selaras dengan pendapat Phopham (2008) yang menyatakan “... *assessment is not a test but a process*”. Ini menggambarkan pentaksiran adalah satu proses untuk guru-guru dan murid mendalami ilmu pengetahuan yang selama ini hanya diserap dan dikeluarkan semula semasa peperiksaan. Ini juga





menggambarkan guru-guru akan berusaha pelbagai cara sebelum murid ditaksir supaya mendapat pencapaian yang baik.

Berbeza dengan dapatan Hamzah dan Sinasamy (2009) yang menyatakan guru-guru sukar melaksanakan pentaksiran sehingga meminta supaya PBS diubah kepada penilaian sedia ada. Tseko (2005) juga mendapati bahawa, guru kerap menganggap mempelbagaikan strategi pengajaran hanyalah membuang masa kerana pentaksiran perlu dibuat selepas pengajaran. Menurutnya lagi, PBS sangat penting kerana murid telah menghabiskan masa seharian bersama guru, maka melalui guru yang melakukan pentaksiran semasa pengajaran, murid dapat mengetahui tentang kemampuan dan prestasi mereka serta-merta (Mansor et al., 2013).

Bagaimana pun guru-guru perlu melakukan penilaian dan melaksanakan PBS dengan mentadbir, menaksir, menskor dan merekod pencapaian afektif pelajar di peringkat sekolah (Zambri et al., 2010). Namun, Tunstall (2001) dalam kajiannya mendapati guru-guru bimbang dalam melaksanakan PBS. Hal ini menjelaskan bahawa pentaksiran ke atas murid merupakan sesuatu yang sukar terutama bagi guru yang baru bertugas di sesebuah sekolah. Pandangan dan saranan Kate (1997), PBS adalah suatu pengiktirafan kepada kuasa yang diberikan kepada guru untuk mengiktiraf kemahiran dan kebolehan yang boleh dicapai oleh pelajar mereka. Maka guru perlu memantau perkembangan murid secara berterusan dan memberi maklum balas yang membina untuk penambahbaikan pembelajaran mereka.





Sementara itu, kebanyakan guru bertindak mengasingkan proses pembelajaran dengan pentaksiran dan amalan ini adalah kurang membantu proses PdP (Mohd Faizal Nizam et al., 2015). Hasil kajian yang dijalankan oleh Barksdale-Ladd dan Thomas (2000), mereka telah mengemukakan enam amalan terbaik dalam pentaksiran. Amalan-amalan tersebut terdiri daripada;

- i. menyediakan maklum balas untuk membantu murid meningkatkan pembelajaran mereka;
- ii. sebagai sebahagian hasil kerja murid yang boleh dimuatkan dalam portfolio;
- iii. pentaksiran yang fleksibel dan tidak mendominasi kurikulum;
- iv. memastikan pentaksiran mengandungi arahan untuk membantu guru meningkatkan pengajaran sekali gus memastikan pembelajaran murid;
- v. pentaksiran dari semasa ke semasa mengikut kelas serta;
- vi. menggunakan lebih dari satu bentuk pentaksiran untuk menilai pembelajaran murid.

(Barksdale-Ladd & Thomas, 2000; p.76)

Namun begitu, dapatan Adediwura (2012) dalam kajiannya terhadap 540 orang guru sekolah di Nigeria mendapati bahawa lebih daripada lima puluh peratus daripada guru-guru mempunyai persepsi yang negatif terhadap amalan pengajaran mereka dalam melaksanakan PBS.





Persepsi negatif ini berlaku disebabkan kurangnya sikap ambil peduli terhadap tahap penguasaan pembelajaran murid. Pengetahuan yang diperoleh oleh guru mengenai konsep yang telah difahami murid serta penguasaan sesuatu kemahiran yang disampaikan adalah amat penting. Dapatan Azizi (2010) telah menunjukkan bahawa pentaksiran bilik darjah merangkumi pelbagai maklum balas daripada murid serta perbincangan untuk mengukur dan menilai kualiti pembelajaran mereka. Bertepatan dengan saranan William dan Thompson (2007) yang menyatakan antara konsep pentaksiran yang baik adalah berbincang dengan murid tentang perkembangan pembelajaran mereka di samping melakukan pentaksiran atas apa yang dikuasai. Perkara ini juga menggambarkan bahawa guru-guru telah pun melaksanakan PBS dengan baik dengan melakukan konsep pentaksiran yang betul. Pernyataan ini disokong oleh dapatan kajian Suzana (2015) yang menyatakan guru-guru komited melaksanakan PBS dan telah melakukan sehabis baik untuk pastikan murid mencapai tahap yang tertinggi.

Perkara ini bersesuaian dengan saranan KPM yang mahukan pentaksiran dilaksanakan kerana sebelum ini (sistem peperiksaan), guru-guru sering kali meninggalkan kemahiran dan kandungan yang dianggap tidak akan diuji dalam peperiksaan awam kerana memberi ruang kepada kandungan kurikulum yang selalu diuji dalam peperiksaan (PIPP, 2013-2025). Maka PBS dilaksanakan untuk mendapatkan gambaran tentang kemajuan pembelajaran pelajar di samping memberi maklum balas tentang keberkesanan pengajaran guru. Melalui PBS, guru-guru akan dapat:

- i. mengesan perkembangan pelajar secara menyeluruh





- ii. mengenal pasti kekuatan dan kelemahan pelajar dalam pembelajaran lebih awal dari semasa ke semasa.
- iii. mengetahui keberkesanan pengajarannya
- iv. merancang dan mengubah suai pengajarannya
- v. menjalankan tindakan susulan yang sesuai dengan serta-merta.

(LPM, 2012c)

2.8.5 Pembinaan Instrumen



Instrumen adalah tugas dan penskoran yang diberikan oleh guru untuk menaksir murid (LPM, 2013). Wan Akmal dan Khodori (2003) menyatakan instrumen adalah bahan atau alat yang digunakan dalam menentukan dan mendapatkan maklumat yang berguna semasa membuat keputusan berhubung produk suatu poses pendidikan. Instrumen juga merupakan alat untuk menghasilkan eviden. Guru membina instrumen berdasarkan DSK bagi sekolah rendah dan PPPM bagi sekolah menengah.

Proses pertama dalam pelaksanaan pentaksiran adalah pembinaan instrumen. Pelbagai instrumen pentaksiran yang sesuai dengan konstruk yang ditaksir dalam sesuatu mata pelajaran yang digunakan. Antara instrumen pentaksiran yang digunakan ialah dalam PBS ialah pemerhatian, soal jawab, ujian bertulis, persembahan, projek, produk, amali, lembaran kerja, tugas bertulis, kuiz, senarai semak, tugas rumah dan sebagainya





(LPM, 2012c). Kajian yang di jalankan oleh Norlly dan Hamimah (2013) adalah untuk mengkaji keperluan modul pentaksiran berasaskan sekolah bagi tajuk dinamik dalam mata pelajaran Sains Tingkatan 2. Sampel kajian terdiri daripada 30 orang responden dalam kalangan guru-guru yang menjalankan PBS. Hasil kajian mereka mendapati pembinaan instrumen merupakan satu beban kerja yang amat berat dan memberi tekanan kepada guru.

Selain itu, guru juga berasa mereka kurang berkemahiran untuk membina instrumen pentaksiran yang memenuhi standard yang telah ditetapkan. Menurut Mubieyn (2012) guru masih terikat dengan instrumen pengujian kertas dan pensel. Seseengah guru tidak mengetahui apakah instrumen dan item pentaksiran yang sesuai digunakan dalam PBS. Hasil kajian beliau turut mendapati instrumen yang dibina oleh guru boleh diragui kesahan dan kebolehpercayaan. Dapatan kajian ini adalah selari dengan hasil kajian oleh Eftah (201) dan Mazuien (2013).

Dapatan kajian ini adalah selari dengan hasil kajian oleh Ali Yidirim (2004), yang mendapati bahawa kaedah dan strategi ujian jawapan pendek menjadi alat pentaksiran yang biasa. Ujian pilihan pelbagai dan ujian esei juga biasa digunakan. Guru-guru berpuas hati dengan penggunaan strategi ini manakala bagi murid, mereka menyatakan bahawa penggunaan strategi tersebut tidak mencukupi untuk menaksir prestasi dan pencapaian mereka di dalam bilik darjah. Ini diakui oleh Mohd Sahandri Gani (2014) yang menyatakan bahawa semua instrumen itu pada asasnya adalah untuk melahirkan murid yang bukan saja memberi penumpuan pada akademik semata-mata, malah mempunyai





kemahiran untuk mempelbagaikan kemampuan. Dapatan kajian secara atas talian oleh LPM juga mendapati guru sukar membina instrumen pentaksiran yang pelbagai bentuk kerana masih terikat dengan fahaman dan kebiasaan menilai pencapaian murid menggunakan ujian berbentuk kertas dan pensel. Selari dengan dapatan Norlly dan Hamimah (2013) yang mendapati pembinaan instrumen merupakan satu beban kerja yang amat berat dan memberi tekanan kepada guru-guru. Pengetahuan dan kemahiran dalam pembinaan instrumen yang diperoleh semasa kursus tidak memberi kesan kepada guru.

Pelbagai instrumen pentaksiran yang sesuai dengan konstruk yang ditaksir dalam sesuatu mata pelajaran yang boleh digunakan oleh guru-guru. Antara instrumen pentaksiran yang boleh digunakan adalah :

- i. Pemerhatian - Instrumen yang memerlukan murid melakukan tugas dengan cara melihat atau mengawasi sesuatu perkara secara berterusan, berkala atau berjadual tentang apa yang dihasratkan.
- ii. Soal Jawab
- iii. Pensil dan kertas iaitu Ujian Bertulis Instrumen yang menggunakan item objektif atau subjektif
- iv. Persembahan iaitu instrumen yang bersifat lebih fleksibel melibatkan tugas menyeluruh yang merangkumi aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap dalam pelbagai situasi dan konteks. Persembahan meliputi komponen praktikal sesuatu





mata pelajaran dengan menentukan bagaimana murid menggabungkan teori dan amali.

- v. Projek ialah satu bentuk tugas yang dilaksanakan dalam aktiviti pembelajaran yang dijalankan dalam satu tempoh masa yang ditentukan melibatkan aktiviti pengumpulan maklumat dan penyediaan laporan. Instrumen ini boleh dijalankan secara individu atau secara kumpulan. Pelaksanaan instrumen ini membolehkan murid mengintegrasikan pengetahuan serta kemahiran interpersonal dalam melaksanakan tugas.
- vi. Produk merupakan tugas yang memerlukan murid melaksanakan atau membuat atau menghasilkan satu produk berdasarkan tugas yang diberikan.
- vii. Amali adalah tugas yang memerlukan murid mempraktikkan atau melakukan apa yang telah dipelajari dalam bentuk teori.
- viii. Lembaran Kerja
- ix. Tugas bertulis/Karya adalah penulisan instrumen yang memerlukan murid menghasilkan laporan/dokumen/karya kreativiti dalam bentuk penulisan mengikut spesifikasi atau format yang ditetapkan berpandukan kepada tugas yang diberi.
- x. Kuiz
- xi. Senarai semak
- xii. Tugas rumah

(LPM 2012c)





Sementara itu, PBS akan melibatkan pentaksiran pelajar dalam konteks tugas yang memerlukan pelajar menyelesaikan tugas secara aktif dengan menggunakan pengetahuan sedia ada, pembelajaran terkini dan menggunakan kemahiran-kemahiran yang berkaitan dan bersesuaian. Penilaian dilaksanakan berdasarkan reka bentuk atau hasil reka cipta seperti elemen yang telah ditetapkan dan markah wajaran direkodkan bagi pencapaian setelah elemen kemahiran dinilai sepenuhnya (Radin, 2008). Menurut Raden lagi, PBS melibatkan pentaksiran yang mahukan pelajar melaksanakan sesuatu tugas. Maka guru yang akan menilai hasil kerja pelajar berdasarkan satu set kriteria yang sudah ditetapkan. Ini bermakna guru-guru perlu melalui beberapa peringkat pembinaan instrumen bermula dengan merancang, membina, mentadbir, menyemak, menilai, menskor dan melapor.



2.8.6 Penjaminan Kualiti (Pementoran, Penyelarasan, Pemantauan, Pengesanan)

Apa yang dilaksanakan perlulah mengikut apa yang telah dirancang dengan sempurna bagi menjamin kualiti suatu program (Anderson & Ben Jaafar, 2003). Definisi kualiti bagi MS ISO 9000 merupakan satu program yang dilihat sebagai sifat atau ciri keseluruhan bagi satu produk atau perkhidmatan bergantung pada keupayaannya bagi memenuhi keperluan yang ditetapkan. Jaminan kualiti pula merujuk kepada tindakan bersistem yang terancang untuk memberi keyakinan yang muktamad bahawa satu produk atau perkhidmatan akan memenuhi keperluan atau kualiti. Kriteria yang perlu ada di bawah penjaminan kualiti adalah amalan yang konsisten bagi menentukan proses yang disampaikan pada tahap





kualiti yang optimum (John West, 2009). Menurut LPM, penjaminan kualiti merupakan satu piawaian untuk menentukan kualiti pelaksanaan PBS mengikut garis panduan yang ditetapkan. Terdiri dari empat komponen iaitu pementoran, penyelarasan, pemantauan dan penyelarasan.

a. Pementoran

Pementoran adalah proses membantu, memudah cara dan membimbing guru. Pementoran dalam konteks Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) adalah satu proses yang dijalankan bagi membantu, memudah cara, membimbing, meningkatkan pengetahuan dan kefahaman guru untuk melaksanakan PBS mengikut prosedur dan garis panduan yang ditetapkan (LPM, 2012c).



Pementoran adalah bertujuan untuk memberi pengetahuan, kefahaman dan kemahiran mengenai prosedur dan garis panduan kepada guru. Selain membimbing dan membantu guru menyelesaikan masalah, mentor juga berfungsi membantu meningkatkan profesionalisme dan kualiti guru (LPM, 2013). Ini bermakna jika seseorang guru tidak mempunyai pemahaman kandungan maka mentor adalah individu yang paling sesuai untuk membantu guru-guru dalam menterjemahkan pengetahuan akademik mereka ke dalam arahan yang bermakna (Tom Gansur, 1998). Tambahan pula, pementoran bersifat kejurulatihan kognitif atau latihan kognitif yang digunakan dalam pendidikan. Dapatan kajian Gay (1995), merumuskan bahawa aktiviti pementoran dapat merangsang refleksi menyelesaikan sesuatu isu, menambah baik pengajaran dan pembelajaran dan menambah





keyakinan guru semasa membuat pentaksiran. Sementara itu, mentor yang baik akan mempunyai ciri-ciri seperti bertimbang rasa, boleh dianggap kawan dan mempunyai pengetahuan yang luas (Salhah & Ainon, 2005). Oleh sebab itu mentor yang dilantik oleh sekolah perlu meyakinkan mentee mereka bahawa mereka berkelayakan untuk membimbing. Antara objektif pementoran dalam PBS adalah untuk

- i. memberi bimbingan, khidmat bantu dan nasihat mengenai pelaksanaan dan pengurusan PBS;
- ii. meningkatkan kemahiran pelaksanaan pentaksiran dalam kalangan guru yang dibimbing;
- iii. meningkatkan kompetensi dan keyakinan guru yang dibimbing;
- iv. membantu guru menyelesaikan masalah pelaksanaan PBS; dan
- v. membina rangkaian kerja dan hubungan profesional antara mentor dan guru yang dibimbing

(LPM, 2012c).

LPM telah mencadangkan mentor dalaman (di sekolah) guru dalam melaksanakan PBS boleh diwakili oleh Ketua Bidang, Ketua Panitia, Guru Cemerlang, JU, atau mana-mana guru yang dilantik oleh Pengetua/Guru Besar/Jawatankuasa PBS. Peranan mentor ini adalah untuk membimbing guru menggunakan DSP atau PPPM, membantu guru menyediakan instrumen pentaksiran, memberi pendedahan pelbagai jenis instrumen pentaksiran, memastikan pelaksanaan pentaksiran seiring dengan PdP, mendapatkan



maklum balas untuk penambahbaikan pengajaran, dan membantu menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh guru yang dibimbing (LPM, 2013). Ini menggambarkan mentor akan menjadi pakar rujuk oleh guru-guru untuk mendapatkan maklumat berkaitan PBS.

b. Penyelarasan

Penyelarasan adalah untuk memastikan keseragaman pelaksanaan tugas dan penskoran demi keadilan kepada calon serta kesahan dan kebolehpercayaan skor pentaksiran. Penyelarasan juga perlu dilakukan di sekolah secara berterusan supaya PBS dilaksanakan secara sistematik dan selaras seperti yang ditetapkan oleh KPM (Suzana, 2015).

Penyelarasan merupakan proses untuk memastikan pemeriksaan PBS dilaksanakan dengan cara yang betul dan seragam dari segi kefahaman tentang peraturan, penggunaan, dan pemberian skor (Majlis Peperiksaan Malaysia, 2012). Penyelarasan juga membawa maksud perlu ada moderasi. Moderasi perlu dibuat supaya tidak terdapat jurang perbezaan yang ketara antara satu pemeriksa dengan pemeriksa yang lain. Pada peringkat ini kertas berbentuk esei amat perlu dimoderasi. Proses moderasi perlu dijalankan mengikut cara yang betul. Misalnya setiap pemeriksa perlu menanda kertas sampel yang mewakili kategori rendah, sederhana dan tinggi. Sampel kertas ini akan ditanda oleh pemeriksa yang lain. Perbezaan antara markah penilai pertama dengan penilai kedua perlu diselaraskan semula agar terdapat jurang yang kecil dalam proses penandaan markah. (Shamsiah et al., 2010). Ini menunjukkan penyelarasan penting di setiap sekolah kerana skor pentaksiran



yang diberikan tidak boleh dibanding beza antara satu sekolah dengan sekolah yang lain (Fang et al., 2014).

Namun begitu, berdasarkan kajian yang dijalankan oleh (Merriam, 2008) di Bangladesh mendapati guru-guru sukar melakukan pentaksiran dan penskoran kerana adanya aktiviti penyelarasan skor di sekolah. Mereka lebih selesa jika skor tidak diselaraskan. Hasil kajian ini sama dengan dapatan kajian Tan (2010) iaitu guru kurang bersedia dalam penskoran PBS. Guru-guru lebih gemar jika kebebasan diberi semasa memberi skor kepada murid. Penyelarasan skor sedikit sebanyak akan mengganggu kelancaran tugas mereka. Ini akan meninggalkan kesan dalam proses pemberian skor pentaksiran kepada murid-murid dan menjadikan skor murid tidak sah dan tidak adil.

Perkara ini juga boleh menjejaskan kesahan dan kebolehpercayaan pentaksiran. Kajian Hamzah dan Sinnasamy (2009) juga turut mendapati bahawa pelaksanaan PLBS dan ULBS tidak akur sepenuhnya dengan kehendak garis panduan LPM. Hal itu berpunca daripada tahap kesedaran inovasi dan perubahan yang masih belum mencukupi.

c. Pemantauan

Pemantauan adalah bagi memastikan pelaksanaan PBS mengikut prosedur dan garis panduan yang ditetapkan oleh LPM. Hishamuddin (Utusan Malaysia 2006) menyatakan bahawa untuk memastikan sistem pentaksiran menjadi lebih berkesan, maka perlu ada standard atau piawai yang dijadikan kriteria dan rujukan kepada pihak-pihak yang terlibat dalam pentaksiran seperti LPM dan guru di sekolah yang akan melaksanakannya.





Pemantauan dilakukan untuk memastikan pelaksanaan PBS mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia. (LPM, 2012a). Pemantauan boleh dilakukan melalui dua cara iaitu pemantau dalaman dan pemantau luaran. Pemantau dalaman terdiri daripada pentadbir sekolah, ketua panitia dan JU. Manakala pemantau luaran ialah pegawai yang dilantik oleh KPM dan JPN. Antara objektif pemantauan PBS adalah

- i. memastikan pelaksanaan mengikut prosedur dan garis panduan,
- ii. mengenal pasti masalah pelaksanaan PBS,
- iii. membantu menyelesaikan masalah pelaksanaan PBS,
- iv. mengelakkan berlakunya penyelewengan dan ketidakakuran dalam pelaksanaan PBS
- v. menyediakan laporan pelaksanaan PBS untuk tujuan penambahbaikan.

(LPM, 2012a).

Antara elemen yang akan dipantau ialah minit mesyuarat Jawatan Kuasa PBS sekolah, eviden dan pelaporan pencapaian. Menurut Shamsiah (2010) pemantauan amat perlu dalam memastikan penilaian dibuat dengan baik dan sempurna. Pentadbir sekolah merupakan pihak yang harus memainkan peranan yang besar bagi memastikan pelaksanaan PBS di sekolah berjalan mengikut garis panduan yang telah ditetapkan. Ini terbukti apabila kajian Chan (2003) menunjukkan bahawa 75 peratus guru mengatakan ada pemantauan dari pihak pentadbir. Perkara ini menggambarkan bahawa pemantauan





dalam dan luaran perlu dipertingkatkan dan diperluaskan lagi bagi memastikan pelaksanaan PBS berjalan dengan lebih lancar.

Berbeza dengan hasil kajian Chan (2003) yang menyatakan pihak pentadbir tidak menghiraukan pelaksanaan PBS dan mereka hanya mahukan keputusan sahaja. Kajian Tan (2010) juga mendapati pemantauan pelaksanaan PBS oleh pihak LPM dan JPN yang sekadar berfokuskan kepada laporan penulisan dan telah banyak mewujudkan isu mengenai akauntabiliti penilaian berkenaan. Keadaan ini berlaku disebabkan pemantauan yang dijalankan pada tahap amali sahaja. Ini bermakna penekanan pemantauan tidak diberi oleh pentaksir pada peringkat proses (Tan, 2010). Beliau turut menyatakan bahawa kurang pemantauan akan menjadikan guru tidak bersungguh dan leka dalam melakukan pentaksiran. Oleh itu guru perlu dipantau dengan menggunakan satu piawai atau standard pentaksiran yang sah dan sesuai digunakan terhadap murid. Nursyam (2012) pula bersependapat dan menyatakan bahawa sekiranya sekolah dianggap sebagai institusi pembelajaran maka seharusnya setiap individu di sekolah tersebut terikat dengan aktiviti pemantauan dan penilaian. Button et al. (1996) dalam kajian mereka terhadap *Program Professional Development (PDS)*, mendapati pemantauan serta bimbingan adalah sangat signifikan ke atas kejayaan program. Pemantauan yang dijalankan oleh pentadbir serta kerjasama dengan guru dalam membimbing mereka dalam melaksanakan PBS boleh membina pengetahuan dan keyakinan guru.





d. Pengesanan

Pengesanan pula adalah bagi memastikan instrumen pentaksiran yang digunakan mampu menghasilkan skor yang sah dan boleh dipercayai. Pengesanan bertujuan untuk menilai instrumen pentaksiran yang dijalankan sebelum dan selepas menjalankan PBS. Antara objektif pengesanan ialah untuk

- i. memastikan instrumen pentaksiran menepati dokumen kurikulum,
- ii. memastikan item yang dibina sesuai dengan konstruk yang diukur,
- iii. memastikan item yang dibina menepati prinsip pembinaan item,
- iv. memastikan item yang dibina sesuai dengan tahap penguasaan murid serta mencadangkan penambahbaikan instrumen pentaksiran.



(LPM, 2012c)

Pengesanan boleh dibuat melalui pengesanan dalaman dan pengesanan luaran. Pengesanan dalaman dilaksanakan oleh pihak sekolah yang terdiri daripada Ketua Panitia, Guru Cemerlang, JU, atau mana-mana guru yang dilantik oleh Pengetua atau Guru Besar. Manakala Pengesanan luaran dilaksanakan oleh pegawai yang dilantik oleh PPD, JPN dan KPM. (LPM, 2012c, 2013). Ojo dan Gbinigie (2009) telah menyatakan bahawa untuk mengesahkan sesuatu instrumen pentaksiran itu, memerlukan orang yang pakar dalam bidang tersebut diperlukan.





Sementara itu, kajian Noraliza (2006) mendapati bahawa penilaian guru mungkin tidak dapat diseragamkan antara satu sekolah dengan satu sekolah yang lain. Masalah ketidakadilan mungkin akan timbul sewaktu penilaian terhadap murid berlangsung. Guru mungkin akan dipengaruhi dengan mainan emosi sewaktu menilai murid mereka (Grima, 2003). Namun begitu, PBS bukan lagi seperti sistem peperiksaan yang bertujuan untuk membandingkan pencapaian antara sekolah-sekolah. Maxwell (2004) menyokong pernyataan ini dengan menyatakan bahawa, PBS adalah satu bentuk pentaksiran yang sah, progresif dan berterusan. Oleh itu PBS akan melenyapkan keburukan peperiksaan yang akan membanding beza pencapaian semata-mata (Yip & Cheung 2005) dan PBS akan meringankan tekanan murid kepada peperiksaan (Maxwell 2004).



Perkara yang agak mengejutkan apabila dapatan kajian Tan (2010) yang mendapati guru-guru diminta memberi skor yang tinggi kepada murid untuk menjaga kualiti pencapaian sekolah. Ini turut diakui oleh amalan birokrasi yang menuntut penghasilan gred dengan satu format yang standard di sekolah. Hasil temu bual beliau dengan guru mengatakan bahawa guru diminta secara am memberi gred yang baik kepada murid. Arahan ini secara tidak langsung mendorong pengurusan PBS ke arah sekadar mengisi keperluan markah, khasnya dalam memberi gred yang baik kepada murid. Kesannya di sini adalah PBS akan menghasilkan murid yang tiada kualiti apabila skor yang diberi bukan mengikut pencapaian sebenar.





Sementara itu, Suzana (2015) telah membuat kajian tentang perbandingan Penjaminan Kualiti antara sekolah rendah dan sekolah jenis kebangsaan, mendapati guru-guru di sekolah kebangsaan telah melaksanakan Penjaminan Kualiti dengan lebih baik berbanding sekolah jenis kebangsaan. Penekanan aktiviti pengesanan di sekolah menengah disebabkan murid di sekolah menengah lebih menitik beratkan skor yang diperoleh (Iasonas & Christie, 2009) berbanding murid di sekolah rendah. Ini adalah kerana telah menjadi kebiasaan dan sikap keterujaan murid-murid sekolah menengah dalam membanding beza markah mereka dengan rakan-rakan yang lain (Grima, 2003).

2.10 Penilaian Produk (Penerimaan Guru dalam Melaksanakan PBS)



Penilaian produk tertumpu kepada pencapaian matlamat projek pelaksanaan PBS dengan guru sebagai pelaksananya. Hall dan Hord (2001) menyatakan adalah wajar untuk mengenali guru itu sendiri terhadap penerimaan mereka sebagai pelaksana perubahan kerana kejayaan sesuatu perubahan bermula dan berakhir pada tahap individu yang menjadi pelaksananya. Menurut Shapard (2000), untuk mengubah paradigma sesuatu sistem dalam pendidikan, guru sebagai pelaksana dan sebagai agen perubahan perlu diberi perhatian sewajarnya. Memandangkan pentaksiran di sekolah dijalankan sepenuhnya oleh guru maka sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran, gurulah yang akan memainkan peranan penting dalam proses pentaksiran (Lewis & Messey, 2003).





Namun begitu, sikap guru akan menentukan kejayaan perubahan di sekolah. Pelaksanaan perubahan kurikulum telah menunjukkan guru sebagai pelaksana akan mengubah inovasi sehingga terdapat banyak perbezaan antara perkara yang diamalkan di dalam bilik darjah dengan perkara yang dikehendaki oleh kurikulum (Tan, 2010). Kepercayaan, sikap dan komitmen guru (tingkah laku) akan menjadi antara faktor untuk mengetahui sejauh mana faktor-faktor tersebut mempengaruhi tahap penerimaan guru dalam melaksanakan PBS. Maka penilaian produk Penerimaan Guru dalam Melaksanakan PBS ini meliputi Kepercayaan Guru tentang Kepentingan Melaksanakan PBS, Sikap Guru terhadap Pelaksanaan PBS dan Komitmen Guru dalam Melaksanakan PBS.



2.9.1 Kepercayaan Guru Tentang Kepentingan Melaksanakan PBS

Kepercayaan yang wujud dalam diri seseorang guru itu merangkumi aspek ideologi, sistem nilai, dan pandangan hidup yang membentuk tindakan dan amalannya (Cohen, 1990; Earnest 1989). Menurut White et al. (2005) kepercayaan merupakan pengetahuan yang merujuk kepada pendapat seseorang tentang sesuatu. Manakala Fishbein dan Ajzen (1975) menyatakan kepercayaan adalah keyakinan yang dipunyai oleh seseorang tentang sifat-sifat sesuatu program.

Sistem pendidikan tradisional sebelum ini hanya berpandukan kurikulum yang hanya mencakupi kebolehan murid mengingat dan kemahiran menghafal semata-mata.





Kemahiran yang lain tidak di aplikasi, dianalisis, di sintesis dan dinilai dalam sesuatu penilaian (Begum & Farooqui, 2008). Maka PBS telah memberi peluang kepada murid untuk menunjukkan apa yang mereka belajar. Dengan PBS juga guru-guru percaya bahawa mereka boleh mengenali murid dengan lebih dekat. Ini adalah kerana sepanjang proses pentaksiran, guru dan murid akan terlibat secara kolaboratif dan ini menggalakkan keterlibatan murid secara maksimum apabila diberi tugas pentaksiran (Mhishi et al., 2012). Selain itu, bagi memastikan objektif pentaksiran mencapai matlamat, guru-guru akan memastikan pentaksiran yang dilakukan adalah berdasarkan objektif pengajaran (Queenland Government, 2010).



Sementara itu, kajian Abdul Zubir (2007) mendapati hanya 30% yang mengatakan PBS itu sangat penting dan 37% guru yang mahu PBS ini diteruskan dan selebihnya mahu PBS dihentikan. Dapatan yang sama juga di peroleh oleh Rosli (2008) yang mengkaji pelaksanaan PBS dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup dan mendapati bentuk kemahuan guru untuk melaksanakan PBS menunjukkan tahap yang sederhana. Namun, setelah beberapa tahun PBS dilaksanakan, guru-guru di Malaysia masih belum menerima sepenuhnya PBS. Ini terbukti apabila lebih 50 ribu orang guru 'like' (menyokong) satu 'pages' (laman) yang terdapat di 'facebook' yang ingin memansuhkan PBS (<https://www.facebook.com/KamiMahuSPPBSDimansuhkan>). Namun dapatan ini disangkal dengan dapatan Adediwura (2012) yang menunjukkan bahawa guru-guru yang terlibat dengan pelaksanaan PBS telah mengiktiraf bahawa PBS mempunyai kelebihan yang tersendiri dan mempunyai pandangan positif terhadap pelaksanaan PBS.





Satu kajian yang telah dijalankan oleh (Adediwura, 2012) di enam buah sekolah menengah terpilih di Negeri Selatan Tenggara Nigeria mengenai persepsi guru dalam PBS. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa guru-guru yang terlibat dengan pelaksanaan PBS ini telah mengiktiraf bahawa PBS mempunyai kelebihan yang tersendiri dan mempunyai pandangan positif ke arah itu. Antaranya ialah guru yang mengajar adalah guru yang mentaksir maka mereka lebih tahu dan arif tentang murid mereka selain pentaksiran yang dijalankan. Tambahan pula PdP di dalam bilik darjah lebih santai berbanding dengan peperiksaan yang memberikan tekanan kepada para pelajar. Selain itu, pelbagai kaedah boleh digunakan untuk mentaksir pelajar-pelajar tersebut dan pelajar dapat menunjukkan kebolehan sebenar mereka. Hasil dapatan ini menunjukkan bahawa guru-guru di Nigeria telah memahami tentang rasional pelaksanaan PBS ini. Namun, terdapat juga hampir setengah daripada guru-guru ini kurang bersedia dengan transformasi yang dilakukan seperti keperluan, prosedur dan kriteria tentang pelaksanaan PBS ini. Mereka bersependapat bahawa PBS sangat sesuai dengan perkembangan semasa murid namun masih sukar untuk dijadikan amalan di dalam pengajaran mereka.

2.9.2 Sikap Guru terhadap Pelaksanaan PBS

Sikap merujuk kepada perspektif atau pandangan terhadap sesuatu (Harold Koontz, 2008). Manakala menurut Rohana Yusuf (2003) sikap adalah berhubung dengan perlakuan atau pandangan yang berdasarkan kepada sesuatu pendapat yang mungkin terbentuk akibat daripada amalan dan pengaruh terdahulu. Sarwono, (2009) pula menjelaskan bahawa sikap





merupakan reaksi evaluatif yang disukai atau tidak disukai terhadap sesuatu atau seseorang, menunjukkan kepercayaan, perasaan, atau kecenderungan perilaku seseorang. Maka kejayaan pelaksanaan PBS di sekolah boleh juga bergantung pada sikap guru itu sendiri. Sikap (attitudes) seseorang itu juga boleh menunjukkan sama ada ia menyokong atau menolak dalam menilai sesuatu program.

Kajian Nor Hasnida, Baharim dan Alfian (2012) mendapati bahawa sikap guru terhadap pelaksanaan PBS berada pada tahap sederhana bagi dimensi 'kepercayaan' dan 'implementasi' manakala tahap rendah bagi dimensi 'perasaan'. Walhal, sikap yang ditakrifkan sebagai '*a mental and neural state of readiness, organized through experience, exerting a directive or dynamic influence upon the individual response to all objects and situations with which it is related*' (Zimbardo & Leippe, 1991) adalah antara faktor penting dalam menghasilkan kejayaan bagi sesuatu perubahan yang direncanakan. Kepentingan konstruk sikap dikaji adalah kerana para guru merupakan tulang belakang kepada kejayaan pelaksanaan PBS. Sebagai contoh, guru-guru yang mempamerkan sikap positif akan menghadapi sedikit masalah yang berkaitan dengan tugas menghadiri kursus, mesyuarat atau bengkel di samping mengurus, mentadbir serta melaksanakan prinsip PBS dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Petikan dari Department of Education and Training, Victoria (2005) menjelaskan maksud pembelajaran bermakna dan kaitannya dengan *assessment for learning*.

“Meaningful learning occurs when learners are actively involved and have the opportunity to take control of their own learning. This means that education should emphasize the active engagement of students in the learning process and the use of teaching strategies congruent with a metacognitive approach to learning such as





sense making, self-assessment and reflection on what worked and what needs improving”

(Victoria 2005; p. 131)

Dapatan Abdul Zubir (2007) yang mendapati bahawa kepercayaan guru tentang kepentingan PBS dan kemahuan mereka dalam melaksanakannya masih rendah. Namun dapatan ini adalah di awal pelaksanaan PBS. Mohd Sahandri Gani(2014) turut akui bahawa perkara ini boleh berlaku disebabkan kesukaran guru menerima sesuatu inovasi dalam pendidikan. Namun begitu, lumrah sebagai seorang guru, mereka akan mementingkan pencapaian murid. Pernyataan ini selaras dengan saranan Noraini dan Suhaida (2014) yang menyatakan bahawa guru-guru perlu bersikap positif terhadap semua inovasi dalam kurikulum. Menurut mereka lagi, guru perlu sentiasa bersedia dari pelbagai aspek memandangkan pelaksanaan PBS akan menjadikan tugas dan tanggungjawab guru semakin mencabar. Untuk itu guru-guru telah menggunakan pelbagai usaha termasuklah mengajar semula, mengubah strategi pengajaran dan sebagainya supaya murid mencapai band tertinggi (Stiggins, 2005).

Selaras kajian (Adediwura, 2012) yang mendapati pelbagai kaedah telah digunakan oleh guru untuk mentaksir murid-murid tersebut dan murid-murid ini dapat menunjukkan kebolehan sebenar mereka. Kajian Chan (2009) juga turut mendapati guru-guru yang ditemu bual bersikap positif terhadap pelaksanaan PBS di mana guru-guru bersetuju dengan pelaksanaan PBS kerana pengajaran akan menjadi lebih berkesan. Dapatan beliau juga mendapati kesan PBS boleh dilihat apabila guru dapat mengesan segera pencapaian





murid, menggalakkan pelbagai aktiviti menarik untuk murid, pencapaian murid akan lebih baik, dan mengurangkan ketakutan murid pada peperiksaan. Malah sistem pentaksiran ini mampu meningkatkan keyakinan murid dalam pembelajaran.

Kajian oleh Sanitah dan Norsiwati (2012) terhadap kesediaan guru matematik melaksanakan KSSR di daerah Kluang, Johor, mendapati bahawa tahap kesediaan minat guru, sikap guru dan kemahiran guru adalah pada tahap yang tinggi. Ini menunjukkan bahawa kesediaan minat dan sikap guru yang positif mengajar KSSR akan memberikan impak yang berkesan dalam proses pelaksanaan KSSR. Sikap guru yang positif ini merupakan satu permulaan yang baik dalam pelaksanaan PBS. Pentingnya guru-guru berfikir positif seperti ditegaskan oleh Stenhouse (1984);

Guru yang positif tidak perlu disuruh membuat sesuatu. Mereka tidak bergantung pada Jemaah Nazir atau pihak yang membuat inovasi. Guru yang positif sentiasa rela menerima nasihat, bimbingan dan bantuan. Pendidik-pendidik luar bilik darjah boleh memberi khidmat nasihat tetapi hanya guru sahaja yang akhirnya diamanahkan untuk mengajar dengan baik. Oleh yang demikian guru sepatutnya menganggap strategi-strategi dan teknik-teknik pengajaran sebagai percubaan dan eksperimen supaya mereka dapat mengkritik kemahiran-kemahiran mereka bagi mencapai peningkatan kemahiran profesionalisme.

(Stenhouse, 1984: p69)

2.9.3 Komitmen Guru dalam Melaksanakan PBS

Komitmen guru dalam melaksanakan PBS merupakan sikap kesediaan diri untuk memegang teguh visi, misi serta kemahuan untuk mengerahkan seluruh usaha dalam melaksanakan tugas (Miller, 2009). Komitmen yang tinggi perlu ada pada setiap guru





dalam memberikan yang terbaik kepada pelajarnya kerana guru berhadapan dengan beban tugas yang semakin banyak dan mencabar (Nias, 1996). Guru haruslah bijak membahagikan masa dalam menguruskan hal-hal peribadi dan pengajaran di sekolah agar pelaksanaan PBS dapat diuruskan dengan baik. Guru-guru yang komited dalam melaksanakan PBS akan mengakui bahawa pelaksanaan PBS akan membuatkan pengajaran mereka lebih berkesan. Pernyataan ini disokong oleh Brown (2011) yang mendakwa bahawa pentaksiran yang dilakukan di dalam bilik darjah akan membuatkan pengajaran guru lebih bermakna dan meninggalkan kesan jangka panjang kepada murid-murid.



Sementara itu (Adediwura, 2012), menyatakan guru yang mengajar adalah guru yang mentaksir. Maka guru yang akan memainkan peranan penting kerana guru lebih tahu dan arif tentang murid-murid mereka selain pentaksiran yang dijalankan di dalam bilik darjah lebih santai berbanding dengan peperiksaan yang memberikan tekanan kepada para murid. Hamzah dan Sinnasamy (2009, p14) telah menekankan peranan guru dengan memetik ucapan dari Tan Sri Dr Murad Mohammad Nor, bekas Ketua Pengarah Pendidikan yang mendakwa, "... bahagian yang paling penting dalam pelaksanaan apa-apa rancangan, adalah guru. Walau bagaimana baik pun rancangan itu, ia akan menjadi tidak berguna jika guru tidak melaksanakan dengan baik."

Menurut Louis, (1998) menjelaskan empat jenis komitmen guru. Pertama, komitmen kepada sekolah sebagai satu unit sosial. Guru yang mempunyai komitmen ini





bertanggungjawab terhadap sekolah dan profesionnya dan sedia secara sukarela dengan kerja-kerja tambahan yang akan membantu peningkatan iklim dan peranan sekolah. Kedua, komitmen kepada matlamat akademik sekolah. Guru yang mempunyai komitmen ini memperuntukkan banyak masa dalam kerja-kerja akademik seperti perancangan pengajaran, aktiviti bilik darjah dan sentiasa berfikir tentang cara untuk meningkatkan penglibatan dan pencapaian pelajar. Ketiga, komitmen kepada pelajar sebagai individu yang unik. Guru yang mempunyai komitmen ini akan bermotivasi untuk berurusan dengan penyelesaian masalah pelajar, dan lebih sensitif dan sedar tentang perkembangan pelajar sebagai seorang remaja.



Keempat, Komitmen kepada pengetahuan yang diperlukan untuk pengajaran berkesan. Menurut Louis lagi, guru akan sentiasa bersedia dengan perubahan-perubahan dan pengetahuan baru dan terkini serta menggabungkan idea-idea baru dalam bilik darjah dan kurikulum. Jika guru memiliki keempat-keempat jenis komitmen ini, maka penerapan dan pengekal dalam pelaksanaan PBS menjadi lebih mudah dan bermakna. Guru-guru ini mudah memahami kehendak sukatan pelajaran dan dapat menyampaikan ilmu kepada murid-murid dengan lebih efektif. Rungutan seperti “bebanan kerja”, “tidak cukup masa” atau pelbagai alasan lain yang boleh mencacatkan pelaksanaan PBS dapat diminimumkan.

Hasil kajian Abdul Rahim et al., (2006) terhadap persepsi guru terhadap profesion perguruan masa kini mendapati bahawa guru menganggap sumbangan yang telah mereka berikan kepada masyarakat dan negara adalah besar dan tinggi nilainya. Hasil daripada





kajian menjelaskan bahawa para guru mempunyai komitmen yang tinggi terhadap tugas mereka sebagai pendidik dan sanggup menghadiri kursus dalam perkhidmatan dengan tujuan untuk meningkatkan ilmu dan kemahiran dalam dunia pengajaran. Namun begitu berbeza dengan hasil dapatan kajian Stiggins (2005) yang mendapati tidak ramai guru yang betul-betul bersedia dalam melakukan pentaksiran bilik darjah kerana mereka tidak berpeluang untuk mempelajari teknik-teknik dan amalan pentaksiran yang betul. Ini adalah kerana, menurut Bennett (2011), sistem pentaksiran yang sedang di laksana perlu diberi peluang untuk diteruskan supaya kita dapat merasakan keberkesanannya.

2.11 Kekangan Guru dalam Melaksanakan PBS



Sepanjang melaksanakan PBS banyak keluhan guru diluahkan melalui media cetak mahu pun media sosial. Pernyataan ini disokong oleh dapatan kajian Hamzah dan Sinasamy (2009) yang menyatakan guru-guru terpaksa membuat kerja yang bukan akademik yang membebankan. Mereka terpaksa meluangkan waktu yang lebih untuk membuat program-program sekolah, melatih sukan dan sebagainya. Ini di akui oleh dapatan Tan (2010) yang menyatakan antara bebanan tugas guru adalah seperti tugas pengkeranian, proses memasukkan markah dan sistem fail menjadi kekangan guru dalam melaksanakan PBS. Kajian Abdul Zubir (2007), juga turut mendapati guru terbeban dengan tugas yang melampau sehingga kekurangan masa untuk menyediakan instrumen.





Namun begitu menurut Eftah dan Abd Aziz (2013), beban guru mungkin akan meningkat pada peringkat awal pelaksanaan PBS tetapi akan semakin mudah apabila mereka menjadi lebih mahir dalam prosedur pelaksanaan PBS. Tetapi setelah hampir lima tahun pelaksanaan PBS, bebanan guru dilihat semakin bertambah jika dibandingkan dengan kaedah lama dari segi penyediaan lembaran kerja di mana guru hanya menyediakan dan menyemak lembaran kerja. Namun dalam sistem PBS, guru perlu menyediakan, menyemak, mentaksir, memberi skor dan merekod. Seperti umum ketahui guru-guru akan mengajar tiga hingga empat kelas yang puratanya seramai 25 hingga 35 orang murid di dalam satu kelas (PPPM, 2013-2025). Ini bermakna guru-guru perlu menanda, memberi skor mentaksir dan merekod 75 hingga 140 eviden. Namun hakikat sebenar bilangan murid di dalam kelas terutama di sekolah bandar adalah seramai 28 hingga 45 orang. Kerumitan untuk menyemak semua eviden ini menjadi bebanan utama kepada guru. Penambahan tugas ini sedikit sebanyak mengganggu proses PdP guru di bilik darjah (Ness et al., 2007).

Selain itu, terdapat guru-guru yang memegang jawatan-jawatan penting di sekolah yang memaksa guru keluar sekolah untuk berkursus atau terpaksa memberi tumpuan lebih untuk menjalankan tugas-tugas penting. Secara tidak langsung, guru tertinggal banyak masa untuk mengajar dan mentaksir pelajar. Penambahan jawatan, acara atau aktiviti di sekolah juga sedikit sebanyak mengganggu sesi PdP guru dalam melaksanakan PBS (Noorzeliana, Norazilawati & Saniah, 2014). Tambahan pula, kajian Yazid (2006) dalam (Asraf, 2013) mendapati guru menggunakan masa 52.40 jam seminggu bagi melaksanakan





tugas akademik manakala 31.86 jam seminggu bagi tugas bukan akademik. Ini menunjukkan dalam sehari guru menggunakan lebih 10 jam untuk tugas akademik. Berdasarkan tugas pengurusan PBS yang banyak seperti mengurus eviden, membuat pentaksiran dan merekod eviden, maka tugas akademik guru semakin bertambah dan ianya akan melebihi penggunaan 10 jam sehari berbanding tahun 2006 (sebelum pelaksanaan PBS). Ini menyebabkan guru merasakan masa tidak mencukupi dan menyebabkan guru terpaksa melakukan tugas sekolah di rumah. Situasi ini mewujudkan beban tugas disebabkan kekurangan masa untuk melaksanakan semua tugas tersebut.

Selaras dengan dapatan kajian Tan (2010) yang mendapati kerja pengkeranian yang melampau, termasuk pemprosesan markah dan penghasilan sijil telah menjejaskan emosi guru. Hasil temu bual dengan guru, Tan membuat kesimpulan bahawa pengurusan markah secara rubrik yang melibatkan pengisian markah yang ‘ekstensif’ (melampau) telah menjejaskan matlamat adanya PBS. Dapatan yang sama juga di peroleh oleh Rosli (2008) yang mengkaji pelaksanaan PBS dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup yang mendapati bentuk kemahuan guru untuk melaksanakan PBS menunjukkan tahap yang sederhana.

Akhiar et al. (2012) dalam (Asraf, 2013) turut bersetuju dengan menyatakan selain mengajar, guru juga perlu melakukan tugas-tugas perkeranian seperti menyemak buku latihan murid, menyemak kertas ujian, merekodkan kemajuan murid, menanda kedatangan, menyimpan fail, membuat nota pelajaran dan menulis surat kepada ibu bapa serta penjaga berkenaan hal ehwal murid. Ini jelas menunjukkan melalui pelaksanaan PBS, semakin





bertambah tugas guru di sekolah dan menyebabkan tugas utama sebagai pengajar semakin terhimpit dan kurang diberikan penekanan oleh guru.

Selain itu, konsep PBS, implementasi dan implikasinya telah banyak dibincangkan tetapi kurang difahami oleh masyarakat. Ibu bapa, pihak berkepentingan, pelajar termasuklah sebahagian besar guru-guru di seluruh negara, mereka mempunyai persepsi yang berbeza tentang PBS. Terdapat dakwaan mengatakan bahawa sistem PBS telah dilaksanakan secara mendadak sehingga guru-guru, ibu bapa dan para pelajar menghadapi kejutan budaya pentaksiran. Maklumat yang tidak konsisten dari pihak KPM dalam Seminar Kebangsaan Majlis Dekan-Dekan Pendidikan IPTA (2014) juga telah menjejaskan konsepsi golongan tersebut sehingga menimbulkan kekeliruan tentang pelaksanaan PBS. Maka menjadi satu lagi bebanan guru-guru apabila perlu memberi pemahaman kepada ibu bapa terutama di luar bandar tentang konsep PBS yang tiada lagi sistem pemarkahan digunakan.

Perkara ini berlaku adalah kerana melalui dapatan (Noorzeliana Idris et al., 2014) dalam temu bual bersama guru di sekolah luar bandar, ibu bapa sentiasa mempersoalkan markah anak mereka apabila guru menunjukkan pencapaian berupa 'band' kepada ibu bapa. Maka ibu bapa perlu diberikan pemahaman yang jelas mengenai pelaksanaan PBS agar tidak timbul kecelaruan dengan membuat tanggapan negatif terhadap sistem pembelajaran baharu itu (Utusan Online, 22Oktober 2012). Tanggapan negatif dan ketiadaan kerjasama dari masyarakat membuatkan guru rasa tertekan dengan pelaksanaan





PBS kerana ibu bapa kurang memberi sokongan moral terhadap anak-anak dan sistem pentaksiran baru ini.

Selain mengajar, guru kini terpaksa bergelut masa untuk mentaksir pencapaian/prestasi bagi setiap objektif pembelajaran, merekodkan dalam sistem seterusnya melakukan pemfailan eviden. Kekekapan pentaksiran dan tatacara pelaksanaan sistem PBS yang rumit (*tedious*) telah menyuntukkan masa guru untuk tugas-tugas lain dan ini sangat membebankan para guru. Pelaksanaan PT3 pula seolah-olah telah memindahkan sebahagian tugas yang lazimnya dilakukan oleh Lembaga Peperiksaan kepada guru-guru di sekolah. Tugas ini memerlukan guru-guru membina instrumen, mentadbir, menskor, menilai seterusnya melaporkan berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan.

Kekangan-kekangan yang dibincangkan di atas adalah faktor utama kepada 'kedinginan' guru terhadap untuk menerima pelaksanaan PBS (Rosli, 2008). Guru-guru boleh menerima pelaksanaan PBS sepenuhnya tetapi ia akan mengambil masa yang lama. Perkara ini telah disimpulkan oleh Haqq (1996) yang menyatakan;

“Teacher, researchers, and policymaker consistently indicate that the greatest challenge to implementing effective professional development is lack of time. Teacher need time to understand new concept, learn new skills, develop new attitudes, research discuss, reflect, assess, try new approaches and integrate them into their practice; and time to their own profesional development”.

(Haqq, 1996; p45)





2.12 Kajian-kajian Lepas

Kajian-kajian lepas membincangkan reka bentuk kajian, instrumen soal selidik rubrik dua lapis, teknik pensampelan dan analisis kajian penyelidik lain yang sama dengan kajian ini. Persamaan ini dilihat bagi mengukuhkan dan memperlihatkan bahawa kajian ini mempunyai persamaan dengan penyelidik lain dalam memilih reka bentuk teknik pensampelan dan sebagainya.

a. Reka bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan data kualitatif untuk menyokong dapatan kuantitatif. Penggunaan kaedah ini adalah bertujuan untuk mendapatkan maklumat yang jelas, tepat dan memahami pernyataan masalah dengan lebih baik berbanding dengan hanya menjalankan satu kaedah sahaja (Creswell & Clark, 2014). Teknik ini juga telah diguna pakai dalam kajian Mohd Sahandri et al. (2016). Kajian mereka adalah untuk mengenal pasti keberkesanan pelaksanaan dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia (MBM) dalam kalangan pelajar sekolah rendah dan menengah. Selain itu, Mumtaz Begum (2008) juga menggunakan kaedah ini dalam kajiannya tentang kesan integriti kepimpinan. Saifuddin Kumar (2015) dalam kajiannya menilai kemahiran kebolehdapatan kerja bagi pelajar Politeknik juga menggunakan kaedah yang sama.





Begitu juga Asraf (2013) dalam kajiannya yang mengkaji bebanan guru juga menemu bual guru untuk mengukuhkan dapatan kuantitatif. Selain itu Mohd Azmi (2016) dalam kajiannya untuk menilai program latihan dalam perkhidmatan PBS telah menemu bual tujuh orang guru bagi mendapatkan data kualitatif untuk menyokong dapatan kuantitatifnya. Mhishi et al. (2012) dalam kajiannya tentang PBS di Zimbabwe turut menggunakan kaedah ini iaitu menemu bual guru di samping menganalisis dokumen bagi menyokong dapatan deskriptifnya.

Mohd Syafik et al. (2015) juga telah menggunakan kaedah yang sama dengan Mhishi. Mereka menggunakan data kualitatif hanya untuk menyokong dapatan deskriptif sahaja. Namun bagi Tong dan Adamson (2015) telah menemu bual seramai 45 orang pelajar bagi mengukuhkan dapatan kuantitatif yang menggunakan soal selidik terhadap 423 orang pelajar. Kajian mereka adalah untuk mengenal pasti pendapat pelajar tentang PBS di Hong Kong. Ramai penyelidik lain turut menggunakan kaedah ini adalah kerana kaedah ini dapat membantu mengukuhkan dapatan mereka (Creswell & Clark, 2014).

b. Instrumen Soal Selidik Rubrik Dua Lapis

Soal selidik dua lapis merupakan instrumen yang menggunakan rubrik kerana boleh memberi input yang lebih terperinci. Ini terbukti apabila terdapat beberapa penyelidik yang turut menggunakan instrumen ini. Mohd Sahandri (2016), Che Ton et al. (2016) dan Mazura et al. (2016) dalam kajian mereka tentang menilai dasar Memartabatkan Bahasa Melayu Mengukuhkan Bahasa Inggeris (MBMBI). Bagi penyelidik-penyelidik ini,





penggunaan instrumen soal selidik dua lapis bagi setiap item atau pernyataan bukan hanya boleh diketengahkan dalam status skor min akan tetapi dapat memperincikan lagi pada tahap lemah, sederhana atau baik dengan huraian deskriptif yang lebih jelas. Selain itu Saifuddin (2015) dan Mohd Faizal (2015) turut menggunakan soal selidik dua lapis ini dalam kajian mereka.

c. Teknik Pensampelan

Kajian ini telah menggunakan teknik pensampelan rawak berstrata dengan membahagikan negeri-negeri di Malaysia kepada empat zon. Dalam pensampelan rawak berstrata, pemilihan sampel boleh dilakukan dengan dua cara sama ada mengikut nisbah berdasarkan kepada saiz sampel (*proportional stratified sampling*) atau tidak bernisbah (*disproportional stratified sampling*) (Johnson & Christesen, 2004). Penentuan bilangan sampel mengikut nisbah berdasarkan saiz populasi kadang-kadang menyebabkan bilangan sampel dalam sesuatu strata agak kecil dan tidak mewakili populasi. Sekaran (1992) menyatakan bahawa pemilihan sampel tidak mengikut nisbah iaitu pemilihan sampel yang sama banyak adalah lebih sesuai jika terdapat populasi strata yang terlalu kecil atau terlalu besar.

Cara yang sama juga digunakan oleh Abdul Jamil (2003), Abdul Zubir (2007), Suzana (2015) dengan membahagikan negeri-negeri di Malaysia kepada empat zon. Penyelidik juga menggunakan kaedah rawak berkelompok sama seperti Asraf (2013) dalam kajiannya untuk memilih sampel kajian. Namun begitu, Mumtaz (2008)





menggunakan kaedah rawak berstrata tetapi tidak membahagikan negeri-negeri di Malaysia kepada beberapa zon, malah mengkategorikan Kolej Politeknik mengikut kemahiran. Kajian ini juga menggunakan kaedah *purposive sampling* bagi memilih responden untuk ditemu bual. Kaedah yang sama digunakan oleh Suzana (2015) bagi memilih peserta kajian kes.

d. Analisis Kajian

Kajian ini telah menggunakan analisis deskriptif dan inferensi iaitu MANOVA dan Regresi Berganda. Bagi analisis inferensi, penyelidik lain yang menggunakan analisis yang sama dalam kajian mereka adalah Ramlah Khalid (2016) dalam kajiannya tentang penilaian pelaksanaan pentaksiran ke arah pencapaian matlamatnya bagi guru-guru sekolah rendah. Selain itu, Jamil (2002) dan Mohd Azmi (2016) turut menggunakan kaedah ini dengan menghuraikan secara terperinci dapatan regresi berganda dan MANOVA dalam kajian mereka. Shaharim (2015) dalam kajiannya untuk menganalisis interaksi antara guru-pelajar, persekitaran pembelajaran dan komitmen pelajar terhadap keselesaan pembelajaran biologi juga menggunakan. Terdapat ramai lagi penyelidik lain yang menggunakan analisis regresi berganda dan MANOVA dalam kajian mereka. Namun begitu tidak semua sesuai menggunakan analisis ini kerana pemilihan analisis data adalah bergantung kepada tujuan dan persoalan kajian.





2.13 Rumusan

Bab ini telah mengupas dan mendefinisikan pelbagai bentuk penilaian, konsep dan model penilaian yang digunakan dalam menilai sesuatu program pendidikan. Secara umumnya berdasarkan kajian lepas penyelidik telah membuktikan kajian-kajian yang lalu terhadap keberkesanan penilaian program menggunakan model penilaian yang lengkap dalam menilai sesuatu program pendidikan. Penentuan reka bentuk atau model penilaian adalah bergantung dan berkait rapat dengan tujuan, soalan kajian dan fokus kajian yang hendak dijalankan. Oleh yang demikian, dapat dirumuskan bahawa model CIPP adalah satu model yang berkesan untuk menguji dan menilai program pendidikan kerana ia relevan dengan skop kajian yang hendak dilaksanakan. Dalam bab ini juga dibicarakan mengenai penulisan ilmiah mengenai PBS dan konstruk-konstruk kajian. Hasil tinjauan literatur ini menunjukkan bahawa penerimaan guru dalam melaksanakan PBS adalah bergantung pada sejauh mana pengurusan dan kecekapan sekolah dalam menangani bebanan guru (Ahamad & Sidek, 2012)





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

3.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan metodologi yang digunakan dalam kajian ini. Oleh sebab proses menjalankan kajian melibatkan beberapa tahap proses, maka penjelasan awal dibuat terhadap proses yang mendasari kajian secara keseluruhan. Kerangka proses kajian dibentuk sebagai rujukan penting yang mendasari tata kerja proses kajian secara keseluruhan supaya perjalanan kajian ini berjalan lebih sistematik. Rajah 3.1 menunjukkan kerangka tata cara proses kajian yang dijalankan.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun




ptbupsi



Berdasarkan Rajah 3.1 proses kajian bermula dengan tahap pembentukan instrumen yang berlaku dalam dua fasa iaitu pembinaan instrumen, semakan pakar dan kajian rintis. Tahap kedua proses kajian ialah melaksanakan kajian dengan menggunakan pendekatan kaedah gabungan dalam dua fasa iaitu fasa pendekatan kuantitatif dan data kualitatif. Tahap kedua juga merupakan proses perbincangan di mana penyelidik membincangkan data kuantitatif dan gabungan data kuantitatif dan kualitatif dengan analisis kajian literatur berdasarkan persoalan kajian.

Perbincangan metodologi kajian menghuraikan prosedur pelaksanaan kajian yang meliputi reka bentuk kajian, populasi dan sampel kajian, alat kajian yang mencangkup kesahan dan kebolehpercayaan instrumen yang digunakan, tatacara pemerolehan dan penganalisan data secara terperinci.






Rajah 3.1 Kerangka Tatacara Proses Kajian Penilaian Pelaksanaan PBS dalam Kalangan

3.2 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif yang menggunakan soal selidik rubrik dua lapis bagi analisis deskriptif dan inferensi untuk mengenal pasti pelaksanaan PBS dalam kalangan guru yang merangkumi konstruk Konteks, Input, Proses dan Produk. Manakala data kualitatif pula menggunakan kaedah temu bual, analisis dokumen dan pemerhatian untuk menyokong dan mengukuhkan dapatan kuantitatif. Berdasarkan Rajah 3.2 reka bentuk kajian yang digunakan adalah Reka bentuk Penjelasan Berturutan (Sequential Explanatory Design) seperti yang sarankan oleh Clark dan Creswell (2014), Morgan (1998) dan Morse (2003). Justeru itu reka bentuk kajian ini sesuai digunakan kerana penyelidik dapat menggunakan ciri-ciri responden daripada dapatan kuantitatif untuk dijadikan panduan dalam memilih pensampelan bertujuan dalam kajian kualitatif yang dijalankan seterusnya (Clark & Creswell, 2014).



Rajah 3.2 Ringkasan Reka Bentuk Kajian

Berdasarkan Rajah 3.2, ringkasan bagi reka bentuk kajian ini adalah menggunakan pendekatan kuantitatif dengan di sokong oleh data kualitatif. Kaedah yang digunakan bagi



pendekatan kuantitatif adalah kaedah tinjauan yang menggunakan soal selidik. Manakala bagi data kualitatif, penyelidik menggunakan kaedah temu bual, analisis dokumen dan pemerhatian untuk menyokong dan mengukuhkan data kualitatif. Penyelidik menggabungkan dapatan kuantitatif dan data kualitatif bagi membuat perbincangan dan kesimpulan.

3.3 Kaedah Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan dan data kualitatif sebagai cara untuk mendapatkan data.



a. Kaedah tinjauan

Kaedah tinjauan merupakan salah satu prosedur penyelidikan kuantitatif, iaitu penyelidik mentadbir soal selidik atau menjalankan temu bual untuk mengumpul data berkaitan pengetahuan, kepercayaan, sikap, pandangan, persepsi, tingkah laku atau ciri-ciri sesuatu isu bagi menggambarkan populasi kajian dengan langkah mengkaji sampel dalam populasi tersebut (Clark & Creswell, 2008; Creswell, 2009; Frenkel & Wallen, 2003; Gay, Mills & Airasian, 2009). Oleh sebab kajian ini untuk mendapatkan maklumat tentang pengetahuan, kemahiran, kepercayaan dan sikap guru dalam pelaksanaan PBS dalam elemen konteks,





input, proses dan produk, maka kaedah tinjauan dijalankan (Creswell, 2009; Frenkel & Wallen, 2003; Gay et al., 2009; Wiersma & Jurs 2005, 2009)

Rasional penggunaan kaedah ini adalah kerana kaedah ini membenarkan maklumat dikumpul daripada sampel kajian dan bukan daripada setiap individu dalam populasi kajian. Lebih menarik apabila inferensi ciri-ciri yang dikaji boleh di generalisasi tentang populasi bagi menggambarkan ciri-ciri populasi (Clark & Creswell, 2008; Creswell, 2009; Frenkel & Wallen, 2003). Rasional ketiga ialah prosedur pungutan data iaitu mengenal pasti atribut populasi yang besar kepada kumpulan sampel yang kecil (Babbie, 2001; Clark & Creswell, 2008). Selain itu kaedah ini juga memudahkan penyelidik mengenal pasti jumlah responden yang besar bagi membolehkan menganalisis MANOVA, dan Regresi dijalankan (Chua, 2006; Clark & Creswell, 2008). Hal ini dikatakan demikian, kerana prosedur pemilihan sampel bermula dengan mengenal pasti populasi, reka bentuk pensampelan, cara pemilihan dan bilangan sampel (Creswell, 2009). Aspek kelima memilih kajian tinjauan adalah kerana maklumat yang diperoleh daripada soal selidik yang di pos adalah mudah. Pos membenarkan data diperoleh dengan senang, selesa dan cepat malahan sampelnya yang tersebar dalam kawasan geografi yang luas selain menjimatkan kos (Clark & Creswell, 2008).

b. Data Kualitatif

Penyelidik menggunakan tiga teknik pengumpulan data kualitatif yang biasa digunakan oleh penyelidik kualitatif yang lain iaitu (a) temu bual (b) analisis dokumen dan (c)





pemerhatian (Bogdan & Biklen 1998, 2003; Frenkel & Wallen, 2003; Merriam, 2009). Tiga teknik kutipan data ini digunakan bagi memperjelas dan mengukuhkan lagi data kuantitatif. Pungutan data daripada kualitatif juga bertujuan untuk melengkapkan, memantapkan dan mengukuhkan data yang diperolehi daripada sumber utama (Creswell & Clark, 2007; Frenkel & Wallen, 1993).


Pendapat ini disokong oleh Bogdan dan Biklen (1998), di mana menurut beliau lebih banyak data yang dikumpulkan dari pelbagai sumber adalah lebih baik bagi mengetahui fenomena kajian. Oleh kerana itu, penyelidik telah menggunakan tiga teknik pengumpulan data seperti yang dinyatakan.



c. Gabungan Kaedah Tinjauan dan Data Kualitatif

Reka bentuk kajian ini dijalankan melalui dua fasa iaitu kajian kuantitatif dijalankan melalui fasa pertama dan kemudiannya disusuli dengan fasa kedua dengan mendapatkan data kualitatif (Clark & Creswell, 2014). Pendekatan yang dipilih ini mempunyai dua fasa pengumpulan data iaitu data kuantitatif dan diikuti dengan data kualitatif. Seterusnya, laporan penyelidikan dilakukan berdasarkan daripada dapatan kuantitatif diikuti dengan dapatan kualitatif seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 3.3 (Creswell et al., 2014).





Rajah 3.3 Fasa Pengumpulan Data. Di adaptasi dari Clark dan Creswell, 2014

Berdasarkan Rajah 3.3, dapatan yang diperoleh dari analisis kuantitatif hanya memberi maklumat tentang permasalahan kajian secara umum. Manakala data kualitatif pula telah menjelaskan dan mengukuhkan keputusan yang diperoleh dari analisis kuantitatif dengan memberi pandangan responden secara terperinci (Creswell, 2003; Creswell et al., 2014; Tashakkori, 2003). Penyelidik menggunakan kaedah tinjauan bagi mendapatkan data kuantitatif dengan menggunakan soal selidik rubrik dua lapis. Manakala data kualitatif diperoleh melalui tiga teknik iaitu temu bual, analisis dokumen dan pemerhatian yang hanya untuk menyokong dapatan kuantitatif.

Sehubungan itu, penggunaan pelbagai kaedah telah dapat membantu mengukuhkan lagi dapatan kajian khususnya dari aspek keyakinan dan kesahan terhadap data dan maklumat yang diperoleh dan saling melengkapi data antara satu sumber dengan sumber yang lain (Creswell et al., 2014; Patton, 2002). Ringkasan pendekatan kuantitatif dan kualitatif berdasarkan elemen yang di kaji adalah seperti Jadual 3.1

Jadual 3.1

Ringkasan Pendekatan Kuantitatif dan Kualitatif berdasarkan Elemen yang di Kaji

Tujuan	Elemen yang dikaji	Pendekatan Kuantitatif (Instrumen)	Data Kualitatif (Alat yang digunakan)
Mendapatkan pandangan dan pendapat responden	<ul style="list-style-type: none"> • Konteks • Input • Proses • Produk 	Tinjauan (Soal Selidik)	<ul style="list-style-type: none"> • Protokol temu bual semi struktur (Rakaman audio)
Mengenal pasti perancangan guru dalam melaksanakan PBS	<ul style="list-style-type: none"> • Proses (Perancangan) 		<ul style="list-style-type: none"> • Analisis dokumen (Senarai semak)
Mengenal pasti pelaksanaan PBS dalam kalangan guru	<ul style="list-style-type: none"> • Proses (Pelaksanaan) 		<ul style="list-style-type: none"> • Pemerhatian (Rakaman Visual dan Senarai semak)

Data temu bual digunakan mengukuhkan dapatan kajian berkaitan elemen konteks, input, proses dan produk. Namun data dari analisis dokumen untuk mengukuhkan dapatan kuantitatif berkaitan elemen perancangan dan data dari analisis pemerhatian pula mengukuhkan dapatan kuantitatif berkaitan elemen pelaksanaan PBS dalam kalangan



guru. Menurut Othman (2012) pemerhatian yang dijalankan bersama temu bual dan analisis dokumen yang kemudiannya maklumat tersebut boleh di sokong untuk menjelaskan dapatan yang diperoleh dengan lebih mendalam dan mempunyai kesahan. Berdasarkan Jadual 3.1, dapatlah disimpulkan bahawa penggunaan soal selidik adalah untuk mendapatkan data kuantitatif bagi semua sub konstruk. Manakala data kualitatif adalah untuk menyokong dan mengukuhkan dapatan kuantitatif.

3.4 Instrumen kajian

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang menggunakan instrumen soal selidik rubrik dua lapis sebagai alat kajian utama untuk mengumpul maklumat tentang pelaksanaan program PBS di sekolah serta pencapaian matlamat dalam mengkaji tahap penerimaan guru dalam melaksanakan PBS. Selain itu, kajian ini juga menemu bual empat orang responden di samping menganalisis dokumen serta membuat pemerhatian.

Pemilihan kaedah soal selidik adalah berdasarkan rasional kajian ini iaitu kajian penilaian menggunakan kaedah tinjauan yang melibatkan sampel yang besar. Manakala temu bual dijalankan kepada empat orang responden bagi mengukuhkan lagi dapatan kuantitatif. Pemilihan ini dibuat setelah mengambil kira pendapat Norasmah (2002) yang menyatakan soal selidik dan temu bual merupakan dua bentuk instrumen yang berkesan bagi memperoleh maklumat daripada responden di samping membuat analisis dokumen dan pemerhatian.





Penyelidik menggunakan empat set instrumen semasa menjalankan kajian ini. Set instrumen yang pertama yang telah digunakan adalah soal selidik rubrik dua lapis bertujuan mendapatkan maklumat tentang pelaksanaan program PBS di sekolah serta pencapaian matlamat dalam mengkaji tahap penerimaan guru dalam melaksanakan PBS dan set instrumen yang kedua adalah soalan protocol temu bual semi struktur untuk mendapatkan maklumat daripada empat orang guru bagi menyokong beberapa persoalan kajian yang telah penyelidik tentukan. Set yang ketiga adalah senarai semak untuk menganalisis beberapa dokumen dari guru berkenaan dan set yang keempat juga merupakan senarai semak yang digunakan untuk menganalisis data dari pemerhatian.



3.4.2 Kesahan Instrumen Kajian (Soal Selidik Rubrik Dua Lapis)

Kesahan ujian atau instrumen merujuk kepada sejauh mana ujian atau instrumen itu mengukur apa yang sepatutnya diukur (Chua, 2006; Muijs, 2011; Tuckman, 1985) yang bermaksud bahawa mana-mana instrumen yang mampu mengukur secara tepat apa-apa pemboleh ubah, dianggap instrumen tersebut sah. Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan tiga jenis instrumen iaitu soal selidik, soalan temu bual semi struktur dan





dua jenis senarai semak. Kesahan yang dibincangkan adalah kesahan muka, kesahan kriteria dan kesahan kandungan (Muijs, 2011).

a. Kesahan Muka

Kesahan muka mempunyai perkaitan rapat dengan kesahan kandungan. Kesahan muka merujuk kepada satu peringkat di mana item di dalam soal selidik boleh mengukur apa yang sepatutnya diukur (Jackson et al., 2003). Bagi mendapat kesahan muka pula, maklum balas dan komen-komen yang diberi oleh beberapa orang guru yang telah menjalani kajian rintis kajian ini, diambil kira untuk penyelidik mengubah suai soal selidik. Ulasan mereka boleh diterima pakai dan dinilai (Muijs, 2011) kerana guru merupakan responden bagi kajian ini. Untuk memastikan item-item utama mewakili isu sebenar (Cohen, Manion & Morrison, 2007), penyelidik amat berhati-hati untuk menerima semua alasan kerana pengubahsuaian yang tidak berhati-hati dikhuatiri akan menjadikan soal selidik lari dari fokus yang sebenar.

b. Kesahan kriteria

Kesahan kriteria merujuk ketekalan item mengukur kriteria. Kesahan kriteria juga telah ditunjukkan dalam kajian sebenar kerana untuk melakukannya memerlukan pengetahuan daripada teori yang berkaitan dengan konsep dan hubungan antara langkah dan faktor-faktor (Muijs, 2011). Namun begitu, kesahan kriteria boleh diukur melalui korelasi antara





jumlah skor dengan skor setiap item atau pekali kesahan. Menurut Mohd Majid (1998) pekali kesahan menyamai pekali korelasi, iaitu pekali kesahan diukur melalui pekali korelasi. Pekali korelasi dapat dilihat pada nilai korelasi. Pekali korelasi boleh dilihat pada nilai korelasi item yang diperbetulkan dengan jumlah skor (*Corrected Item-Total Correction*). Instrumen mempunyai kesahan tinggi apabila darjah kebolehan mengukur perkara yang diukur juga tinggi dan begitulah sebaliknya.

Lim (2007) pula menyatakan item yang mempunyai nilai korelasi yang diperbetulkan dengan jumlah skor 0.80 ke atas mempunyai kesahan yang tinggi dan baik, nilai 0.40 hingga 0.59 mempunyai kesahan yang sederhana tinggi, manakala nilai kurang daripada 0.40 menunjukkan kesahan item yang rendah. Nilai pekali kesahan yang rendah menunjukkan item mengukur sesuatu yang berbeza dengan konstruk yang hendak diukur dan item sepatutnya digugurkan (Pallant, 2013). Kesahan kriteria item dalam kajian ini dibuat sebanyak dua kali terhadap data rintis pertama dan kedua.

Melalui ujian pekali data rintis, kesemua item yang digugurkan mempunyai nilai jumlah korelasi-item yang rendah ($<.4$) (Lim, 2007). Keputusan ujian pekali korelasi data kajian rintis kedua (lihat Lampiran C) mempunyai nilai pekali korelasi dengan jumlah skor 0.416 hingga 0.801. Justeru dapatan ini menunjukkan item-item kajian berada di tahap sederhana dan tinggi. Dapatan ini juga menunjukkan item-item tersebut dapat mengukur konstruk yang hendak diukur dengan tepat.

Selain itu, penyelidik juga telah mengaitkan setiap konstruk dan sub konstruk yang digunakan dalam kajian ini dengan teori-teori yang bersesuaian dan bertepatan dengan



konsep kajian (rujuk Rajah 1.1). Selain itu penyelidik telah mendapatkan persetujuan daripada 3 orang pakar tentang konstruk item dan tahap minimum peratus persetujuan semua pakar pada setiap item yang di validasi adalah tidak kurang dari 80 peratus (Mohd Sahandri Gani et al., 2013a). Jadual 3.2 menunjukkan validasi item instrumen oleh pakar yang telah diubah ke dalam bentuk peratusan persetujuan kesesuaian item mengikut sub konstruk kajian.

Jadual 3.2

Validasi Item Persetujuan Pakar Mengikut Sub konstruk Kajian

Elemen	Item	Validasi Pakar (Setuju/ Tidak setuju)			Peratus Persetujuan	Konstruk/ Keputusan
		V1	V2	V3		
Konteks	A11, A12, A13	S	S	S	100	Objektif PBS
	A21, A22, A23, A24	S	S	S	100	Matlamat PBS
	A31, A32, A33	S	S	S	100	Konsep PBS
Input	B11, B12, B13, B14, B15	S	S	S	100	Sumber Manusia
	B21, B22, B23, B24, B25	S	TS	S	66.7	Sumber Bukan Manusia
	B31, B32, B33	S	S	S	100	Pengetahuan dan Kemahiran

(bersambung)

(Jadual 3.2 *sambungan*)

Proses	C11, C12, C13, C14	S	S	S	100	Perancangan Guru
	C21, C22, C23, C24	S	S	S	100	Perancangan Panitia
	C31, C32, C33	S	S	S	100	Perancangan Sekolah
	D11, D12, D13, D14, D15, D16, D17, D18, D19, D110, D111	TS	S	S	66.7	Pentaksiran PBS
	D21, D22, D23, D24	S	S	S	100	Pembinaan Instrumen
	D31, D32, D33, D34, D35	S	S	S	100	Pementoran
	D41, D42, D43, D44, D45	S	S	S	100	Penyelarasan
	D51, D52, D53, D54, D55	S	S	S	66.7	Pemantauan
Produk	D61, D62, D63	S	S	S	100	Pengesanan
	E11, E12, E13	S	ST	TS	33.7	Kepercayaan Guru tentang Kepentingan Pelaksanaan PBS
	E21, E22, E23, E34	S	S	S	100	Sikap Guru Terhadap Pelaksanaan PBS
	E31, E32, E33	S	S	TS	66.7	Komitmen Guru dalam Melaksanakan PBS
	Kekangan	F1, F2, F3, F4	S	S	TS	66.7

Berdasarkan Jadual 3.2 terdapat lima item yang tidak mendapat persetujuan 80 peratus dari pakar. Selepas meneliti komen pakar dan berbincang dengan penyelia, maka item tersebut telah diubahsuai dan kedudukan item tersebut telah dialih kepada konstruk yang disarankan. Item selebihnya juga telah dimurnikan berdasarkan hasil analisis komen antara pakar. Jadual 3.3 menunjukkan bilangan item mengikut sub konstruk bagi instrumen kajian yang baru.

Jadual 3.3

Bilangan Item Mengikut Sub konstruk Selepas Kajian Rintis Kedua

Sub konstruk	Nombor Item	Bilangan Item
Objektif PBS	A11 hingga A13	3
Matlamat PBS	A21 hingga A24	4
Konsep PBS	A31 hingga A33	3
Sumber Manusia	B11 hingga B15	5
Sumber Bukan Manusia	B21 hingga B24	4
Pengetahuan dan Kemahiran	B31 hingga B34	4
Perancangan Guru	C11 hingga C14	4
Perancangan Panitia	C21 hingga C24	4
Perancangan Sekolah	C31 hingga C33	3
Pentaksiran PBS	D11 hingga D111	11
Pembinaan Instrumen	D21 hingga D25	5
Pementoran	D31 hingga D35	5

(bersambung)



(Jadual 3.3 *sambungan*)

Sub konstruk	Nombor Item	Bilangan Item
Penyelarasan	D41 hingga D45	5
Pemantauan	D51 hingga D54	4
Pengesanan	D61 hingga D64	4
Kepercayaan Guru tentang Kepentingan Pelaksanaan PBS	E11 hingga E14	4
Sikap Guru terhadap Pelaksanaan PBS	E21 hingga E23	3
Komitmen Guru dalam Melaksanakan PBS	E31 hingga 33	3
Kekangan Guru dalam Melaksanakan PBS	F1 hingga F4	4
Jumlah Item		82



Item baru ini mengandungi 19 sub konstruk yang terdiri daripada 82 item. Taburan item mengikut konstruk bagi instrumen kajian ini ialah sebanyak 3 item bagi sub konstruk Objektif PBS, item bagi Matlamat PBS mempunyai 4 item, manakala 3 item dalam sub konstruk Konsep PBS. Terdapat 5 item bagi sub konstruk Sumber Manusia, 4 item bagi sub konstruk Sumber Bukan Manusia, 4 item bagi sub konstruk Pengetahuan dan Kemahiran, 4 item bagi sub konstruk Perancangan Guru, 4 juga item bagi sub konstruk Perancangan Panitia, 3 item bagi sub konstruk Perancangan Sekolah, 11 item bagi sub konstruk Pentaksiran PBS, 5 item bagi sub konstruk Pembinaan Instrumen, 5 item bagi sub konstruk Pementoran, 5 item bagi sub konstruk Penyelarasan, 4 item bagi sub konstruk Pemantauan, 4 item bagi sub konstruk Pengesanan, 6 item bagi sub konstruk Kepercayaan Guru Tentang Kepentingan Pelaksanaan PBS, 3 item bagi sub konstruk Sikap Guru





Terhadap Pelaksanaan PBS dan 3 item bagi sub konstruk Komitmen Guru dalam Melaksanakan PBS seta 4 item bagi Kekangan guru dalam Melaksanakan PBS.

c. Kesahan kandungan

Kesahan kandungan adalah kandungan item di dalam soal selidik mengukur apa yang hendak diukur (Muijs, 2011). Ini boleh dilakukan dengan merujuk kepada teori daripada kajian literatur mengenai konsep tertentu dan kemudian berunding dengan pakar dalam bidang yang diuji (Jackson, Joshi, & Erhardt, 2003). Menurut Fraenkel dan Wallen (2009) dan Ary et al. (2006), kesahan kandungan boleh dilakukan dengan mendapatkan pandangan daripada panel penilai yang pakar tentang pemboleh ubah-pemboleh ubah yang hendak diukur oleh penyelidik bagi memberikan pertimbangan. Bagi menentukan kesahan kandungan instrumen kajian ini, penyelidik telah melakukannya melalui peringkat perancangan dan pembinaan dalam tata kerja pembinaan instrumen kajian dan semakan pakar (Mohd Majid, 1998). Dalam peringkat perancangan dan pembinaan instrumen, kesahan kandungan dijalankan melalui pembinaan JPI mengikut konstruk dan sub konstruk. Menurut Abd Majid (1998), pembinaan JPI membantu menetapkan kandungan bidang yang dikaji secara terperinci. Bagi memastikan setiap item dalam instrumen mewakili konstruk yang hendak dikaji, kandungan bidang yang hendak dikaji hendaklah jelas. Dengan menggunakan JPI, item-item dibina, disemak, dibaiki sebanyak empat kali bermula daripada pembinaan item dalam draf 1, draf 2, draf 3 dan draf 4. Proses





pengulangan dilakukan supaya item lebih menepati penilaian pelaksanaan PBS dalam kalangan guru.

Bagi meningkatkan kandungan instrumen kajian, penyelidik juga mendapatkan penilai luar terdiri daripada pakar bidang yang dikaji. Proses penilaian pakar dilakukan menerusi teknik persetujuan 80 peratus yang dijalankan dalam dua pusingan bertujuan untuk memantapkan instrumen kajian (Mohd Sahandri Gani et al., 2013a). Dalam kajian ini, soal selidik telah melalui kesahan kandungan di mana ia telah di validasikan bagi setiap item oleh sepuluh orang pakar dengan menentukan item tersebut sama ada sesuai atau sebaliknya dengan konstruk yang dinilai. Salah satu prinsip yang diguna pakai dalam membuat validasi ke atas instrumen dengan merujuk item demi item yang perlu dipersetujui oleh enam orang pakar isi kandungan dengan menggunakan teknik persetujuan pakar Mohd Faizal Nizam, 2015; Mohd Sahandri Gani et al., 2013b; Mohd Sahandri Gani et al., 2015)

i. Teknik Persetujuan Pakar

Prinsip yang diguna pakai dalam membuat validasi ke atas instrumen dengan merujuk item demi item yang perlu dipersetujui oleh sepuluh orang pakar. Pakar telah menilai berdasarkan kepakaran masing-masing. Antara yang dinilai adalah kandungan instrumen, format instrumen, kesesuaian laras bahasa, arahan yang jelas dan mudah difahami di samping istilah yang digunakan oleh penulis. Tahap minimum peratus persetujuan pada





setiap item yang di validasi adalah tidak kurang dari 80 peratus (Mohd Sahandri Gani et al., 2013a). Cadangan penambahbaikan dan pandangan bagi setiap item dan rubrik turut diperoleh daripada pakar selain mereka menyatakan persetujuan terhadap item dan rubrik yang dibina. Hasil teguran, pandangan dan komen yang diberikan, penulis memurnikan instrumen kajian dengan membuat penyusunan semula, penggantian dan penyingkiran item (lihat Lampiran D).

Kekuatan menggunakan prinsip ini adalah pada maklum balas pakar dalam bentuk kuantitatif dan kebebasan mengemukakan pandangan dan kritikan tentang item instrumen kajian dalam bentuk kuantitatif (Hsu & Sandford, 2007; Okoli & Powlowski, 2004). Hal ini dikatakan demikian kerana realitinya mengumpul pandangan, cadangan dan komen orang-orang pakar bukanlah mudah maka dengan menggunakan teknik persetujuan pakar ni difikirkan berkesan malah menepati fungsinya. Ini adalah kerana sekumpulan pakar yang terlibat tidak mengetahui penglibatan pakar yang lain, tidak mengetahui pandangan, cadangan dan komen antara satu sama lain menyebabkan mereka bebas untuk memberi pandangan, cadangan dan komen mereka sendiri dalam bentuk kuantitatif dan kualitatif.

Instrumen yang diberikan kepada pakar dan mereka mengembalikan instrumen tersebut setelah membaca dan meneliti setiap item. Mereka diminta memberi komentar, membuat pembetulan, ulasan dan memberi cadangan bertulis untuk penambahbaikan pada draf instrumen tersebut berdasarkan kepakaran masing-masing. Komen, pembetulan, ulasan dan cadangan yang diberikan merupakan data kualitatif dan dianalisis secara analisis kandungan. Mereka juga menandakan persetujuan mengenai kesesuaian item



berdasarkan persetujuan mengikut skala 0 mewakili tidak setuju dan 1 mewakili setuju. Data kuantitatif dalam bentuk persetujuan mengikut skala dianalisis menggunakan prinsip persetujuan pakar.

Menerusi prinsip ini, penyelidik melakukan dua teknik analisis iaitu kuantitatif dan kualitatif. Analisis kuantitatif dibuat berdasarkan prinsip persetujuan pakar bertujuan untuk mengukur tahap persetujuan setiap pakar tentang item-item di dalam draf instrumen soal selidik. Di dalam kajian yang dijalankan oleh Mohd Sahandri Gani et al. (2014), Noorzeliana et al. (2014), Mohd Faizal Nizam et al. (2015) dan Saifuddin (2015), mereka menggunakan prinsip ini dalam menentukan kesepakatan antara pakar penilai seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.4. Dalam kajian ini, kajian rintis dilakukan sebanyak dua kali dan berdasarkan maklum balas serta komen yang diberi oleh pakar dan beberapa item telah diubahsuai serta disingkirkan berdasarkan Jadual 3.4.

Jadual 3.4

Peratus Persetujuan Pakar. Diadaptasi dan diubahsuai Mohd Sahandri (2014, 2015) dan Lim (2007)

Peratus Persetujuan	Tahap Persetujuan	Tindakan pada Item
80 - 100	Persetujuan yang tinggi	Kekalkan item
60 - 79	Persetujuan yang sederhana	Ubahsuai item
0 - 59	Tiada persetujuan	Singkir item



Merujuk Jadual 3.4, sebanyak 13 item telah disingkirkan, 17 item mengalami pengubahsuaian dan penambahbaikan dan 82 item telah dikekalkan. Penambahbaikan dan pengubahsuaian yang dilakukan ke atas item adalah berdasarkan saranan serta komen yang diberikan oleh pakar dan kajian rintis. Penambahbaikan dan pengubahsuaian juga dilakukan daripada struktur ayat, penggantian istilah atau perkataan yang lebih mudah difahami, pemfrasaan semula item dan rubrik serta pengubahsuaian bentuk ayat yang digunakan. Setelah penambahbaikan dan pengubahsuaian item instrumen dilakukan, maka terbentuklah instrumen kajian yang baru.

ii. Pakar penilai item instrumen



Seramai sepuluh orang pakar yang dipilih secara *purposive sampling* dalam kajian ini mengikut kepakaran pengetahuan dalam bidang penilaian dan pentaksiran. Pakar juga dipilih berdasarkan pengalaman yang luas dalam bidang tugas masing-masing (lihat Lampiran E). Tiga orang pakar merupakan mereka yang terlibat dalam melaksanakan PBS iaitu guru sekolah yang berpengalaman mengajar melebihi 20 tahun dan berperanan sebagai JU Negeri, JU Kawasan dan Setiausaha (S/U) PBS. Pencapaian mereka yang tertinggi yang diperoleh ialah dua daripada mereka telah mendapat guru cemerlang di sekolah. Seorang dari mereka telah mendapat anugerah guru inovasi di peringkat kawasan. Seorang Pegawai PPD (bekas guru) turut dilantik menjadi panel di dalam kajian ini adalah kerana beliau telah mendapat anugerah cemerlang sebanyak tiga kali sehingga dilantik menjadi pegawai di PPD. Beliau telah ditugaskan mengendalikan kursus/bengkel PBS





yang diadakan sepanjang tahun. Rasional pemilihan beliau adalah kerana penyelidik yakin beliau lebih mengetahui banyak perkara tentang pelaksanaan PBS dalam kalangan guru memandangkan pengalaman beliau menguruskan semua kursus berkaitan PBS semenjak PBS dilaksanakan. Pengetahuan beliau berkaitan PBS mengukuhkan lagi item-item yang diperlukan untuk menjawab semua persoalan kajian ini.

Selain itu seorang lagi pakar telah dilantik yang dalam bidang bahasa untuk memberi pandangan bagi memperbaiki tatabahasa dan struktur ayat yang digunakan. Beliau merupakan ketua pemeriksa negeri kertas STPM bagi mata pelajaran Sastera dan Bahasa Melayu. Dua orang pakar lagi yang dipilih merupakan pensyarah dan pegawai KPM yang telah membina instrumen berbentuk rubrik dalam kajian mereka. Kepakaran mereka diakui apabila mereka turut diminta untuk membina soal selidik rubrik dua lapis ini untuk kegunaan beberapa pihak yang berkeperluan.

Tiga orang pakar lagi merupakan mereka daripada kalangan pensyarah IPTA yang pakar dalam bidang Pengukuran dan Penilaian. Salah seorang dari pensyarah ini turut memberi komen tentang isi kandungan kerana terlibat dengan penulisan buku tentang PBS. Sebagai kesimpulannya, lima orang pakar dalam pelaksanaan PBS, tiga orang pakar dalam pengukuran dan penilaian pendidikan, dua orang pakar dalam pembinaan instrumen rubrik dua lapis dan seorang pakar dalam bahasa.





3.4.3 Kajian Rintis

Kajian rintis telah dijalankan oleh penyelidik sendiri pada bulan Februari dan April 2014 di negeri Melaka. Sampel kajian terdiri daripada 57 orang guru dari sekolah rendah dan menengah yang terletak di bandar dan luar bandar. Kajian rintis yang kedua telah melibatkan seramai 52 orang guru yang berlainan dengan kajian rintis pertama dan di sekolah yang berlainan. Menurut Cresswell, Klassen dan Plano (2014), bilangan responden tidak kurang daripada 50 orang adalah memadai bagi kajian rintis. Tujuan kajian rintis ini dijalankan adalah bagi menguji kesahan dan kebolehpercayaan instrumen kajian. Dua perkara yang telah dilakukan semasa kajian rintis: i) alat yang lengkap disediakan kepada guru-guru yang ditadbir dan penyelidik telah menentukan masa yang perlu diambil bagi mereka untuk melengkapkan jawapan; dan ii) penyelidik kemudian meminta komen dan cadangan guru berkaitan soal selidik selepas mereka selesai menjawab. Semua komen-komen daripada kajian rintis telah dirujuk kepada pakar-pakar untuk membuat perubahan kepada perkara tersebut. Semua maklum balas adalah sangat penting untuk meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen. Dalam kajian rintis ini, instrumen dijalankan ke atas sekumpulan responden yang merupakan sebahagian daripada populasi tetapi tidak termasuk dalam sampel kajian (Tuckman, 1996).





i. Kebolehpercayaan Instrumen Kajian

Ujian yang popular dan sering digunakan dalam mengukur ketekalan dalaman sesuatu konsep ialah kaedah 'Cronbach Alpha' (Cronbach, 1949; Norusis, 2005). Nilai pekali Alfa yang menghampiri 1.00 menandakan item-item dalam skala itu mengukur perkara yang sama dan menunjukkan item-item tersebut mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi. Menurut Majid Konting (2005), nilai 0.6 adalah indeks kebolehpercayaan yang paling minimum bagi penggunaan instrumen ini. Ini bermakna nilai Alfa kurang daripada 0.6 dianggap rendah dan tidak boleh diterima, nilai Alfa 0.60 hingga 0.80 adalah diterima manakala nilai Alfa yang melebihi 0.80 adalah dianggap baik dan mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi. Nilai Alfa melebihi 0.6 sering diguna pakai sebagai indeks kebolehpercayaan dalam penyelidikan (Majid Konting, 2005).

Di sini penyelidik menggunakan kaedah Alpha Cronbach bagi setiap elemen dalam instrumen kajian. Nilai Alpha Cronbach bagi setiap elemen yang diukur dalam soal selidik ini dirumuskan dalam Jadual 3.5. Korelasi di antara setiap skor bagi setiap item dan korelasi di antara skor setiap item berkenaan (*Corrected Item-Total Correlation*) digunakan bagi melihat kebolehpercayaan item soal selidik.



Jadual 3.5

Nilai Kebolehpercayaan. Diadaptasi dari Majid Konting (2005)

Pekali kebolehpercayaan	Tahap kebolehpercayaan
0.90 atau lebih	Amat baik
0.80 – 0.89	Baik
0.60 – 0.79	Sederhana
0.40 – 0.59	Diragui
0.00 – 0.39	Ditolak

Berdasarkan keputusan analisis data rintis pertama, nilai kebolehpercayaan Alfa Cronbach menunjukkan tidak terdapat kumpulan item yang mempunyai nilai kurang daripada 0.6 namun terdapat item yang mempunyai nilai yang tinggi melebihi 0.95 digugurkan kerana item bertindih.

i. Kebolehpercayaan bagi Elemen Konteks

Elemen Konteks pelaksanaan PBS mempunyai tiga sub konstruk iaitu Objektif PBS, Matlamat PBS dan Konsep PBS. Aspek Objektif PBS mempunyai tiga item, Matlamat PBS mempunyai empat item, dan Konsep PBS mempunyai tiga item. Sejumlah 10 item digubal untuk mengukur status konteks pelaksanaan PBS iaitu Penataran dan Penguasaan Guru tentang Maklumat PBS. Berikut adalah keputusan analisis kebolehpercayaan konstruk Konteks Pelaksanaan PBS yang dirumuskan dalam Jadual 3.6

Jadual 3.6

Kebolehpercayaan bagi Elemen Konteks

Sub konstruk Konteks	Jumlah Item	Korelasi Item dengan Jumlah skor	Nilai Alfa
Objektif PBS	3	.711	0.714
		.585	
		.694	
Matlamat PBS	4	.593	0.612
		.632	
		.649	
		.438	
Konsep PBS	3	.602	0.618
		.510	
		.541	
Alfa Cronbach	0.819		
Alfa Cronbach Dipiawaikan	0.823		

Berdasarkan Jadual 3.6, didapati korelasi antara skor item dengan jumlah skor subkonstruk konteks ialah antara .612 hingga .714. Nilai Cronbach Alfa pada setiap item adalah antara .510 hingga .711 Statistik kebolehpercayaan ke atas semua item dalam konstruk konteks adalah .823 iaitu nilai Alfa Cronbach yang dipiawaikan.

ii. Kebolehpercayaan bagi Elemen Input

Elemen Input pelaksanaan PBS mempunyai tiga subkonstruk iaitu Sumber Manusia, Sumber Bukan Manusia serta Pengetahuan dan Kemahiran. Aspek Sumber Manusia mempunyai lima item, Sumber Bukan Manusia mempunyai empat item, serta Pengetahuan dan Kemahiran mempunyai empat item. Sejumlah 13 item digubal untuk

mengukur status input iaitu Kesiediaan Guru dalam Melaksanakan PBS. Berikut adalah keputusan analisis kebolehpercayaan konstruk Input Pelaksanaan PBS yang dirumuskan dalam Jadual 3.7

Jadual 3.7

Kebolehpercayaan bagi Elemen Input

Sub konstruk Input	Jumlah Item	Korelasi Item dengan Jumlah skor	Nilai Alfa
Sumber manusia	5	.543	0.847
		.621	
		.696	
		.590	
		.640	
Sumber bukan manusia	4	.602	0.816
		.563	
		.581	
		.516	
Pengetahuan dan kemahiran	4	.628	0.886
		.588	
		.575	
		.522	
Alfa Cronbach	0.762		
Alfa Cronbach Dipiawaikan	0.774		

Berdasarkan Jadual 3.7, didapati korelasi antara skor item dengan jumlah skor subkonstruk input ialah antara .522 hingga .696. Nilai Cronbach Alfa pada setiap item

adalah antara .816 hingga .886. Statistik kebolehpercayaan ke atas semua item dalam konstruk konteks adalah .774 iaitu nilai Alfa Cronbach yang dipiawaikan.



iii. Kebolehpercayaan bagi Elemen Proses

Elemen Proses pelaksanaan PBS mempunyai sembilan sub konstruk iaitu Perancangan Guru, Perancangan Panitia, Perancangan Sekolah, Pentaksiran Sekolah, Pembinaan Instrumen, Pementoran, Penyelarasan, Pemantauan dan Pengesanan. Aspek Perancangan Guru mempunyai empat item, Perancangan Panitia mempunyai empat item, Perancangan Sekolah mempunyai tiga item, Pentaksiran Sekolah mempunyai sebelas item, Pembinaan Instrumen mempunyai lima item, Pementoran mempunyai lima item, Penyelarasan mempunyai lima item, Pemantauan mempunyai empat item dan Pengesanan mempunyai empat item. Sejumlah 55 item digubal untuk mengukur status Proses pelaksanaan PBS iaitu Perancangan dan Pelaksanaan PBS. Berikut adalah keputusan analisis kebolehpercayaan konstruk Input Pelaksanaan PBS yang dirumuskan dalam Jadual 3.8.

Jadual 3.8

Kebolehpercayaan bagi Elemen Proses

Sub konstruk Proses	Item	Korelasi Item Dengan Jumlah Skor	Nilai Alfa Keseluruhan
---------------------	------	-------------------------------------	---------------------------



Item berskala nominal			
Perancangan guru	4	.534 .520 .539	0.795
Perancangan Panitia	4	.676 .700 .644 .633	0.855
Perancangan sekolah	3	.626 .653 .429	0.794
Item berskala nominal			
		.681 .711 .540 .722	
Pentaksiran Sekolah	11	.698 .623 .544	0.903
		.650 .669 .658	
Item berskala nominal			
Pelaksanaan Pembinaan Instrumen	5	.416 .552 .444	0.740
Item berskala nominal			
Pelaksanaan pementoran	5	.610 .633 .717 .656	0.895

(bersambung)

(Jadual 3.8 sambungan)

Sub konstruk Proses	Item	Korelasi Item Dengan Jumlah Skor	Nilai Alfa Keseluruhan
Pelaksanaan Penyelarasan	5	Item berskala nominal .638	0.762

		.517	
		.653	
		.617	
		Item berskala nominal	
Pelaksanaan Pemantauan	4	.613	0.866
		.679	
		.651	
		Item berskala nominal	
Pelaksanaan Pengesanan	4	.603	0.782
		.535	
		.636	
Alfa Cronbach	0.864		
Alfa Cronbach Dipiawaikan	0.896		

Berdasarkan Jadual 3.8, didapati korelasi antara skor item dengan jumlah skor subkonstruk Proses ialah antara .517 hingga .717. Nilai Cronbach Alfa pada setiap item adalah antara .740 hingga .903. Statistik kebolehpercayaan ke atas semua item dalam konstruk konteks adalah .896 iaitu nilai Alfa Cronbach yang dipiawaikan.

iv. Kebolehpercayaan bagi Elemen Produk

Elemen Produk pelaksanaan PBS mempunyai tiga subkonstruk iaitu Kepercayaan Guru tentang Kepentingan Melaksanakan PBS, Sikap Guru Terhadap Pelaksanaan PBS dan Komitmen Guru dalam Melaksanakan PBS. Subkonstruk Kepercayaan Guru tentang Kepentingan Melaksanakan PBS mempunyai empat item, Sikap Guru Terhadap Pelaksanaan PBS mempunyai tiga item dan Komitmen Guru dalam Melaksanakan PBS mempunyai tiga item. Sejumlah 10 item digubal untuk mengukur status Produk

pelaksanaan PBS iaitu Penerimaan Guru dalam Melaksanakan PBS. Berikut adalah keputusan analisis kebolehpercayaan konstruk Input Pelaksanaan PBS yang dirumuskan dalam Jadual 3.9

Jadual 3.9

Kebolehpercayaan bagi Elemen Produk

Sub konstruk Produk	Item	Korelasi Item Dengan Jumlah Skor	Nilai Alfa
Kepercayaan Guru Tentang Kepentingan PBS	4	.678	0.885
		.801	
		.786	
		.693	
Sikap Guru Terhadap Pelaksanaan PBS	3	.518	0.707
		.749	
		.612	
Komitmen Guru dalam Melaksanakan PBS	3	.629	0.789
		.555	
		.487	
Alfa Cronbach	0.850		
Alfa Cronbach Dipiawaikan	0.876		

Berdasarkan Jadual 3.9, didapati korelasi antara skor item dengan jumlah skor aspek Produk pelaksanaan PBS ialah antara .518 hingga .801. Nilai Cronbach Alfa pada setiap item adalah antara 0.707 hingga 0.885. Statistik kebolehpercayaan ke atas semua item dalam konstruk proses adalah 0.876 iaitu nilai Alfa Cronbach yang dipiawaikan.

iv. Kebolehpercayaan bagi Kekangan Guru dalam Melaksanakan PBS

Sejumlah 4 item digubal untuk mengukur status Kekangan guru dalam melaksanakan PBS.

Jadual 3.10 menunjukkan kebolehpercayaan bagi setiap item Kekangan.

Jadual 3.10

Kebolehpercayaan bagi Item Kekangan

Item Kekangan	Bil Item	Korelasi Item Dengan Jumlah Skor	Nilai Alfa
F1	4	.653	0.862
F2		.730	
F3		.706	
F4		.732	
Alfa Cronbach	0.862		
Alfa Cronbach Dipiawaikan	0.876		

Berdasarkan Jadual 3.10, didapati korelasi antara skor item dengan jumlah skor Kekangan Guru dalam Melaksanakan PBS ialah antara .653 hingga .732. Statistik kebolehpercayaan ke atas semua item dalam konstruk Kekangan Guru dalam Melaksanakan PBS adalah 0.876 iaitu nilai Alfa Cronbach yang dipiawaikan.

v. Kebolehpercayaan bagi Keseluruhan Elemen

Sejumlah 82 item telah digubal untuk mengukur status pelaksanaan PBS dalam kalangan guru. Jadual 3.11 menunjukkan kebolehpercayaan bagi keseluruhan elemen.

Jadual 3.11

Kebolehpercayaan bagi Keseluruhan Elemen

Elemen	Nilai Alfa
Konteks	0.819
Input	0.762
Proses	0.746
Produk	0.864
Kekangan Guru	0.850
Keseluruhan	0.926

Jadual 3.11 menunjukkan keputusan analisis kajian rintis kedua. Nilai kebolehpercayaan Alfa Cronbach bagi semua kumpulan elemen dalam lingkungan .746 hingga .864. Semakan dari pakar menunjukkan item yang mempunyai nilai yang tinggi tidak ada pertindihan. Nilai alfa bagi keseluruhan elemen adalah 0.926. Nilai alfa Cronbach bagi semua kumpulan elemen juga menunjukkan melebihi .7. Ini menunjukkan bahawa item tekal dan stabil dalam mengukur konstruk yang hendak diukur.



3.4.4 Protokol Temu bual Semi Struktur

Temu bual merupakan cara yang efektif untuk mengumpul data. Temu bual yang bermaksud perjumpaan bersemuka, membolehkan penyelidik mendapatkan maklumat yang di ingini, terus dari responden (Van Dalen, 1999). Penyelidik menggalakkan responden dan membantunya memahami masalah yang dikaji (Ulin et.al, 2002). Menurut Marshall dan Rossman (1995), temu bual merupakan cara yang amat berguna bagi mendapatkan data yang banyak dan segera.

Protokol temu bual semi berstruktur ini mengandungi soalan terbuka telah dikemukakan kepada empat orang peserta kajian. Fokus soalan adalah berkaitan persoalan yang telah penyelidik tentukan berdasarkan dapatan kuantitatif. Maklumat yang diperoleh daripada temu bual ini adalah untuk menyokong dan mengesahkan dapatan kajian kuantitatif. Soalan-soalan ini berkait dengan persoalan kajian tetapi memerlukan penjelasan peserta secara lebih mendalam. Ini diakui oleh Othman (2012) yang menyatakan bahawa soalan-soalan dalam temu bual semi berstruktur ini ditentukan terlebih dahulu tetapi jawapan kepada soalan-soalan tersebut adalah terbuka. Bagi Schensul S., Schensul J. dan LeCompte, (1999), temu bual semi berstruktur adalah yang terbaik untuk meneroka dan menjelaskan faktor-faktor dan sub faktor-sub faktor.

Untuk menjaga kesahan dan kebolehpercayaan data, draf protokol temu bual turut menjalani kajian rintis dan dikemukakan juga kepada semakan sepuluh orang pakar yang sama. Protokol tersebut dibaiki berdasarkan cadangan pakar sebelum digunakan dalam sesi





temu bual. Semasa sesi temu bual, penyelidik menggunakan protokol (lihat Lampiran F) sebagai rujukan. Soalan yang dikemukakan juga disesuaikan dengan jawapan-jawapan responden supaya sesi temu bual berjalan dengan baik dan tidak tersekat-sekat.

3.4.5 Senarai Semak Analisis Dokumen

Dokumen merujuk kepada bahan-bahan bertulis yang pelbagai yang boleh digunakan untuk menyokong maklumat temu bual dan pemerhatian (Othman, 2012). Senarai semak yang digunakan dalam kajian ini diadaptasi dari borang pemantauan yang digunakan oleh Jemaah Nazir, KPM, JPN dan PPD semasa memantau guru-guru melaksanakan PBS di sekolah. Senarai semak ini juga digunakan untuk melihat sejauh mana proses perancangan guru-guru semasa melaksanakan PBS. Dokumen yang dianalisis oleh penyelidik adalah PPPM/DSP, Buku Rekod Mengajar dan instrumen guru (jika ada). Melalui data analisis dokumen, penyelidik dapat mengenal pasti proses perancangan guru yang sebenarnya dan dapatan boleh menyokong dapatan kajian.

3.4.6 Senarai Semak Pemerhatian

Instrumen pemerhatian yang berbentuk borang pemerhatian, digunakan secara sistematik dalam mencatat dan merekod peristiwa dan tingkah laku dalam suasana sosial yang dikaji. Penyelidik perlu melihat apa yang berlaku, menganalisis pemerhatiannya serta memahami situasi dan tingkah laku individu yang beraksi di hadapannya (Wragg, 1997). Menurut





Othman (2012), pemerhatian boleh menyediakan pengetahuan tentang sesuatu konteks atau insiden. Melalui pemerhatian, tingkah laku peserta kajian diamati, dilihat dan mendengar serta mencatat semua maklumat tersebut dalam senarai semak yang telah disediakan (Mohd Majid, 1998). Pemerhatian tidak turut serta yang dijalankan tidak mengganggu atau campur tangan dalam sebarang urusan berkaitan fenomena kajian.

Senarai semak pemerhatian yang digunakan dalam kajian ini juga diadaptasi dari borang pemantauan yang digunakan oleh Jemaah Nazir, KPM, JPN dan PPD semasa memantau guru-guru melaksanakan PBS di sekolah. Senarai semak ini digunakan untuk melihat sejauh mana proses pelaksanaan PBS guru-guru di dalam kelas. Semasa sesi PdP berlangsung, penyelidik menggunakan senarai semak ini untuk mengenal pasti pelaksanaan PBS dalam kalangan guru di dunia yang sebenarnya. Penyelidik telah merakam aktiviti PdP menggunakan kamera digital untuk memastikan penyelidik boleh menonton semula. Ia adalah penting supaya penyelidik membuat semakan bagi memastikan data di dalam senarai semak yang dilakukan tidak tertinggal atau tersenarai.

3.5 Kesahan Dan Kebolehpercayaan Data Kualitatif

Kesahan dan kebolehpercayaan kajian ini untuk menggambarkan fenomena yang dikaji dibuat dengan menjalankan triangulasi data, triangulasi teknik pungutan data, pengesahan peserta kajian dan sebagainya. Kebolehpercayaan data bagi ketiga-tiga teknik sehingga





data menjadi tekal dan penyelidik mengenal pasti ketekalan data sebelum menamatkan proses mengutip data.

3.5.1 Kesahan dan Kebolehpercayaan Protokol Temu bual

Protokol temu bual bagi set guru dibina oleh penyelidik dan menyentuh berkaitan dapatan kuantitatif yang agak dominan.

Bagi mendapatkan kesahan kajian ini, penyelidik telah mengambil beberapa pendekatan iaitu melakukan kajian rintis untuk menguji protokol temu bual supaya sebarang masalah atau kekurangan dalam protokol temu bual itu dapat dikesan. Kajian rintis ini dimulakan pada 14 hingga 16 Februari 2014 ke atas dua orang guru yang melaksanakan PBS. Temu bual dijalankan di sekolah dalam suasana yang selesa dan secara tidak formal. Setiap sesi temu bual memakan masa selama 40 hingga satu jam. Hasil temu bual yang dirakam menggunakan pita rakaman ditranskripsikan sebelum sesi temu bual kedua dimulakan. Transkripsi temu bual telah dibuat secara verbatim bagi memastikan kesahan. Penyelidik telah mengembalikan transkripsi temu bual kepada peserta kajian untuk membuat semakan sekiranya terdapat sebarang kekeliruan yang memerlukan pembetulan. Sebarang komen atau maklum balas yang diberikan oleh peserta kajian dijadikan maklumat tambahan kepada penyelidik (Gay & Arasian, 2000).





Penyemakan soalan temu bual juga dilakukan bersama tiga orang rakan yang mahir dalam bidang kualitatif. Semakan yang dibuat merangkumi struktur ayat, bahasa, kesesuaian tahap soalan dan item yang dikemukakan serta kerelevanan soalan dengan dapatan deskriptif (Merriam, 2009). Maklumat dalam transkripsi di analisis untuk mendapat gambaran tema dan pola yang menonjol. Pengesahan pakar terhadap soalan semi berstruktur hanya dibuat selepas kajian lapangan sebenar. 10 orang pakar yang sama dipilih kerana mereka mengikuti kajian ini dengan jelas.

Menurut Chua (2006), untuk meningkatkan kebolehpercayaan dalam kualitatif, kaedah triangulasi boleh diambil melalui data-data yang dipungut dengan menggunakan (a) orang yang berlainan, (b) masa-masa yang berlainan dan (c) tempat-tempat yang berlainan di banding. Sekiranya data-data tersebut sama, maka kebolehpercayaannya adalah tinggi. Triangulasi adalah bertujuan untuk membina justifikasi talian yang teratur bagi semua kod kategori (Creswell, 2009). Maka penyelidik telah memilih empat orang guru yang melaksanakan PBS untuk ditemu bual di tempat yang berlainan dan masa yang berlainan. Soalan-soalan yang telah distrukturkan diberikan untuk mendapatkan penjelasan bagi menggambarkan dapatan deskriptif. Soalan-soalan susulan dikemukakan untuk mencungkil huraian dan penerangan lanjut sekiranya jawapan kurang tepat atau tidak menepati. Kesemua butir-butir temu bual di antara penyelidik dan sampel kajian dirakam dengan alat perakam audio.

Setelah tamat sesi temu bual, pita rakaman ditandakan dengan tarikh, tempat, masa dan nama sampel kajian. Kerja-kerja transkripsi dimulakan dengan dengan sebaik tamatnya sesi





temu bual setiap sampel kajian. Pita rakaman didengar sebanyak tiga kali sebelum memindahkan rakaman berkenaan secara manual, perkataan demi perkataan (Creswell, 2009). Proses menulis transkripsi temu bual dibuat dengan teliti dan berhati-hati. Cara sebegini telah menambahkan kebolehpercayaan transkripsi kerana hasil temu bual masih dalam ingatan penyelidik. Catatan temu bual di taip dan dibukukan sebelum ditunjukkan semula kepada peserta kajian untuk tujuan pengesahan.

Setelah peserta kajian bersetuju dan menandatangani transkripsi tersebut, penyelidik memasukan dialog-dialog peserta kajian berdasarkan tema-tema yang telah diwujudkan. Sekali lagi pengesahan dari peserta kajian diperlukan bagi memastikan dialog yang di temakan memberi maksud yang sama dengan penyelidik. Jika peserta kajian setuju dan berpuas hati maka mereka telah menandatangani 'transkripsi tema' tersebut bagi membuat pengesahan .

3.5.2 Kesahan dan Kebolehpercayaan Senarai Semak

Terdapat dua senarai semak yang digunakan dalam kajian ini bagi melihat proses dan pelaksanaan PBS dalam kalangan guru. Kedua-dua senarai semak ini di adaptasi dari instrumen yang telah diguna pakai oleh Jemaah Nazir. Penyelidik telah memilih item-item yang sesuai sebelum diguna pakai dalam kajian. Kebenaran untuk menggunakan instrumen ini telah dimohon kepada pihak KPM dan PPD yang turut menggunakan instrumen yang sama semasa membuat pemantauan di sekolah-sekolah. Instrumen yang



telah di diubahsuai ini telah ditunjukkan kepada dua orang pegawai dari KPM dan PPD untuk mendapatkan kebenaran dan pengesahan sebelum digunakan dalam kajian. Instrumen ini juga telah dikemukakan kepada 10 orang pakar yang sama untuk mendapatkan komen, cadangan dan pandangan mereka. Setelah dianalisis komen dan pandangan mereka, kedua-dua senarai semak ini diubahsuai dan dibuat penambahbaikan.

3.6 Populasi kajian

Muijs (2008) mendefinisikan populasi sebagai sekumpulan individu yang mempunyai ciri yang sama dengan kumpulan yang hendak dikaji. Ini adalah penting bagi penyelidik kerana dalam pensampelan, menentukan populasi seolah-olah menjadi perkara yang pertama yang perlu dilakukan (Entwistle & Nisbet, 1972). Populasi kajian ini terdiri daripada guru-guru sekolah rendah dan menengah rendah yang berkhidmat di Semenanjung Malaysia. Walaupun PBS telah dijalankan di seluruh Malaysia, namun penyelidik hanya menumpukan kajian di Semenanjung Malaysia sahaja. Maka penyelidik telah mendapatkan data bilangan sekolah rendah dan menengah yang terdapat di Semenanjung Malaysia seperti Jadual 3.12

Jadual 3.12

Populasi Kajian

Negeri	Bilangan Sekolah (hingga Ogos 2013)		
	Rendah	Menengah	Jumlah

Perlis	74	29	103
Kedah	542	182	724
Perak	852	242	1 094
Selangor	650	271	921
Kuala Lumpur	200	97	297
Melaka	236	77	313
Johor	903	271	1174
Pahang	538	189	727
Kelantan	418	172	590
Terengganu	350	143	493
Pulau Pinang	271	127	398
Jumlah	5034	1800	6834

Berdasarkan Jadual 3.12, jumlah keseluruhan bilangan sekolah rendah di semenanjung Malaysia adalah sebanyak 5034, manakala jumlah sekolah menengah di seluruh semenanjung Malaysia pula adalah sebanyak 1800 buah. Maka jumlah keseluruhan sekolah rendah dan sekolah menengah di seluruh semenanjung Malaysia adalah sebanyak 6834 buah. Data ini di ambil pada bulan Ogos tahun 2013 memandangkan penyelidik memulakan kajian pada Febuari tahun 2013.

3.7 Sampel kajian

Pensampelan adalah berkaitan dengan proses memilih sebilangan subjek daripada sesuatu populasi untuk dijadikan sebagai responden kajian. Pensampelan merupakan satu aspek



penting dalam penyelidikan kerana penggunaan sampel yang tidak sesuai telah mengurangkan kesahan dan kebolehpercayaan kajian. Selain daripada reka bentuk kajian dan pengukuran, kualiti hasil penyelidikan juga bergantung kepada pensampelan kajian (Chua, 2006).

3.7.1 Kajian Kuantitatif

Setelah menentukan populasi kajian, penyelidik mengkaji pula teknik pensampelan dan kaedah penetapan saiz sampel yang bersesuaian dengan kajian ini. Pensampelan adalah perlu untuk menentukan bagaimana untuk memilih sampel daripada sebuah populasi dengan menggunakan kaedah pensampelan yang sesuai. Ia perlu dilakukan dengan cara yang sah kerana sampel sepatutnya mewakili populasi dan hasil kajian dari sampel akan di generalisasikan untuk populasi tetapi pada masa yang sama, pensampelan tidak dapat mengelakkan ralat pensampelan. Malah, pensampelan yang betul, menggunakan alat yang sesuai dan analisis data yang tepat adalah cara-cara untuk meningkatkan kesahihan dalam penyelidikan kuantitatif (Cohen et al., 2007).

a. Pemilihan sampel sekolah

Memandangkan populasi kajian sangat luas dan terdiri daripada guru sekolah rendah dan menengah rendah yang tidak sama banyak di setiap negeri Semenanjung Malaysia, maka penyelidik telah menggunakan pensampelan rawak berstrata dengan membahagikan





pemilihan sampel mengikut zon (Maimunah, 2004; Norasmah, 2007; Chua, 2008; Jafri, 2010). Pemilihan rawak berstrata digunakan oleh sebab populasi kajian tidak seragam dalam strata yang dikaji terutama berdasarkan lokasi sekolah dan jenis sekolah. Menurut Creswell (2009), pensampelan berstrata adalah satu kaedah di mana populasi adalah berstrata pada beberapa ciri-ciri tertentu seperti jenis atau lokasi sekolah dan kemudian pensampelan rawak mudah boleh digunakan untuk memilih sampel daripada setiap strata. Begitu juga bagi tujuan mengurangkan ralat pensampelan, reka bentuk pensampelan rawak berstrata boleh digunakan (Mohd Majid, 1998; Frenkel & Wallen, 2003; Gay et al., 2009).

Penyelidik telah membahagikan Semenanjung Malaysia kepada empat buah zon iaitu zon utara, zon selatan, zon tengah dan zon pantai timur. Di setiap empat zon yang terpilih, penyelidik membuat pensampelan rawak mudah dengan menggunakan kaedah *fish bowl* untuk memilih negeri bagi setiap zon. Negeri setiap zon di tulis di atas kertas dan di masukkan ke dalam empat buah balang yang berasingan mengikut empat zon berkenaan. Satu kertas diambil dari setiap balang. Maka empat negeri telah dipilih sebagai negeri sampel kajian.

Bagi memilih sekolah kajian, penyelidik telah memilih sampel kajian menggunakan prosedur rawak berstrata berdasarkan kriteria jenis sekolah dan lokasi sekolah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.13. Teknik ini dipilih kerana populasi kajian ini adalah tidak seragam, besar kemungkinan penyelidik menghadapi masalah peningkatan ralat pensampelan (Mohd Majid, 1990). Oleh itu pensampelan rawak berstrata digunakan supaya setiap strata dalam populasi mempunyai wakil yang secukupnya bagi





diguna pakai dalam membuat perbandingan dalam menguji hipotesis. Dengan cara ini membolehkan penyelidik membuat kesimpulan yang lebih tepat dan meyakinkan.

Jadual 3.13


Kriteria Pemilihan Responden Kajian

Bil	Responden
1	Guru sekolah rendah di luar bandar
2	Guru sekolah menengah di luar bandar
3	Guru sekolah rendah di bandar
4	Guru sekolah menengah di bandar



Memandangkan bilangan sekolah menengah dan juga sekolah rendah di Semenanjung Malaysia tidak sama banyak dan berbeza agak besar, maka penyelidik membuat keputusan mengambil jumlah sampel sekolah dan lokasi sekolah secara sama banyak iaitu tidak mengikut nisbah sebenar populasi (*disproportionate sampling*). Dalam hal ini, Creswell (2003) menyatakan bahawa pemilihan sampel yang sama banyak adalah lebih sesuai jika terdapat populasi strata yang terlalu kecil atau terlalu besar. Cara ini juga adalah lebih mudah dan lebih menjimatkan dalam proses pengumpulan data. Ringkasan prosedur pensampelan dan bilangan sampel sekolah yang terlibat dalam kajian ini adalah seperti Rajah 3.4.







Petunjuk:

SR – Sekolah rendah

SM- Sekolah Menengah

B – Bandar

LB – Luar bandar

Rajah 3.4 Prosedur Pemilihan Sampel Sekolah



Berdasarkan Rajah 3.5, sebanyak 24 buah sekolah rendah dan 24 buah sekolah menengah dari empat buah negeri terlibat dalam kajian ini. Sebanyak 24 buah sekolah rendah iaitu 12 buah dari sekolah rendah di bandar, 12 buah sekolah rendah di luar bandar. Manakala sebanyak 24 buah sekolah menengah yang terdiri dari 12 buah sekolah menengah di bandar dan 12 buah sekolah menengah di luar bandar dari setiap negeri dipilih sebagai sampel kajian. Pemilihan sekolah sebagai sampel kajian dilakukan secara rawak mudah. Maka secara keseluruhannya, sampel sekolah terdiri daripada 48 buah sekolah.

Bagi menentukan sekolah yang menjadi sampel, teknik yang digunakan adalah rawak mudah iaitu dengan menggunakan Jadual Angka Rawak. Setelah penyelidik mendapat senarai nama sekolah yang menjadi sampel kajian, penyelidik ‘menomborkan’ semua nama sekolah berkenaan. Dengan menggunakan pensel, penyelidik meletakkan mata pensel





tanpa melihat kedudukan mata pensel tersebut. Setelah mata pensel berada di kedudukan nombor di jadual tersebut, penyelidik menyamakan dua nombor akhir di jadual tersebut dengan nombor di senarai nama sekolah. Maka sekolah tersebut menjadi sampel bagi kajian ini.

b. Pemilihan sampel guru

Selepas penyelidik menentukan bilangan sekolah, penyelidik perlu menentukan pula saiz sampel guru untuk digunakan dalam kajian ini. Dalam konteks kajian ini, penentuan saiz sampel adalah berdasarkan jadual penentuan saiz sampel yang dikemukakan oleh Krejcie dan Morgan (1970). Memandangkan populasi kajian sangat luas dan terdiri daripada guru sekolah rendah dan menengah rendah yang tidak sama banyak di setiap negeri Semenanjung Malaysia, maka penyelidik telah menggunakan pensampelan rawak berstrata dengan membahagikan pemilihan sampel mengikut zon (Chua, 2008; Jafri, 2010; Maimunah, 2004; Norasmah, 2007). Menurut Creswell (2003), pensampelan berstrata adalah satu kaedah di mana populasi adalah berstrata pada beberapa ciri-ciri tertentu seperti jenis atau lokasi sekolah dan kemudian pensampelan rawak mudah boleh digunakan untuk memilih sampel daripada setiap strata.

Justeru dalam kajian ini, penyelidik telah menggunakan teknik pensampelan rawak berstrata tidak berdasarkan nisbah dan kemudiannya melakukan pensampelan sistematik bagi memilih sampel daripada setiap strata. Dengan itu penyelidik dapat mengawal






bilangan sampel yang terlibat dalam setiap strata adalah mencukupi dan memastikan setiap sampel yang terpilih lebih *representative* kepada setiap pecahan populasi yang mewakili setiap strata.

Berdasarkan jadual penentuan saiz sampel oleh Krejcie dan Morgan (1970), bilangan sampel bagi kajian bagi guru-guru yang melaksanakan PBS ialah 384 (populasi 212 115 orang) (JPN setiap negeri, KPM, 2013). Walau bagaimana pun, bagi kajian ini bilangan sampel yang digunakan ialah seramai 480 guru kerana saiz yang melebihi had akan lebih dipercayai dan meyakinkan (Gay & Airasian, 2000).

Dalam kajian ini, untuk mencapai ‘sifat perwakilan’ yang lebih adil daripada populasi guru PBS, pensampelan rawak sistematik digunakan di mana pemberat dibuat kepada sampel itu mengikut lokasi dan jenis sekolah sebagai faktor-faktor yang berkaitan dengan tujuan kajian. Ringkasan prosedur pensampelan dan bilangan sampel guru yang terlibat dalam kajian ini adalah seperti Rajah 3.5





Rajah 3.5 Prosedur Pemilihan Sampel Guru

Bagi menentukan guru yang menjadi sampel, teknik yang digunakan adalah rawak mudah iaitu dengan menggunakan Jadual Angka Rawak. Setelah penyelidik mendapat senarai nama guru bagi sekolah yang menjadi sampel kajian, penyelidik ‘menomborkan’ semua nama guru berkenaan. Dengan menggunakan pensel, penyelidik meletakkan mata pensel tanpa melihat kedudukan mata pensel tersebut. Setelah mata pensel berada di kedudukan nombor di jadual tersebut, penyelidik menyamakan dua nombor akhir di jadual tersebut dengan nombor di senarai nama guru. Maka guru tersebut menjadi sampel bagi kajian ini.

3.7.2 Kajian Kualitatif



Pemilihan peserta kajian untuk ditemu bual, analisis dokumen dan pemerhatian pula melibatkan empat orang guru yang berlainan lokasi yang menjalani proses yang sama iaitu temu bual, analisis dokumen dan pemerhatian. Pemilihan empat orang guru adalah berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan oleh penyelidik. Oleh itu peserta kajian perlu memenuhi kriteria serta ciri-ciri yang telah ditetapkan supaya ia benar-benar dapat memberikan maklumat yang diperlukan (Mason, 2002; Ritchie & Lewis, 2003; Jafri, 2010). Pemilihan peserta kajian adalah bertujuan (*purposive sampling*) bagi memastikan maklumat yang diperoleh dapat memberi jawapan kepada persoalan kajian.

Untuk mendapatkan responden yang sesuai, penyelidik seterusnya telah menetapkan beberapa kriteria. Penetapan kriteria ini adalah untuk memastikan responden yang dipilih dapat memberikan maklumat yang tepat, padat, relevan dan lengkap dalam menghasilkan jawapan-jawapan persoalan kajian yang dibentuk. Kriteria yang menjadi garis panduan pemilihan peserta kajian ialah guru yang dikenal pasti;



- i. mempunyai pengalaman melaksanakan PBS melebihi tiga tahun,
- ii. mempunyai pengalaman mengajar melebihi 15 tahun,
- iii. telah dilantik sebagai JUS (telah mengikuti kursus yang dianjurkan oleh KPM/JPN/PPD),
- iv. mempunyai pengetahuan dan kemahiran pada tahap yang tinggi, dan
- v. mempunyai min perancangan dan pelaksanaan pada tahap yang tinggi.





Peserta kajian yang menepati kelima-lima kriteria ini dikenal pasti dapat memberi gambaran yang tepat dan meluas tentang pelaksanaan PBS.

Pemilihan peserta dibuat berdasarkan kriteria secara berperingkat bermula dengan kriteria pertama. Kelayakan dipilih menjadi peserta digugurkan apabila tidak menepati mana-mana kriteria. Berdasarkan kriteria pertama, 29 orang guru layak menjadi responden. Berdasarkan kriteria kedua, 13 orang yang layak untuk menjadi responden. Seterusnya berdasarkan kriteria ketiga, keempat dan kelima, hanya 4 orang guru dipilih yang layak menjadi responden.



Seterusnya, untuk memastikan penyelidik mendapat kerjasama dan maklumat kajian yang lengkap, tiga lagi kriteria ditetapkan iaitu persetujuan menjadi responden secara sukarela, sanggup bekerjasama sepanjang sesi temu bual, analisis dokumen, serta pemerhatian dan bersedia memberi segala maklumat yang diperlukan. Kesemua kriteria ini dipastikan dipenuhi semasa penyelidik menghubungi guru-guru berkenaan. Sekiranya guru tersebut sanggup ditemu bual satu temu janji dibuat mengikut tarikh, masa dan tempat yang ditetapkan. Tujuan temu bual dijalankan hanyalah untuk mendapatkan mengukuhkan dapatan kuantitatif yang telah ditentukan oleh penyelidik.

Dalam kajian ini, setiap peserta kajian telah melalui sesi temu bual, analisis dokumen dan pemerhatian. Namun begitu, setiap sesi telah dilakukan pada tarikh, hari dan masa yang berlainan di tempat yang berlainan mengikut keselesaan, persetujuan dan kerelaan mereka. Walau bagaimanapun seorang responden telah digugurkan kerana tidak





mahu menjalani sesi pemerhatian di saat-saat akhir walaupun sesi temu bual dan analisis dokumen telah dilakukan. Oleh itu penyelidik telah memilih responden lain (kes ke 251) yang memenuhi empat dari lima kriteria yang ditetapkan. Pemilihan responden ini adalah kerana beliau ‘unik’ dan menarik perhatian penyelidik untuk melihat dengan lebih dekat tentang keunikannya.

3.8 Tatacara Pengumpulan Data

Sebelum kajian dijalankan, penyelidik terlebih dahulu telah mendapatkan kebenaran menjalankan penyelidikan di institusi pendidikan daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, KPM dan kebenaran dari JPN bagi empat buah negeri bagi menjalankan penyelidikan di sekolah-sekolah yang telah dipilih di Semenanjung Malaysia.

3.8.1 Pengumpulan Data Kuantitatif

Proses pengumpulan data kuantitatif telah dibuat melalui Pos Laju. Sebelum soal selidik di pos kepada responden, penyelidik terlebih dahulu mendapatkan nama-nama setiausaha PBS daripada setiap JPN negeri sampel. Daripada pengalaman penyelidik sebagai setiausaha PBS, kami memang dilantik oleh pihak sekolah dan wajib menyerahkan nama dan nombor telefon kepada pegawai JPN untuk memudahkan pihak JPN menghubungi





kami bila perlu. Kemudian penyelidik meminta nama sekolah, nombor telefon serta alamat sekolah daripada Jabatan Pelajaran Negeri di setiap yang terpilih sebagai sampel kajian.

Sebanyak 960 soal selidik telah dihantar kepada Pengetua dan Guru Besar dari 48 buah sekolah (24 buah sekolah rendah dan 24 buah sekolah menengah) iaitu 20 set bagi setiap buah sekolah telah diedarkan kepada guru-guru. Ini bermakna tambahan sebanyak 480 set soal selidik iaitu melebihi seratus peratus daripada bilangan sebenar sampel kajian (384 orang). Penambahan lebih seratus peratus ini di buat selaras dengan pandangan Balian (1982). Balian (1982) menyatakan bahawa bagi pentadbiran soal selidik melalui pos, penambahan sebanyak 60 peratus hingga 100 peratus daripada bilangan asal sampel kajian hendaklah dibuat bagi memastikan bilangan pulangan soal selidik adalah mencukupi untuk dianalisis. Langkah ini dilakukan adalah untuk mengatasi masalah pemulangan soal selidik yang tidak cukup atau tidak lengkap dan sebagainya.

Satu sampul Pos Laju dan beralamat sendiri telah disertakan bersama bagi memudahkan Pengetua dan Guru Besar dalam proses pengiriman kembali soal selidik yang telah dijawab atau di kemas kini. Penyelidik telah menghubungi setiausaha PBS melalui Pengetua dan Guru Besar sekolah yang terlibat dalam kajian ini terlebih dahulu bagi memaklumkan tentang kajian dan prosedur pemilihan sampel kajian. Sebelum soal selidik diedarkan oleh Setiausaha PBS, penyelidik telah menelefon untuk memaklumkan cara mentadbir soal selidik supaya mereka mudah untuk memberi arahan kepada guru-guru nanti. Sela masa selama satu bulan telah diberikan kepada Pengetua dan Guru Besar untuk mengembalikan semula soal selidik yang telah dijawab atau dikemaskinikan. Satu surat





peringatan diberikan apabila Pengetua atau Guru Besar gagal mengembalikan semula soal selidik tersebut. Jadual 3.14 merupakan ringkasan bagi kadar pemulangan soal selidik.

Jadual 3.14

Ringkasan Kadar Pemulangan Soal Selidik

Perkara	Bilangan Soal Selidik (Set)
Soal selidik yang dipos	960
Pemulangan semula	734
Lengkap dijawab	649
Tidak lengkap dijawab	85



Jadual 3.14 menunjukkan 960 soal selidik yang dihantar secara pos. Sebanyak 734 set telah dikembalikan. Walau bagaimanapun, daripada 734 set soal selidik yang dikembalikan, sebanyak 649 set soal selidik yang di jawab dengan lengkap sepenuhnya, manakala 85 set lagi tidak dijawab dengan lengkap. Kadar pemulangan soal selidik adalah 76.5 peratus. Menurut Cohen dan Manion (1994), kadar pemulangan antara 70 peratus hingga 80 peratus adalah mencukupi. Manakala Kerlinger (1970) menyatakan bahawa pulangan soal selidik yang melebihi 80 peratus merupakan satu kadar pemulangan yang baik. Memandangkan penyelidik telah menghantar lebih daripada seratus peratus set soal selidik dari yang sepatutnya, maka pemulangan sebanyak 76.5 peratus set soal selidik dan menghampiri 80 peratus sudah dianggap memadai. Oleh itu kadar pemulangan soal selidik





ini agak tinggi seperti yang dinyatakan oleh Cohen dan Manion (1994) dan Kerlinger (1970).

3.8.2 Pengumpulan Data Kualitatif

Dalam kajian Marohaini (1996) ada menerangkan beberapa teknik pengumpulan data bagi menghasilkan seberapa banyak 'data deskriptif' yang mungkin. Untuk tujuan tersebut, penyelidikan ini telah menggunakan tiga teknik yang utama iaitu temu bual, analisis dokumen dan pemerhatian. Proses pengutipan data kajian kualitatif dijalankan secara berterusan iaitu penyelidik secara berterusan membuat temu bual, analisis dokumen dan pemerhatian terhadap peserta kajian, proses PdP dan bahan dokumen (Frenkel & Wallen, 2003). Penyelidik menggunakan garis panduan yang ketat untuk menghentikan proses mengutip data iaitu; i) kehabisan sumber data; ii) aspek yang muncul telah tidak berubah; dan iii) data yang menyimpang jauh daripada garis sempadan yang telah ditetapkan oleh penyelidik (Hoeply, 1997).

a. Temu bual

Teknik temu bual telah digunakan oleh penyelidik untuk mendapatkan maklumat lanjut dan penjelasan dapatan kajian deskriptif. Misalnya, dapatan kajian deskriptif mendapati guru-guru tidak membina instrumen. Maka melalui temu bual, penyelidik dapat





mengesahkan dan mendalami mengapa perkara ini berlaku. Keadaan ini bertepatan dengan tujuan temu bual seperti yang dinyatakan oleh Patton (1990),

“...we interview people to find out from them things we cannot directly observe...we cannot observe feelings, thoughts, and intentions... The purpose of interviewing, then is to allow us to enter into other person’s perspectives.”

(Patton, 1990: p.196),

Dalam kajian ini, penyelidik menjalankan temu bual bersemuka (Creswell, 2002) dengan merujuk kepada soalan daripada instrumen protokol temu bual semi berstruktur. Perbualan dirakam menggunakan telefon bimbit jenis Samsung Note3, setelah mendapat kebenaran daripada responden, di samping catatan nota lapangan. Sesi temu bual dijalankan mengikut teknik yang dicadangkan oleh Guion, Diehl dan McDonald (2011) dan Ulin et al. (2002) iaitu dimulai dengan mengajukan soalan pengenalan, diikuti dengan soalan pokok dan beralih kepada yang lebih berfokus. Penyelidik turut memberi klu dan galakan untuk mereka menjawab bagi menghasilkan jawapan yang kaya dengan maklumat, lebih mendalam dan terperinci.

Penyelidik juga menggunakan teknik mengumpul maklumat yang dikemukakan oleh Taylor dan Bogdan (1984) iaitu, mengemukakan soalan khusus, menggalakkan peserta kajian menghuraikan pengalaman dengan mendalam dan mendapatkan kepastian responden. Seterusnya bagi memastikan pengumpulan data melalui temu bual ini dimanfaatkan sepenuhnya, penyelidik cuba mengikut beberapa langkah yang disarankan oleh Taylor dan Bogdan (1984) seperti:





- i. mewujudkan hubungan mesra dengan responden
- ii. mewujudkan minat terhadap pandangan responden
- iii. menjadi pendengar yang baik
- iv. mewujudkan situasi yang selesa supaya responden berbincang dengan rasa yang tenang.
- v. Merahsiakan perbualan dengan responden dan
- vi. Bersifat terkecuali iaitu tidak menyatakan pandangan atau perasaan.

(Taylor & Bogdan, 1984)




b. Analisis Dokumen

Mendokumenkan perancangan pengajaran merupakan salah satu cara menguruskan pelajaran. Menurut Alderson (2000) dan Daft (1997), perancangan secara dokumen dapat menyenaraikan tujuan, sumber dan kaedah sesuatu aktiviti pengajaran. Ia merupakan persediaan awal sebelum sesuatu pengajaran dilakukan. Dalam kajian ini, dokumen guru iaitu PPPM/DSP, Buku Rekod Mengajar (BRM) dan instrumen murid dirakam dalam bentuk gambar dan dianalisis untuk mendapatkan maklumat tentang proses perancangan yang telah dilakukan oleh guru.

Penganalisan dokumen guru (perancangan) dilakukan sebelum dilakukan pemerhatian terhadap PdP guru berkenaan. Setelah tarikh, masa dan tempat kajian




ditetapkan, penyelidik terus menunggu guru di Bilik Guru. Pada masa yang dijanjikan, penyelidik mendapatkan BRM dan instrumen (jika ada) yang bakal digunakan dari guru berkenaan. Kemudian, penyelidik meneliti dan menganalisis catatan yang dibuat dalam buku tersebut. Penyelidik menganalisis maklumat berkaitan perancangan yang dibuat sebelum PdP dijalankan. Penyelidik mencatatkan maklumat yang diperlukan di dalam Senarai Semak Analisis Dokumen. Rajah 3.6 dan Rajah 3.7 menunjukkan contoh salinan BRM dan instrumen guru yang diambil untuk dianalisis.



Rajah 3.6 Contoh Dokumen dari Buku Rekod Mengajar

Rajah 3.6 menunjukkan BRM dari salah seorang dari guru yang terlibat dalam analisis dokumen. Rajah ini juga jelas menunjukkan guru ada membuat perancangan rapi sebelum memulakan sesi PdP. Perancangan yang dibuat juga adalah berdasarkan DSP.



Rajah 3.7 Contoh Instrumen Guru

Rajah 3.7 menunjukkan antara instrumen (lembaran kerja) yang digunakan oleh guru dalam sesi PdP. Creswell (2002) menyatakan bahawa dokumen berbentuk gambaran, banyak membantu dapatan kajian dalam mengesahkan data yang diperoleh dari sumber lain. Dalam kajian ini, selain daripada BRM, instrumen yang diguna pakai dalam PdP turut dianalisis. Ia dianalisis bagi mendapatkan gambaran sebenar tentang perancangan guru dalam melaksanakan PBS. Setelah tamat proses menganalisis, senarai semak tersebut disimpan oleh penyelidik untuk dianalisis. Penyelidik perlu bersedia dengan senarai semak kedua untuk digunakan semasa pemerhatian PdP pula.

b. Pemerhatian

Pemerhatian merupakan proses memperoleh data menerusi tinjauan terhadap sampel di lokasi kajian. Menurut Bogdan dan Biklen (2003), Creswell (2002) serta Yin (1994),



penyertaan penyelidik di lokasi kajian boleh sebagai peserta yang turut serta dalam kajian atau sebagai pemerhati sahaja. Dalam kajian ini, penyelidik bertindak sebagai pemerhati sahaja semasa guru melaksanakan PdP. Selain daripada penggunaan senarai semak, penyelidik turut merakamkan segala aktiviti dalam kelas menggunakan *camera cam* jenis Panasonic SDR-S26 (Rajah 3.8) yang telah merakam visual guru sepanjang PdP dijalankan. Menurut Wragg (1997) dan Guion et al. (2011), alatan tambahan yang digunakan dapat menyokong pemerhatian lapangan, kaya dengan maklumat tambahan dan boleh dirujuk berulang kali.



Rajah 3.8 *Camera cam* Panasonic SDR-S26

Selepas proses analisis dokumen selesai dan sebaik saja loceng masa berbunyi, penyelidik mula merakam menggunakan video (Rajah 3.8) dan mencatat aktiviti dan interaksi yang berlaku dalam senarai semak. Pemerhatian dilakukan dengan menggunakan





senarai semak yang diadaptasi dari instrumen yang telah diguna pakai oleh Jemaah Nazir, KPM dan PPD. Catatan pemerhatian dilakukan secara '*natural time sampling*' iaitu mencatat tindakan dan interaksi guru sepanjang PdP yang menonjol sepanjang pemerhatian (Wragg, 1997). Penyelidik menanda dan mencatatkan masa berlakunya perkara-perkara yang terdapat di dalam senarai semak dan membuat catatan lapangan bagi memudahkan proses analisis. Catatan ini membantu dan memberi petunjuk kepada penyelidik tentang perkara yang perlu dibuat dan yang perlu dielakkan bagi proses pengutipan dan pengumpulan data seterusnya (Marohaini, 2004).

3.9 Prosedur penganalisan data



Data kajian tinjauan dalam bentuk nombor dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis data menggunakan perisian komputer manakala data kajian kes kualitatif dalam bentuk perkataan di analisis secara manual.

3.9.1 Analisis Data kuantitatif

Maklumat-maklumat yang diperoleh daripada borang soal selidik telah dikodkan dan dimasukkan ke dalam komputer. Data-data diproses dan dianalisis menggunakan perisian pengaturcaraan *Statistical Package for the Social Science (SPSS) Version 19*. Dua jenis statistik yang digunakan iaitu statistik deskriptif dan statistik inferensi. Statistik yang diperoleh daripada sampel adalah merupakan satu anggaran parameter populasi yang dikaji





(Mohd Majid, 2005). Kedua-dua statistik digunakan untuk menjawab soalan-soalan seperti yang dipaparkan dalam Jadual 3.15

Jadual 3.15

Analisis Statistik bagi Setiap Persoalan Kajian

Persoalan Kajian	Statistik
Apakah tahap penataran dan penguasaan PBS dalam kalangan guru yang meliputi <ol style="list-style-type: none"> Objektif PBS? Matlamat PBS? Konsep PBS? 	Deskriptif
Apakah tahap penyediaan input dalam pelaksanaan PBS di sekolah yang meliputi <ol style="list-style-type: none"> Sumber Manusia? Sumber Bukan Manusia? Pengetahuan dan Kemahiran? 	Deskriptif
Apakah tahap perancangan pelaksanaan PBS yang dilakukan oleh <ol style="list-style-type: none"> guru? panitia? sekolah? 	Deskriptif
Sejauh manakah PBS dilaksanakan di sekolah berdasarkan aspek <ol style="list-style-type: none"> Pentaksiran Sekolah oleh guru? Pembinaan Instrumen guru? pelaksanaan Pementoran di sekolah? pelaksanaan Penyelarasan di sekolah? pelaksanaan Pemantauan terhadap di sekolah? pelaksanaan Pengesanan di sekolah? 	Deskriptif

(bersambung)





(Jadual 3.15 *sambungan*)

Persoalan Kajian	Statistik
<p>Apakah tahap Penerimaan Guru dalam Melaksanakan PBS yang meliputi aspek</p> <ol style="list-style-type: none"> Kepercayaan tentang Kepentingan Melaksanakan PBS? Sikap terhadap Pelaksanaan PBS? Komitmen dalam Melaksanakan PBS? 	Deskriptif
Apakah tahap kekangan guru dalam melaksanakan PBS?	Deskriptif
Adakah terdapat perbezaan dari segi Perancangan dan Pelaksanaan PBS berdasarkan jenis sekolah dan lokasi sekolah?	MANOVA
<p>Ho₁ Tidak terdapat perbezaan skor min Perancangan Guru, Panitia, Sekolah, Pelaksanaan Pentaksiran PBS, Pembinaan Instrumen, Pementoran, Penyelarasan, Pemantauan dan Pengesanan yang signifikan antara guru sekolah rendah dengan sekolah menengah.</p>	
<p>Ho₂ Tidak terdapat perbezaan skor min Perancangan Guru, Panitia, Sekolah, Pelaksanaan Pentaksiran PBS, Pembinaan Instrumen, Pementoran, Penyelarasan, Pemantauan dan Pengesanan yang signifikan antara sekolah bandar dan luar bandar.</p>	
<p>Ho₃ Tidak terdapat kesan interaksi yang signifikan antara jenis sekolah dan lokasi sekolah terhadap Perancangan Guru, Panitia, Sekolah, Pelaksanaan Pentaksiran PBS, Pembinaan Instrumen, Pementoran, Penyelarasan, Pemantauan dan Pengesanan dalam proses perancangan dan pelaksanaan PBS.</p>	

(bersambung)





(Jadual 3.15 *sambungan*)

Persoalan Kajian	Statistik
Apakah pemboleh ubah-pemboleh ubah yang menyumbang kepada tahap penerimaan guru melaksanakan PBS?	Regresi Berganda
Ho ₄ Semua koefisien regresi bagi pemboleh ubah bebas iaitu Objektif PBS, Matlamat PBS, Konsep PBS, Kesiediaan Input Sumber Manusia, Sumber Bukan Manusia, Pengetahuan dan Kemahiran, Perancangan Guru, Panitia, Sekolah, Pelaksanaan Pentaksiran PBS, Pembinaan Instrumen, Pementoran, Penyelarasan, Pemantauan dan Pengesanan adalah sifar apabila disandarkan dengan penerimaan guru dalam melaksanakan PBS.	
Apakah pemboleh ubah-pemboleh ubah yang menyumbang kepada kelancaran pelaksanaan PBS?	Regresi Berganda
Ho ₅ Semua koefisien regresi bagi pemboleh ubah bebas iaitu Objektif PBS, Matlamat PBS, Konsep PBS, Kesiediaan Input Sumber Manusia, Sumber Bukan Manusia, Pengetahuan dan Kemahiran, Perancangan Guru, Perancangan Panitia, Perancangan Sekolah, Kepercayaan Guru tentang Kepentingan Pelaksanaan PBS, Sikap Guru Terhadap Pelaksanaan PBS dan Komitmen Guru dalam Melaksanakan PBS adalah sifar apabila disandarkan dengan pelaksanaan PBS dalam kalangan guru.	

a. Analisis deskriptif

Analisis deskriptif digunakan bagi menghuraikan secara menyeluruh tentang profil subjek kajian seperti kehadiran kursus, jenis sekolah, dan lokasi sekolah serta bagi menghuraikan dan menjawab persoalan-persoalan kajian. Statistik yang telah digunakan ialah frekuensi, peratusan, min dan sisihan piawai.





Bagi menjawab persoalan kajian tentang tahap kesediaan, tahap proses perancangan dan pelaksanaan PBS, tahap penerimaan guru dalam melaksanakan PBS di sekolah dan tahap keangan guru, penyelidik menggunakan interpretasi skor min seperti dalam Jadual 3.16

Jadual 3.16

Interpretasi Skor Min. Diadaptasi dari Mohd Sahandri Gani et al., 2013a.

Skor Min	Interpretasi Skor Min (Tahap)
1.00 hingga 2.33	Tahap Rendah
2.34 hingga 3.66	Tahap Sederhana
3.67 hingga 5.00	Tahap Tinggi



Skala Likert lima mata digunakan dalam instrumen kajian dan penyelidik menentukan tiga tahap untuk membuat interpretasi skor min. Formula berikut adalah bagi menentukan tiga tahap interpretasi iaitu:

$$= \frac{\text{Skor tertinggi dalam skala Likert} - \text{Beza bagi setiap skala}}{\text{Bilangan tahap yang ditentukan}}$$

$$= \frac{5-1}{3} = \frac{4}{3} = 1.33$$

Berdasarkan formula di atas, sela kelas bagi setiap tahap adalah 1.33. Interpretasi min ini adalah untuk menentukan tahap penguasaan maklumat, tahap kesediaan, tahap proses perancangan dan pelaksanaan program PBS serta tahap penerimaan guru dalam





melaksanakan PBS di sekolah. Skor Min 1.00 hingga 2.33 menunjukkan tahap kesediaan, proses perancangan dan pelaksanaan program PBS atau tahap penerimaan guru dalam melaksanakan PBS di sekolah adalah pada tahap yang rendah. Skor Min 2.34 hingga 3.66 menunjukkan tahap kesediaan, proses perancangan dan pelaksanaan program PBS dalam kalangan guru-guru atau tahap penerimaan guru dalam melaksanakan PBS di sekolah adalah pada tahap yang sederhana. Skor Min 3.67 hingga 5.00 pula menunjukkan tahap kesediaan, proses perancangan dan pelaksanaan program PBS dalam kalangan guru-guru atau tahap penerimaan guru dalam melaksanakan PBS di sekolah adalah pada tahap yang tinggi.



b. Analisis inferensi

Analisis inferensi digunakan untuk menjelaskan persoalan kajian 7, 8 dan 9. Analisis inferensi juga digunakan untuk melihat perkaitan yang wujud antara dua jenis pemboleh ubah yang dikaji iaitu pemboleh ubah bebas dan pemboleh ubah bersandar. Pemboleh ubah bebas dalam kajian ini ialah faktor demografi iaitu jenis sekolah dan lokasi sekolah. Manakala pemboleh ubah bersandar ialah aspek-aspek yang terdapat dalam komponen konteks, input, proses dan produk pelaksanaan PBS. Statistik yang digunakan ialah Analisis Varians Multivariat (MANOVA) dan Analisis Regresi Berganda.

i. Analisis Varians Multivariat (MANOVA)





Analisis Varians Multivariat merupakan lanjutan daripada analisis varians (ANOVA) yang melibatkan pelbagai pemboleh ubah bersandar yang saling tidak berkait antara satu sama lain. Dengan lain perkataan, ianya melibatkan penggunaan pemboleh ubah bersandar yang lebih daripada satu. MANOVA berfungsi untuk melihat antara skor min yang wujud antara kumpulan (pemboleh ubah bebas) berdasarkan pemboleh ubah bersandar yang lebih daripada satu secara serentak.

Dalam konteks kajian ini, statistik MANOVA digunakan bagi menguji hipotesis tentang perbezaan skor min bagi pemboleh ubah-pemboleh ubah dalam komponen proses perancangan dan pelaksanaan PBS berdasarkan lokasi sekolah dan jenis sekolah secara serentak. Hipotesis yang diuji menggunakan statistik MANOVA ialah H_{01} , H_{02} dan H_{03} . Penggunaan analisis MANOVA menimbulkan Ralat Jenis 1. Untuk tujuan mengawal Ralat Jenis 1, maka kaedah Bonferroni digunakan dan keputusan diuji pada aras 0.05 (Pallant, 2013). Selain itu ujian statistik *Wilks' Lambda* digunakan untuk menguji hipotesis dalam kajian ini yang berdasarkan kekerapannya digunakan dalam kajian sains sosial berbanding ujian *Pillai's Trace*, *Hotelling's Trace*, dan *Roy's Largest Root*.

ii. Analisis Regresi Berganda

Regresi merupakan satu teknik atau pendekatan statistik yang di operasional untuk menentukan pertalian yang wujud secara linear antara beberapa pemboleh ubah bebas dengan pemboleh ubah bersandar dan membuat ramalan secara linear (Borg & Gall, 1983;





Mohd Majid, 1990; Pallant, 2013). Analisis regresi berganda adalah bagi menguji hipotesis H_{05} dan H_{06} .

Dalam kajian ini dua model regresi berganda telah digunakan untuk meramal hubungan dan interaksi pemboleh ubah bersandar iaitu yang pertama; Penerimaan Guru dalam Melaksanakan PBS secara serentak dengan kumpulan pemboleh ubah bebas yang terdiri daripada tujuh belas aspek dalam semua komponen konteks, input dan proses (Objektif PBS, Matlamat PBS, Konsep PBS, Sumber Manusia, Sumber Bukan Manusia, Pengetahuan dan Kemahiran, Perancangan Guru, Perancangan Panitia, Perancangan Sekolah, Kepercayaan Guru dalam Melaksanakan PBS, Sikap Guru terhadap Pelaksanaan PBS Dan Komitmen Guru dalam Melaksanakan PBS).



Bagi model regresi berganda yang kedua, ia digunakan untuk meramal hubungan dan interaksi pemboleh ubah bersandar iaitu Pelaksanaan PBS dalam kalangan guru secara serentak dengan kumpulan pemboleh ubah bebas yang terdiri daripada dua belas aspek dalam semua komponen konteks, input, dan produk (Objektif PBS, Matlamat PBS, Konsep PBS, Sumber Manusia, Sumber Bukan Manusia, Pengetahuan dan Kemahiran, Perancangan Guru, Perancangan Panitia, Perancangan Sekolah, Kepercayaan Guru dalam Melaksanakan PBS, Sikap Guru Terhadap Pelaksanaan PBS dan Komitmen Guru Dalam Melaksanakan PBS).

Kedua-dua analisis regresi berganda menggunakan teknik langkah demi langkah (*stepwise*) untuk mendapatkan nilai R (peratus) bagi pemboleh ubah peramal manakala





nilai F daripada jadual regresi ANOVA digunakan untuk menguji hubungan yang wujud antara pemboleh ubah bersandar (Y) dengan pemboleh ubah bebas (X) signifikan atau tidak signifikan. Tujuan analisis berganda pula adalah untuk mewujudkan persamaan matematik dan membolehkan penyelidik mendapatkan kombinasi secara linear pemboleh ubah-pemboleh ubah yang menjadi peramal terbaik bagi pemboleh ubah bersandar.

3.9.2 Analisis Data Kualitatif

Dalam kajian ini, data kualitatif di analisis dari tiga instrumen iaitu, transkripsi temu bual, senarai semak dari analisis dokumen dan senarai semak dari analisis pemerhatian.

Sebanyak empat data transkripsi temu bual dan lapan data senarai semak dokumen yang telah dianalisis. Analisis kualitatif dibuat secara manual bermula dengan menganalisis



kandungan, iaitu kaedah yang paling sesuai untuk memulakan kerja (Frenkel & Wallen, 2003). Penyelidik mengesan data (kod utama) yang terkandung dalam transkripsi temu bual, bukti dokumen dan ringkasan pemerhatian. Analisis kandungan selain bertujuan untuk membentuk kategori, juga untuk menambah himpunan kodifikasi sedia ada.

a. Analisis Data Temu bual

Ia melibatkan proses mencari dan menyusun dapatan soalan hujung terbuka dan transkrip temu bual. Menurut Bodgan dan Biklen (2003), penganalisan data berbentuk kualitatif memerlukan penyelidik bekerja dengan data iaitu mengurus dan menyusun transkrip temu bual. Analisis temu bual dimulakan dengan merekodkan temu bual responden kajian





kepada perbualan berbentuk penulisan untuk mendapatkan bahan mentah. Data yang di transkripsi kemudiannya dianalisis serta berpandukan proses analisis yang disarankan oleh Gay dan Arasian (2000).

Proses kodifikasi dibuat bagi mengecam pola tema-tema yang berkaitan dengan tujuan kajian dan soalan kajian. Kemudian langkah ini diikuti dengan tindakan penyelidik merangka tatacara analisis semasa mengutip data (Abd Murad, 2003). Langkah pertama yang diambil ialah dengan membaca transkrip sebaris demi sebaris secara berulang kali. Di samping membaca, penyelidik telah memahami dan menginterpretasikan data bagi mendapatkan tema-tema yang muncul daripada transkripsi tersebut. Tema-tema adalah dalam bentuk frasa (Bogdan & Biklen, 1992) yang mengandungi semua konstruk dan pemboleh ubah dalam kajian ini. Bagi memudahkan penyelidik menyaring data, penyelidik menggunakan teknik gundalan (Abd Murad, 2003). Menurut Abdul Murad, penggunaan teknik gundalan ini dikatakan sebagai meminjam kaedah kuantitatif dalam menganalisis data kualitatif dan teknik ini dijalankan secara manual. Penggunaan teknik gundalan ini diulang sebanyak tiga kali bagi memastikan tiada kecaciran kod-kod.

Langkah kedua pula adalah mengagihkan data kepada unit yang lebih kecil berdasarkan pembentukan tema. Tema-tema yang muncul dari teknik gundalan tadi telah digariskan dan diletakkan kod di ruang yang diletakkan di sebelah kanan catatan transkripsi. Semua tema yang muncul adalah berdasarkan empat konstruk iaitu konteks, input, proses dan produk. Penyelidik susun semua frasa untuk dikategorikan di bawah tema konstruk berkenaan.





Langkah seterusnya adalah proses mengkategorikan mengikut tema dan kod. Rajah pokok telah dibentuk berdasarkan tema dan sub tema dengan menggunakan kod yang khusus. Perkaitan antara tema dan sub tema juga dibuat bagi menggambarkan wujudnya interaksi antara maklumat yang diperoleh. Langkah yang terakhir ialah membuat rumusan dan menulis laporan. Proses yang sama telah diulangi terhadap transkripsi temu bual yang lain bagi memastikan rumusan dan laporan yang dibuat adalah berdasarkan dapatan kajian sebenar Maimunah (2004).

b. Analisis Data Analisis Dokumen dan Pemerhatian

Setelah selesai kajian lapangan, semua instrumen iaitu dua jenis senarai semak (analisis dokumen dan pemerhatian) dikumpulkan mengikut responden, diikuti dengan penganalisan data setiap instrumen secara manual. Penelitian, penomboran, pengkodan, penyusunan dan perekodan setiap data daripada setiap instrumen, dibuat bagi setiap responden. Ia diikuti dengan menterjemahkan data-data tersebut ke dalam bentuk transkripsi, dokumentasi, penjadualan atau dianalisis secara manual. Penganalisan data dibuat berdasarkan dapatan kajian yang ingin disokong. Ia diikuti dengan menggabungkan data-data tersebut mengikut kategori dan tema sebelum di adun untuk menyokong dapatan kajian.





Bagi data yang diperoleh melalui analisis dokumen dan pemerhatian penyelidik memberi kod yang seragam untuk mengelakkan kekeliruan. Selain daripada pengekodan, penyelidik turut menghasilkan jadual peratusan daripada data analisis dokumen (Jadual 3.17) dan jadual penggunaan masa dan peratusan (Jadual 3.20 dan Jadual 3.21) daripada data pemerhatian guru. Menurut pakar-pakar penyelidikan kualitatif, Miles dan Huberman (1994) serta Bogdan dan Biklen (2003), penggunaan grafik dan gambaran visual seperti carta, rajah, jadual dan graf boleh dikembangkan dalam menghasilkan penganalisan akhir data kualitatif. Ia dikenali sebagai mengkuantitikan data kualitatif bagi memudahkan perbincangan.

Jadual 3.17

*Analisis Data Senarai Semak (Analisis Dokumen)*

Dokumen	Perkara dianalisis	% Ada	% Tiada
Buku Rekod mengajar	<ul style="list-style-type: none"> • Guru mempunyai manual Panduan PPM / DSKP <ul style="list-style-type: none"> a. Dokumen dalam bentuk <i>softcopy</i> b. Dokumen dalam bentuk <i>hardcopy</i> • Guru merujuk Panduan PPM / DSKP semasa menyediakan perancangan pentaksiran • Rancangan Pelajaran Harian (RPH) mengandungi aktiviti pentaksiran • Rancangan harian • Rancangan mingguan • Rancangan tahunan 		

(bersambung)



(Jadual 3.17 *sambungan*)

Dokumen	Perkara dianalisis	% Ada	% Tiada
Instrumen murid	<ul style="list-style-type: none"> • Instrumen Pentaksiran: <ol style="list-style-type: none"> a. dibina oleh guru b. diperoleh dari pasaran c. diperoleh daripada Panitia d. diperoleh daripada rakan sejawat • Kandungan instrumen yang diguna mencakupi Standard Pembelajaran • Instrumen yang diguna boleh mengukur keupayaan murid berdasarkan Panduan PPM/DSKP 		

Jadual 3.17 menunjukkan senarai semak yang telah digunakan oleh penyelidik untuk menganalisis perancangan yang dibuat oleh guru dalam melaksanakan PBS. Antara perkara yang di semak adalah BRM dan instrumen yang digunakan oleh guru dalam sesi PdP.

Jadual 3.18

Analisis Data Senarai Semak (Pemerhatian - Masa)

Perkara yang dianalisis	Ada (Minit ke berapa)	Tiada
1. Guru melaksanakan pentaksiran		
2. Kaedah Pentaksiran		
a. Pemerhatian		
b. Lisan		(bersambung)





(Jadual 3.15 *sambungan*)

Perkara yang dianalisis	Ada (Minit ke berapa)	Tiada
c. Bertulis		
3. Guru menilai pemahaman murid secara berterusan		
4. Guru melaksanakan bimbingan kepada murid yang belum menguasai		
5. Pelaporan Formatif		
a. Guru menyediakan pelaporan berdasarkan band/tahap penguasaan		
b. Penguasaan murid berdasarkan bukti		
6. Pelaporan Sumatif		
a. Guru menyediakan pelaporan berdasarkan pencapaian gred/skor		
b. Pencapaian murid berdasarkan bukti		

Jadual 3.18 menunjukkan senarai semak digunakan oleh penyelidik dalam pemerhatian sepanjang sesi PdP guru. Antara perkara yang diperhatikan adalah pelaksanaan pentaksiran, jenis pentaksiran guru dan cara guru membuat pelaporan. Penyelidik telah mencatatkan perkara-perkara tersebut berdasarkan masa ke berapa guru-guru melaksanakannya.



Jadual 3.19

Analisis Data Senarai Semak (Pemerhatian - Peratusan)

Perkara yang dianalisis	% Ada	% Tiada
1. Guru melaksanakan pentaksiran		
2. Kaedah Pentaksiran		
a. Pemerhatian		
b. Lisan		
c. Bertulis		
3. Guru menilai pemahaman murid secara berterusan		
4. Guru melaksanakan bimbingan kepada murid yang belum menguasai		
5. Pelaporan Formatif		
a. Guru menyediakan pelaporan berdasarkan band/tahap penguasaan		
b. Penguasaan murid berdasarkan bukti		
6. Pelaporan Sumatif		
a. Guru menyediakan pelaporan berdasarkan pencapaian gred/skor		
b. Pencapaian murid berdasarkan bukti		

Jadual 3.19 menunjukkan cara penyelidik menganalisis perkara-perkara yang dilakukan oleh guru berdasarkan peratusan. Bilangan peratusan adalah berdasarkan empat orang guru yang terlibat dalam pemerhatian.

Jadual yang dibina sendiri oleh penyelidik adalah berdasarkan pendapat Bogdan dan Biklen (2003) dan adaptasi dari Nurzatulshima (2009) yang menyatakan, penganalisan data kualitatif boleh digambarkan dalam bentuk data kuantitatif. Daripada jadual tersebut, analisis dilakukan dengan melihat bilangan guru semasa melakukan perancangan dan pelaksanaan PBS. Penganalisan jadual tersebut dapat menggambarkan perancangan dan pelaksanaan PBS dalam kalangan guru di dunia sebenar. Ringkasan cara menganalisis data kualitatif dan dokumen yang digunakan ditunjukkan dalam Jadual 3.20

Jadual 3.20

Ringkasan Analisis Kualitatif

Tujuan	Cara Analisis	Instrumen	Bahan Yang Di Analisis
Menyokong dapatan kajian	Temu Bual	Soalan temu bual semi struktur.	<ul style="list-style-type: none"> • Audio temubual • Transkripsi temu bual
Mendapatkan gambaran sebenar perancangan guru bagi menyokong dapatan kajian	Analisis Dokumen	Senarai Semak 1	<ul style="list-style-type: none"> • PPPM/DSP • BRM • Instrumen murid • Eviden murid
Mendapat gambaran sebenar tentang pelaksanaan PBS dalam kalangan guru di sekolah bagi menyokong dapatan kajian	Pemerhatian	Senarai Semak 2	<ul style="list-style-type: none"> • Suasana PdP sebenar • Video PdP



3.10 RUMUSAN

Kajian ini adalah satu kajian tinjauan ke atas penilaian pelaksanaan PBS dalam kalangan guru di sekolah dengan menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Sampel kajian terdiri daripada 549 orang dari guru sekolah rendah dan sekolah menengah bandar dan luar bandar. Para guru ini dipilih daripada 24 buah sekolah rendah dan 24 buah sekolah menengah di empat buah negeri yang terpilih. Pengumpulan data dilakukan melalui Pengetua dan Guru Besar dengan menggunakan perkhidmatan Pos Laju. Kemudian data diproses menggunakan program SPSS. Dua jenis statistik digunakan iaitu statistik deskriptif dan statistik inferensi. Statistik inferensi menggunakan ujian MANOVA dan Regresi Berganda bagi menguji hipotesis-hipotesis kajian. Temu bual juga dijalankan ke atas empat orang guru untuk menyokong dapatan kuantitatif. Dua senarai semak digunakan dalam analisis dokumen dan pemerhatian untuk menyokong dapatan kajian kuantitatif.





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 4

DAPATAN KAJIAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

4.1 Pengenalan

Bab ini membentangkan hasil analisis data kajian dan deskriptifnya yang meliputi profil responden diikuti dengan analisis tentang penilaian prosedur pelaksanaan PBS dari segi penguasaan program PBS, kesediaan sumber, proses pelaksanaan PBS yang dijalankan di sekolah yang melibatkan perancangan dan pelaksanaan serta pencapaian matlamatnya bagi melihat tahap penerimaan guru dalam melaksanakan PBS.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



Satu set data telah dianalisis dengan menggunakan pakej SPSS yang terdiri dari data guru-guru sekolah rendah dan menengah yang melaksanakan PBS di Semenanjung Malaysia. Set data kedua merupakan analisis temu bual yang menyokong dapatan kajian. Senarai ketiga pula merupakan analisis dokumen iaitu bagi mendapatkan maklumat berkenaan aspek perancangan dari segi pengajaran dan penyediaan instrumen dan set keempat merupakan pemerhatian sesi PdP guru bagi mendapatkan gambaran sebenar pelaksanaan PBS guru dalam PdP di bilik darjah.

Data-data yang berkaitan dengan pelaksanaan PBS dalam kalangan guru dikumpulkan dengan menggunakan instrumen soal selidik melalui skor rubrik yang diterjemahkan kepada skala likert. Penerangan dan penjelasan dapatan kajian utama dibincangkan dalam dua fasa bagi menyesuaikan persoalan dan hipotesis kajian iaitu analisis deskriptif dan analisis inferensi. Analisis deskriptif fasa pertama yang merupakan profil responden kajian yang dimaksudkan merangkumi penerangan tentang bilangan responden, jantina, bangsa, lokasi sekolah, jenis sekolah, jawatan dalam PBS dan status kehadiran kursus/bengkel berkaitan PBS yang dianjurkan oleh PPD/JPN. Analisis deskriptif fasa kedua merupakan peratusan kekerapan pelaksanaan dan analisis deskriptif fasa ketiga adalah untuk menjawab persoalan bagi mengenal pasti min bagi tahap konteks, input, proses dan produk.





4.2 Ujian Normaliti

Jumlah soal selidik kajian yang telah dikumpulkan oleh penyelidik adalah sebanyak 649. Sebelum melakukan analisis deskriptif dan inferensi, satu ujian normaliti telah dijalankan untuk memastikan normaliti data dengan mengambil kira konstruk yang akan dijadikan pemboleh ubah kepada analisis inferensi kajian ini iaitu konteks, input, proses dan produk pelaksanaan PBS dalam kalangan guru. Hasil daripada ujian normaliti ini, sebanyak 60 orang responden telah digugurkan daripada data yang dianalisis. Jumlah sampel yang digunakan adalah seramai 589 orang. Selain analisis deskriptif, analisis inferensi juga dilakukan dalam kajian ini. Antara statistik inferensi yang digunakan adalah Regresi Berganda dan MANOVA.



Analisis regresi adalah analisis yang sensitif dan perlu memenuhi beberapa pra syarat. Pra syarat pertama adalah *extreme value* (skor yang terlalu tinggi dan skor yang terlalu rendah). Skor yang *extreme* pada pemboleh ubah bebas dan bersandar ini telah dikenal pasti dan digugurkan daripada analisis iaitu seramai 6 orang. Seterusnya penyelidik telah memastikan dan mengesahkan bahawa taburan skor soal selidik normal dan linear dengan melakukan ujian normaliti (*Kolmogorov-Smirnov*) dan graf taburan reja (*Residual Scatter Plot*) dan plot normal regresi (*regression normal plot*) melalui program SPSS. Nilai statistik *Kolmogorov-Smirnov* yang tidak signifikan (>0.05) menunjukkan normaliti iaitu taburan skor yang normal. Dalam kajian ini, nilai signifikan bagi *Kolmogorov-Smirnov* berada antara 0.00 hingga 0.05. Menurut Pallant (2001) dan Hair et al. (2006), perkara ini biasa berlaku bagi sampel yang besar dan analisis regresi boleh





diteruskan. Selain daripada melihat sama ada taburan skor itu normal, ujian bagi menentukan taburan kelinearan skor dilakukan dengan ujian *lack of fit test*. Ujian menunjukkan nilai yang tidak signifikan iaitu (0.27 – 0.755) yang menunjukkan taburan skor adalah linear. Seterusnya, perlu juga dilihat sama ada wujud atau tidak faktor multikolenearan (*multicollinearity*). Penyelidik mendapati bahawa semua pemboleh ubah yang dikaji menunjukkan aspek multikolineariti sebab nilai *Variance Inflation Factor* (VIF) adalah lebih kecil daripada 10 (Hair et al, 2006). Tabachnick dan Fidell (2007) pula menyarankan hanya pemboleh ubah yang menunjukkan korelasi yang kurang dari 0.7 dipertimbangkan bagi menjalankan analisis regresi. Dalam kajian ini, korelasi antara pemboleh ubah tidak melebihi 0.55. Dengan itu, dapat dirumuskan bahawa pemboleh ubah


bebas multikolenearan.



Analisis MANOVA hanya boleh dijalankan apabila data yang diperoleh bagi kajian ini memenuhi pra syarat yang terdiri daripada sampel saiz, normality, *outliers*, lineariti, multikolenearan (*multicollinearity and singularity*) dan kehomogenan varian-kovarian (*homogeneity of variance*). Kajian ini memenuhi syarat saiz sampel kerana kajian ini mempunyai saiz sampel yang besar. Bagi normality, ujian *Mahalanobis* dilakukan dan ujian ini juga mengenal pasti *outliers*. *Outliers* yang disenaraikan dalam ujian ini telah digugurkan daripada kajian ini. Bagi menyemak *linearity graf scatterplots*, antara pemboleh ubah bebas dilakukan dan didapati graf ini bertaburan linear. Seterusnya *multicollinearity and singularity* juga perlu diperoleh kerana bagi melakukan ujian MANOVA pemboleh ubah bersandar mesti memenuhi korelasi yang sederhana. Menurut Pallant (2001) korelasi 0.8 ke atas mempunyai *multicollinearity*. Penyelidik juga




menjalankan ujian bagi menentukan matriks kehomogenan varian-kovarian menggunakan ujian Box's M (*Box's M Test*). Ujian Box's M ini perlu dijalankan terlebih dahulu bagi menentukan varian-kovarian dalam kalangan pemboleh ubah bersandar adalah sama atau sebaliknya, merentasi semua pemboleh ubah bebas. Faktor ini merupakan pra syarat penting bagi ujian MANOVA kerana ujian ini mengandaikan bahawa varian-kovarian dalam kalangan pemboleh ubah bersandar adalah sama, merentasi semua pemboleh ubah bebas (Pallant, 2001). Rajah 4.1 dan 4.2 menunjukkan graf *scatter plots* dan graf normaliti.




Rajah 4.1 Graf Plot Normal

Rajah 4.1 menunjukkan graf plot normal yang berada lurus di atas garisan dari kiri ke kanan. Ini menggambarkan tiada sisihan yang utama dari garis normal tersebut (Pallant, 2011).



Rajah 4.2 Graf Plot Taburan (*Scatter plot*)

Scatterplot biasanya digunakan untuk meneroka hubungan antara dua pembolehubah. Graf ini memberikan petunjuk sama ada pembolehubah yang berkaitan dalam keadaan linear (garis lurus) atau berbentuk garis melengkung. Namun Rajah 4.2 menunjukkan graf plot taburan kajian ini mempunyai korelasi yang negatif antara pemboleh ubah.



Rajah 4.3 Histogram

Histogram digunakan untuk memaparkan taburan antara pembolehubah (Pallant, 2011).

Rajah 4.3 menunjukkan skor pemboleh ubah bertaburan secara normal.

4.3 Profil Responden Kajian

Penilaian responden kajian yang melibatkan sejumlah 589 orang guru seperti yang dirumuskan dalam Jadual 4.1.

Jadual 4.1

Profil Responden Kajian

Latar Belakang	Responden	Frekuensi	Peratus
Jantina	Lelaki	115	19.5
	Perempuan	474	80.5
Bangsa	Melayu	526	89.3
	Cina	34	5.8
	India	26	4.4
	Lain-lain	3	0.5
Lokasi Sekolah	Bandar	190	32.3
	Luar Bandar	399	67.7
Jenis Sekolah	Sekolah Rendah	285	48.4
	Sekolah Menengah	304	51.6
Status Kehadiran Kursus	Pernah	366	62.1
	Tidak Pernah	223	37.9



Perangkaan pada Jadual 4.1 merumuskan responden kajian. Terdapat lima perkara analisis sosio demografi. Sejumlah 474 (80.4%) orang guru adalah perempuan berbanding dengan 115 (19.5%) guru lelaki. Analisis perangkaan mengikut bangsa menunjukkan guru Melayu mendominasi keseluruhan responden iaitu seramai 526 orang (89.3%). Responden berbangsa Cina mencatatkan bilangan kedua tertinggi iaitu seramai 34 orang (5.8%) diikuti responden berbangsa India seramai 26 orang (4.4%) dan lain-lain bangsa adalah seramai 3 orang (0.5%). Manakala lokasi sekolah dibahagikan kepada dua kategori iaitu sekolah bandar sejumlah 190 buah mewakili 32.3 peratus dan sekolah luar bandar sebanyak 399 buah mewakili 67.7 peratus. Jenis sekolah juga turut dikategorikan kepada dua iaitu Sekolah Rendah sebanyak 285 buah yang mewakili 48.4 peratus dan Sekolah Menengah sebanyak 304 buah yang mewakili 51.6 peratus. Status guru yang pernah mengikuti kursus yang berkaitan dengan PBS yang dianjurkan oleh JPN/PPD adalah seramai 366 orang (62.1%) dan yang tidak pernah mengikuti kursus yang berkaitan dengan PBS yang dianjurkan oleh JPN/PPD adalah seramai 223 orang (37.9%).

4.4 Kekerapan Pelaksanaan

Penilaian terhadap kekerapan Pelaksanaan adalah untuk melihat sejauh mana sesebuah sekolah itu melaksanakan beberapa perkara berkaitan tempoh masa penyampaian kursus oleh JUS, mesyuarat PBS, pemantauan dan proses kesahan skor. Perangkaan kekerapan pelaksanaan adalah seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual 4.2



Jadual 4.2

Kekerapan Pelaksanaan

Perkara	Rubrik	Frekuensi	Peratus
Kekerapan tempoh masa JUS menyampaikan kursus	3 hari	128	21.7
	2 hari	73	12.4
	1 hari	221	37.5
	Kurang 8 jam	134	22.8
	Tiada	33	5.6
Kekerapan Mesyuarat PBS	Sebulan sekali	24	4.0
	Lebih dari 5 kali setahun	41	7.0
	3 hingga 4 kali setahun	300	50.9
	1 hingga 2 kali setahun	210	35.7
	Tiada	14	2.4
Kekerapan Pemantauan PBS	Setahun sekali	81	13.8
	Sebulan sekali	20	3.4
	2 hingga 3 kali setahun	310	52.6
	Sekali sahaja sejak PBS dilaksanakan	56	9.5
	Tidak pasti	122	20.7
Kekerapan proses kesahan skor	Setahun sekali	59	10.0
	Sebulan sekali	59	10.0
	2 hingga 3 kali setahun	278	47.2
	Sekali sahaja sejak PBS dilaksanakan	30	5.1
	Tidak pasti	163	27.7

Perangkaan pada Jadual 4.2 merumuskan tentang kekerapan pelaksanaan. Terdapat empat aspek dalam menganalisis kekerapan. Sejumlah 128 orang (21.7%) menyatakan JUS



menyampaikan kursus selama tiga hari, 73 orang (12.4%) yang bersetuju mengatakan dua hari sahaja JUS menyampaikan kursus manakala majoriti guru iaitu seramai 221 orang (37.5%) yang memilih satu hari sahaja JUS menyampaikan kursus. Seramai 134 orang (22.8%) yang menyatakan kurang lapan jam JUS menyampaikan kursus manakala 33 orang guru (5.6%) yang mengakui tiada langsung penyampaian kursus dari JUS di sekolah.

Kekerapan mesyuarat PBS yang diadakan di sekolah turut mendapat perangkaan yang berbeza. Majoriti guru iaitu seramai 300 orang (50.9%) menyatakan kekerapan mesyuarat PBS di sekolah diadakan sebanyak 3 hingga 4 kali setahun di ikuti dengan kekerapan selama 1 hingga 2 kali setahun yang dipilih oleh guru seramai 210 orang (35.7%). Hanya sebilangan guru yang mendapati kekerapan mesyuarat PBS sebulan sekali iaitu seramai 24 orang (4.1%). Seramai 41 orang guru (7.0%) menyatakan sekolah mereka mengadakan mesyuarat PBS lebih lima kali setahun. Manakala 14 orang guru (2.4%) mendapati tiada langsung mesyuarat PBS diadakan di sekolah mereka.

Kekerapan pemantauan ke atas guru sebanyak 2 hingga 3 kali setahun mendominasi dapatan dari keseluruhan responden iaitu seramai 310 orang (52.6%). Dapatan kedua tertinggi pula diikuti dengan seramai 122 orang guru (20.7) yang tidak pasti kekerapan pemantauan ke atas diri mereka. Manakala seramai 56 orang guru (9.5%) mendapati hanya sekali sahaja pemantauan ke atas mereka semenjak PBS dilaksanakan tetapi 20 orang guru (3.4%) menyatakan sebulan sekali pemantauan dijalankan ke atas





mereka. Namun begitu masih terdapat guru iaitu seramai 81 orang (13.8%) yang menyatakan bahawa pemantauan ke atas mereka sebanyak setahun hanya sekali sahaja.

Proses kesahan skor/band merupakan salah satu proses yang terdapat di dalam Penjaminan Kualiti yang lebih dikenali sebagai Pengesanan. Seramai 278 orang guru (47.2%) mendapati kekerapan proses kesahan skor/band ini di jalankan sebanyak 2 hingga 3 kali setahun. Manakala seramai 163 orang guru (27.7%) tidak pasti selama mana proses ini dijalankan di sekolah. Namun begitu, terdapat bilangan guru yang sama iaitu seramai 59 orang guru (10%) yang mendapati sekolah mereka menjalankan proses kesahan skor/band selama setahun sekali dan sebulan sekali. Tetapi terdapat 30 orang guru (5.1%)

menyatakan hanya sekali sahaja proses kesahan skor/band dilakukan semenjak PBS dilaksanakan.



Keberkesanan pelaksanaan PBS bergantung pada sejauh mana kekerapan beberapa aspek yang wajib dilaksanakan di sekolah. Aspek-aspek ini akan melicinkan proses pelaksanaan PBS. Namun penyelidik telah melihat sejauh mana aspek-aspek ini telah mencapai sasaran kriteria minimum. Berdasarkan dapatan kajian berkaitan kekerapan pelaksanaan (rujuk Jadual 4.2), penyelidik telah ringkaskan seperti Jadual 4.3. Manakala Jadual 4.4 merupakan pencapaian kriteria minimum bagi semua aspek.



Jadual 4.3

Sasaran Minimum dan Ringkasan Frekuensi bagi Kekerapan Pelaksanaan

Aspek	Sasaran Minimum (Ditetapkan oleh penyelidik)	f	%
Kekerapan tempoh masa JUS menyampaikan kursus	1 hari	221	37.5
Kekerapan Mesyuarat PBS	3 hingga 4 kali setahun	300	50.8
Kekerapan pemantauan PBS	2 hingga 3 kali setahun	310	52.5
Kekerapan proses kesahan skor	2 hingga 3 kali setahun	279	47.3

Perangkaan pada Jadual 4.4 menunjukkan pencapaian kriteria minimum bagi empat aspek pelaksanaan PBS. Pencapaian kriteria minimum adalah antara 37.5 peratus hingga 42.5 peratus terhadap 4 aspek yang dinilai.

Jadual 4.4

Pencapaian Kriteria Minimum bagi Pelaksanaan dan Penyelarasan PBS.

Aspek	Mencapai Kriteria Minimum	Belum Mencapai Kriteria Minimum
Kekerapan tempoh masa JUS menyampaikan kursus	37.5%	62.5%
Kekerapan Mesyuarat PBS	50.8%	49.2%
Kekerapan pemantauan	52.5%	47.5%
Kekerapan proses kesahan skor	47.3%	52.7%

Jadual 4.4 menunjukkan aspek Pelaksanaan PBS yang tidak mencapai tahap minimum yang tertinggi adalah aspek tempoh masa JUS menyampaikan kursus iaitu 62.5 peratus. Manakala proses kesahan skor yang disasarkan pelaksanaan 2 hingga 3 kali setahun tidak mencapai tahap minimum sebanyak 52.7 peratus. Namun begitu, mesyuarat PBS yang disasarkan pelaksanaan 3 hingga 4 kali setahun, tidak mencapai kriteria minimum sebanyak 49.2 peratus. Bagi aspek pemantauan pula yang disasarkan pelaksanaan 2 hingga 3 kali setahun tidak mencapai tahap minimum adalah sebanyak 47.5 peratus. Secara keseluruhannya, pencapaian kriteria minimum bagi semua aspek di atas telah mencapai tahap minimum adalah kurang 55 peratus.

4.5 Analisis Deskriptif

4.5.1 Status Konteks

Sub konstruk bagi konteks terdiri dari Objektif PBS, Matlamat PBS dan Konsep PBS.

a. Status Objektif PBS

Rumusan bagi Objektif PBS berdasarkan skor min dan skor rubrik seperti ditunjukkan di Jadual 4.5

Jadual 4.5

Skor Min dan Skor Rubrik bagi Objektif PBS

No.Item	Item	Skor Min/Tahap	Skor Rubrik
A11	Kedapatan maklumat tentang Objektif PBS	(Min = 3.95, SP = 1.16) Tinggi	0 : Tidak 1 : Ya 0 Dalam akhbar (40.9%) 1 Semasa kursus dalaman (94.5%)
A12	Penguasaan guru tentang Objektif PBS	(Min = 3.30, SP = 1.15) Sederhana	0 : Tidak 1 : Sebahagian 2 : Sepenuhnya 0 Faham (4.7%) 2 Tahu (40.7%)
A13	Mengenal pasti Objektif PBS	(Min = 0.72, SP = 0.85) Rendah	0 : Bukan 1 : Ya 0 Memantau pertumbuhan dan membantu meningkatkan potensi individu (51.9%) 1 Sistem pentaksiran pendidikan kebangsaan yang terjamin kualitinya dari segi kesahan dan kebolehpercayaan serta berperanan ke arah pembelajaran yang lebih berkesan. (85.4%)
Objektif PBS		(Min = 2.65, SP = 0.73)	Sederhana

Jadual 4.5 menunjukkan analisis deskriptif bagi Objektif PBS. Kedapatan maklumat tentang objektif PBS oleh guru-guru PBS adalah pada tahap yang tinggi (Min = 3.95, SP = 1.16). Maklumat ini diperoleh semasa guru-guru menghadiri kursus dalaman



yang diadakan di sekolah (94.5%) manakala akhbar-akhbar tempatan tidak membantu guru dalam mendapatkan maklumat tentang objektif PBS (40.9%).

Penguasaan guru dalam objektif PBS pula berada di tahap yang sederhana (Min = 3.30, SP = 1.15). Kebanyakan guru-guru hanya tahu sebahagian objektif PBS (40.7%) manakala hanya 4.7 peratus guru yang tidak faham apa-apa tentang objektif PBS.

Guru-guru telah memperoleh maklumat tentang objektif PBS dan mereka kebanyakannya tahu tentang Objektif PBS. Namun apabila diuji untuk memilih objektif-objektif PBS dengan tepat, pencapaiannya adalah sangat rendah (Min = 0.720, SP = 0.85).

Seramai 85.4 peratus guru memilih 'Sistem pentaksiran pendidikan kebangsaan yang terjamin kualitinya dari segi kesahan dan kebolehpercayaan serta berperanan ke arah pembelajaran yang lebih berkesan' sebagai objektif PBS sedangkan pernyataan tersebut merupakan misi Lembaga Peperiksaan. Tetapi salah satu objektif PBS yang tepat iaitu 'Memantau pertumbuhan dan membantu meningkatkan potensi individu' tidak menjadi pilihan guru (51.9%). Secara keseluruhan, konteks guru-guru yang melaksanakan PBS berkaitan Objektif PBS mencapai pada tahap sederhana (Min = 2.65, SP = 0.729).

b. Status Matlamat PBS

Rumusan bagi Matlamat PBS berdasarkan skor min dan skor rubrik seperti ditunjukkan di Jadual 4.6



Jadual 4.6

Skor Min dan Skor Rubrik bagi Matlamat PBS

No.Item	Item	Skor Min/Tahap	Skor Rubrik
A21	Kedapatan maklumat tentang Matlamat PBS	(Min = 3.90, SP = 1.15) Tinggi	0 : Tidak 1 : Ya 0 Dalam akhbar (41.5%) 1 Semasa kursus dalaman (93.1%)
A22	Penguasaan guru tentang Matlamat PBS	(Min = 3.20, SP = 1.75) Sederhana	0 : Tidak 1 : Sebahagian 2 : Sepenuhnya 0 Boleh menerangkan semula (22.7%) 1 Menguasai (66.4%)
A23	Hala tuju guru dalam penguasaan Matlamat PBS	(Min = 1.52, SP = 1.23) Rendah	0 : Tidak 1 : Ya 0 Kaedah Pengajaran & Pengurusan PdP (26.8%) 1 Pentaksiran (79.7%)
A24	Mengenal pasti Matlamat PBS.	(Min = 3.81, SP = 1.54) Tinggi	0 : Bukan 1 : Ya 0 Peneraju Pentaksiran Bertaraf Dunia Menjelang 2020 (32%) 1 Memastikan pengurusan dan pengendalian PBS dilaksanakan dengan sempurna dan mengikut prosedur yang ditetapkan (85.1%)
Matlamat PBS		(Min = 3.11, SP = 0.73)	Sederhana

c. Status Konsep PBS

Rumusan bagi Konsep PBS berdasarkan skor min dan skor rubrik seperti ditunjukkan di Jadual 4.7

Jadual 4.7

Skor Min dan Skor Rubrik bagi Konsep PBS

No Item	Item	Skor Min/ Tahap	Skor Rubrik
A31	Penguasaan guru tentang Konsep PBS	(Min = 3.14, SP = 1.15) Sederhana	0 : Tidak 1 : Sebahagian 2 : Sepenuhnya 0 Boleh menerangkan semula (22.2%) 2 Mempraktikkan (67.3%)
A32	Mengenal pasti Matlamat PBS	(Min = 3.58, SP = 1.23) Sederhana	0 : Bukan 1 : Ya 0 Dilaksanakan oleh guru (5.6%) 1 Hasil kerja murid dinilai oleh LPM (32.9%)
A33	Kedapatan maklumat tentang Matlamat PBS	(Min = 3.93, SP = 1.17) Tinggi	0: Tidak 1 : Ya 0 Dalam akhbar (44.7%) 1 Semasa kursus dalaman (94.4%)
Konsep PBS		(Min = 3.55, SP = 0.84)	Sederhana

Jadual 4.7 menunjukkan analisis deskriptif bagi Konsep PBS. Penguasaan konsep PBS oleh guru-guru yang melaksanakan PBS adalah di tahap yang sederhana (Min = 3.14, SP = 1.15). Seramai 67.3 peratus guru-guru telah mempraktikkan konsep PBS. Tetapi 22.2 peratus guru tidak boleh menerangkan semula konsep PBS.



Konsep PBS yang penting dan perlu guru-guru tahu adalah pentaksiran dilaksanakan oleh guru. Namun masih terdapat 3.2 peratus guru yang menyatakan ia bukan dilaksanakan oleh guru. Kekeliruan konsep PBS dikuatkan lagi dengan sebilangan guru (32.9%) yang menyatakan hasil kerja murid dinilai oleh LPM sedangkan LPM hanya menyemak semula penskoran yang dibuat oleh guru untuk memastikan ia mengikut peraturan penskoran. Oleh sebab pengeliruan ini, tahap pemilihan konsep PBS adalah sederhana (Min = 3.58, SP = 1.23).

Tahap kedapatan maklumat tentang konsep PBS adalah tinggi (Min = 3.93, SP = 1.17). Guru-guru yang melaksanakan PBS telah mendapat maklumat tentang konsep PBS sama seperti kedapatan maklumat objektif PBS dan matlamat PBS iaitu semasa kursus dalaman (94.4%) dan bukan di dalam akhbar (44.7%). Secara keseluruhan, konteks guru-guru yang melaksanakan PBS berkaitan Konsep PBS mencapai pada tahap sederhana (Min = 3.55, SP = 0.84). Secara keseluruhannya, kebanyakan guru ada dimaklumkan tentang objektif PBS, matlamat PBS dan konsep PBS. Pernyataan ini di sokong dengan dapatan temu bual yang menyatakan bahawa pihak sekolah, Mesyuarat PIBG dan kursus dalaman ada memaklumkan tentang semua perkara tersebut.

Walaupun pernyataan di atas menggambarkan penyampaian maklumat PBS ada disampaikan di sekolah namun apabila di tanya melalui temu bual tentang pengetahuan guru tentang Objektif PBS, Matlamat PBS dan Konsep PBS, guru-guru menunjukkan seperti tidak tahu apa-apa tentang perkara tersebut. Ini jelas menggambarkan bahawa





guru-guru tidak menitikberatkan perkara ini. Guru-guru juga ditanya faktor yang menyebabkan guru-guru tidak menguasai objektif PBS, matlamat PBS dan konsep PBS.

Keadaan ini telah menggambarkan bahawa guru-guru tidak didedahkan dengan maklumat-maklumat penting tentang PBS. Pernyataan mereka juga menggambarkan bahawa tiada kepentingan untuk mengambil tahu perkara ini. Namun begitu, terdapat juga sekolah yang menitik beratkan perkara ini, tetapi maklumat tersebut masih tidak sampai kepada guru memandangkan sikap guru yang tidak mempedulikan perkara ini.

4.5.2 Status Input



Sub konstruk bagi Input terdiri dari Sumber Manusia, Sumber Bukan Manusia serta Pengetahuan dan Kemahiran.

a. Status Sumber Manusia

Rumusan bagi Sumber Manusia berdasarkan skor min dan skor rubrik seperti ditunjukkan di Jadual 4.8



Jadual 4.8

Skor Min dan Skor Rubrik bagi Sumber Manusia

No Item	Item	Skor Min/ Tahap	Skor Rubrik
B11	Kompetensi guru dalam menaksir pelajar	(Min = 3.47, SP = 1.34) Sederhana	0 : Tidak 1 : Ya 0 Dibimbing oleh mentor (54.2%) 1 Mengikuti kursus dalaman (92.4%)
B12	Kandungan kursus dalaman yang disampaikan oleh JUS.	(Min = 4.01, SP = 1.5) Tinggi	0 : Tidak 1 : Ya 0 Cara membina instrumen menggunakan PPPM (29.7%) 1 Cara penilaian Band (86.1%)
B13	Konten kursus yang dikuasai oleh guru setelah mengikuti kursus dalaman yang disampaikan oleh JUS.	(Min = 3.92, SP = 1.6) Tinggi	0 : Tidak 1 : Ya 0 Menentukan band dengan tepat (23.7%) 1 Memberi skor (85.4%)
B14	Kandungan mesyuarat PBS yang dibincangkan	(Min = 4.34, SP = 1.2) Tinggi	0 : Tidak 1 : Ya 0 Penjaminan Kualiti (21.9%) 1 Tempoh pelaksanaan PBS (90.8%)
B15	Kandungan yang dikuasai oleh guru setelah mengikuti mesyuarat PBS.	(Min = 4.33, SP = 1.3) Tinggi	0 : Tidak 1 : Ya 0 Tempoh pelaksanaan PBS (9%) 1 Pengurusan skor murid dalam Modul Perakodan PPM (88.3%)
Sumber Manusia		(Min = 4.00, SP = 1.11)	Tinggi

Jadual 4.8 menunjukkan analisis deskriptif bagi Sumber Manusia. Kompetensi guru dalam menaksir murid adalah di tahap yang sederhana (Min = 3.47, SP = 1.34).



Keyakinan ini wujud adalah kerana guru-guru telah mengikuti kursus-kursus dalaman yang di adakan di sekolah (92.4%). Namun begitu mentor di sekolah seolah-olah tidak membantu guru mendapatkan keyakinan dalam pentaksiran. Ini dapat dilihat apabila seramai 54.2 peratus guru tidak memilih mentor sebagai pembimbing mereka dalam mendapatkan keyakinan dalam membuat penaksiran. Pernyataan yang diberi oleh guru dalam temu bual juga menyokong bahawa kursus dalaman membantu mereka dalam membuat pentaksiran.

Pernyataan guru ini menunjukkan bahawa kursus dalaman membantu guru dalam mendapat dan menambah maklumat tentang PBS. Sementara itu, JUS ada menyampaikan kursus di sekolah dan telah pun menyampaikan beberapa perkara dan menunjukkan pada tahap yang tinggi (Min = 4.01, SP = 1.5). Kebanyakan guru-guru mengakui bahawa JUS telah menyampaikan cara penilaian band kepada guru-guru di sekolah (86.1%). Namun begitu, 29.7 peratus guru menyatakan JUS tidak menerangkan cara untuk membina instrumen menggunakan PPPM sedangkan LPM amat menitik beratkan guru membina sendiri instrumen untuk digunakan di sekolah. Walau bagaimanapun, JUS masih berperanan dalam menerangkan cara untuk membina instrumen. Ini adalah kerana, semasa penyelidikan menemu bual, ada guru yang menyatakan bahawa JUS dan Setiausaha PBS yang mengajar mereka cara membina instrumen

Pernyataan daripada salah seorang guru mendapati JUS masih berperanan dalam memberi maklumat tentang membina instrumen. Namun begitu, setelah mengikuti kursus dalaman yang disampaikan oleh JUS, guru-guru boleh mempraktikkan perkara-perkara





tersebut di mana ia mencapai tahap yang tinggi (Min = 3.92, SP = 1.6). Namun begitu terdapat guru-guru yang mengakui JUS tiada menerangkan perkara cara penilaian band (13.9%) tetapi seramai 23.7 peratus boleh menentukan band dengan tepat. Pertambahan sebanyak 9.8 peratus ini menunjukkan guru-guru ada mendapatkan cara penilaian band semasa kursus dalaman dan bukan melalui JUS. Ini dipersetujui oleh seorang guru semasa ditemu bual.

Penjelasan guru yang ditemu bual jelas menunjukkan kursus dalaman membantu mereka dalam mendapatkan pelbagai maklumat tentang PBS. Sementara itu, isi kandungan Mesyuarat PBS yang diadakan di sekolah sangat penting untuk menyampaikan maklumat kepada guru-guru dan ia mencapai tahap yang tinggi (Min = 4.34, SP = 1.2). Mesyuarat PBS telah membincangkan tempoh pelaksanaan PBS (90.8%) tetapi tidak membincangkan tentang Penjaminan Kualiti (21.9%). Pernyataan ini juga disokong melalui dapatan temu bual dengan guru-guru yang menyatakan bahawa Mesyuarat PBS ada memaklumkan tentang Penjaminan Kualiti walaupun sedikit maklumat yang diberikan oleh pihak sekolah.

Berdasarkan pernyataan guru di atas dapat disimpulkan bahawa mesyuarat PBS turut memainkan peranan dalam menyampaikan maklumat seperti yang dinyatakan. Sementara itu, pengetahuan guru-guru tentang aspek-aspek yang dibincangkan dalam



Mesyuarat PBS mencapai tahap yang tinggi (Min = 4.33, SP = 1.3). Walaupun 90.8 peratus guru mengakui tempoh pelaksanaan PBS ada disampaikan semasa Mesyuarat PBS, namun masih ada 9 peratus guru yang tidak tahu tentang tempoh pelaksanaan PBS. Walaupun begitu, pertambahan sebanyak 0.8 peratus apabila guru mengetahui cara pengurusan skor dalam Modul Perekodan PPM (88.3%) setelah seramai 87.5 peratus guru yang menyatakan pengurusan skor dalam Modul Perekodan PPM ada dibincangkan dalam Mesyuarat PBS. Secara keseluruhannya, Input sumber manusia telah mencapai tahap yang tinggi (Min = 4.00, SP = 1.1)

b. Status Sumber Bukan Manusia

Rumusan bagi Sumber Bukan Manusia berdasarkan skor min dan skor rubrik seperti ditunjukkan di Jadual 4.9

Jadual 4.9

Skor Min dan Skor Rubrik bagi Sumber Bukan Manusia

No.Item	Item	Skor Min/ Tahap	Skor Rubrik
B21	Prasarana yang disediakan oleh pihak sekolah	(Min = 3.23, SP = 1.42) Sederhana	0 : Tidak 1 : Ya 0 Set komputer (59.5%) 1 Capaian Internet (80..3%)

(bersambung)

(Jadual 4.9 *sambungan*)

No.Item	Item	Skor Min/ Tahap	Skor Rubrik
B22	Bahan yang dibekalkan untuk guru untuk melaksanakan PBS	(Min = 2.85, SP =1.8) Sederhana	0 : Tidak 1 : Ya 0 Buku Panduan Penjaminan Kualiti (52.9%) 1 PPPM/DSKP (68.5%)
B23	Kegunaan internet di sekolah .	(Min = 3.67, SP = 1.6) Tinggi	0 : Tidak 1 : Ya 0 Berkongsi maklumat berkaitan PBS dengan rakan-rakan (29.5%) 1 Mencari bahan berkaitan PBS (84.1%)
B24	Kemudahan yang disediakan di sekolah.	(Min = 3.61, SP = 1.4) Sederhana	0 : Tidak 1 : Ya 0 Komputer untuk membuat tugas berkaitan PBS (45.9%) 1 Tempat menyimpan fail-fail berkaitan PBS (89.2%)
Sumber Bukan Manusia		(Min = 3.34, SP = 1.2)	Sederhana

Jadual 4.9 menunjukkan analisis deskriptif bagi Sumber Bukan Manusia. Secara keseluruhannya, Sumber Bukan Manusia mencapai tahap yang sederhana (Min = 3.34, SP=1.2). Pihak sekolah memang ada menyediakan kemudahan kepada guru-guru untuk menguruskan PdP dan ia mencapai tahap yang sederhana (Min = 3.23, SP = 1.42). Set komputer merupakan alat yang penting untuk guru-guru PdP tetapi pihak sekolah tidak menyediakannya (59.5%). Namun begitu, capaian internet sedikit sebanyak yang telah disediakan oleh pihak sekolah telah membantu guru menguruskan PdP mereka (80.3%). Dapatan temu bual memperjelaskan dapatan kuantitatif ini. Guru-guru menjelaskan





bahawa terdapat penyediaan komputer sekolah namun tidak mencukupi memandangkan bilangan guru ramai. Maka guru-guru mengambil membeli komputer untuk penggunaan di sekolah. Mereka menambah lagi bahawa penyediaan internet di sekolah sangat tidak memuaskan kerana liputan yang tidak menyeluruh.

Pernyataan guru di atas merupakan keluhan guru-guru yang menyatakan kurangnya penyediaan sumber di sekolah. Namun begitu, pihak sekolah juga ada membekalkan guru-guru beberapa dokumen penting dan mencapai tahap yang sederhana (Min = 2.85, SP = 1.8). PPPM/DSKP yang kerap menjadi rujukan guru merupakan dokumen yang telah dibekalkan oleh pihak sekolah (68.5%) tetapi Buku Panduan Penjaminan Kualiti yang seharusnya menjadi rujukan guru tidak dibekalkan kepada guru (52.9%). Capaian internet di sekolah-sekolah sangat memudahkan guru-guru berurusan berkaitan PBS dan ia mencapai tahap yang tinggi (Min = 3.67, SP = 1.6). Ia telah dimanfaatkan oleh guru-guru untuk mencari bahan-bahan berkaitan PBS (84.1%) tetapi capaian internet ini tidak digunakan untuk berkongsi maklumat berkaitan PBS dengan rakan-rakan. Seorang guru menyatakan dalam temu bual dengan penyelidik bahawa penggunaan internet di sekolah adalah untuk mencari bahan dan maklumat berkaitan PBS.

Pandangan guru tersebut jelas menggambarkan internet merupakan satu alternatif guru dalam mencari maklumat. Namun, pihak sekolah ada menyediakan kemudahan kepada guru-guru dan ia hanya mencapai tahap sederhana (Min = 3.61, SP = 1.4). Guru-guru sekali lagi menyatakan bahawa tiada kemudahan komputer yang disediakan untuk membuat tugas berkaitan PBS (45.9%). Tetapi pihak sekolah ada menyediakan tempat





menyimpan fail-fail berkaitan PBS (89.2%). Seorang guru yang ditemubual telah menggambarkan situasi ini dengan mengatakan bahawa komputer dibeli sendiri oleh guru memandangkan pihak sekolah tidak menyediakan komputer yang mencukupi manakala ruang simpan fail ada disediakan.

Pernyataan guru ini menunjukkan bahawa walaupun pihak sekolah kurang menyediakan sumber lain, namun tempat menyediakan fail ada disediakan bagi memudahkan urusan guru. Walaupun sistem fail tidak lagi dipraktikkan, pihak sekolah telah menunjukkan tanggungjawab mereka dalam menyediakan kemudahan tersebut.

c. Status Pengetahuan dan Kemahiran



Rumusan bagi Pengetahuan dan Kemahiran berdasarkan skor min dan skor rubrik seperti ditunjukkan di Jadual 4.10

Jadual 4.10

Skor Min dan Skor Rubrik bagi Pengetahuan dan Kemahiran

No. Item	Item	Skor Min/ Tahap	Skor Rubrik
B31	Sumber pengetahuan dan kemahiran	(Min = 4.00, SP = 1.16) Tinggi	0 : Tidak 1 : Ya 0 Melayari laman LP (36.1%) 1 Berbincang dengan rakan sejawat (90%)

(bersambung)



(Jadual 4.10 *sambungan*)

No. Item	Item	Skor Min/ Tahap	Skor Rubrik
B32	Pengetahuan guru melaksanakan PBS	(Min = 3.30, SP = 1.18) Sederhana	0 : Tidak 1 : Sebahagian 2 : Ya 0 Menjelaskan kriteria pentaksiran (11.5%) 2 Menggunakan instrumen untuk menaksir pelajar (33.6%)
B33	Kemahiran guru dalam melaksanakan PBS	(Min = 3.18, SP = 1.6) Sederhana	0 : Tidak 1 : Sebahagian 2 : Ya 0 Membina instrumen (18.3%) 2 Menaksir eviden murid (30.7%)
B34	Pengetahuan guru tentang istilah-istilah dalam PBS	(Min = 3.54, SP = 1.3) Sederhana	0 : Tidak 1 : Sebahagian 2 : Ya 0 Deskriptor (13.1%) 1 Band (47.5%)
Pengetahuan dan Kemahiran		(Min = 3.51, SP = 1.0)	Sederhana

Jadual 4.10 menunjukkan analisis deskriptif bagi Pengetahuan dan Kemahiran. Guru-guru ada mendapat pengetahuan dan kemahiran berkaitan PBS dan berada di tahap yang tinggi (Min = 4.00, SP = 1.16). Kebanyakan guru-guru tahu sepenuhnya dalam menggunakan instrumen untuk menaksir pelajar (33.6%). Tetapi masih ada sebilangan dari mereka tidak tahu bagaimana untuk menjelaskan kriteria penaksiran kepada murid (11.5%). Oleh sebab itu lah pengetahuan guru dalam melaksanakan PBS adalah di tahap yang sederhana (Min = 3.30, SP = 1.18). Namun begitu, masih terdapat 18.3 peratus guru yang tidak mahir membina instrumen. Kemahiran guru dalam menaksir pelajar dapat pula

dapat dilihat apabila hanya 30.7 peratus guru yang mahir sepenuhnya berbanding dengan pengetahuan guru dalam menaksir eviden murid hanyalah 24.7 peratus. Maka kemahiran guru dalam melaksanakan PBS adalah sederhana (Min = 3.18, SP = 1.6). Pengetahuan guru tentang istilah-istilah dalam PBS juga berada di tahap sederhana (Min = 3.54, SP = 1.3). Namun begitu hanya 13.1 peratus guru yang tidak mengetahui istilah deskriptor, manakala 47.5 peratus guru tahu sebahagian sahaja tentang istilah band. Secara keseluruhannya, pengetahuan dan kemahiran guru-guru dalam pelaksanaan PBS adalah di tahap yang sederhana (Min = 3.51, SP = 1.0).

Dari dapatan kuantitatif di atas menunjukkan guru-guru lebih tahu dari mahir.

Apabila persoalan ini diajukan kepada guru-guru semasa di temu bual, mereka sebulat suara mengakui bahawa mereka lebih tahu dari mahir terutama dalam membina instrumen.

Pengakuan guru-guru ini menggambarkan mereka lebih mengetahui melaksanakan PBS tetapi tidak mahir dalam melaksanakan PBS. Guru-guru juga mengakui bahawa kemahiran dalam membuat instrumen adalah satu perkara yang perlu bagi guru-guru.

4.5.3 Status Proses Perancangan

Sub konstruk bagi Proses Perancangan terdiri dari Perancangan Guru, Perancangan Panitia dan Perancangan Sekolah.

a. Status Perancangan Guru

Rumusan bagi Perancangan Guru berdasarkan skor min dan skor rubrik seperti ditunjukkan di Jadual 4.11

Jadual 4.11

Skor Min dan Skor Rubrik bagi Perancangan Guru

No.Item	Item	Skor Min/ Tahap	Skor Rubrik
C11	Akuan guru tentang perancangan semasa melaksanakan PBS		0 : Tidak 1 : Kadang-kadang 2 : Ya 0 4.9% 1 42.5% 2 52.5%
C12	Perancangan sebelum pelaksanaan PBS	(Min = 4.34, SP = 1.18) Tinggi	0 : Tidak 1 : Ya 0 Murid tahu tahap pencapaian yang diharapkan untuk ke unit seterusnya (18%) 1 Instrumen mencukupi (91.9%)
C13	Perancangan guru dalam penyediaan instrumen	(Min = 4.56, SP = 1.03) Tinggi	0 : Tidak 1 : Ya 0 Instrumen yang sama digunakan (18.5%) 1 Ia sesuai dengan kaedah pengajaran (95.4%)
C14	Perancangan guru sebelum pengajaran	(Min = 4.62, SP = 1.0) Tinggi	0 : Tidak 1 : Ya 0 Menyediakan instrumen bersesuaian dengan kecerdasan murid (11%) 1 Menentukan kaedah pengajaran (94.6%)
Perancangan Guru		(Min = 4.51, SP = 0.88)	Tinggi



Jadual 4.11 menunjukkan analisis deskriptif bagi Perancangan Guru. Lebih separuh guru telah membuat perancangan semasa melaksanakan PBS (52.5%). Namun begitu masih terdapat 4.9 peratus guru yang langsung tidak membuat perancangan dan seramai 42.5 peratus guru pula yang tidak tetap pendirian di mana mereka kadang-kadang sahaja membuat perancangan. Kesemua guru yang ditemu bual sebulat suara menyatakan bahawa perancangan wajib dibuat sebelum mengajar. Tambah mereka lagi bahawa guru perlu tahu topik yang akan di ajar, band yang bakal di capai oleh murid, objektif pengajaran dan instrumen yang akan digunakan semasa sesi PdP.

Berdasarkan pendapat guru-guru di atas, jelas menggambarkan bahawa guru-guru menjadikan perancangan sebagai satu amalan dalam pengajaran. Tambahan pula, analisis dokumen juga mendapati semua guru (100%) ada membuat perancangan dengan sempurna (rujuk Jadual 4.12). Sementara itu guru-guru akan memastikan beberapa perkara sebelum melakukan pentaksiran. Ini adalah kerana ia mencapai tahap yang tinggi (Min = 4.34, SP = 1.18). Memandangkan instrumen penting dalam pentaksiran, maka guru-guru akan memastikan instrumen mencukupi (91.9%) sebelum melakukan pentaksiran. Manakala sebilangan guru-guru tidak akan pastikan murid tahu tahap pencapaian yang diharapkan untuk ke unit seterusnya (18.3%). Dari data analisis dokumen senarai semak mendapati semua guru (100%) yang memastikan ada instrumen akan yang digunakan.

Perancangan guru dalam menyediakan instrumen berada di tahap yang tinggi (Min = 4.56, SP = 1.03). Guru-guru akan pastikan instrumen yang akan digunakan sesuai dengan kaedah pengajaran (95.4%). Tetapi guru-guru tidak mengendahkan jika instrumen





yang sama digunakan (18.5%). Data dari analisis dokumen mendapati semua guru (100%) telah menyediakan instrumen sesuai dengan kaedah pengajaran dan penaksiran.

Perancangan guru sebelum memulakan pengajaran turut menunjukkan tahap yang tinggi (Min = 4.62, SP = 1.0). Ini adalah kerana hampir semua guru-guru akan menentukan terlebih dahulu kaedah pengajaran sebelum memulakan pengajaran (94.6%). Tetapi masih terdapat 11 peratus guru yang tidak menyediakan instrumen yang bersesuaian dengan kecerdasan pelajar sebelum memulakan pengajaran. Namun dari data analisis dokumen mendapati semua guru (100%) menggunakan instrumen yang boleh mengukur keupayaan murid. Secara keseluruhannya perancangan guru berada di tahap yang tinggi (Min = 4.51, SP = 0.88).



Walau bagaimana pun apabila di ajukan soalan berkaitan perancangan guru, guru-guru memberi maklum balas sama seperti dapatan kuantitatif di atas. Mereka akan bersedia sebaik mungkin dengan memastikan apa yang diajar telah ditulis dalam BRM. Mereka juga akan pastikan instrumen ada dan cukup untuk PdP hari tersebut. Sebelum memulakan PdP, guru juga akan pastikan pelajar tahu apa yang akan mereka capai selepas proses PdP dijalankan.

Pernyataan guru-guru di atas telah menunjukkan perancangan adalah suatu kemestian yang perlu dilakukan sebelum mengajar. Tambahan pula dari data analisis dokumen dan pemerhatian, dapatan kualitatif ini telah menyokong kuat dapatan kuantitatif di atas. Semua guru yang terlibat telah menunjukkan tahap perancangan yang tinggi.



Jadual 4.12

Analisis Senarai Semak (Dokumen)

Dokumen	Perkara dianalisis	% Ada	% Tiada
PPPM/DSKP	• Guru mempunyai manual Panduan PPM / DSKP		
	a. Dokumen dalam bentuk <i>softcopy</i>	50	50
	b. Dokumen dalam bentuk <i>hardcopy</i>	100	0
	• Guru merujuk Panduan PPM / DSKP semasa menyediakan perancangan pentaksiran	100	0
Buku Rekod mengajar	• Rancangan Pelajaran Harian (RPH) mengandungi aktiviti pentaksiran	100	0
	• Rancangan mingguan	100	0
	• Rancangan tahunan	100	0
	• Rancangan harian	100	0
Instrumen murid	• Instrumen Pentaksiran:		
	a. dibina oleh guru	25	75
	b. diperoleh dari pasaran	100	0
	c. diperoleh daripada Panitia	25	75
	d. diperoleh daripada rakan sejawat	25	75
	• Kandungan instrumen yang diguna mencakupi Standard Pembelajaran	100	0
	• Instrumen yang diguna boleh mengukur keupayaan murid berdasarkan Panduan PPM/DSKP	100	0



Jadual 4.12 menunjukkan semua guru mempunyai PPPM atau DSKP dalam bentuk *hardcopy* walaupun sebahagian daripada mereka ada menyimpan PPPM/DSKP dalam bentuk *softcopy*. Analisis data ini juga menunjukkan guru-guru ada merujuk PPPM/DSKP semasa menyediakan perancangan pentaksiran dan RPH mereka mengandungi aktiviti pentaksiran. Guru-guru juga akan menyediakan instrumen tetapi kebanyakan diperolehi dari pasaran berbanding membina sendiri. Dapatan ini menunjukkan guru-guru ada membuat persediaan dan perancangan yang rapi sebelum melakukan pentaksiran.

b. Status Perancangan Panitia

Rumusan bagi Perancangan Panitia berdasarkan skor min dan skor rubrik seperti ditunjukkan di Jadual 4.13.



Jadual 4.13

Skor Min dan Skor Rubrik bagi Perancangan Panitia

No.Item	Item	Skor Min/ Tahap	Skor Rubrik
C21	Perancangan panitia dalam pelaksanaan PBS	(Min = 3.50, SP = 1.6) Sederhana	0 : Tidak 1 : Ya 0 Menyediakan BBM (40.5%) 1 Mengadakan kursus dalaman (88.6%)
C22	Penyelarasan yang dilakukan oleh panitia	(Min = 3.59, SP = 1.68) Sederhana	0 : Tidak 1 : Ya 0 Skor pentaksiran pusat (36.4%) 1 Skor pentaksiran sekolah (76.9%)



(Jadual 4.13 *sambungan*)

No.Item	Item	Skor Min/ Tahap	Skor Rubrik
C23	Bahan yang disediakan oleh panitia	(Min = 3.57, SP = 1.79) Sederhana	0 : Tidak 1 : Ya 0 Manual Penjaminan Kualiti (48.6%) 1 Maklumat berkaitan PBS (86.1%)
C24	Perkara yang dipantau oleh Ketua Panitia terhadap JU	(Min = 3.72, SP = 1.8) Tinggi	0 : Tidak 1 : Ya 0 Membimbing saya menggunakan PPPM , Membantu saya menyediakan instrumen pentaksiran (28.5%) 1 Memberi dokumen berkaitan yang saya perlukan (79%)
Perancangan Panitia		(Min = 3.60, SP = 1.40)	Sederhana

Jadual 4.13 menunjukkan analisis deskriptif bagi Perancangan Panitia. Panitia di sekolah ada membuat perancangan tetapi hanya mencapai tahap yang sederhana sahaja (Min = 3.50, SP = 1.6). Kebanyakan panitia amat menitik beratkan untuk mengadakan kursus dalaman (88.6%) dalam perancangan tahunan mereka. Tetapi hampir sebahagian panitia tidak merancang untuk menyediakan BBM (40.5%) untuk guru-guru gunakan dalam PdP.

Panitia juga ada membuat penyelarasan. Namun ia juga mencapai tahap yang sederhana (Min = 3.59, SP = 1.68). Dalam membuat penyelarasan, panitia di sekolah amat





menitik beratkan penyelarasan skor pentaksiran sekolah (76.9%) berbanding menyelaraskan skor pentaksiran sekolah (36.4%).

Bekalan yang diperoleh oleh guru-guru dari panitia mereka di sekolah mencapai tahap sederhana (Min = 3.72, SP = 1.8). Antara bekalan yang kerap diterima oleh guru-guru dari panitia mereka adalah maklumat berkaitan PBS (86.1%) manakala hampir sebahagian guru tidak menerima bahan yang agak penting iaitu Manual Penjaminan Kualiti (48.6%) yang akan menjadi panduan guru-guru sepanjang pelaksanaan PBS.

Ketua Panitia sangat memainkan peranan mereka dalam memantau JUS menjalankan tanggung jawab mereka (Min = 3.72, SP = 1.8). Ini dapat dilihat apabila guru-guru bersetuju (79%) dengan mengatakan JUS ada menjalankan tanggung jawabnya dengan memberi dokumen yang berkaitan yang diperlukan oleh guru-guru. Tetapi 28.5 peratus guru mengakui bahawa JUS tidak membimbing mereka menggunakan PPPM dan membantu mereka menyediakan instrumen pentaksiran. Secara keseluruhan perancangan panitia adalah di tahap yang sederhana (Min = 3.60, SP = 0.40).

b. Status Perancangan Sekolah

Rumusan bagi Perancangan Sekolah berdasarkan skor min dan skor rubrik seperti ditunjukkan di Jadual 4.1



Jadual 4.14

Skor Min dan Skor Rubrik bagi Perancangan Sekolah

No.Item	Item	Skor Min/ Tahap	Skor Rubrik
C31	Perancangan sekolah dalam pelaksanaan PBS	(Min = 4.22, SP = 1.33) Tinggi	0 : Tidak 1 : Ya 1 Melantik pegawai Penjaminan Kualiti (29.3%) 1 Melantik ahli jawatankuasa PBS (94.1%)
C32	Kelancaran pelaksanaan PBS	(Min = 4.28, SP = 1.17) Tinggi	0 : Tidak 1 : Ya 0 Ada JU dalam setiap Panitia (24.7%)
C33	Penyampaian maklumat di sekolah berkaitan PBS.	(Min = 3.27, SP = 1.1) Sederhana	0 : Tidak 1 : Sebahagian 2: Ya 0 Pengurusan kes-kes khas (16.3%) 2 Konsep, dasar pelaksanaan dan komponen PBS (27.6%)
Perancangan Sekolah		(Min = 3.92, SP = 1.0)	Tinggi

Jadual 4.14 menunjukkan analisis deskriptif bagi Perancangan Sekolah. Dalam melaksanakan PBS, sekolah telah membuat perancangan dan mencapai tahap yang tinggi (Min = 4.22, SP = 1.3). Perancangan sekolah telah dibuat dengan melantik ahli jawatankuasa PBS (94.1%). Manakala sekolah tidak pula merancang untuk melantik



pegawai Penjaminan Kualiti (29.3%). Hasil temu bual dengan beberapa orang guru, mereka turut menyatakan persetujuan bagi dapatan di atas.

Hasil temu bual ini jelas menggambarkan bahawa pihak sekolah ada membuat perancangan dari pelbagai segi. Sekolah juga telah memastikan pelaksanaan PBS berjalan dengan lancar. Ini dapat dilihat apabila perancangan sekolah mencapai tahap yang tinggi (Min = 4.28, SP = 1.17). Pihak sekolah tidak memastikan JUS ada dalam setiap panitia (24.7%). Namun begitu pihak sekolah akan memastikan mesyuarat PBS yang pertama akan diadakan sebelum bulan Mac (91.4%) bagi memastikan pelaksanaan PBS berjalan dengan lancar. Analisis temu bual berikut menyokong dapatan ini. Guru-guru mengakui bahawa kebanyakan sekolah telah mengadakan mesyuarat PBS memang empat kali setahun dan telah dimulakan di awal tahun.



Berdasarkan hasil temu bual guru di atas, dapat dirumuskan bahawa mesyuarat PBS ada di laksanakan mengikut seperti yang telah dirancang oleh LP. Sementara itu, penyampaian maklumat pihak sekolah kepada guru-guru hanya mencapai tahap sederhana (Min = 3.27, SP = 1.1). Sebilangan guru tidak diberi maklumat mengenai pengurusan kes-kes khas iaitu sebanyak 16.3%. Tetapi guru-guru telah mendapat maklumat sepenuhnya mengenai konsep, dasar pelaksanaan dan komponen PBS (27.6%). Secara keseluruhannya, perancangan sekolah mencapai tahap yang tinggi (Min = 3.92, SP = 1.0). Seorang guru mengakui dapatan ini. Melalui temu bual dapat disimpulkan bahawa guru-guru mengakui bahawa pihak sekolah ada membuat perancangan dalam banyak perkara seperti mesyuarat PBS, melantik AJK PBS dan sebagainya.





4.5.4 Status Proses Pelaksanaan

Sub konstruk bagi Proses Pelaksanaan terdiri dari Pentaksiran, Pembinaan Instrumen, Pementoran, Penyelarasan, Pemantauan dan Pengesanan.

a. Status Pentaksiran Sekolah

Rumusan bagi Pentaksiran Sekolah berdasarkan skor min dan skor rubrik seperti ditunjukkan di Jadual 4.15

Jadual 4.15

Skor Min dan Skor Rubrik bagi Pentaksiran Sekolah

No.Item	Item	Skor Min/ Tahap	Skor Rubrik
D11	Akuan guru dalam pelaksanaan pentaksiran sekolah		0 : Tidak 1 : Ya 0 6.3% 1 93.7%
D12	Perkara yang dilakukan sepanjang aktiviti pentaksiran	(Min = 3.56, SP = 1.08) Sederhana	0 : Tidak 1 : Sebahagian 2 : Ya 1 Menerima eviden murid dalam bentuk proses, produk atau diri murid itu sendiri (59%) 2 Menggunakan bersama DSK dan PPPM sebagai rujukan (44.9%)
D13	Amalan dalam pentaksiran	(Min = 3.72, SP = 1.1) Sederhana	0 : Tidak 1 : Sebahagian 2 : Ya 0 Menguruskan sistem fail (8.5%) 2 Merancang pengajaran (54.2%)

(bersambung)



(Jadual 4.15 *sambungan*)

No.Item	Item	Skor Min/ Tahap	Skor Rubrik
D14	Langkah yang dilakukan untuk membantu murid menguasai tahap penguasaan.	(Min = 2.84, SP = 1.13) Sederhana	0 : Tidak 1 : Sebahagian 2 : Ya 0 Mengajar di luar waktu persekolahan (44.1%) 2 Mengubah strategi pengajaran (25.6%)
D15	Perkara yang dilakukan semasa membuat pentaksiran...	(Min = 3.55, SP = 1.12) Sederhana	0 : Tidak 1 : Sebahagian 2 : Ya 0 Pastikan murid berpuas hati dengan skor yang diperolehi (14.1%) 2 Menilai apa yang telah murid kuasai (48.3%)
D16	Perkara dilakukan semasa proses pentaksiran	(Min = 3.80, SP = 1.1) Tinggi	0 : Tidak 1 : Sebahagian 2 : Ya 1 Mengubahsuai strategi pengajaran (57.1%) 2 Berusaha meningkatkan pencapaian pelajar (51.4%)
D17	Perkara yang dilakukan dalam pengurusan eviden	(Min = 3.64, SP = 1.14) Sederhana	0 : Tidak 1 : Sebahagian 2 : Ya 0 Eviden ada disimpan di dalam fail (14.6%) 2 Merekod skor pencapaian murid di dalam Modul Perekodan PPM (54.9%)
D18	Perkara yang dilakukan semasa memberi skor	(Min = 4.35, SP = 1.1) Tinggi	0 : Tidak 1 : Ya 0 Menyemak sekurang-kurangnya dua kali (21%) 1 Menyelaraskannya dengan tugasan pelajar (94.7%)

(bersambung)

(Jadual 4.15 *sambungan*)

No.Item	Item	Skor Min/ Tahap	Skor Rubrik
D19	Kriteria pentaksiran ke atas murid	(Min = 4.62, SP = 1.0) Tinggi	0 : Tidak 1 : Ya 0 Penguasaan sumatif murid yang ditetapkan (12.9%) 1 Instrumen pentaksiran yang dibina. (95.4%)
D110	Perkara yang dilakukan semasa proses pentaksiran.	(Min = 4.41, SP = 1.1) Tinggi	0 : Tidak 1 : Ya 0 Menggunakan pelbagai instrumen (9%) 1 Seiring dengan penguasaan pembelajaran murid (93.9%)
D111	Pelaporan yang dilakukan	(Min = 4.41, SP = 1.1) Tinggi	0 : Tidak 1 : Ya 0 Disemak oleh pihak pengurusan (24.6%) 1 Secara holistik (menyeluruh) bagi setiap murid (92.9%)
Pentaksiran Sekolah		(Min = 3.91, SP = 0.7)	Tinggi

Jadual 4.15 menunjukkan analisis deskriptif bagi Pentaksiran. Hampir semua guru mengakui bahawa mereka ada melaksanakan aktiviti pentaksiran (93.7%). Berbanding dengan guru yang tidak melaksanakan pentaksiran hanya 6.3 peratus sahaja. Semasa melakukan pemerhatian, penyelidik juga mendapati semua guru (100%) melakukan pentaksiran.



Beberapa perkara yang dilakukan oleh guru-guru sepanjang aktiviti pentaksiran mencapai tahap yang sederhana (Min = 3.56, SP = 1.08). Sebanyak 59% guru menerima sebahagian eviden murid dalam pelbagai bentuk iaitu proses (semasa pembelajaran), produk (sesuatu yang dihasilkan) atau diri murid itu sendiri (gaya badan). Hasil pemerhatian penyelidik mendapati seorang guru (25%) telah menerima eviden murid dalam bentuk produk. Manakala 44.9 peratus guru menggunakan DSK dan PPPM sepenuhnya sebagai rujukan. Namun hasil dari analisis dokumen dan pemerhatian, penyelidik mendapati semua guru (100%) menggunakan DSK dan PPPM sebagai rujukan mereka. Analisis temu bual dari guru-guru juga menyokong telah dapatan di atas.



Pernyataan guru yang menyokong dapatan tersebut jelas menunjukkan bahawa guru memang membuat pentaksiran. Sementara itu, amalan guru dalam pentaksiran juga mencapai tahap sederhana (Min = 3.72, SP = 1.1). Perancangan pengajaran adalah amalan yang dilakukan sepenuhnya oleh guru (54.2%). Manakala hanya 8.5 peratus guru-guru yang tidak menjadikan pengurusan sistem fail sebagai amalan mereka dalam pentaksiran.

Berdasarkan keterangan yang diberikan oleh guru-guru semasa di temu bual, perancangan merupakan perkara utama yang perlu dilakukan oleh guru sebelum mengajar. Mereka akan pastikan perancangan di buat dengan rapi supaya proses PdP berjalan dengan lancar. Manakala tindakan guru-guru terhadap murid-murid yang belum menguasai tahap penguasaan mencapai tahap sederhana (Min = 2.84, SP = 1.13). Guru-guru tidak akan mengajar semula murid-murid di luar waktu persekolahan (44.1%) jika ada murid yang belum menguasai tahap penguasaan. Berbanding 25.6 peratus guru akan mengubah strategi



pengajaran mereka jika masih ada murid yang belum menguasai tahap penguasaan. Situasi ini disokong oleh guru yang di temu bual bersama dengan menyatakan bahawa pengajaran di luar waktu persekolahan jarang dilakukan. Mereka akan mengubah strategi pengajaran sehingga pelajar lemah boleh menguasai tajuk yang di ajar

Dapatan di atas dikukuhkan lagi dengan pemerhatian penyelidik semasa proses pemerhatian di jalankan. Hasil pemerhatian mendapati semua guru (100%) yang di cerap telah membuat penaksiran pada hari tersebut (rujuk Rajah 4.16) dan mereka akan pastikan semua murid menguasai sepenuhnya objektif pengajaran. Dua orang guru (50%) akan memberi bimbingan secara berkumpulan apabila ada sebahagian murid belum menguasai objektif pengajaran.

Jadual 4.16

Analisis Dokumen (Peratusan)

Bil	Perkara yang dianalisis	% Ada	% Tiada
1.	Guru melaksanakan pentaksiran	100	0
2.	Kaedah Pentaksiran		
	a. Pemerhatian	100	0
	b. Lisan	100	0
	c. Bertulis	100	0
3.	Guru menilai pemahaman murid secara berterusan	75	25
4.	Guru melaksanakan bimbingan kepada murid yang belum menguasai	75	25

(bersambung)

(Jadual 4.16 *sambungan*)

Bil	Perkara yang dianalisis	% Ada	% Tiada
5.	Pelaporan Formatif		
	a. Guru menyediakan pelaporan berdasarkan band/tahap Penguasaan	50	50
	b. Penguasaan murid berdasarkan bukti	100	0
6.	Pelaporan Sumatif		
	a. Guru menyediakan pelaporan berdasarkan pencapaian gred/skor	25	75
	b. Pencapaian murid berdasarkan bukti	100	0

Jadual 4.16 menunjukkan semua guru memang ada melakukan pentaksiran sama ada secara pemerhatian, lisan mahupun bertulis (Rajah 4.4). Mereka melakukan pentaksiran secara berterusan (75%) dan memberi bimbingan kepada murid yang belum menguasai (75%). Walaupun hanya sebahagian guru yang menyediakan laporan berdasarkan band/tahap penguasaan murid tetapi semua guru akan memastikan penguasaan murid adalah berdasarkan bukti. Laporan yang disediakan juga adalah berdasarkan bukti walaupun hanya 25 peratus guru yang menyediakan pelaporan berdasarkan gred/skor. Rajah 4.5 menunjukkan contoh pelaporan guru.



Rajah 4.4 Pentaksiran yang dilakukan oleh Guru

BIL.	NAMA MURID	NO. SURAT BERANAK	JANTINA	KELOMPOK STANDARD PEMBELAJARAN											
				LISTENING AND SPEAKING			READING			WRITING			LANGUAGE ARTS		
STANDARD PEMBELAJARAN YANG PERLU DIAJAR DAN DITAKSIR				Keompok 1	Keompok 2	Keompok 3	Keompok 1	Keompok 2	Keompok 3	Keompok 1	Keompok 2	Keompok 3	Keompok 1	Keompok 2	Keompok 3
15	MUHAMMAD SYAFIQ B MOHD YUSRI		L												
16	NAZARUL IMAN B. YAZID.		L												
17	NUR ADAWYAH BT ABD RAHIM		P												
18	NUR AIN HAZIRAH AZMAN		P												
19	NUR AMIRA BATRISYA BT. ZAHARUDIN.		P												
20	NUR AMIRAH AISYAH BT SHAHARUDIN		P												
21	NUR AZZA NAUWA BT. SADELI.		P												
22	NUR INSYIRAH BT ROSMANI		P												
23	NUR INSYIRAH NAZURAH BT ZULKARNAIN		P												
24	NUR JIHANA BT JAMIL		P												
25	NURSYARAH AFIFAH BT AMIR SHARIFUDDIN		P												
26	NURTISYA IRWANI BT SHAH IRWAN		P												
27	NURUL SUZAINA BT IZHAR		P												
28	SHARIFAH NURUL ATIRAH BT SYED ZAMBRI		P												

Rajah 4.5 Contoh Pelaporan Guru

Sementara itu, beberapa perkara perlu dilakukan oleh guru semasa membuat pentaksiran dan perkara-perkara yang dilakukan oleh guru semasa membuat pentaksiran mencapai tahap sederhana (Min = 3.55, SP = 1.12). Sebilangan guru tidak akan



memastikan murid berpuas hati atau tidak dengan skor yang diberi (14.1%). Manakala 48.3 peratus guru akan menilai sepenuhnya apa yang telah murid kuasai. Namun, hasil dari pemerhatian penyelidik 3 orang guru (75%) telah menilai murid sepenuhnya dan berterusan.

Perkara-perkara penting yang dilakukan oleh guru semasa proses pentaksiran mencapai tahap yang tinggi (Min = 3.80, SP = 1.1). Antara aspek yang dilakukan sepenuhnya oleh guru adalah berusaha meningkatkan pencapaian pelajar (51.4%). Sebahagian guru (57.1%) telah mengubah strategi pengajaran semasa dalam proses pentaksiran mereka. Seorang guru menyokong dengan dapatan ini. Sokongan ini menunjukkan sebahagian guru akan berusaha sedaya upaya dengan menukar strategi pengajaran supaya murid menguasai objektif pembelajaran pada hari tersebut. Manakala kesemua guru (100%) tidak mengubah kaedah pengajaran mereka malah mereka mengulangi fakta-fakta penting beberapa kali bagi memberi pemahaman kepada murid.

Semasa menguruskan eviden murid, guru-guru juga ada melakukan beberapa perkara dan ia mencapai tahap yang sederhana (Min = 3.64, SP = 1.14). Perkara penting yang dilakukan oleh guru dalam pengurusan eviden adalah guru-guru merekodkan sepenuhnya skor pencapaian murid di dalam Modul Perekodan PPM (54.9%). Namun begitu, guru-guru tidak menyimpan eviden murid di dalam fail (14.6%). Setelah ditemu bual, guru-guru mengakui pengurusan eviden sekarang menjadi lebih mudah dan tiada lagi sistem *online*.





Pernyataan guru ini mengukuhkan dapatan kuantitatif di mana guru menjadikan pengurusan eviden suatu perkara yang penting untuk dilakukan. Semasa memberi skor pula, guru-guru kebanyakannya melakukan beberapa perkara penting dan kerana itulah ia mencapai tahap tinggi (Min = 4.35, SP = 1.1). Hampir semua guru akan menyelaraskan dengan tugas murid semasa memberi skor (94.7%). Manakala 21 peratus guru tidak menyepak skor yang diberi sekurang-kurangnya dua kali.

Kriteria pentaksiran ke atas murid oleh guru-guru juga mencapai tahap tinggi (Min = 4.62, SP = 1.0). Guru-guru melaksanakan pentaksiran berdasarkan instrumen yang dibina (95.4%) dan bukan berdasarkan penguasaan sumatif murid yang dilaporkan (12.9%). Ini dibuktikan dengan pemerhatian yang dilakukan oleh penyelidik. Sememangnya semua guru (100%) yang di cerap mengajar kemudian membuat pentaksiran berdasarkan instrumen yang digunakan.

Pentaksiran yang dilakukan oleh guru-guru sekali lagi mencapai tahap yang tinggi (Min = 4.41, SP = 1.1). Perkara yang penting dilakukan oleh guru semasa proses pentaksiran adalah memastikan pentaksiran seiring dengan penguasaan pembelajaran murid (93.9%). Namun hanya 9 peratus guru yang tidak menggunakan pelbagai instrumen semasa melakukan pentaksiran. Hasil temu bual dengan guru-guru, mereka mengakui bahawa mereka memang melalui perkara ini. Pernyataan ini menunjukkan bahawa guru boleh menggunakan pelbagai kaedah namun tidak semestinya mempelbagaikan jenis instrumen.



Sementara itu, tindakan guru dalam membuat pelaporan prestasi mencapai tahap yang tinggi (Min = 4.41, SP = 1.1). Pelaporan prestasi yang dibuat oleh guru-guru adalah secara holistik (menyeluruh) bagi setiap murid (92.9%). Namun 24.6 peratus guru mengakui bahawa pelaporan prestasi tidak disemak oleh pihak pengurusan. Secara keseluruhannya pelaksanaan pentaksiran oleh guru-guru mencapai tahap yang tinggi (Min = 3.91, SP = 0.7). Dapatan ini turut disokong dari data analisis dokumen dan pemerhatian. Penyelidik mendapati kesemua guru yang terlibat dalam pemerhatian telah menunjukkan mereka telah melaksanakan PBS dengan baik (Jadual 4.16).

b. Status Pembinaan Instrumen

Rumusan bagi Pembinaan Instrumen berdasarkan skor min dan skor rubrik seperti ditunjukkan di Jadual 4.17

Jadual 4.17

Skor Min dan Skor Rubrik bagi Pembinaan Instrumen

No.Item	Item	Skor Min/ Tahap	Skor Rubrik
D21	Akuan guru dalam pembinaan instrumen	0 : Tidak 1 : Kadang-kadang 2 : Ya	0 10.3% 1 56.3% 2 33.4%

(bersambung)

(Jadual 4.17 *sambungan*)

No.Item	Item	Skor Min/ Tahap	Skor Rubrik
D22	Cara penyediaan instrumen		Membina sendiri (67.1%) Disediakan oleh panitia (36.6%) Disediakan oleh pihak sekolah (16.8%) Berkongsi dengan guru lain (69.7%) Beli buku kerja di pasaran (75.1%)
D23	Perkara yang dilakukan dalam pembinaan instrumen	(Min = 4.57, SP = 1.1) Tinggi	0 : Tidak 1 : Ya 0 Merujuk kandungan fakta dalam dokumen kurikulum (10.7%) 1 Mengambil kira objektif pengajaran (94.2%)
D24	Jenis instrumen yang digunakan	(Min = 4.07, SP = 1.04) Tinggi	0 : Tidak 1 : Ya 0 Projek (45.4%) 1 Ujian Bertulis (97.6%)
D25	Jenis instrumen lain yang digunakan	(Min = 4.15, SP = 1.1) Tinggi	0 : Tidak 1 : Ya 0 Amali (34.4%) 1 Lembaran Kerja (94.9%)
Pembinaan Instrumen		(Min = 4.27, SP = 0.85)	Tinggi

Jadual 4.17 menunjukkan analisis deskriptif bagi Pembinaan Instrumen. 10.3 peratus guru mengakui bahawa mereka tidak langsung membina instrumen manakala 56.3 peratus guru yang kadang-kadang sahaja membina instrumen. Namun, masih terdapat 33.4 peratus guru yang membina sendiri instrumen mereka. Hasil data analisis dokumen juga



mendapati perkara yang sama di mana seramai tiga orang guru (75%) tidak membina instrumen sendiri dan menggunakan buku di pasaran manakala seorang guru lagi (25%) telah membina instrumen sendiri.

Terdapat pelbagai cara guru-guru dalam menyediakan instrumen dalam melaksanakan PBS. Hampir separuh guru membina sendiri instrumen mereka (67.1%). Namun panitia juga ada menyediakan instrumen tetapi hanya 36.6 peratus sahaja. Pihak sekolah paling kurang sumbangan dalam menyediakan instrumen bagi guru-guru (16.8%). Guru-guru juga ada berkongsi menyediakan instrumen dengan guru-guru lain (69.7%). Penyediaan instrumen yang paling kerap adalah dengan cara guru-guru membeli buku-buku di pasaran (75.1%). Semasa pemerhatian penyelidik terhadap guru-guru yang di cerap juga mendapati mereka mempunyai satu set instrumen yang telah dibeli di pasaran yang akan digunakan sepanjang tahun. Lihat Rajah 4.6



Rajah 4.6 Set Instrumen di Pasaran





Sementara itu, perkara-perkara yang menjadi rujukan guru dalam pembinaan instrumen mencapai tahap yang tinggi (Min = 4.57, SP = 1.1). Ini adalah kerana hampir semua guru-guru sepakat mengambil kira objektif pengajaran dalam pembinaan instrumen (94.2%). Hanya 10.7 peratus guru yang tidak merujuk fakta dalam Dokumen Kurikulum. Apabila ditemu bual guru-guru tentang semua situasi di atas mereka menyatakan bahawa walaupun mereka menggunakan instrumen yang sedia ada atau pun membina sendiri, mereka akan pastikan instrumen yang akan digunakan bersesuaian dengan objektif pengajaran.

Sementara itu, guru-guru juga telah menggunakan pelbagai jenis instrumen dalam pengajaran. Ia menunjukkan tahap yang tinggi (Min = 4.07, SP = 1.04). Jenis instrumen yang kerap digunakan oleh guru-guru adalah ujian bertulis (97.6%). Tetapi kerja projek tidak menjadi pilihan para guru dalam menjadikan instrumen dalam pengajaran mereka (45.4%).

Penggunaan instrumen yang pelbagai oleh guru-guru dapat ditunjukkan apabila ia mencapai tahap yang tinggi sekali lagi (Min = 4.15, SP = 1.1). Pemilihan instrumen yang hampir sama dengan pemilihan instrumen di atas iaitu lembaran kerja (94.9%). Kerja amali yang mungkin memakan masa guru tidak menjadi pilihan sebahagian para guru (34.4%). Secara keseluruhannya, pembinaan instrumen mencapai tahap yang tinggi (Min = 4.27, SP = 0.85). Apabila di ajukan tentang kepelbagaian penggunaan instrumen kepada guru-guru, mereka memberi pelbagai pernyataan yang menyokong dan sebaliknya. Mereka menyatakan bahawa penggunaan buku di pasaran lebih menjimatkan masa kerana terdapat



banyak pilihan dan mereka hanya perlu memilih yang berkualiti sahaja. Kekangan masa yang menghalang mereka membina instrumen sendiri,.

c. Status Pementoran

Rumusan bagi Pementoran berdasarkan skor min dan skor rubrik seperti ditunjukkan di Jadual 4.18

Jadual 4.18

Skor Min dan Skor Rubrik bagi Pementoran

No.Item	Item	Skor Min	Tahap	Skor Rubrik
D31	Penglibatan guru dalam aktiviti pementoran			0 : Tidak 1 : Ya 0 43.1% 1 56.9%
D32	Mentor yang membantu guru dalam melaksanakan PBS	(Min = 2.73, SP = 1.57) Sederhana		0 : Tidak 1 : Ya 0 Ketua Bidang (63.9%) 1 Setiausaha PBS (71.5%)
D33	Perkara yang dibincangkan apabila merujuk mentor	(Min = 2.91, SP = 1.21) Sederhana		0 : Tiada 1 : Sebahagian 2:Sepenuhnya 0 Pembinaan instrumen (25.4%) 2 Murid yang bermasalah (21%)

(bersambung)

(sambungan)

No.Item	Item	Skor Min	Tahap	Skor Rubrik
D34	Fungsi pementoran	(Min = 2.83, SP = 1.24)	Sederhana	0 : Tidak 1 : Sebahagian 2:Sepenuhnya 0 Membantu saya menyediakan instrumen (26.1%) 2 Membantu saya melaksanakan pentaksiran seiring dengan PdP (61.9%)
D35	Kelebihan aktiviti pementoran	(Min = 3.11, SP = 1.21)	Sederhana	0 : Tidak 1 : Sebahagian 2:Sepenuhnya 0 Membina rangkaian kerja dan hubungan profesional antara saya dan mentor (15.4%) 1 Meningkatkan kompetensi dan keyakinan saya (63.4%)
	Pementoran	(Min = 2.9, SP = 1.11)	Sederhana	

Jadual 4.18 menunjukkan analisis deskriptif bagi Pementoran. Lebih separuh guru telah terlibat dengan aktiviti pementoran sepanjang melaksanakan PBS (56.9%). Manakala 43.1 peratus guru yang menyatakan tidak terlibat dalam mana-mana aktiviti pementoran semasa menjalankan PBS.

Mentor-mentor di sekolah ada membantu guru semasa melaksanakan PBS dan ia mencapai tahap yang sederhana sahaja (Min = 2.73, SP = 1.57). Antara mentor yang banyak membantu guru semasa melaksanakan PBS adalah Setiausaha PBS (71.5%). Tetapi



Ketua Bidang bukan menjadi mentor pilihan para guru di sekolah (63.9%). Guru-guru yang di temu bual juga mengakui tentang dapatan ini.

Namun, banyak perkara yang telah dibincangkan apabila guru-guru merujuk mentor di sekolah dan ia menunjukkan tahap yang sederhana. Perkara yang menjadi perbincangan utama guru-guru apabila merujuk dengan mentor adalah berkaitan murid yang bermasalah (21%). Manakala perkara berkaitan pembinaan instrumen bukan lah perkara yang dibincangkan dengan mentor di sekolah (25.4%). Seorang guru yang di temu bual turut mengakui tentang pentingnya pementoran di sekolah.



Berdasarkan pengakuan guru di atas, jelas menggambarkan guru-guru memerlukan mentor di sekolah untuk mendapatkan maklumat. Manakala fungsi mentor di sekolah berada di tahap sederhana (Min = 2.83, SP = 1.24). Pementoran sebahagiannya telah membantu guru melaksanakan pentaksiran seiring dengan PdP (61.9%). Tetapi guru mendapati mentor tidak berfungsi langsung membantu mereka dalam menyediakan instrumen (26.1%). Apabila diajukan soalan berkaitan tenaga pengajar bagi membina instrumen, guru-guru menyatakan bahawa J/U yang banyak membantu mereka membina instrumen.

Aktiviti pementoran di sekolah-sekolah telah memberi banyak kebaikan kepada guru dan ia mencapai tahap yang sederhana (Min = 3.11, SP = 1.21). Guru-guru bersependapat bahawa aktiviti pementoran di sekolah sebahagiannya dapat meningkatkan kompetensi dan keyakinan mereka (63.4%). Namun sebilangannya menyatakan aktiviti



pementoran tidak dapat membina rangkaian kerja dan hubungan profesional antara guru dan mentor (15.4%). Secara keseluruhannya, pelaksanaan pementoran di sekolah berada di tahap sederhana (Min = 2.9, SP = 1.1). Semua dapatan ini disokong dengan analisis temu bual dengan guru-guru berkaitan pementoran mengakui bahawa pementoran ada dijalankan di sekolah cuma tidak kerap dan tidak secara formal. Mereka juga berpendapat bahawa pementoran sangat perlu untuk guru mendapatkan maklumat dan bahan-bahan rujukan.

Berdasarkan dapatan kuantitatif dan analisis temu bual di atas, dapat disimpulkan bahawa pementoran yang di laksanakan di sekolah membantu guru-guru dalam mendapatkan maklumat dan sebagainya. Namun kebanyakan pelaksanaannya bukan secara formal.

d. Status Penyelarasan

Rumusan bagi Penyelarasan berdasarkan skor min dan skor rubrik seperti ditunjukkan di Jadual 4.19

Jadual 4.19

Skor Min dan Skor Rubrik bagi Penyelarasan

No.Item	Item	Skor Min/ Tahap	Skor Rubrik
D41	Penglibatan guru dalam aktiviti penyelarasan.		0 : Tidak 1 : Ya
			0 51.5%
			1 48.5%

(Jadual 4.19 *sambungan*)

No.Item	Item	Skor Min/ Tahap	Skor Rubrik
D42	Perkara yang dibincangkan semasa mesyuarat berkaitan aktiviti penyelarasan	(Min = 3.01, SP = 1.21) Sederhana	0 : Tiada 1: Sebahagian 2:Sepenuhnya 0 Kesahihan pemberian skor (16.9%) 2 Kefahaman saya tentang penskoran (24.1%)
D43	Waktu penyelarasan dilakukan	(Min = 3.74, SP = 1.6) Tinggi	0 : Tidak 1 : Ya 0 Mesyuarat sekolah (34.2%) 2 Mesyuarat PBS (83.4%)
D44	Kekuatan penyelarasan skor PBS	(Min = 3.12, SP = 1.25) Sederhana	0 : Tiada 1 :Sebahagian 2:Sepenuhnya 1 Memastikan ketepatan skor mengikut keupayaan dan prestasi murid (65.4%) 2 Memastikan skor yang diberikan adil bagi semua murid (25.4%)
D45	Pihak yang membuat Penyelarasan	(Min = 2.74, SP = 1.25) Sederhana	0 : Tidak 1 : Ya 0 Ketua Bidang (58.1%) 1 Setiausaha PBS (72.4%)
Penyelarasan		(Min = 3.18, SP = 1.08)	Sederhana

Jadual 4.19 menunjukkan analisis deskriptif bagi penyelarasan. Lebih separuh guru tidak terlibat dengan aktiviti penyelarasan sepanjang melaksanakan PBS (56.9%). Hanya 43.1 peratus sahaja yang terlibat dengan aktiviti penyelarasan di sekolah.



Banyak perkara yang telah dibincangkan semasa mesyuarat penyelarasan dan ia mencapai tahap yang sederhana (Min = 3.01, SP = 1.21). Guru-guru bersetuju sepenuhnya (24.1%) bahawa perkara yang dibincangkan semasa mesyuarat penyelarasan adalah berkaitan kefahaman mereka tentang penskoran. Namun kesahihan pemberian skor tidak pula dibincangkan semasa mesyuarat tersebut (16.9%).

Penyelarasan skor ada dibuat di sekolah dan mencapai tahap yang tinggi (Min = 3.74, SP = 1.6). Penyelarasan skor selalunya dibuat semasa Mesyuarat PBS (83.4%) dan bukan di buat semasa mesyuarat sekolah (34.2%). Namun terdapat seorang guru menyatakan tiada penyelarasan yang dibuat di sekolahnya dan kerumitan berlaku dalam aktiviti penyelarasan. Pernyataan ini jelas menunjukkan bahawa agak sukar untuk melakukan penyelarasan memandangkan guru-guru menggunakan pelbagai jenis instrumen termasuk soalan soal jawab dengan murid.

. Namun kekuatan atau kelebihan penyelarasan skor di sekolah mencapai tahap sederhana (Min = 3.12, SP = 1.25). Guru-guru bersetuju bahawa antara kekuatan penyelarasan skor PBS yang di lakukan di sekolah sebahagiannya dapat memastikan ketepatan skor mengikut keupayaan dan prestasi murid (65.4%). Guru-guru juga mengakui bahawa memastikan skor yang diberikan adil bagi semua murid sepenuhnya (25.4%) antara kekuatan penyelarasan skor yang dilakukan oleh pihak sekolah.

Pihak yang melakukan penyelarasan skor juga berada di tahap yang sederhana (Min = 2.74, SP = 1.65). Pihak yang terlibat dalam penyelarasan adalah Setiausaha PBS



(72.4%) dan bukan Ketua Bidang (58.1%). Secara keseluruhannya, aktiviti penyelarasan di sekolah berada di tahap yang sederhana (Min = 3.18, SP = 1.08). Namun seorang guru yang di temu bual menyatakan pendapatnya tentang aktiviti penyelarasan di sekolah beliau dengan menyatakan bahawa setiap guru akan berhadapan dengan murid yang mempunyai pelbagai kecerdasan. Menurutnya lagi hanya guru yang mengenal tahap pencapaian murid mereka. Maka instrumen yang digunakan tidak akan sama dengan guru lain. Kerana itulah aktiviti penyelarasan sukar dilakukan di sekolah.

e. Status Pemantauan

Rumusan bagi Pemantauan berdasarkan skor min dan skor rubrik seperti ditunjukkan di

Jadual 4.20

Jadual 4.20

Skor Min dan Skor Rubrik bagi Pemantauan

No.Item	Item	Skor Min/ Tahap	Skor Rubrik
D51	Penglibatan guru dalam aktiviti pemantauan		0 : Tidak 1 : Ya
			0 36.6%
			1 63.4%
D52	Pihak yang memantau proses pelaksanaan PBS	(Min = 2.48, SP = 1.6) Sederhana	0 : Tiada 1: Ya
			0 Guru Cemerlang/Guru Mata Pelajaran Yang Dilantik (63.2%)
			1 Ketua Panitia (65.1%)

(bersambung)

(Jadual 4.20 *sambungan*)

No.Item	Item	Skor Min/ Tahap	Skor Rubrik
D53	Kriteria pemantauan	(Min = 3.88, SP = 1.6) Tinggi	0 : Tidak 1 : Ya 0 Instrumen Yang Digunakan (29.8%) 1 Rekod Pengajaran (83.6%)
D54	Fungsi pemantauan	(Min = 4.21, SP = 1.5) Tinggi	0 : Tidak 1 : Ya 0 Menggelakkan Saya Melakukan Penyelewengan Dan Ketidak Akuran (21%) 1 Menambah Baik Proses Pelaksanaan PBS (86.9%)
Pemantauan		(Min = 3.53, SP = 1.37)	Sederhana

Jadual 4.20 menunjukkan analisis deskriptif bagi pemantauan. Lebih separuh guru telah dipantau secara konstruktif (63.4%) berbanding dengan guru yang tidak dipantau langsung (36.6%). Terdapat beberapa pihak yang memantau guru-guru dan ia mencapai tahap sederhana Min = 2.48, SP = 1.6). Pihak yang memantau guru-guru dalam melaksanakan PBS adalah Ketua Panitia (65.1%) dan bukan Guru Cemerlang atau guru mata pelajaran yang dilantik oleh pihak sekolah (63.2%).

Pihak yang memantau telah memantau beberapa perkara dan mencapai tahap yang tinggi (Min = 3.88, SP = 1.6). Antara yang menjadi tumpuan apabila dipantau adalah rekod pengajaran (83.6%). Namun instrumen yang guru-guru gunakan tidak menjadi keutamaan semasa di pantau (29.8%).



Guru-guru tahu tujuan mengapa pemantauan dilakukan ke atas mereka kerana itu ia berada di tahap yang tinggi. Guru-guru akur bahawa pemantauan dilakukan adalah untuk menambah baik proses pelaksanaan PBS (86.9%). Namun begitu, guru kurang bersetuju apabila pemantauan dilakukan adalah untuk mengelakkan mereka dari melakukan penyelewengan dan ketidakakuran (21%). Secara keseluruhannya, aktiviti pemantauan di sekolah berada di tahap yang sederhana (Min = 3.53, SP = 1.7). Guru-guru juga mengakui bahawa pemantauan yang dilakukan di sekolah adalah untuk kebaikan supaya petaksiran mereka mengikut garis panduan KPM. Pandangan guru ini telah membuktikan bahawa pentingnya pemantauan di sekolah supaya mereka sentiasa bersedia dan mematuhi garis panduan pelaksanaan PBS seperti yang telah ditetapkan oleh KPM.



f. Status Pengesanan

Rumusan bagi Pengesanan berdasarkan skor min dan skor rubrik seperti ditunjukkan di Jadual 4.21

Jadual 4.21

Skor Min dan Skor Rubrik bagi Pengesanan

No.Item	Item	Skor Min/ Tahap	Skor Rubrik
D61	Penglibatan guru dalam aktiviti pengesanan		0 : Tidak 1 : Ya
			0 46.1%
			1 53.9%





No.Item	Item	Skor Min/ Tahap	Skor Rubrik
D62	Pihak yang terlibat dengan pengesanan	(Min = 2.60, SP = 1.8) Sederhana	0 : Tiada 1: Ya 0 Ketua Bidang (54.6%) 1 Setiausaha PBS (61.2%)
D63	Perkara yang dilakukan bagi memastikan Kesahan dan kebolehpercayaan instrumen	(Min = 3.33, SP = 1.2) Sederhana	0 :Tidak 1: Sebahagian 2:Sepenuhnya 1 Memberi skor selaras dengan skor yang telah ditetapkan (62.9%) 2 Sediakan instrumen mengikut kesesuaian (35.3%)
D64	Perkara yang disemak oleh Pegawai Pengesanan dalam dalam mengesan instrumen	(Min = 2.96, SP = 1.27) Sederhana	0 : Tidak 1 : Sebahagian 2:Sepenuhnya 0 Kelemahan (20.2%) 2 Dibina berdasarkan prinsip pembinaan oleh LP (25.6%)
Pengesanan		(Min = 2.97, SP = 1.14)	Sederhana

Jadual 4.21 menunjukkan analisis deskriptif bagi pengesanan. Lebih separuh guru telah terlibat dengan aktiviti pengesanan (52.9%) berbanding dengan guru yang tidak langsung terlibat dengan aktiviti pengesanan (46.1%). Ada pihak yang terlibat dengan aktiviti pengesanan dan ia mencapai tahap yang sederhana (Min = 2.60, SP = 1.8). Pihak yang terlibat dalam aktiviti pengesanan ini adalah Setiausaha PBS (61.2%) dan bukan Ketua Bidang (54.6%).





Kepercayaan guru dalam menghasilkan skor yang sah juga berada di tahap yang sederhana (Min = 3.33, SP = 1.2). Guru-guru percaya, untuk menghasilkan skor yang sah dan boleh dipercayai, sebahagiannya harus memberi skor selaras dengan skor yang telah ditetapkan (62.9%) dan guru sepenuhnya percaya bahawa menyediakan instrumen mengikut kesesuaian (35.3%) adalah cara yang terbaik untuk menghasilkan skor yang sah dan boleh dipercayai.

Pegawai pengesanan dalaman ada membuat pengesanan terhadap instrumen guru-guru dan ia mencapai tahap sederhana (Min = 2.96, SP = 0.7). Pengesanan instrumen dibuat sepenuhnya dari segi cara pembinaan instrumen adakah berdasarkan prinsip pembinaan oleh LP (25.6%). Namun kelemahan pembinaan instrumen tidak langsung menjadi keutamaan dalam pengesanan pembinaan instrumen (20.2%). Secara keseluruhannya, pelaksanaan pengesanan mencapai tahap yang sederhana (Min = 2.97, SP = 1.27). Apabila ditanya kepada guru-guru di sekolah tentang aktiviti pengesanan, mereka kebanyakannya tidak tahu maksud dan fungsi sebenar aktiviti ini. Ini boleh membuktikan bahawa guru-guru tidak tahu tentang aktiviti pengesanan mereka di sekolah.

4.5.5 Status Produk

Sub konstruk bagi Kepercayaan Guru Tentang Kepentingan Pelaksanaan PBS, Sikap guru terhadap pelaksanaan PBS dan Komitmen guru terhadap pelaksanaan PBS.



a. Status Kepercayaan Guru Tentang Kepentingan Pelaksanaan PBS

Rumusan bagi Kepercayaan Guru Tentang Kepentingan Pelaksanaan PBS berdasarkan skor min dan skor rubrik seperti ditunjukkan di Jadual 4.22

Jadual 4.22

Skor Min dan Skor Rubrik bagi Kepercayaan Guru Tentang Kepentingan Pelaksanaan PBS

No.Item	Item	Skor Min/ Tahap	Skor Rubrik
E11	Kelebihan pelaksanaan PBS	(Min = 3.51, SP = 1.8) Sederhana	0 : Tiada 1: Ya 0 ibu bapa lebih yakin dengan cara pentaksiran (44.9%) 1 murid lebih banyak melibatkan diri dalam proses pembelajaran(81.5%)
E12	Kepentingan pelaksanaan PBS kepada guru	(Min = 2.93, SP = 1.9) Sederhana	0 : Tidak 1 : Ya 0 mudah untuk dilaksanakan (54.7%) 1 membantu saya mengenali murid dengan lebih dekat (73.7%)
E13	Perkara yang dicapai semasa menghasilkan tugas pentaksiran	(Min = 3.44, SP = 1.5) Sederhana	0 : Tidak 1 :Ya 0 Bebas dari sebarang kesilapan pemahaman (44.9%) 1 Menggalakkan keterlibatan murid (78.3%)
E14	Perkara yang dicapai dalam membuat pentaksiran	Min = 4.01, SP =1.64) Tinggi	0 : Tidak 1 :Ya 0 Dengan adil dan saksama (31%) 1 Berdasarkan objektif pengajaran (84.6%)
Kepercayaan guru tentang kepentingan pelaksanaan PBS		(Min = 3.47, SP = 1.57)	Sederhana



Jadual 4.22 menunjukkan analisis deskriptif bagi kepercayaan guru tentang kepentingan pelaksanaan PBS. Kepercayaan guru tentang kelebihan melaksanakan PBS mencapai tahap yang sederhana (Min = 3.51, SP = 1.8). Guru-guru percaya bahawa kelebihan melaksanakan PBS ini akan menjadikan murid lebih banyak melibatkan diri dalam proses pembelajaran (81.5%). Namun begitu guru-guru kurang percaya kelebihan PBS akan menjadikan ibu bapa lebih yakin dengan cara pentaksiran (44.9%). Ini terbukti dengan pernyataan seorang guru:

“...kadang-kadang warga yang prihatin (ibu bapa) nak markah anak-anak...sebenarnya ibu bapa pun tak faham..dia nak markah, kita buat eviden...jadi dia orang memang tak nampak...tak yakin dengan PBS ni...”



Berdasar pernyataan guru di atas, ibu bapa masih belum yakin dengan PBS di sebabkan tiada sistem pemarkahan seperti sistem peperiksaan. Sementara itu, sepanjang melaksanakan PBS, guru-guru telah mendapati beberapa perkara ini ada berlaku di mana ia mencapai tahap yang sederhana (Min = 2.93, SP = 0.9). Perkara tersebut adalah guru-guru yakin bahawa sepanjang melaksanakan PBS, ia membantu guru mengenali murid-murid dengan lebih dekat (73.7%). Tetapi guru-guru percaya bahawa PBS tidak mudah untuk dilaksanakan (54.7%). Dapatan ini juga turut disokong dengan analisis temu bual dari guru-guru yang menyatakan PBS agak sukar dilaksanakan.

Pernyataan guru tersebut jelas menunjukkan bahawa kesukaran dalam melaksanakan PBS. Namun begitu, seorang guru kurang bersetuju dengan pendapat di atas. Beliau menyatakan bahawa terdapat guru yang tidak bijak menggunakan masa sebaik





mungkin. Guru boleh mentaksir semasa proses PdP tetapi terdapat guru yang mentaksir selepas proses PdP. Ini yang membuatkan guru-guru terasa PBS sangat susah untuk dilaksanakan. Tambahnya lagi, instrument pelajar tidak semestinya ‘kertas’. Tetapi boleh dalam bentuk soalan guru itu sendiri.

Penerangan guru di atas menunjukkan bahawa pelaksanaan PBS perlu ada kemahiran. Guru perlu bijak menguruskan antara pengajaran dan pentaksiran. Namun, kepercayaan guru tentang tugas pentaksiran yang dihasilkan sekali lagi mencapai tahap yang sederhana (Min = 3.44, SP = 1.5). Ini adalah kerana, guru-guru percaya bahawa tugas yang dihasilkan mampu untuk menggalakkan keterlibatan murid (78.3%). Guru-guru juga mengakui bahawa tugas pentaksiran yang dihasilkan tidak bebas dari sebarang kesilapan pemahaman (44.9%).

Kepercayaan dan keyakinan guru terhadap pentaksiran yang dilakukan mencapai tahap yang tinggi. Kepercayaan dan keyakinan ini berlaku apabila pentaksiran yang dilakukan oleh guru-guru adalah berdasarkan objektif pengajaran (84.6%). Tetapi 31 peratus guru-guru berasa tidak percaya dan yakin apabila pentaksiran yang dilakukan adil dan saksama. Secara keseluruhannya kepercayaan guru tentang kepentingan pelaksanaan PBS berada di tahap yang sederhana (Min = 3.47, SP = 1.57). Hasil dari temu bual dengan guru-guru, mereka turut merasakan ketidakadilan dan ketidaksemaan berlaku sepanjang proses pentaksiran. Terdapat guru yang tidak membuat pentaksiran dengan betul. Mereka hanya menanda band yang dicapai oleh pelajar berdasarkan ‘tekaan’ terhadap pelajar. Mereka menganggap pelajar yang mempunyai pencapaian tinggi akan mencapai hingga ke





band lima dan sebagainya. Boleh disimpulkan disini bahawa pentaksiran yang dijalankan oleh guru tidak diselaraskan dan tidak semua guru melaksanakan mengikut prosedur yang betul disebabkan kekangan-kekangan atau tiadanya pemantauan.

b. Status Sikap Guru Terhadap Pelaksanaan PBS

Rumusan bagi Sikap guru terhadap pelaksanaan PBS berdasarkan skor min dan skor rubrik seperti ditunjukkan di Jadual 4.23

Jadual 4.23

Skor Min dan Skor Rubrik bagi Sikap Guru Terhadap Pelaksanaan PBS



No.Item	Item	Skor Min/ Tahap	Skor Rubrik
E21	Sikap guru dalam menangani masalah semasa melaksanakan PBS.	(Min = 4.47, SP = 1.3) Tinggi	0 : Tiada 1: Ya 0 meminta bantuan profesional daripada rakan sejawat. (11.9%) 1 Merancang tugas lebih awal (91.5%)
E22	Sikap guru semasa melaksanakan PBS	(Min = 3.08, SP = 1.98) Sederhana	0 : Tidak 1 : Ya 0 Seronok melakukan pentaksiran (49.8%) 1 Yakin dalam membuat pentaksiran (72.9%)

(bersambung)



(Jadual 4.23 *sambungan*)

No.Item	Item	Skor Min/ Tahap	Skor Rubrik
E23	Sikap guru sepanjang melaksanakan PBS	(Min = 4.24, SP = 1.4) Tinggi	0 : Tidak 1 :Ya 0 sentiasa bersedia dengan tugasan yang diberi (19.5%) 1 memastikan murid saya telah mencapai skor tertinggi mengikut kemampuan mereka (89.3%)
Sikap Guru terhadap Pelaksanaan PBS		(Min = 3.92, SP = 1.26)	Tinggi

Jadual 4.23 menunjukkan analisis deskriptif bagi sikap guru terhadap pelaksanaan PBS. Sikap guru berhadapan dengan masalah dalam melaksanakan PBS mencapai tahap yang tinggi (Min = 4.47, SP = 1.36). Cara guru menyelesaikan masalah dalam melaksanakan PBS adalah dengan merancang tugas lebih awal (91.5%). Kebanyakan guru-guru bijak dalam menyelesaikan masalah namun sebilangan guru iaitu sebanyak 11.9 peratus tidak meminta bantuan profesional daripada rakan sejawat. Semasa melaksanakan PBS pula, sikap guru-guru mencapai tahap yang sederhana (Min = 3.08, SP = 1.98). Guru-guru yakin dalam membuat pentaksiran (72.9%) tetapi mereka tidak seronok melakukan pentaksiran (49.8%). Guru-guru yang ditemu bual menyatakan bahawa mereka tidak menghadapi masalah dalam mentaksir pelajar berbanding membina instrumen sendiri dan menanda eviden yang menjadi bebanan mereka.



Pernyataan guru di atas menunjukkan mereka sudah mula yakin dalam membuat pentaksiran, namun pelaksanaan pentaksiran itu lah yang menyukarkan disebabkan terdapatnya banyak kekangan. Sementara itu, sikap guru-guru sepanjang melaksanakan PBS mencapai tahap yang tinggi (Min = 4.24, SP = 1.4). Sikap guru-guru terhadap pelaksanaan PBS majoriti akan memastikan murid telah mencapai skor tertinggi mengikut kemampuan mereka (89.3%) . Manakala hanya 19.5 peratus sahaja guru yang tidak akan sentiasa bersedia dengan tugas yang diberi. Sikap negatif segelintir guru tidak menunjukkan sikap guru yang sebenar. Ini adalah kerana secara keseluruhannya, sikap guru terhadap pelaksanaan PBS mencapai tahap yang tinggi (Min = 3.92, SP = 1.26). Dapatan ini dapat di kuatkan lagi dengan pernyataan-pernyataan guru-guru yang ditemui. Pernyataan semua gurusemasa ditemui bual jelas menggambarkan sikap mereka yang positif terhadap PBS. Mereka akan sedaya upaya memastikan pelajar mereka menguasai objektif pengajaran sebelum beralih ke objektif yang baru. Mereka akan pastikan juga pelajar mereka mencapai band yang tertinggi.

c. Status Komitmen Guru Terhadap Pelaksanaan PBS

Rumusan bagi Komitmen Guru Terhadap Pelaksanaan PBS berdasarkan skor min dan skor rubrik seperti ditunjukkan di Jadual 4.2



Jadual 4.24

Skor Min dan Skor Rubrik bagi Komitmen Guru Terhadap Pelaksanaan PBS

No.Item	Item	Skor Min/ Tahap	Skor Rubrik
E31	Kepentingan pelaksanaan PBS	(Min = 3.10, SP = 1.01) Sederhana	0 : Tiada 1: Sebahagian 2:Sepenuhnya 0 pengajaran yang lebih teratur dan sistematik (13.6%) 2 membuatkan pengajaran saya lebih berkesan (69.8%)
E32	Keupayaan PBS	(Min = 3.03, SP = 1.16) Sederhana	0 : Tiada 1: Sebahagian 2:Sepenuhnya 0 mengurangkan tekanan murid terhadap peperiksaan awam (17.5%) 2 menggambarkan apa yang murid tahu, faham dan boleh buat (25.3%)
E33	Kebolehlaksanaan PBS	(Min = 4.15, SP = 1.16) Tinggi	0 : Tidak Setuju 1 :Setuju 2: Sangat setuju 0 dikurangkan isi kandungan sukatan mata pelajaran (13.7%) 2 Beban tugas guru dikurangkan (71.2%)
Komitmen Guru Terhadap Pelaksanaan PBS		(Min = 3.42, SP = 0.86)	Sederhana

Jadual 4.24 menunjukkan analisis deskriptif bagi komitmen guru terhadap pelaksanaan PBS. Komitmen guru memperkasakan diri dalam melaksanakan PBS



mencapai tahap yang sederhana (Min = 3.10, SP = 1.01). Guru-guru sepenuhnya dapat merasakan bahawa pelaksanaan PBS telah membuatkan pengajaran mereka lebih berkesan (69.8%). Namun, 13.6 peratus guru merasakan pelaksanaan PBS tidak mampu membuatkan pengajaran mereka lebih teratur dan sistematik.

Guru-guru juga mengakui keupayaan PBS hanya mencapai tahap yang sederhana (Min = 3.03, SP = 1.16). PBS mampu sepenuhnya menggambarkan apa yang murid tahu, faham dan boleh buat (25.3%) tetapi 17.5 peratus guru menyatakan bahawa PBS tidak berupaya untuk mengurangkan tekanan murid terhadap peperiksaan awam.

Keboleh laksanaan PBS mencapai tahap yang tinggi (Min = 4.15, SP = 1.16).



Guru-guru bersependapat bahawa pelaksanaan PBS boleh diteruskan jika bebanan guru dikurangkan (71.2%). Hanya 13.7 peratus guru meminta isi kandungan dikurangkan jika PBS mahu dilaksanakan. Secara keseluruhannya, komitmen guru terhadap pelaksanaan PBS mencapai tahap yang sederhana (Min = 3.42, SP = 0.86). Analisis dari temu bual berkaitan komitmen guru dalam melaksanakan PBS dapat membuktikan bahawa guru boleh memberi komitmen dalam pelaksanaan PBS sepenuhnya jika dikaji semula beberapa aspek seperti bebanan guru, kesesuaian kepada murid dan sebagainya.

4.5.6 Status Keseluruhan Konstruk

Rumusan bagi keseluruhan konstruk yang terdiri daripada konteks, input, proses dan produk seperti ditunjukkan dalam Jadual 4.25



Jadual 4.25

Skor Min bagi Keseluruhan

Konstruk	Subskonstruk	Skor Min	Tahap
Konteks	Penataran dan Penguasaan Maklumat	Min = 3.11 SP = 0.65	Sederhana
	Input	Min = 3.61 SP = 0.91	Sederhana
Proses	Perancangan	Min = 4.00 SP = 0.89	Tinggi
	Pelaksanaan	Min = 3.41 SP = 0.81	Sederhana
Keseluruhan		Min = 3.61 SP = 0.66	Sederhana
Produk	Penerimaan Guru Dalam melaksanakan PBS	Min = 3.61 SP = 0.76	Sederhana

Jadual 4.25 menunjukkan skor min bagi keseluruhan konstruk Pelaksanaan PBS dalam kalangan guru. Penataran dan Penguasaan Maklumat guru tentang PBS mencapai tahap yang sederhana (Min = 3.11, SP = 0.65). Manakala bagi konstruk Input iaitu Kesediaan Guru juga mencapai tahap yang sederhana (Min = 3.61, SP = 0.91). Bagi konstruk Proses pula, juga mencapai tahap sederhana (Min = 3.61, SP = 0.66). Namun begitu Proses Perancangan, satu-satunya sub konstruk yang mencapai tahap tinggi (Min = 4.00, SP = 0.89). Berbanding Proses Pelaksanaan yang hanya mencapai tahap sederhana (Min = 3.41, SP = 0.41). Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini mendapati tahap



Penerimaan Guru dalam Melaksanakan PBS (Produk) mencapai tahap yang sederhana (Min = 3.61, SP = 0.76).

Dapatan ini menunjukkan matlamat kajian ini untuk melihat sejauh mana penerimaan guru dalam melaksanakan PBS adalah sederhana sahaja. Ini menggambarkan guru-guru masih belum menerima pelaksanaan PBS secara menyeluruh walaupun hampir lima tahun PBS telah dilaksanakan. Manakala skor min tertinggi adalah sub konstruk perancangan. Ini juga menunjukkan guru-guru, panitia mahu pun pihak sekolah telah merancang sehabis baik. Namun pelaksanaannya hanya di tahap sederhana. Keadaan ini berlaku disebabkan terdapat gangguan dari pelbagai sudut seperti sumber yang kurang, kurangnya pelaksanaan Penjaminan Kualiti dan kekangan yang menghalang guru melaksanakan PBS sebaik perancangan yang dilakukan. Maka pihak KPM perlu mengisi dan memperbaiki segala kekurangan supaya pelaksanaan PBS boleh dilaksanakan oleh guru-guru dengan penuh komitmen.

4.5.7 Status Kekangan Guru dalam Melaksanakan PBS

Rumusan bagi Kekangan Guru dalam Melaksanakan PBS berdasarkan skor min dan skor rubrik seperti ditunjukkan di Jadual 4.26



Jadual 4.26

Skor Min dan Skor Rubrik bagi Kekangan Guru dalam Melaksanakan PBS

No.Item	Item	Skor Min/ Tahap	Skor Rubrik
E31	Masalah guru dalam melaksanakan PBS	(Min = 3.47, SP = 1.23) Sederhana	0 : Tiada 1: Sebahagian 2: Ya 0 Menyukarkan pengajaran saya (15.3%) 2 Membebankan tugas sedia ada (49%)
E32	Jenis masalah yang dihadapi	(Min = 3.61, SP = 1.19) Sederhana	0 : Tiada 1: Sebahagian 2: Ya 1 Penyediaan instrumen (49.3%) 2 Sistem fail pentaksiran (49.2%)
E33	Masalah guru semasa melaksanakan PBS	(Min = 3.41, SP = 1.18) Sederhana	0 : Tidak 1 :Kadang-kadang 2: Ya 1 Tidak mampu memberi skor seperti yang diselaraskan (60.2%) 2 Tidak mampu menguruskan semua jenis fail pelajar (42.9%)
E34	Jenis bebanan yang dihadapi oleh guru	(Min = 3.79, SP = 1.12) Tinggi	0 : Tidak 1 :Kadang-kadang 2: Ya 1 Menyediakan instrumen (49.3%) 2 Menyemak eviden (52.2%)
Kekangan Guru dalam Melaksanakan PBS		(Min = 3.57, SP = 0.99)	Sederhana

Jadual 4.27 menunjukkan analisis deskriptif bagi kekangan guru dalam melaksanakan PBS. Masalah guru dalam melaksanakan PBS mencapai tahap yang sederhana (Min = 3.47, SP = 1.23). Masalah utama yang ditanggung oleh guru-guru dalam



melaksanakan PBS adalah membebaskan tugas sedia ada guru (49%). Namun masih ada guru (15.3%) yang menyatakan masalah mereka semasa melaksanakan PBS adalah ia tidak menyukarkan pengajaran guru. Pernyataan guru yang ditemu bual jelas menunjukkan begitu terbebannya guru dengan penambahan tugas sedia ada disebabkan pelaksanaan PBS. Kekangan masa menghalang guru dari melaksanakan PBS dengan baik. Masalah yang dihadapi oleh guru dari dulu masih belum di atasi oleh mana-mana pihak.

Namun, jenis masalah yang dihadapi oleh guru-guru juga mencapai tahap yang sederhana (Min = 3.61, SP = 1.19). Penyediaan instrumen merupakan menjadi sebahagian dari masalah guru-guru (49.3%). Manakala sistem fail pentaksiran merupakan masalah utama bagi guru-guru (49.2%). Guru-guru yang ditemu bual turut menyokong dapatan ini. Mereka menyatakan untuk membina instrumen memerlukan masa sedangkan banyak masa diperlukan untuk menyemak eviden dan mengurus pentaksiran pelajar yang kerap ponteng. Tambahan pula guru terpaksa menguruskan fail yang pelbagai jenis.

Pernyataan guru di atas jelas membuktikan kekangan dalam melaksanakan PBS adalah perancangan dalam membina instrumen, menyemak eviden dan kehadiran pelajar yang memaksa guru membuat pentaksiran secara berulang. Sementara itu, permasalahan yang dihadapi oleh guru-guru dalam melaksanakan PBS hanya mencapai tahap yang sederhana (Min = 3.41, SP = 0.18). Kadang-kadang guru-guru terpaksa berdepan dengan masalah tidak dapat memberi skor seperti yang diselaraskan oleh pihak sekolah (60.2%). Namun yang menjadi masalah besar sebahagian guru-guru adalah tidak mampu



menguruskan semua fail pelajar (42.9%) (Rajah 4.7). Pernyataan guru yang di temu bual menjelaskan bahawa sistem fail antara bebanan yang mereka tanggung sepanjang melaksanakan PBS. Walaupun sistem fail ini telah dimansuhkan namun ia memberi kesan kepada guru di awal pelaksanaan PBS iaitu pada empat tahun lepas.



Rajah 4.7 Fail Pentaksiran Murid

Rajah 4.7 menunjukkan fail pentaksiran murid yang terpaksa dikemas kini oleh guru setiap hari selepas pentaksiran dilakukan kepada murid. Namun sistem fail yang menjadi bebanan guru telah dimansuhkan pada tahun 2014. Fail ini perlu diuruskan oleh guru di mana guru perlu menyediakan, menguruskan dan menyimpan fail tersebut di tempat yang selamat.



Rajah 4.8 Contoh Eviden Murid 1



Rajah 4.9 Contoh Eviden Murid 2

Manakala Rajah. 4.8 dan 4.9 merupakan contoh-contoh eviden pelajar dalam bentuk bahan. Eviden ini juga perlu disimpan oleh guru selama 3 bulan sebelum



dipulangkan semula kepada murid (LPM, 2012c). Namun cara ini pun telah dihapuskan di mana guru-guru boleh memulangkan terus eviden kepada pelajar selepas ditaksir. Walaupun begitu penyimpanan eviden yang banyak ini tetap menjadi satu bebanan kepada guru satu ketika dulu.

Guru-guru sememangnya terbeban sepanjang melaksanakan PBS. Ini adalah kerana dapatan kajian mendapati tahap bebanan guru semasa melaksanakan PBS adalah tinggi (Min = 3.79, SP = 1.12). Perkara yang benar-benar memberi bebanan kepada guru adalah menyemak eviden murid (52.2%). Manakala menyediakan instrumen (49.3%) kadangkang telah menjadi salah satu bebanan guru semasa melaksanakan PBS. Secara keseluruhannya, kekangan guru dalam melaksanakan PBS berada di tahap yang sederhana (Min = 3.57, SP = 0.99).

Guru yang di temu bual menyatakan bahawa dilema guru-guru dalam mentaksir pelajar mereka. Penguasaan pembelajaran murid tidak sama maka guru terpaksa bertindak 'sama rata' supaya murid-murid lain supaya tidak ketinggalan. Sementara itu, dari hasil dapatan deskriptif di atas, penyelidik telah usulkan beberapa pertanyaan lain kepada beberapa orang guru. Analisis temu bual turut menyimpulkan adanya bebanan dan kekangan yang ditanggung oleh guru-guru sepanjang melaksanakan PBS. Penyelidik telah kategorikan permasalahan lain berdasarkan tema yang telah terhasil. Berikut adalah pernyataan-pernyataan mereka:





a. Kehadiran pelajar

Beberapa orang guru memberikan pernyataan seperti di bawah;

“..You ada ramai budak..kalau sorang tak datang...jangan kata 10...5 orang pun dah cukup. Kalau lima orang tak datang..you ingat ke siapa dia..you nak ngajar lagi..dia belum buat yang lepas tu..so macam mana? Ya..beban..beban sangat...budak yang selalu ponteng..habis you masuk dalam kes-kes khas. Tu je jalan penyelesaian..kes-kes khas.”

“...kehadiran pelajar. Sangat menjadi masalah. Kalau kelas depan insya-Allah boleh *settle*..kalau kelas hujung. Separuh kelas tak datang. Kena la buat reassessment..tapi saya bagi tempoh kat dia orang tuk siapkan.”



“Budak yang selalu tak datang..macam saya..Geografi satu minggu dua kali je. Budak tak datang..habis tu..I tahan. *Lepas waktu sekolah awak jangan balik ye..duduk dengan cikgu..cikgu ulang...dan buat sekarang...*”

Berdasarkan pernyataan di atas, maka dapat di simpulkan bahawa kehadiran pelajar sedikit sebanyak menjadi kekangan guru dalam melaksanakan PBS. Ini terbukti apabila guru-guru tidak dapat mentaksir pada hari yang dirancang apabila beberapa orang pelajar tidak hadir. Maka guru terpaksa ulang atau bertindak mengajar di luar waktu persekolahan. Perkara ini sudah tentu memberi tekanan dan menjadi bebanan bagi sesetengah guru.

b. Pemahaman ibu bapa dan pelajar

Beberapa orang guru memberikan pernyataan seperti di bawah;





“...yang pertama nak beri kefahaman kepada parents. Sekarang ni saya rasa pelaksanaannya tak susah sangat...tapi nak terangkan pada ibu bapa ni...cikgu-cikgu pun keliru apatah lagi ibu bapa. Cikgu pun ada yang kurang faham..ibu bapa pun keliru. Sepanjang PBS dijalankan ramai ibu bapa tak puas hati. Dengan band tu la..ibu bapa kata PBS tu macam umum sangat...tak nampak...apa band-band tu..kalau periksa ni lebih nampak ..sebab dapat bandingkan markah dengan orang lain...”

“...kadang-kadang warga yang prihatin nak markah anak-anak. Kita pun masih keliru jugak. Sebenarnya ibu bapa pun tak faham. Dia nak markah..kita buat eviden macam ni kan..jadi dia orang memang tak nampak.”

Pandangan dua orang guru di atas menggambarkan situasi ibu bapa yang tidak faham tentang pelaksanaan PBS. Maka guru-guru yang berperanan menerangkan satu persatu tentang PBS yang tiada lagi sistem pemarkahan



c. Kekangan masa

Beberapa orang guru memberikan pernyataan seperti di bawah;

“...Cikgu-cikgu pun sibuk dengan kerja..”

“Sebab masa...*you* nak kejar RPT..*you* nak buat..*you* nak print.. I rasa tu yang itu satu yang amat penting. RPT tak ubah..kita punya sukatan sama. *Then* kita kena buat kerja ni..yang memang mengambil masa walau dah dipermudahkan.”

“...ada 2 cara.kita nak tengok separately.. pertama.kalau cikgu ambil mudah, fotostat bagi budak...*settle*.. tak ada masalah apa...kalau cikgu tu betul-betul buat sendiri...masalahnya kekangan masa.”





“ Tapi sebenarnya nak bina instrumen ni perlu kan masa. Kerja nya lagi. Jadi kekangan masa tu la..bukan cikgu tak tahu buat tapi masa tu la. Sekolah ni kecik..waktu kita banyak. kita kelas banyak. Memang budak sikit. Tapi nak sediakan eviden tu perlukan masa jugak kan.”

Berdasarkan pendapat guru di atas, guru-guru tidak mempunyai masa yang cukup untuk menghabiskan sukatan pelajaran, membuat instrumen dan menyemak eviden. Kekangan masa menjadi penghalang bagi guru-guru melaksanakan PBS sebaik mungkin.

4.6 Pengujian Hipotesis

Bahagian ini melaporkan secara kuantitatif dapatan persoalan kajian ketujuh hingga kesembilan. Bagi persoalan ketujuh analisis MANOVA telah digunakan. MANOVA berfungsi untuk melihat perbezaan skor min yang wujud antara kumpulan pemboleh ubah bebas berdasarkan pemboleh ubah bersandar yang lebih dari pada satu secara serentak. Seterusnya persoalan kelapan dan kesembilan telah dianalisis menggunakan analisis regresi berganda. Regresi berganda digunakan bagi mengetahui sumbangan yang signifikan antara pemboleh ubah yang dikaji.

4.6.1 Perbandingan Proses yang Merangkumi Perancangan Dan Pelaksanaan PBS Berdasarkan Lokasi Dan Jenis Sekolah

Proses merangkumi dua sub konstruk iaitu Perancangan Dan Pelaksanaan. Perancangan yang dikaji merangkumi tiga elemen iaitu Perancangan Guru, Perancangan Panitia Dan





Perancangan Sekolah. Manakala proses Pelaksanaan merangkumi enam elemen iaitu Pelaksanaan Pentaksiran PBS, Pembinaan Instrumen, Pementoran, Penyelarasan, Pemantauan dan Pengesanan. Perbandingan proses Perancangan Dan Pelaksanaan PBS dilihat berdasarkan lokasi sekolah dan jenis sekolah dengan menggunakan ujian MANOVA bagi menguji tiga hipotesis nul iaitu H_{01} , H_{02} dan H_{03} .

H_{01} Tidak terdapat perbezaan skor min Perancangan Guru, Perancangan Panitia, Perancangan Sekolah, Pelaksanaan Pentaksiran PBS, Pembinaan Instrumen, Pementoran, Penyelarasan, Pemantauan dan Pengesanan yang signifikan antara guru sekolah rendah dengan guru sekolah menengah.



H_{02} Tidak terdapat perbezaan skor min Perancangan Guru, Perancangan Panitia, Perancangan Sekolah, Pelaksanaan Pentaksiran PBS, Pembinaan Instrumen, Pementoran, Penyelarasan, Pemantauan dan Pengesanan yang signifikan antara sekolah bandar dan luar bandar.

H_{03} Tidak terdapat kesan interaksi yang signifikan antara jenis sekolah dan lokasi sekolah terhadap Perancangan Guru, Perancangan Panitia, Perancangan Sekolah, Pelaksanaan Pentaksiran PBS, Pembinaan Instrumen, Pementoran, Penyelarasan, Pemantauan dan Pengesanan dalam proses Perancangan Dan Pelaksanaan PBS .

Pengujian ini menggunakan ujian MANOVA. Sebelum analisis MANOVA dijalankan, penyelidik terlebih dulu menjalankan ujian bagi menentukan matrik





kehomogenan varian-kovarian (*homogeneity of the variance-covariance matrices*) menggunakan ujian Box's M (*Box's M test*). Ujian Box's M ini penting bagi menentukan sama ada varia-kovarian di kalangan pemboleh ubah bersandar adalah sama atau sebaliknya merentasi semua pemboleh ubah bebas. Ini merupakan pra syarat penting bagi ujian MANOVA. Ujian MANOVA mengandaikan bahawa varian-kovarian di kalangan pemboleh ubah adalah sama, merentasi kesemua pemboleh ubah bebas (Hair et al., 1995; Green et al., 1997).

Jadual 4.27

Ujian Box's M

Box's M	Nilai F	Darjah Kebebasan 1	Darjah Kebebasan 2
322.47	2.314	135	35742

p<0.05

Berdasarkan Jadual 4.27 didapati terdapat perbezaan varian-kovarian yang signifikan di kalangan pemboleh ubah bersandar untuk semua aras pemboleh ubah bebas ($F=2.314$, $p= .000$) manakala $p< .05$). Ini bermakna varian-kovarian pemboleh ubah bersandar tidak homogeneous merentasi semua pemboleh ubah bebas. Dalam hal ini, Hair et al. (2006), Jamil (2002), Pallant (2001) dan Stevens (1986), menegaskan, walaupun matrik kehomogenan varian-kovarian (Ujian Box's M) adalah signifikan, ia tidak menjadi masalah bagi ujian MANOVA sekiranya saiz sampel adalah besar dan hampir sama (sampel terbesar terbesar/sampel terkecil <1.5) kerana kesan kesilapan jenis I (*type I*



error) adalah sangat kecil. Dalam kajian ini, bilangan sampel adalah besar dan hampir sama (lihat Lampiran G dan Lampiran H). Tambahan pula, hasil daripada *Levene Test* (Jadual 4.28) menunjukkan persamaan varian-kovarian bagi kesemua faktor yang diuji. Dengan itu pengujian hipotesis dengan menggunakan statistik MANOVA boleh dilakukan.

Jadual 4.28

Analisis Varian-kovarian (Levene's Test of Quality of Variance)

Sub Konstruk	F	DF1	DF2	Sig.
Perancangan	1.876	3	586	.132
Pelaksanaan	6.414	3	586	.000

Dalam analisis MANOVA, terdapat beberapa jenis ujian statistik yang boleh digunakan bagi menguji hipotesis seperti *Wilks' Lambda*, *Pillai's Trace*, *Hotelling's Trace*, dan *Roy's Largest Root*. Setiap ujian statistik tersebut menguji hipotesis multivariate di mana min populasi adalah sama. Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan ujian statistik *Wilks' Lambda* ($Wilks' \lambda$) kerana ujian ini banyak digunakan dan dilaporkan dalam kajian-kajian sains sosial (Pallant, 2001; Green, 1997). Hasil analisis MANOVA adalah seperti Jadual 4.29.

Jadual 4.29

Analisis MANOVA Perbezaan Proses Pelaksanaan PBS Berdasarkan Jenis dan Lokasi Sekolah

Kesan	Nilai <i>Wilks' Lambda</i> (λ)	Nilai F	DK antara kumpulan	DK dalam kumpulan	Tahap Sig
Jenis sekolah	0.953	3.197a	9	578	0.001*
Lokasi sekolah	0.969	2.062a	9	578	0.031*
Interaksi jenis sekolah* lokasi sekolah	0.977	1.483	9	578	0.150

Berdasarkan Jadual 4.29 didapati bagi perbandingan skor min proses pelaksanaan PBS berdasarkan jenis sekolah nilai *Wilks' λ* =0.953, $F(9, 578)$ =3.197a dan $p=0.001$. Ini menunjukkan hipotesis nul (H_{01}) ditolak, iaitu terdapat perbezaan yang signifikan dari segi skor min Perancangan Guru, Perancangan Panitia, Perancangan Sekolah, Pelaksanaan Pentaksiran PBS, Pembinaan Instrumen, Pementoran, Penyelarasan, Pemantauan dan Pengesanan dalam proses Perancangan dan Pelaksanaan PBS antara sekolah rendah dan sekolah menengah.

Bagi perbandingan skor min proses Perancangan dan Pelaksanaan PBS berdasarkan lokasi sekolah, nilai *Wilks' λ* =0.969, $F(9, 578) = 2.062a$ dan $p=0.031$. Ini menunjukkan hipotesis nul (H_{02}) juga ditolak, iaitu terdapat perbezaan yang signifikan dari segi skor min Perancangan Guru, Perancangan Panitia, Perancangan Sekolah, Pelaksanaan Pentaksiran



PBS, Pembinaan Instrumen, Pementoran, Penyelarasan, Pemantauan dan Pengesanan dalam proses Perancangan dan Pelaksanaan PBS antara sekolah bandar dan sekolah luar bandar.

Bagi kesan interaksi antara jenis sekolah dan lokasi sekolah terhadap proses pelaksanaan PBS pula, nilai Wilks' $\lambda = .977$, $F(9, 578) = 1.483a$ dan $p = .150$. Ini menunjukkan hipotesis nul (H_{03}) diterima, di mana tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi skor min Perancangan Guru, Perancangan Panitia, Perancangan Sekolah, Pelaksanaan Pentaksiran PBS, Pembinaan Instrumen, Pementoran, Penyelarasan, Pemantauan dan Pengesanan dalam proses Perancangan dan Pelaksanaan PBS.



Seterusnya ujian kesan (*Test Between Subject Effect*) dilakukan bagi melihat perbezaan skor min untuk setiap pemboleh ubah bersandar dalam proses Perancangan dan Pelaksanaan PBS berdasarkan jenis sekolah dan lokasi sekolah sebagai lanjutan daripada analisis MANOVA. Ujian Bonferroni digunakan untuk mengawal kesilapan jenis 1 ujian berganda ini. Dalam ujian ini, 0.05 dibahagi dengan bilangan perbandingan yang ingin dilakukan maka setiap ujian kesan di uji pada tahap signifikan 0.025 (Pallant, 2001). Jadual 4.30 menunjukkan analisis ujian kesan antara Perancangan dan Pelaksanaan PBS berdasarkan jenis sekolah dan lokasi sekolah.



Jadual 4.30

Ujian Kesan Antara Proses Pelaksanaan PBS Berdasarkan Jenis Sekolah dan Lokasi Sekolah

Pemboleh ubah Bersandar	Kesan Utama	JKD	DK	MKD	Nilai F	Sig.	Eta Kuasa Dua
Perancangan Guru	Jenis Sekolah	0.69	1	0.069	0.088	0.767	0.000
	Lokasi Sekolah	1.48	1	1.478	0.002	0.171	0.000
	Interaksi						
	Jenis * Lokasi Sek	0.003	1	0.003	0.004	0.953	0.002
	Ralat	461.290	586	0.787			
Jumlah	12437.333	590					
Perancangan Panitia	Jenis Sekolah	0.003	1	0.003	0.001	0.971	0.000
	Lokasi Sekolah	0.005	1	0.005	0.002	0.960	0.003
	Interaksi						
	Jenis * Lokasi Sek	1.993	1	1.993	1.014	0.314	0.000
	Ralat	1151.429	586	1.965			
Jumlah	8775.000	590					
Perancangan Sekolah	Jenis Sekolah	0.280	1	0.280	0.296	0.587	0.001
	Lokasi Sekolah	0.411	1	0.411	0.433	0.511	0.001
	Interaksi					0.266	
	Jenis * Lokasi Sek	1.177	1	1.177	1.242		0.002
	Ralat	555.612	586	0.948			
Jumlah	9645.500	590					
Pelaksanaan Pentaksiran	Jenis Sekolah	1.642	1	1.642	2.637	0.105	0.004
	Lokasi Sekolah	0.022	1	0.022	0.035	0.583	0.000
	Interaksi						
	Jenis * Lokasi Sek	0.078	1	0.078	0.125	0.724	0.000
	Ralat	364.923	586	0.623			
Jumlah	9390.500	590					
Pembinaan Instrumen	Jenis Sekolah	1.413	1	1.413	1.977	0.160	0.003
	Lokasi Sekolah	1.597	1	1.597	2.234	0.136	0.004
	Interaksi						
	Jenis * Lokasi Sek	0.006	1	0.006	0.009	0.925	0.000
	Ralat	418.911	586	0.715			
Jumlah	11157.111	590					


Pementoran	Jenis Sekolah	0.611	1	0.611	0.529	0.467	0.001
	Lokasi Sekolah	0.728	1	0.728	0.631	0.427	0.001
	Interaksi						
	Jenis * Lokasi Sek	0.301	1	0.301	0.009	0.610	0.000
	Ralat	675.938	586	1.153			
	Jumlah	5633.500	590				
Penyelarasan	Jenis Sekolah	0.187	1	0.187	0.160	0.689	0.000
	Lokasi Sekolah	1.288	1	1.288	1.106	0.293	0.002
	Interaksi						
	Jenis * Lokasi Sek	0.377	1	0.377	0.323	0.570	0.001
	Ralat	682.544	586	1.165			
	Jumlah	6652.500	590				
Pemantauan	Jenis Sekolah	0.649	1	0.649	0.346	0.556	0.001
	Lokasi Sekolah	1.731	1	1.731	0.924	0.337	0.002
	Interaksi						
	Jenis * Lokasi Sek	5.345	1	5.345	2.853	0.570	0.005
	Ralat	1097.879	586	1.874			
	Jumlah	8454.333	590				
Pengesanan	Jenis Sekolah	13.15	1	13.149	10.238	0.001*	0.017
	Lokasi Sekolah	2.247	1	2.247	1.750	0.186	0.003
	Interaksi						
	Jenis * Lokasi Sek	4.513	1	4.513	3.514	0.092	0.006
	Ralat	752.568	586	1.284			
	Jumlah	5959.778	590				

p<0.025

Berdasarkan Jadual 4.30 didapati terdapat perbezaan yang signifikan dari segi Pengesanan dalam Perancangan dan Pelaksanaan PBS ($F(1, 586) = 13.149, p = 0.001$) ($p < 0.025$) dengan kesan saiz (*effect size*) 0.017 menunjukkan kesan yang kecil. Perbandingan skor min proses Perancangan dan Pelaksanaan PBS berdasarkan jenis sekolah (sekolah rendah dan sekolah menengah) menunjukkan aktiviti pengesanan di sekolah menengah (min=3.09) mempunyai skor min yang lebih tinggi berbanding di


sekolah rendah ($\text{min}=2.83$) (lihat Lampiran G dan Lampiran H). Ini bermakna aktiviti Pengesanan iaitu pengesanan penggunaan instrumen yang standard lebih dititik beratkan di sekolah menengah berbanding sekolah rendah. Tidak terdapat kesan interaksi langsung antara proses Perancangan dan Pelaksanaan PBS di kalangan guru sekolah rendah dan sekolah menengah sama ada sekolah di bandar atau sekolah di luar bandar.

Dapatan ini disokong oleh beberapa guru yang ditemu bual. Berdasarkan pandangan guru jelas menggambarkan aktiviti pengesanan di sekolah bergantung pada penekanan pihak pentadbir sama ada pentadbir di sekolah rendah atau sekolah menengah di bandar atau luar bandar.



Rajah 4.10 Graf Kesan Interaksi Antara Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah Bagi Proses dan Perancangan Pelaksanaan PBS dalam Kalangan Guru

Sementara itu, Rajah 4.10 menunjukkan tahap Perancangan hampir sama bagi guru sekolah rendah dan guru sekolah menengah tetapi guru sekolah menengah mempunyai tahap Pelaksanaan yang lebih tinggi berbanding guru sekolah rendah. Rajah 4.11 pula mendapati bahawa guru-guru di sekolah bandar mencapai tahap proses perancangan dan pelaksanaan PBS yang lebih tinggi berbanding guru di sekolah luar bandar. Namun kedua-dua situasi ini tidak menunjukkan sebarang kesan interaksi bagi guru sekolah rendah dan guru sekolah menengah sama ada guru bandar dan guru luar bandar.



Rajah 4.11 Graf Kesan Interaksi Antara Sekolah Bandar dan Sekolah Luar Bandar Bagi Proses dan Perancangan Pelaksanaan PBS dalam Kalangan Guru

Namun begitu, apabila di temu bual dengan guru-guru, mereka ada mengakui dapatan ini dan memberikan beberapa faktor yang menyumbang kepada perbezaan tahap



perancangan dan pelaksanaan sama ada di sekolah rendah dan menengah mahupun di sekolah bandar dan sekolah luar bandar. Antara faktornya adalah, penyediaan sumber di sekolah bandar lebih lengkap dan pelaksanaan penjaminan kualiti di sekolah..

4.6.2 Pemboleh Ubah Yang Menyumbang Kepada Penerimaan Guru dalam Melaksanakan PBS.

Regrasi berganda digunakan bagi menentukan kesignifikan hubungan dan sumbangan varians pemboleh ubah bebas ke atas Penerimaan Guru dalam Melaksanakan PBS.

Analisis regresi berganda ini melibatkan tujuh belas pemboleh ubah bebas yang relevan dengan Penerimaan Guru dalam Melaksanakan PBS seperti yang dinyatakan dalam bentuk

hipotesis nol (H_{04}) seperti di bawah:

H_{04} Semua koefisien regresi bagi pemboleh ubah bebas iaitu Objektif PBS, Matlamat PBS, Konsep PBS, Sumber Manusia, Sumber Bukan Manusia, Pengetahuan dan Kemahiran, Perancangan Guru, Perancangan Panitia, Perancangan Sekolah, Pelaksanaan Pentaksiran PBS, Pembinaan Instrumen, Pementoran, Penyelarasan, Pemantauan dan Pengesanan adalah sifar apabila disandarkan dengan Penerimaan Guru dalam Melaksanakan PBS.

Sebelum analisis berganda dijalankan, penyelidik terlebih dahulu memastikan dan mengesahkan sama ada taburan skor soal selidik normal dan linear atau sebaliknya. Ini





dilakukan dengan cara mendapatkan graf plot taburan reja (*residual scatter plot*) dan plot normal regresi (*regression normal plot*) yang boleh diperoleh daripada sub program Linear Regression: Plots yang terdapat dalam program SPSS. Berdasarkan plot taburan tersebut, didapati taburan skor soal selidik kajian adalah normal dan linear (rujuk Rajah 4.1 dan Rajah 4.2) . Selain itu penyelidik juga terlebih dahulu melihat korelasi antara pemboleh ubah bebas dengan pemboleh ubah bersandar bagi menentukan wujud atau tidak multikolenearan (*multicollenary*). Berdasarkan Lampiran C di dapati pemboleh ubah bebas dalam kajian ini tidak mempunyai korelasi yang tinggi. Tabachnick dan Fidell (2007) dan Pallant (2001) menyatakan analisis regresi boleh dilakukan sekiranya nilai korelasi antara pemboleh ubah yang dikaji mempunyai nilai korelasi <0.7 . Justeru, dapatan daripada *zero-order*, maka menepati syarat yang dikehendaki. Oleh itu, untuk mengatasi masalah multikolenearan dalam analisis berganda, penyelidik menggunakan analisis regresi berganda langkah demi langkah (*stepwise*) seperti yang dicadangkan oleh Hair et al. (2006).

Analisis regresi berganda langkah demi langkah yang melibatkan lima belas pemboleh ubah bebas ke atas pemboleh ubah bersandar iaitu Penerimaan Guru Dalam Melaksanakan PBS. Terdapat lima .daripada pemboleh ubah bebas berkenaan telah menunjukkan korelasi dan sumbangan yang signifikan ($p < 0.05$) terhadap jumlah varians Penerimaan Guru dalam Melaksanakan PBS seperti yang ditunjukkan pada Jadual 4.31



Jadual 4.31

Analisis Regresi Berganda (Stepwise) Bagi Pemboleh ubah Bebas yang Mempengaruhi Penerimaan Guru dalam Melaksanakan PBS

Pemboleh Ubah (X)	B	Beta (B)	Nilai-T	Sig. T	R^2	Sumbangan (%)
Pelaksanaan Pentaksiran	0.281	0.161	3.863	0.000	0.298	29.8
Matlamat PBS	0.417	0.287	8.468	0.000	0.096	9.6
Pengesanan	0.147	0.158	3.923	0.000	0.043	4.3
Pembinaan Instrumen	0.191	0.152	4.134	0.000	0.023	2.3
Sumber Bukan Manusia	0.096	0.112	0.112	0.002	0.010	1.0
Pementoran	0.096	0.096	2.308	0.021	0.006	0.6
Konstan	-0.361	-1.953	0.051	0.051	47.6	

R Berganda 0.690

R^2 0.476

R^2 diubahsuai 0.471

Ralat Piawai 0.776

Jadual 4.32

Analisis Varians

Sumber	JKD	DK	MKD	F	Sig-F
Regrasi	319.246	6	53.208	88.262	0.000
Residual	351.453	583	0.603		
Jumlah	670.699	589			



Analisis regresi berganda (*stepwise*) pada Jadual 4.31 dan 4.32 menunjukkan bahawa pemboleh ubah bebas Pelaksanaan Pentaksiran, Matlamat PBS, Pengesanan, Pembinaan Instrumen, Sumber Bukan Manusia dan Pementoran adalah peramal yang mempunyai korelasi dan sumbangan sebanyak 47.6 peratus yang signifikan ($p < 0.05$) terhadap Penerimaan Guru dalam Melaksanakan PBS.

Keputusan analisis korelasi antara pemboleh ubah bersandar iaitu Penerimaan Guru dalam Melaksanakan PBS dan keseluruhan pemboleh ubah bebas adalah 0.690 (R Berganda). Kadar varians pada pemboleh ubah bersandar yang bersekutu secara signifikan dengan semua pemboleh ubah bebas dapat dijelaskan melalui kuasa yang menerangkan model regresi dengan nilai (R^2) iaitu 47.6 peratus.



Peramal utama dan tertinggi bagi Penerimaan Guru dalam Melaksanakan PBS adalah Pelaksanaan Pentaksiran ($\beta = 0.161$, $t = 3.863$, dan sig. $t = 0.000$) dan sumbangannya sebanyak 29.8 peratus. Keadaan ini menunjukkan apabila skor pelaksanaan pentaksiran ditambah satu unit, tahap pencapaian Penerimaan Guru dalam Melaksanakan PBS meningkat sebanyak 0.161 unit. Ini menunjukkan bahawa pengetahuan guru-guru sebelum mentaksir, semasa mentaksir dan selepas mentaksir akan menyumbang kepada Penerimaan Guru dalam Melaksanakan PBS.

Manakala peramal kedua terpenting yang menyumbang sebanyak 9.6 peratus terhadap Penerimaan Guru dalam Melaksanakan PBS ialah Matlamat PBS ($\beta = 0.287$, $t = 8.468$ dan sig. $t = 0.000$). Keadaan ini menunjukkan apabila skor matlamat PBS bertambah





satu unit, ia melibatkan peningkatan tahap Penerimaan Guru dalam Melaksanakan PBS sebanyak 0.287. Ini menunjukkan penguasaan guru dalam memahami dan menguasai Matlamat PBS akan menyumbang kepada penerimaan guru melaksanakan PBS.

Peramal ketiga yang memberi kesan dan menyumbang sebanyak 4.3 peratus terhadap Penerimaan Guru dalam Melaksanakan PBS adalah Pengesanan ($\beta = 0.158$, $t = 3.923$ dan sig. $t = 0.000$) di mana apabila skor pengesanan ditambah sebanyak satu unit, ianya menyebabkan penambahan sebanyak 0.158 unit terhadap Penerimaan Guru dalam Melaksanakan PBS. Ini menunjukkan bahawa aspek penjaminan kualiti iaitu aktiviti pengesanan (aktiviti pengesanan penggunaan instrumen) yang dijalankan di sekolah boleh menyumbang kepada penerimaan guru melaksanakan PBS.



Peramal keempat yang memberi kesan kepada Penerimaan Guru dalam Melaksanakan PBS adalah Pembinaan Instrumen ($\beta = 0.152$, $t = 4.134$ dan sig. $t = 0.000$). Dalam keadaan ini, apabila skor pembinaan instrumen bertambah satu unit, maka tahap Penerimaan Guru dalam Melaksanakan PBS meningkat sebanyak 0.152 unit serta menyumbang sebanyak 2.3 peratus. Pengetahuan dan kemahiran guru dalam membina instrumen akan memberi kesan dan sumbangan dalam Penerimaan Guru dalam Melaksanakan PBS.

Peramal kedua terakhir adalah sumber bukan manusia memberi kesan kepada Penerimaan Guru dalam Melaksanakan PBS ($\beta = 0.112$, $t = 3.143$ dan sig. $t = 0.002$). Keadaan ini menerangkan bahawa penambahan satu unit skor sumber bukan manusia akan





mengakibatkan penambahan tahap Penerimaan Guru dalam Melaksanakan PBS sebanyak 0.112 unit serta memberi sumbangan sebanyak 1 peratus. Ini adalah kerana kesediaan kemudahan di sekolah akan mempengaruhi dan memberi sumbangan kepada penerimaan guru melaksanakan PBS.

Peramal yang terakhir adalah salah satu elemen yang terdapat di dalam Penjaminan Kualiti iaitu Pementoran memberi kesan kepada Penerimaan Guru dalam Melaksanakan PBS ($\beta = 0.096$, $t = 2.038$ dan sig. $t = 0.021$). Keadaan ini menerangkan bahawa penambahan satu unit skor Pementoran akan mengakibatkan penambahan tahap Penerimaan Guru dalam Melaksanakan PBS sebanyak 0.096 unit serta memberi sumbangan sebanyak 0.5 peratus. Ini adalah kerana tunjuk ajar dan ilmu dari mentor dan sistem Pementoran di sekolah yang teratur sedikit sebanyak boleh memberi sumbangan kepada Penerimaan Guru dalam Melaksanakan PBS.

Nilai R Kuasa Dua ($R^2 = 0.476$) menunjukkan tahap kedudukan korelasi dan sumbangan antara pemboleh ubah-pemboleh ubah bebas pelaksanaan PBS dan signifikan terhadap Penerimaan Guru dalam Melaksanakan PBS. Analisis varians mendapati nilai $F = 88.262$ (DK 6, 583) dan aras signifikan P (Sig. $P = 0.000$) < 0.005 . Nilai R Kuasa Dua ($R^2 = 0.476$) menunjukkan sumbangan keseluruhan enam pemboleh ubah bebas yang di amati sebanyak 47.6 peratus terhadap Penerimaan Guru dalam Melaksanakan PBS dalam kalangan guru iaitu Pelaksanaan Pentaksiran sebanyak 29.8 peratus, Matlamat PBS sebanyak 9.6 peratus, Pengesanan sebanyak 4.3 peratus, Pembinaan Instrumen sebanyak 2.3 peratus, Sumber Bukan Manusia sebanyak 1 peratus dan Pementoran sebanyak 0.5





peratus. Secara amnya, sumbangan keseluruhan enam pemboleh ubah bebas yang signifikan terhadap tahap Penerimaan Guru dalam Melaksanakan PBS dapat dibentuk melalui persamaan regresi seperti berikut.

$$Y = -0.391 + 0.281 X_1 + 0.417 X_2 + 0.147 X_3 + 0.191 X_4 + 0.096 X_5 + 0.096 X_6 + 0.776$$

Di mana.

Y = Tahap penerimaan guru dalam melaksanakan PBS

X_1 = Pelaksanaan Pentaksiran



X_2 = Matlamat PBS

X_3 = Pengesanan

X_4 = Pembinaan Instrumen

X_5 = Sumber Bukan Manusia

X_6 = Pementoran

Konstant = -0.391

Ralat = 0.776

Merujuk kepada persamaan regresi di atas bermakna hipotesis nul keempat (H_{04}) ditolak. Analisis regresi menggunakan kaedah 'stepwise' mendapati enam pemboleh ubah





bebas mempunyai korelasi dan memberi kesan serta menyumbang kepada Penerimaan Guru dalam Melaksanakan PBS iaitu Pelaksanaan Pentaksiran, Matlamat PBS, Pengesanan, Pembinaan Instrumen, Sumber Bukan Manusia dan Pementoran.

Dari analisis temu bual, guru-guru ada memberikan beberapa faktor penerimaan mereka dalam melaksanakan PBS. Berdasarkan pernyataan guru-guru, dapat disimpulkan bahawa penerimaan guru dalam melaksanakan PBS adalah disebabkan beberapa perkara seperti pengalaman guru, pengetahuan guru, kekangan masa dan penyediaan sumber di sekolah. Yang menjai perkara utama penerimaan mereka dalam melaksanakan PBS adalah kekangan dan bebanan tugas. Mereka menyatakan bahawa mereka mahu dan boleh mula menerima PBS ini adai ada penambah baikan dan pihak atasan mengkaji semula bebanan tugas mereka.



4.6.3 Pemboleh ubah Yang Menyumbang Kepada Proses Pelaksanaan PBS dalam Kalangan Guru

Regrasi berganda digunakan bagi menentukan kesignifikan hubungan dan sumbangan varians pemboleh ubah bebas ke atas Pelaksanaan PBS dalam kalangan guru. Analisis regresi berganda ini melibatkan dua belas pemboleh ubah bebas yang relevan dengan proses Pelaksanaan PBS seperti yang dinyatakan dalam bentuk hipotesis nol (H_{05}) seperti di bawah:





Ho₅ Semua koefisien regresi bagi pemboleh ubah bebas iaitu Objektif PBS, Matlamat PBS, Konsep PBS, Sumber Manusia, Sumber Bukan Manusia, Pengetahuan dan Kemahiran, Perancangan Guru, Perancangan Panitia, Perancangan Sekolah, Kepercayaan Guru dalam Melaksanakan PBS, Sikap Guru Terhadap Pelaksanaan PBS dan Komitmen Guru Dalam Melaksanakan PBS adalah sifar apabila disandarkan proses Pelaksanaan PBS

Sebelum analisis berganda dijalankan, penyelidik terlebih dahulu memastikan dan mengesahkan sama ada taburan skor soal selidik normal dan linear atau sebaliknya. Ini dilakukan dengan cara mendapatkan graf plot taburan reja (*residual scatter plot*) dan plot normal regresi (*regression normal plot*) yang boleh diperolehi daripada sub program Linear Regression: Plots yang terdapat dalam program SPSS. Berdasarkan plot taburan tersebut, didapati taburan skor soal selidik kajian adalah normal dan linear. Selain itu penyelidik juga terlebih dahulu melihat korelasi antara pemboleh ubah bebas dengan pemboleh ubah bersandar bagi menentukan wujud atau tidak multikolenearan (*multicollenary*). Berdasarkan Lampiran C di dapati pemboleh ubah bebas dalam kajian ini tidak mempunyai korelasi yang terlalu tinggi. Tabachnick dan Fidell (2007) dan Pallant (2011) menyatakan analisis regresi boleh dilakukan sekiranya nilai korelasi antara pemboleh ubah yang dikaji mempunyai nilai korelasi <0.7 . Justeru, dapatan daripada *zero-order*, menepati syarat yang dikehendaki Oleh itu, untuk mengatasi masalah multikolenearan dalam analisis berganda, penyelidik menggunakan analisis regresi berganda langkah demi langkah (*stepwise*) seperti yang dicadangkan oleh Hair et al. (2006).



Jadual 4.33 menunjukkan keputusan analisis regresi berganda langkah demi langkah yang melibatkan dua belas pemboleh ubah bebas ke atas pemboleh ubah bersandar iaitu proses Pelaksanaan PBS. Terdapat sebelas daripada pemboleh ubah bebas berkenaan telah menunjukkan korelasi dan sumbangan yang signifikan ($p < 0.05$) terhadap jumlah varians proses Pelaksanaan PBS.

Jadual 4.35

Analisis Regrasi Berganda (Stepwise) Bagi Pemboleh ubah Bebas yang Mempengaruhi Proses Pelaksanaan PBS

Pemboleh ubah (X)	B	Beta (β)	Nilai-t	Sig. T	R^2	Sumbangan (%)
Perancangan Sekolah	0.118	0.141	3.270	0.000	0.305	30.5
Sikap Guru terhadap Pelaksanaan PBS	0.066	0.102	2.127	0.034	0.123	12.3
Sumber Manusia	0.054	0.075	1.858	0.064	0.038	3.8
Komitmen Guru dalam Melaksanakan PBS	0.130	0.137	3.793	0.000	0.023	2.3
Perancangan Panitia	0.069	0.119	3.008	0.003	0.013	1.3
Konsep PBS	0.123	0.127	2.931	0.004	0.009	0.9
Kepercayaan guru dalam Melaksanakan PBS	0.077	0.148	3.312	0.001	0.007	0.7
Perancangan Guru	0.101	0.110	2.986	0.003	0.007	0.7
Sumber Bukan Manusia	0.064	0.098	2.472	0.014	0.004	0.4
Matlamat PBS	-0.115	-0.104	-2.648	0.008	0.004	0.4
Objektif PBS	0.089	0.080	2.067	0.039	0.003	0.3
Konstan	0.532		3.689	0.000		

R Berganda	0.732
R^2	0.536
R^2 diubahsuai	0.528
Ralat Piawai	0.559

Jadual 4.34

Analisis Varians

Sumber	JKD	DK	MKD	F	Sig-F
Regrasi	208.856	11	18.987	60.782	0.000
Residual	180.553	578	0.312		
Jumlah	389.410	589			

Analisis berganda (*stepwise*) pada Jadual 4.33 dan 4.34 menunjukkan bahawa pemboleh ubah bebas Perancangan Sekolah, Sikap Guru Terhadap Pelaksanaan PBS, Sumber Manusia, Komitmen Guru dalam Melaksanakan PBS, Perancangan Panitia, Konsep PBS, Kepercayaan Guru dalam Melaksanakan PBS, Perancangan Guru, Sumber Bukan Manusia, Matlamat PBS dan Objektif PBS adalah peramal yang mempunyai korelasi dan sumbangan sebanyak 53.6 peratus yang signifikan ($p < 0.05$) terhadap proses Pelaksanaan PBS.

Keputusan kajian menunjukkan korelasi antara pemboleh ubah bersandar iaitu



proses pelaksanaan PBS dan keseluruhan pemboleh ubah bebas adalah 0.732 (R Berganda). Kadar varians pada pemboleh ubah bersandar yang bersekutu secara signifikan dengan semua pemboleh ubah bebas dapat dijelaskan melalui kuasa yang menerangkan model regresi dengan ilai (R^2) iaitu 53.6 peratus.

Peramal utama dan tertinggi bagi proses Pelaksanaan PBS adalah Perancangan Sekolah ($\beta = 0.141$, $t = 3.570$, dan sig. $t = 0.000$) dan sumbangannya sebanyak 30.5 peratus. Keadaan ini menunjukkan apabila skor Perancangan Sekolah ditambah satu unit, tahap pencapaian proses Pelaksanaan PBS meningkat sebanyak 0.141 unit. Ini menunjukkan Perancangan Sekolah yang teratur dan sistematik boleh memberi kesan kepada proses Pelaksanaan PBS.



Manakala peramal kedua terpenting yang menyumbangkan sebanyak 12.3 peratus terhadap proses Pelaksanaan PBS ialah Sikap Guru Terhadap Pelaksanaan PBS ($\beta = 0.066$, $t = 2.127$ dan sig. $t = 0.034$). Keadaan ini menunjukkan apabila skor Sikap Guru Terhadap Pelaksanaan PBS bertambah satu unit, ia melibatkan peningkatan proses Pelaksanaan PBS sebanyak 0.066 unit. dengan kata lain ia menunjukkan bahawa sikap guru sama yang positif terhadap pelaksanaan PBS boleh memberi sumbangan terhadap proses Pelaksanaan PBS.

Peramal ketiga yang memberi kesan dan menyumbang sebanyak 3.8 peratus terhadap proses Pelaksanaan PBS adalah Sumber Manusia ($\beta = 0.054$, $t = 1.858$ dan sig. $t = 0.064$) di mana apabila skor Sumber Manusia ditambah sebanyak satu unit, ianya





menyebabkan penambahan sebanyak 0.054 unit terhadap proses Pelaksanaan PBS. Ia menunjukkan bahawa kemahiran serta pengetahuan guru-guru sebelum, semasa dan selepas melaksanakan pentaksiran telah menyumbang kepada proses Pelaksanaan PBS .

Peramal keempat yang memberi kesan kepada proses Pelaksanaan PBS adalah Komitmen Guru Dalam Melaksanakan PBS ($\beta = 0.137$, $t = 3.793$ dan sig. $t = 0.000$). Dalam keadaan ini, apabila skor Komitmen Guru dalam Melaksanakan PBS bertambah satu unit, maka proses Pelaksanaan PBS meningkat sebanyak 0.137 unit serta menyumbang sebanyak 2.3 peratus. Ini menunjukkan bahawa komitmen guru yang maksimum dalam melaksanakan PBS boleh menyumbang kepada proses Pelaksanaan PBS .



Peramal kelima adalah Perancangan Panitia memberi kesan kepada proses Pelaksanaan PBS ($\beta = 0.119$, $t = 3.008$ dan sig. $t = 0.003$). Keadaan ini menerangkan bahawa penambahan satu unit skor Perancangan Panitia akan mengakibatkan penambahan proses Pelaksanaan PBS sebanyak 0.119 unit serta memberi sumbangan sebanyak 1.3 peratus. Ini adalah kerana perancangan panitia yang teliti dan sistematik akan mempengaruhi guru-guru dan memberi sumbangan kepada proses Pelaksanaan PBS .

Peramal seterusnya iaitu yang ke enam adalah Konsep PBS memberi kesan kepada proses pelaksanaan PBS ($\beta = 0.127$, $t = 2.931$ dan sig. $t = 0.004$). Keadaan ini menerangkan bahawa penambahan satu unit skor Konsep PBS akan mengakibatkan penambahan proses Pelaksanaan PBS sebanyak 0.127 unit serta memberi sumbangan sebanyak 0.9 peratus. Ini adalah kerana penguasaan Konsep PBS dengan baik



mempengaruhi guru-guru dan memberi sumbangan kepada proses Pelaksanaan PBS .

Peramal ketujuh adalah Kepercayaan Guru dalam Melaksanakan PBS memberi kesan kepada proses Pelaksanaan PBS ($\beta = 0.148$, $t = 3.312$ dan sig. $t = 0.001$). Keadaan ini menerangkan bahawa penambahan satu unit skor Kepercayaan Guru dalam Melaksanakan PBS akan mengakibatkan penambahan proses Pelaksanaan PBS sebanyak 0.148 unit serta memberi sumbangan sebanyak 0.7 peratus. Ini adalah kerana kepercayaan guru bahawa pelaksanaan PBS adalah positif boleh memberi sumbangan kepada proses Pelaksanaan PBS .

Peramal kelapan adalah Perancangan Guru memberi kesan kepada proses Pelaksanaan PBS ($\beta = 0.110$, $t = 2.986$ dan sig. $t = 0.003$). Keadaan ini menerangkan bahawa penambahan satu unit skor Perancangan Guru akan mengakibatkan penambahan proses Pelaksanaan PBS sebanyak 0.110 unit serta memberi sumbangan sebanyak 0.7 peratus. Ini adalah kerana perancangan guru yang teratur, teliti dan sistematik akan mempengaruhi guru-guru memberi komitmen yang tinggi serta memberi sumbangan kepada proses Pelaksanaan PBS .

Peramal kesembilan adalah Sumber Bukan Manusia memberi kesan kepada proses Pelaksanaan PBS ($\beta = 0.098$, $t = 2.472$ dan sig. $t = 0.014$). Keadaan ini menerangkan bahawa penambahan satu unit skor Sumber Bukan Manusia akan mengakibatkan penambahan proses Pelaksanaan PBS sebanyak 0.098 unit serta memberi sumbangan sebanyak 0.4 peratus. Ini adalah kerana penyediaan sumber bukan manusia di sekolah



seperti kemudahan internet, ABM, instrumen dan sebagainya mempengaruhi guru-guru melaksanakan PBS dengan baik dan secara tidak langsung ia memberi sumbangan kepada proses Pelaksanaan PBS .

Peramal kesepuluh adalah Matlamat PBS memberi kesan kepada proses Pelaksanaan PBS ($\beta = -0.104$, $t = -2.648$ dan sig. $t = 0.008$). Keadaan ini menerangkan bahawa penambahan satu unit skor Matlamat PBS akan mengakibatkan penurunan proses Pelaksanaan PBS sebanyak 0.104 unit serta memberi sumbangan sebanyak 0.4 peratus. Ini adalah kerana penguasaan Matlamat PBS oleh guru-guru boleh memberi sumbangan kepada proses Pelaksanaan PBS .



Peramal terakhir adalah Objektif PBS memberi kesan kepada proses Pelaksanaan PBS ($\beta = 0.080$, $t = 2.067$ dan sig. $t = 0.039$). Keadaan ini menerangkan bahawa penambahan satu unit skor Objektif PBS akan mengakibatkan penambahan proses Pelaksanaan PBS sebanyak 0.080 unit serta memberi sumbangan sebanyak 0.3 peratus. Ini adalah kerana penguasaan Objektif PBS boleh mempengaruhi guru-guru dan memberi sumbangan kepada proses Pelaksanaan PBS .

Nilai R Kuasa Dua ($R^2 = 0.536$) menunjukkan tahap kedudukan korelasi dan sumbangan antara pemboleh ubah-pemboleh ubah bebas Pelaksanaan PBS dan signifikan terhadap proses pelaksanaan. Analisis varians mendapati nilai $F = 60.782$ (DK 11, 578) dan aras signifikan P (Sig. $P = 0.000$) < 0.005 . Nilai R Kuasa Dua ($R^2 = 0.536$) menunjukkan sumbangan keseluruhan sebelas pemboleh ubah bebas yang di amati sebanyak 53.6 peratus



terhadap proses Pelaksanaan PBS iaitu Perancangan Sekolah sebanyak 30.5 peratus, Sikap Guru Terhadap Pelaksanaan PBS sebanyak 12.3 peratus, Sumber Manusia sebanyak 3.8 peratus, Komitmen Guru dalam Melaksanakan PBS sebanyak 2.3 peratus, Perancangan Panitia sebanyak 1.3 peratus, Konsep PBS sebanyak 0.9 peratus, Kepercayaan Guru dalam Melaksanakan PBS sebanyak 0.7 peratus, Perancangan Guru sebanyak 0.7 peratus, Sumber Bukan Manusia sebanyak 0.4 peratus, Matlamat PBS sebanyak -0.4 peratus dan Objektif PBS sebanyak 0.3 peratus. Secara amnya, sumbangan keseluruhan sebelas pemboleh ubah bebas yang signifikan terhadap kelancaran proses Pelaksanaan PBS dapat dibentuk melalui persamaan regresi seperti berikut.

$$Y = 0.532 + 0.118 X_1 + 0.066 X_2 + 0.054 X_3 + 0.130 X_4 + 0.069 X_5 + 0.123 X_6 + 0.077 X_7 + 0.101 X_8 + 0.064 X_9 - 0.115 X_{10} + 0.089 X_{11} + 0.559$$

Di mana.

Y = Proses Pelaksanaan PBS

X_1 = Perancangan sekolah

X_2 = Sikap guru terhadap pelaksanaan PBS

X_3 = Sumber manusia



X_4 = Komitmen guru dalam melaksanakan PBS

X_5 = Perancangan Panitia

X_6 = Konsep PBS

X_7 = Kepercayaan guru dalam melaksanakan PBS

X_8 = Perancangan guru

X_9 = Sumber Bukan Manusia



X_{10} = Matlamat PBS

X_{11} = Objektif PBS

Konstant = 0.536

Ralat = 0.559

Merujuk kepada persamaan regresi di atas bermakna hipotesis nul kelima (H_{05}) ditolak. Analisis regresi menggunakan kaedah '*stepwise*' mendapati sebelas pemboleh ubah





bebas mempunyai korelasi dan memberi kesan serta menyumbang kepada kelancaran proses Pelaksanaan PBS dalam kalangan guru iaitu Perancangan Sekolah, Sikap Guru Terhadap Pelaksanaan PBS, Sumber Manusia, Komitmen Guru dalam Melaksanakan PBS, Perancangan Panitia, Konsep PBS, Kepercayaan Guru Dalam Melaksanakan PBS, Perancangan Guru, Sumber Bukan Manusia, Matlamat PBS dan Objektif PBS.

Guru-guru yang di temu bual turut memberi pernyataan tentang dapatan di atas. Pernyataan mereka jelas menunjukkan bahawa guru-guru ini mengakui bahawa perancangan sekolah, perancangan panitia, sumber bukan manusia, komitmen guru dan kepercayaan guru dalam melaksanakan PBS menyumbang kepada kelancaran dalam proses pelaksanaan PBS.



4.7 Kesimpulan

Kajian ini mendapati penguasaan guru tentang maklumat PBS iaitu Objektif PBS, Matlamat PBS dan Konsep PBS pada tahap yang sederhana. Kursus-kursus dalaman menjadi tempat dalam berlakunya kecairan maklumat-maklumat ini. Namun begitu, penguasaan yang tidak dititik beratkan telah menghalang guru-guru dari memahami dan menguasai kesemua maklumat ini. Sumber-sumber seperti komputer, bahan pengajaran pengetahuan dan kemahiran guru juga didapati masih kurang dan perlu di baiki serta ditambah dari masa ke semasa.





Perancangan yang efektif dari pihak guru, panitia dan sekolah mampu melicinkan pelaksanaan PBS. Namun pelaksanaannya dari segi pentaksiran, pembinaan instrumen serta penjaminan kualiti didapati masih perlu di tambah baik. Terdapat kekangan-kekangan yang menghalang pelaksanaan PBS seperti bebanan tugas guru, pelaksanaan Penjaminan kualiti yang tidak mantap dan penyediaan sumber yang kurang di sekolah.

Secara keseluruhannya penerimaan guru dalam melaksanakan PBS adalah sederhana. Terdapat satu faktor utama yang menyumbang kepada penerimaan guru dalam melaksanakan PBS adalah pentaksiran sekolah. Ini menggambarkan guru-guru boleh mentaksir dengan baik namun masih belum menerima sepenuhnya pelaksanaan PBS. Manakala faktor utama yang menyumbang kepada Pelaksanaan PBS adalah perancangan sekolah. Faktor ini jelas menunjukkan bahawa perancangan sekolah yang rapi dan teratur akan mempengaruhi pelaksanaan PBS oleh guru-guru di sekolah.





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 5

PERBINCANGAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

5.1 Pengenalan

Bab ini mengandungi tiga bahagian iaitu rumusan kajian perbincangan dan penanda aras pelaksanaan PBS. Bahagian rumusan kajian mengandungi ringkasan daripada pernyataan masalah, tujuan kajian, soalan kajian, kerangka konsep kajian, kaedah kajian, sampel kajian, soal selidik, kaedah pengumpulan data dan kaedah analisis data. Bahagian



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



perbincangan mengandungi ringkasan dapatan kajian dan perbincangan dapatan kajian berasaskan teori-teori serta kaitannya dengan kajian-kajian lepas.

5.2 Rumusan Kajian

Secara umumnya, dapat kita diperhatikan bahawa sistem pendidikan di Malaysia selama ini adalah berteraskan peperiksaan semata-mata yang mendorong murid-murid belajar dan menghafal untuk lulus peperiksaan. Pengetahuan yang diterima dengan cara ini tidak akan kekal dan mereka boleh lupa apa yang dipelajari selepas peperiksaan. Ini bermakna kejayaan dalam peperiksaan tidak memberi gambaran sebenar tentang kejayaan penguasaan sesuatu kurikulum (Ruslina Omar, 2002; Azman, 1987).

Menyedari hakikat ini, KPM telah mewujudkan satu program yang baru dalam sistem pendidikan negara iaitu PBS. Program PBS merupakan satu transformasi dalam sistem penilaian pendidikan di Malaysia. Ia merupakan suatu sistem pentaksiran alternatif kerajaan dengan mengkaji semula sistem pentaksiran dan penilaian sedia ada dalam usaha menjadikan persekolahan tidak terlalu berorientasikan peperiksaan. Ini dilaksanakan dalam semua mata pelajaran sekolah rendah dan menengah rendah bertujuan memantapkan kualiti sistem pentaksiran dan penilaian pendidikan sedia ada. Sistem penilaian tradisional yang diguna pakai pada masa kini adalah berasaskan penilaian sumatif di mana murid dinilai di akhir pembelajaran untuk menentukan gred pencapaian mereka seperti dalam UPSR dan PMR. Oleh sebab program PBS ini telah dilaksanakan hampir lima tahun, maka





satu penilaian yang menyeluruh perlu dilaksanakan terutamanya dari aspek proses pelaksanaannya dan tahap pencapaian matlamatnya. Maklumat ini adalah penting sebagai maklum balas kepada pihak pembuat dasar dalam merancang dan melaksanakan tindakan penambahbaikan bagi meningkatkan keberkesanan pelaksanaan PBS dalam kalangan guru.

Justeru, tujuan utama kajian ini adalah untuk menilai pelaksanaan PBS yang dijalankan di sekolah-sekolah di seluruh Malaysia dari aspek konteks, input, proses serta pencapaian matlamatnya (produk) iaitu penerimaan guru dalam melaksanakan PBS. Tujuan kedua adalah untuk mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan dari segi proses yang merangkumi perancangan dan pelaksanaan PBS berdasarkan lokasi sekolah dan jenis sekolah. Manakala tujuan yang ke tiga adalah mengenal pasti kekangan-kekangan yang dihadapi oleh guru dalam melaksanakan PBS. Tujuan ke empat adalah untuk mengenal pasti pemboleh ubah-pemboleh ubah yang menyumbang kepada tahap penerimaan guru dalam melaksanakan PBS dan tujuan terakhir adalah untuk mengenal pasti pemboleh ubah-pemboleh ubah yang menyumbang kepada kelancaran pelaksanaan PBS. Maklumat ini penting sebagai maklum balas kepada pihak sekolah, PPD, JPN dan juga pihak penggubal dasar di KPM bagi merancang strategi dan melaksanakan tindakan dan langkah-langkah penambahbaikan program agar mencapai matlamat seperti yang diharapkan.

Kajian ini menggunakan model CIPP yang dikemukakan oleh Stufflebeam et al. (1971). Model penilaian CIPP adalah paling sesuai kerana ia dapat menghurai dan menjelaskan bagaimana penilaian boleh memberi sumbangan kepada proses pembuat keputusan. Penggunaan model ini dalam penilaian program dapat memberikan satu usaha





yang komprehensif dan sistematik dalam mengumpul maklumat untuk tujuan menilai pelaksanaan PBS dalam kalangan guru secara menyeluruh bagi tujuan penambahbaikan.

Penyelidikan ini memberikan tumpuan kepada semua komponen dalam Model Penilaian CIPP iaitu penilaian konteks, penilaian input, penilaian proses dan penilaian produk. Penilaian konteks, input, proses dan produk dapat memberikan maklumat yang penting dan berguna dalam merancang strategi pelaksanaan atau plan tindakan dalam menstrukturkan semula pelaksanaan PBS supaya lebih mantap dalam mencapai matlamatnya. Penilaian konteks menilai sejauh mana penguasaan guru tentang maklumat PBS. Penilaian input pula menilai sejauh mana penyediaan sumber yang ada digunakan untuk mencapai objektif sesuatu program. Penilaian proses pula memberi penekanan dari segi kekuatan dan kelemahan perancangan serta pelaksanaan proses atau aktiviti yang dijalankan bagi mencapai matlamat program (Stufflebeam et al., 2003). Sementara penilaian produk tertumpu kepada sejauh mana hasil program tercapai seperti yang dirancang.

Populasi kajian ini terdiri daripada guru-guru sekolah rendah dan sekolah menengah rendah di seluruh Semenanjung Malaysia sahaja. Pemilihan sampel kajian dibuat secara rawak berstrata dengan mengambil kira dari segi jenis sekolah dan lokasi sekolah. Sebanyak 24 buah sekolah rendah dan 24 sekolah menengah dari empat buah negeri yang dipilih secara rawak iaitu Perak, Selangor, Johor, Terengganu. Sebanyak 12 sekolah rendah bandar dan 12 sekolah rendah luar bandar serta 12 sekolah menengah bandar dan 12 sekolah menengah luar bandar dari setiap negeri sampel dipilih sebagai





sampel kajian. Bilangan sampel kajian bagi guru-guru yang melaksanakan PBS adalah seramai 384 (populasi 212 115). Penentuan sampel ini adalah berdasarkan jadual penentuan saiz sampel oleh Krejcie dan Morgan (1970). Namun sampel keseluruhan kajian ini adalah seramai 589 orang.

Kajian ini merupakan kajian berbentuk Reka bentuk Penjelasan (*Explanatory Design*) berdasarkan saranan Clark dan Creswell (2007), Morgan (1998) dan Morse (2003) di mana dalam kajian ini penyelidik menggunakan pendekatan kuantitatif yang juga menggunakan kaedah temu bual, analisis dokumen dan pemerhatian untuk mengukuhkan dapatan kuantitatif. Bagi kaedah kuantitatif, penyelidik menggunakan soal selidik rubric dua lapis sebagai alat kajian utama untuk mengumpul maklumat tentang pelaksanaan PBS dalam kalangan guru. Soal selidik telah dibina sendiri oleh penyelidik berdasarkan tinjauan literatur. Soal selidik telah ditentukan keesahannya melalui kesahan muka, kesahan kandungan dan kesahan konstruk oleh sepuluh orang pakar dengan menentukan item tersebut sama ada sesuai atau sebaliknya dengan konstruk yang dinilai.

Selain itu maklum balas dan komen-komen yang diberi oleh beberapa orang guru yang telah menjalani kajian rintis kajian ini, diambil kira untuk penyelidik mengubah suai soal selidik. Ulasan mereka boleh diterima pakai dan dinilai (Muijs, 2011) kerana guru merupakan responden bagi kajian ini. Untuk memastikan item-item utama mewakili isu sebenar (Cohen et al., 2007), penyelidik amat berhati-hati untuk menerima semua alasan kerana pengubahsuaian yang tidak berhati-hati dikhuatiri akan menjadikan soal selidik lari dari fokus yang sebenar.





Pengumpulan data dilakukan dengan menggunakan Pos Laju. Daripada 960 soal selidik yang dihantar ke sekolah-sekolah yang menjadi sampel kajian, sebanyak 734 (76.5%) set soal selidik yang berjaya dikembalikan. Namun begitu, sebanyak 85 set soal selidik yang diketepikan kerana tidak diisi dengan lengkap dan sempurna oleh responden yang mungkin akan menjejaskan dapatan kajian. Dengan itu sebanyak 589 sahaja set soal selidik yang digunakan untuk dianalisis dalam penyelidikan ini.

Data diproses menggunakan SPSS. Dua jenis statistik digunakan iaitu statistik deskriptif dan statistik inferensi. Statistik deskriptif digunakan bagi menghuraikan secara menyeluruh tentang profil responden serta bagi menghuraikan dan menjawab persoalan-persoalan kajian. Statistik yang digunakan adalah frekuensi, peratusan, min dan sisihan piawai. Statistik inferensi digunakan untuk melihat perkaitan yang wujud antara dua jenis pemboleh ubah yang dikaji iaitu pemboleh ubah bebas dan pemboleh ubah bersandar. Pemboleh ubah bebas dalam kajian ini adalah jenis sekolah dan lokasi sekolah. Manakala pemboleh ubah bersandar ialah aspek-aspek yang terdapat dalam komponen konteks, input, proses dan produk. Statistik yang digunakan ialah Analisis Varians Multivariate (MANOVA) dan analisis Regresi Berganda. Statistik MANOVA adalah untuk menguji hipotesis tentang perbezaan skor min bagi pemboleh ubah-pemboleh ubah yang terdapat dalam komponen Perancangan dan Pelaksanaan berdasarkan jenis dan lokasi sekolah. Sementara analisis regresi berganda pula digunakan bagi mengenal pasti pemboleh ubah-pemboleh ubah yang menyumbang kepada Pelaksanaan PBS dan Penerimaan Guru dalam Melaksanakan PBS. Analisis regresi berganda ini menggunakan teknik langkah demi





langkah (stepwise) bagi mendapatkan nilai sumbangan R^2 (peratus) bagi setiap pemboleh ubah peramal.

5.3 Perbincangan

Bagi memudahkan perbincangan tentang penilaian pelaksanaan PBS dalam kalangan guru, penyelidik menghuraikan mengikut urutan beberapa sub topik. Bermula dengan membincangkan dapatan tentang kekerapan pelaksanaan, Penataran dan Penguasaan Guru tentang Maklumat PBS (Konteks), Kesediaan Sumber (input), Perancangan dan Pelaksanaan PBS (Proses) serta Penerimaan Guru dalam Melaksanakan PBS (Produk) serta perbandingan Perancangan dan Pelaksanaan berdasarkan jenis sekolah dan lokasi sekolah. Kemudian perbincangan tentang kekangan-kekangan yang dihadapi oleh guru-guru dalam melaksanakan PBS. Akhir sekali dibincangkan tentang pemboleh ubah-pemboleh ubah yang menyumbang kepada Perancangan dan Pelaksanaan PBS serta pemboleh ubah-pemboleh ubah yang menyumbang kepada Penerimaan Guru dalam Melaksanakan PBS.



5.3.1 Kekerapan Pelaksanaan

Keberkesanan pelaksanaan PBS bergantung pada sejauh mana kekerapan beberapa aspek yang wajib dilaksanakan di sekolah. Aspek-aspek ini akan melancarkan pelaksanaan PBS.





Antara aspek yang wajib dilakukan untuk melancarkan pelaksanaan PBS adalah tempoh masa penyampaian kursus oleh JUS, mesyuarat PBS, pemantauan dan proses kesahan skor. JPN telah memberi kursus kepada guru-guru mengikut subjek mereka. Guru-guru tersebut akan menyampaikan semula semua maklumat yang diperolehi di sekolah sama ada semasa kursus dalaman (in-house training) atau LADAP. Secara tidak langsung guru-guru ini di gelar JUS dan mereka merupakan ahli yang tersenarai di dalam Jawatankuasa PBS di sekolah (LPM, 2012c).

Tempoh masa yang diambil oleh JUS semasa mengikuti kursus di PPD atau JPN adalah selama satu hingga tiga hari. Namun dapatan kajian mendapati tempoh masa yang diambil oleh JUS untuk menyampaikan kursus di sekolah pula adalah selama satu hari iaitu bersamaan 8 jam (9 pagi hingga 5 petang). Ini bermakna ilmu dan maklumat yang diperolehi di PPD atau JPN selama satu hingga tiga hari di sampaikan dengan hanya satu hari sahaja di sebabkan kekangan masa dan tugas. Perkara ini akan menyebabkan ketirisan maklumat di mana mungkin hanya tujuh puluh peratus sahaja maklumat yang berjaya disampaikan. Manakala tiga puluh peratus maklumat lagi akan tertinggal atau terlupa untuk disampaikan. Adalah menjadi satu kerugian apabila tidak semua maklumat dapat disampaikan dengan baik di sekolah. Munson (1992) telah menegaskan supaya satu program latihan akan menjadi lebih efektif jika dilaksanakan oleh kakitangan organisasi itu sendiri. Namun ia perlukan perancangan yang teliti supaya penyampaian maklumat tidak menjadi sia-sia. Justeru, pihak sekolah perlu memastikan JUS yang mengikuti kursus di PPD atau JPN menyampaikan semua maklumat dengan baik.





Dapatan kajian juga mendapati sekolah-sekolah kerap mengadakan mesyuarat PBS iaitu 3 hingga 4 kali setahun. Berdasarkan Buku Panduan Pengurusan (LPM, 2012c), kekerapan mesyuarat PBS yang ditetapkan adalah empat kali setahun. Maka dapatan kajian ini telah menepati apa yang telah ditetapkan oleh KPM. Memandangkan mesyuarat PBS adalah bertujuan untuk menyampaikan segala aspek berkaitan pentaksiran seperti perbincangan jawatankuasa, penjaminan kualiti, pelaksanaan pentaksiran (LPM, 2012c) dan sebagainya, maka ia menjadi satu keperluan bagi sekolah dalam merancang pelaksanaan mesyuarat PBS di dalam agenda sekolah.

Pemantauan yang dilakukan di sekolah-sekolah adalah untuk memastikan pelaksanaan PBS mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh LPM (LPM, 2013). Dapatan kajian menunjukkan kriteria minimum kekerapan pemantauan adalah sebanyak 2 hingga 3 kali setahun. Walaupun KPM tidak menetapkan kekerapan pemantauan yang perlu dilaksanakan di sekolah, namun proses ini sangat ditekankan apabila diwujudkan Jawatankuasa Pemantau Luaran yang terdiri daripada pegawai LPM, PPD, JPN dan KPM. Sekolah juga perlu mewujudkan Jawatankuasa Dalaman yang terdiri dari pentadbir sekolah. Menurut Shamsiah et al. (2010) pemantauan amat perlu dalam memastikan penilaian dibuat dengan baik dan sempurna. Namun kajian Chan et al. (2009) bercanggah dengan dapati ini di mana 25 peratus guru mengatakan tiada pemantauan dari pihak pentadbir di sekolah mereka. Ini akan menjadikan pentaksiran yang dilakukan oleh guru-guru boleh diragui dan dipertikaikan.





Proses kesahan skor merupakan proses untuk memastikan pemeriksaan PBS dilaksanakan dengan cara yang betul dan seragam dari segi kefahaman tentang peraturan, penggunaan, dan pemberian skor (Majlis Peperiksaan Malaysia, 2012). Semakin kerap ia dilakukan semakin sah skor yang diberi. Namun dapatan kajian ini mendapati ia dilakukan sebanyak 2 hingga 3 kali setahun. Manakala pihak LPM (2012c) telah menetapkan proses penyelarasan boleh dilakukan sepanjang tahun mengikut jadual yang ditetapkan oleh sekolah masing-masing. Ini menggambarkan KPM mengambil berat tentang proses penyelarasan supaya skor yang diberi oleh guru-guru selaras dan sah digunakan. Langkah ini diambil bagi mengelakkan pertikaian dari pihak ibu bapa tentang skor yang diberi oleh guru-guru kepada anak-anak mereka.



5.3.2 Penataran dan Penguasaan Maklumat PBS (Konteks)

Penilaian konteks tertumpu pada penataran dan penguasaan guru-guru tentang maklumat asas berkaitan PBS. Penguasaan maklumat tentang pelaksanaan PBS sedikit sebanyak akan menentukan sejauh mana pencapaian pelaksanaan PBS. Aspek yang dikaji adalah ialah penilaian terhadap konteks pelaksanaan PBS dalam kalangan guru yang mencakup Objektif PBS, Matlamat PBS dan Konsep PBS. Bagi membincangkan secara mendalam konteks pelaksanaan PBS ini, penyelidik menghuraikan mengikut subtopik-subtopik berikut:





a. **Objektif PBS**

Dapatan kajian juga menunjukkan penguasaan guru tentang Objektif PBS hanya sederhana sahaja. Analisis deskriptif menunjukkan guru-guru tahu sepenuhnya tentang Objektif PBS. Namun apabila diminta untuk mengenal pasti Objektif PBS, dapatan menunjukkan min yang sangat rendah. Ini menunjukkan guru-guru kurang menguasai Objektif PBS yang ditetapkan oleh LPM. Walau pun terdapat pendedahan maklumat ini semasa kursus dalaman namun perkara ini tidak dititik beratkan oleh pihak pentadbir. Berdasarkan analisis temu bual guru-guru, mereka mengakui bahawa maklumat ada disampaikan melalui kursus, mesyuarat dan di papan kenyataan. Namun maklumat ini tidak diendahkan kerana tiada penekanan dari pihak pentadbir. Dapatan ini bertentangan dengan penyataan Mohd Sahandri Gani (2014) yang menyatakan bahawa setiap rentetan pengenalan sistem yang baru mempunyai objektif, matlamat dan visi tertentu. Menurutnya lagi, ia perlu dititik beratkan kepada semua pelaksana (guru). Maka dengan ini, adalah menjadi satu keperluan kepada guru-guru untuk mengetahui dan menitik beratkan perkara ini.

Menurut Ausubel et al. (1968) dalam Teori Pembelajaran Penerimaan mengatakan bahawa penguasaan maklumat melalui bahasa yang bermakna oleh Advance Organiser (AO) sangat berkesan. AO bermaksud pengurusan atau pendedahan awal. Menurut Ausubel, AO perlu diberikan sebelum sesuatu program sebenar dilaksanakan. Ini bertujuan untuk memastikan pelaksana atau guru mendapat pendedahan awal dan memahami hala tuju sesuatu program itu. Tujuan asal penilaian konteks yang disarankan oleh Stufflebeam dan Shinkfield (2007) juga adalah bertujuan adalah untuk membekalkan maklumat asas





sama ada hendak menyesuaikan semula atau meneruskan program. Oleh kerana guru-guru gagal menguasai Objektif PBS, maka tidak mustahil PBS akan dilaksanakan tanpa arah tuju yang boleh menyebabkan punca kegagalan pelaksanaan PBS. Maka pihak pentadbir sekolah harus sentiasa menwar-warkan perkara ini dan memastikan setiap guru telah menguasai sepenuhnya Objektif PBS.

b. Matlamat PBS

Pelaksanaan PBS bermatlamat untuk memperkembangkan potensi setiap murid ke tahap yang maksimum. Dapatan kajian telah menunjukkan guru-guru boleh mengenal pasti Matlamat PBS dengan baik dan kajian ini juga menunjukkan tahap Matlamat PBS adalah sederhana. Adalah penting guru-guru menguasai Matlamat PBS ini supaya mereka mengetahui hala tuju pelaksanaan PBS dan dapat mengelakkan mereka tersasar dari tujuan sebenar. Apabila seseorang itu tahu sesuatu matlamat yang akan dilakukan maka mereka akan lebih bermotivasi untuk melakukan perkara tersebut dan akan sedaya upaya untuk mencapai matlamat tersebut (Baum et al., 1998). Menurut Baum lagi matlamat yang difahami adalah lebih berkesan jika pekerja dapat merasakan diri mereka sebahagian daripada matlamat yang ingin dicapai oleh organisasi. Berdasarkan pernyataan ini KPM harus menitik beratkan penguasaan matlamat PBS dalam kalangan guru supaya mereka tahu bahawa guru-guru juga salah satu 'agen' yang akan menentukan kejayaan pelaksanaan PBS.





Walaupun dapatan kajian mendapati maklumat tentang matlamat PBS ada disampaikan semasa mengikuti kursus dalaman dan Mesyuarat PBS namun ia tidak mencapai sasaran di mana guru tidak mengambil berat tentang hal ini. Guru-guru yang ditemu bual juga mengakui bahawa semua perkara ini termasuklah matlamat PBS, dasar pelaksanaan PBS dan sebagainya memang ada diberitahu dan dipaparkan di papan pernyataan. Namun tiada penekanan dari pihak pentadbir mahupun pihak KPM. Maka mereka menganggap perkara ini tidak penting untuk di titik beratkan. Kesannya adalah guru-guru hanya mentaksir murid secara kognitif seperti bersoal jawab, dan menggunakan ujian pensel-kertas sedangkan murid boleh ditaksir pelbagai cara seperti membuat persembahan, aktiviti berkumpulan dan sebagainya kerana matlamat PBS itu sendiri adalah untuk memperkembangkan potensi murid ke tahap yang maksimum.



Langkah yang terbaik untuk mengatasi perkara ini adalah penekanan pelbagai pihak dengan mencetak semua perkara penting tentang pelaksanaan PBS di BRM memandangkan guru-guru akan merujuk BRM sepanjang hari. Adalah penting untuk guru-guru melihat maklumat ini sekerap yang mungkin supaya terkesan di hati mereka. Secara tidak langsung pelaksanaan PBS akan mencapai matlamat dan hala tujunya. Namun begitu matlamat utama PBS adalah untuk meninjau potensi setiap aspek JERI murid. Walau bagaimanapun, guru menghadapi kesukaran dalam memantau perkembangan murid disebabkan bilangan murid yang ramai dalam setiap kelas. Maka pihak KPM seharusnya mewujudkan lebih banyak sekolah supaya bilangan murid di dalam sesebuah kelas dapat dikurangkan. Pelaksanaan PBS akan lebih berkesan kerana guru boleh memberi tumpuan yang lebih kepada setiap pelajar.





c. Konsep PBS

Kajian ini menunjukkan tahap Konsep PBS adalah sederhana. Namun begitu dapatan kajian mendapati hampir semua guru boleh mempraktikkan sepenuhnya konsep PBS. Ini terbukti apabila kurang 6 peratus guru-guru yang menjawab salah apabila ditanya tentang konsep PBS. Penguasaan konsep PBS ini ternyata diperoleh semasa mengikuti kursus dalaman. Konsep pelaksanaan PBS yang paling asas perlu ketahui oleh guru-guru adalah seperti pentaksiran dikendalikan oleh guru, pelbagai instrumen dan kaedah boleh digunakan semasa pentaksiran, ditadbir dan di skor di peringkat sekolah (pentaksiran sekolah) dan terdapat peperiksaan awam (pentaksiran pusat). Namun begitu, konsep pelaksanaan PBS di Malaysia tidak jauh beza dengan negara Australia dan Hong Kong di mana PBS merupakan pelengkap kepada peperiksaan awam di mana keupayaan dan kemahiran murid ditaksir secara berterusan mengikut masa yang ditetapkan (Yip & Cheung 2005; Maxwell, 2004). Guru-guru di Hong Kong bertanggungjawab menaksir kemahiran praktikal murid dalam mata pelajaran sains yang berwajaran 15 peratus hingga 20peratus daripada markah keseluruhan peperiksaan mata pelajaran berkenaan.

Penguasaan konsep PBS dalam kalangan guru juga disebabkan pengalaman guru yang telah melaksanakan PBS selama hampir lima tahun. Ini menggambarkan guru-guru sudah mula selesa dengan transformasi sistem pendidikan sedia ada. Namun, pihak KPM perlu sentiasa memantau dan memberi maklumat terkini tentang konsep PBS bagi mengelakkan kesilapan penguasaan konsep oleh guru-guru. Oleh sebab semua konsep yang diamalkan oleh guru diterjemahkan semasa pelaksanaan pentaksiran, maka menjadi





satu kesilapan besar apabila guru-guru menyampaikan dan mengamalkan konsep yang salah. Hasil temu bual dengan guru-guru tentang perkara ini mendapati masih terdapat guru yang tidak tahu langsung tentang semua maklumat PBS kerana ia tidak dititik beratkan di sekolah. Memandangkan semua maklumat ini ada disampaikan sama ada melalui verbal atau visual, namun ia tidak meninggalkan apa-apa kesan kepada guru-guru. Menurut mereka lagi, mereka tidak pernah mementingkan perkara ini kerana bagi mereka yang lebih penting adalah pelaksanaan PBS itu sendiri.

Secara keseluruhannya, tahap Penataran dan Penguasaan Maklumat (Konteks) tentang PBS berada di tahap yang sederhana. Ini adalah disebabkan kurang penekanan dari pihak pentadbir mahupun KPM itu sendiri. Dapatan kajian Yusof dan Mohd Musa (2010) mendapati Guru Besar memahami semua maklumat berkaitan dengan pelaksanaan PBS dan berkeupayaan menjadi peneraju utama membawa misi dan visi serta mampu merealisasikan Dasar Pentaksiran Negara. Mereka menyarankan supaya sokongan padu Guru Besar dalam mengetuai pelaksanaan PBS menjadikan PBS sebagai satu sistem yang amat relevan untuk dilaksanakan dan selaras dengan SPPK. Penguasaan semua maklumat dan dasar adalah penting supaya semua guru mempunyai hala tuju dalam melaksanakan PBS. FPN, FPK dan Falsafah Pendidikan Guru ada tercetak di Buku Rekod Pengajaran guru, maka Objektif, Matlamat serta Konsep PBS boleh di masukkan di dalam buku berkenaan agar dapat menjadi panduan guru-guru.





5.3.3 Kesiediaan Guru dalam Melaksanakan PBS (Input)

Kesiediaan Guru dalam Melaksanakan PBS adalah untuk melihat sejauh mana kesiediaan sama ada pihak sekolah mahu pun guru itu sendiri. Aspek yang dikaji adalah ialah penilaian terhadap input pelaksanaan PBS dalam kalangan guru yang merangkumi iaitu Sumber Manusia, Sumber Bukan Manusia serta Pengetahuan dan Kemahiran guru. Bagi membincangkan secara mendalam konteks pelaksanaan PBS ini, penyelidik menghuraikan mengikut subtopik-subtopik berikut:

a. Sumber Manusia



Dapatan kajian mendapati keyakinan guru-guru dalam membuat pentaksiran semakin bertambah. Ini adalah disebabkan berlaku kecairan maklumat semasa mereka mengikuti kursus dalaman. Tambahan pula kandungan yang disampaikan oleh JUS berkaitan rapat dengan pentaksiran dan membuatkan guru-guru boleh memberi skor dengan penuh keyakinan. Selari dengan pandangan Amin Senin (2008), yang menyatakan bahawa aktiviti profesional seperti kursus dalaman dapat menyediakan peluang pembelajaran bagi keperluan guru. Beliau juga mengakui bahawa sebarang kursus dalaman akan lebih berkesan jika dikendalikan oleh individu yang kepakarannya bersesuaian dengan bidang yang diberi. Oleh sebab itu pihak JPN perlu membuka lebih banyak peluang kepada guru-guru untuk mengikuti kursus supaya keyakinan dalam mentaksir bertambah dari masa ke semasa.





Dapatan kajian juga mendapati bahawa mesyuarat PBS di sekolah kerap membincangkan tentang tempoh pelaksanaan PBS. Namun begitu, melalui mesyuarat tersebut pengetahuan guru-guru tentang cara menguruskan skor dalam PPPM semakin bertambah. Keadaan ini berlaku di sebabkan guru-guru lebih serius untuk mendalami cara menguruskan skor. Apa yang dilakukan oleh guru ini di sokong oleh Muhammad Azhar dan Shahrir (2007) yang menyatakan proses pentaksiran bertujuan untuk memberi gred dan pelaporan (pentaksiran terhadap pembelajaran). Tujuan utama ini selaras dengan teori behaviorisme yang menitik beratkan pentaksiran sebagai tahap pembelajaran murid atau kemunculan perlakuan hasil daripada pengajaran guru. Namun begitu, seandainya tumpuan berlebihan diberikan kepada pemberian gred murid maka tujuan asal proses pentaksiran untuk pembelajaran murid akan terganggu. Sikap guru yang mengutamakan skor murid telah menjadikan tahap Sumber Manusia berada di tahap yang tinggi.

Selain itu, guru-guru yang ditemu bual juga mengakui bahawa kursus dalaman dan Mesyuarat PBS merupakan saluran yang selalu digunakan oleh sekolah dalam menyebarkan maklumat berbanding mesyuarat yang dihadiri di JPN/PPD. Amin Senin (2008) turut mengakui dapatan ini dengan menyatakan apa yang berlaku dalam tahap kesediaan guru bergantung pada apa yang mereka peroleh dalam tahap latihan dalaman. Menurutnya lagi, pada tahap ini, wawasan, matlamat dan amalan-amalan yang dikenal pasti dalam tahap kesediaan dapat diterjemahkan.





b. Sumber Bukan Manusia

Tahap Sumber Bukan Manusia berada pada tahap sederhana. Dapatan kajian mendapati kebanyakan guru mengakui bahawa kemudahan seperti internet dan komputer sangat penting dalam pelaksanaan PBS namun penyediaan di sekolah hampir tiada. Ini adalah kerana hampir semua guru (80.3%) menyatakan ada capaian internet di sekolah dan ia penting untuk guru dalam mencari bahan-bahan berkaitan PBS. Namun, capaiannya tidak memuaskan terutama di sekolah luar bandar. Pihak sekolah juga ada menyediakan set komputer namun tidak mencukupi berbanding dengan jumlah guru yang ramai. Malah lebih 50 peratus guru mengakui bahawa tiada penyediaan komputer di sekolah mereka. Ini menggambarkan guru-guru perlu menyediakan sendiri komputer untuk tujuan PBS.



Penyataan di atas mengesahkan kebenaran perkara tersebut apabila penyelidik menemu bual guru-guru. Mereka mengakui bahawa komputer adalah satu keperluan di sekolah, namun ia masih belum mencukupi kerana bilangan guru yang ramai di sekolah. Bagi guru sekolah luar bandar pula, walaupun bilangan mereka sedikit namun komputer yang sedia ada tidak di selenggara dengan baik dan kerap rosak. Maka jalan mudah bagi guru-guru ini adalah membeli komputer peribadi sendiri untuk segala urusan sekolah. Kekurangan penyediaan komputer di sekolah sedikit sebanyak telah mengganggu perjalanan pelaksanaan PBS. Bagi guru-guru yang tidak mempunyai komputer berlaku penangguhan kerja untuk menunggu giliran menggunakan komputer di sekolah. Ketidakecapan dalam melaksanakan kerja ini akan menyumbang kepada kegagalan pelaksanaan PBS itu sendiri. Dapatan kajian ini selari dengan dapatan kajian Suzana





(2015) yang mendapati penyediaan bahan-bahan seperti buku rujukan, manual PBS dan sebagainya adalah sederhana. Namun bertentangan dengan kajian Zamiyah dan Mohd Anuar (2010) yang mendapati penyediaan kemudahan PBS berada di tahap yang tinggi. Ini adalah kerana adanya sikap keprihatinan pihak pentadbir terhadap pelaksanaan PBS di sekolah mereka.

Menurut Kementerian Kewangan dalam Buku Tahunan Perangkaan Malaysia 2012, perbelanjaan untuk pendidikan dan latihan telah diperuntukkan lebih RM 8 juta. Ini termasuklah bahan-bahan sokongan yang disediakan oleh LPM untuk guru seperti DSP bagi setiap mata pelajaran, Manual Pentaksiran dan contoh-contoh instrumen bagi memudahkan guru-guru memahami konsep pentaksiran PBS yang telah disebar luaskan di laman sesawang LPM. Namun dapatan kajian mendapati bahan utama yang disediakan di sekolah adalah PPPM tetapi Buku Panduan Penjaminan Kualiti tidak dititik beratkan. Sedangkan guru perlu tahu segala garis panduan sepanjang melaksanakan PBS. Pihak sekolah seharusnya menyediakan Buku Panduan Penjaminan Kualiti sekurang-kurangnya di peringkat panitia supaya boleh dikongsi oleh guru-guru. Adalah menjadi satu harapan guru-guru jika pihak KPM dapat menyalurkan semua kemudahan yang lengkap di sekolah bagi membantu guru-guru melaksanakan PBS dengan baik. Dalam perancangan Belanjawan setiap tahun, pihak KPM perlu memperuntukkan sejumlah wang bagi memenuhi keperluan sumber terutama di sekolah luar bandar.





c. Pengetahuan dan Kemahiran

Kepentingan mendapatkan pengetahuan dan kemahiran dapat dibuktikan melalui dapatan kajian ini yang jelas membuktikan bahawa guru-guru mendapat pengetahuan dan kemahiran yang tinggi iaitu melalui kursus-kursus dalaman. Dapatan ini selari dengan kajian Mohd Isha Awang (2011) yang mendapati guru-guru mendapat pengetahuan dan kemahiran setelah mengikuti kursus-kursus dalaman di sekolah yang di adakan dari masa ke semasa. Keadaan ini menggambarkan bahawa pelaksanaan PBS telah mendapat tindak balas yang baik dalam kalangan guru-guru. Mereka mempunyai inisiatif untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka supaya pentaksiran yang dilakukan lebih kualiti dan boleh dipercayai. Pernyataan ini disokong oleh Cheng (2009) yang



menyatakan bahawa;

“...pengetahuan guru adalah hasil daripada pembelajaran guru, dan pembelajaran guru adalah cara untuk memperoleh dan mengembangkan pengetahuan guru. Apa-apa perkembangan dalam pengetahuan akan membantu guru-guru mengenali jurang dalam kecekapan profesional mereka dan memaksa mereka untuk belajar.”

(Cheng, 2009; p.57)

Namun begitu, dapatan kajian ini telah mendapati bahawa tahap pengetahuan dan kemahiran mereka adalah sederhana sahaja. Sedangkan Bennett (2011) menyatakan pengetahuan dan kemahiran tentang ilmu pentaksiran sangat penting bagi guru-guru. Pengetahuan dan kemahiran yang kuasai oleh guru-guru dalam kajian ini adalah tentang aspek-aspek pentaksiran PBS yang membolehkan mereka menghasilkan proses





pentaksiran yang baik serta mampu membuat penilaian yang berkesan. Ini menunjukkan kursus-kursus yang diikuti masih belum menyeluruh dan gagal mencapai tahap yang maksimum. Guru-guru masih perlu menguasai ilmu seperti membina instrumen, cara mempelbagaikan kaedah pengajaran, mempelbagaikan kaedah pentaksiran dan sebagainya.

Selari dengan dapatan Radin (2008) yang juga mendapati tahap pengetahuan dan kemahiran guru di tahap yang sederhana dan guru-guru mengimpikan latihan profesional dalam pentaksiran bagi mendapatkan pengetahuan dan kemahiran pentaksiran agar mereka boleh melaksanakan PBS dengan jayanya. Ini menggambarkan bahawa kursus-kursus yang diikuti selama ini sama ada di sekolah mahupun di PPD/JPN, hanyalah berbentuk teori yang perlu diingat tetapi bukan untuk dipraktikkan. Kerana itulah pengetahuan dan kemahiran guru tentang PBS dalam kajian ini masih di tahap sederhana. Dapatan kajian ini juga selari dengan dapatan Suzana (2015) yang mendapati bahawa tahap pengetahuan guru dalam memahami elemen-elemen pentaksiran, kaedah pentaksiran dan lain-lain berada di tahap yang sederhana. Namun tahap kemahiran guru dalam pentaksiran adalah tinggi.

Namun dapatan kajian ini ternyata berbeza apabila dapatan kajian yang dijalankan oleh Syarifah Alwiah (1986) yang menyatakan bahawa aspek pengetahuan guru dalam melaksanakan pentaksiran adalah tinggi. Dapatan Suzana (2015) juga mendapati bahawa pengetahuan dan kemahiran guru dalam pentaksiran adalah tinggi. Ini disokong pula dengan hasil kajian Rosli (2008) juga yang mengkaji pelaksanaan PBS dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup turut mendapati pengetahuan guru tentang pentaksiran kerja kursus adalah tinggi. Kajian Abdul Zubir (2007) yang mengkaji pelaksanaan PBS dalam





kalangan guru tingkatan tiga juga telah mendapati guru mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang tinggi dalam melaksanakan pentaksiran. Manakala kajian Chan (2009) terhadap pelaksanaan PBS bagi guru Bahasa Inggeris turut mendapati 98 peratus guru mempunyai pengetahuan yang tinggi mengenai PBS.

Namun terdapat sedikit perbezaan dengan dapatan Mohd Azhar dan Shahril (2007), Zamri dan Norazah (2011) serta Suzana dan Jamil (2012). Kajian mereka mendapati aspek pengetahuan dan kemahiran guru dalam pentaksiran adalah rendah. Dapatan kajian yang dijalankan di luar Malaysia seperti Britain dan Amerika Syarikat juga mendapati hasil yang sama. Kajian Black dan William (1998), Black et al. (2004), Hall dan Burke (2003), Brookhart (2007), Fisher dan Frey (2009) serta Phelan et al. (2009) yang juga mendapat pengetahuan dan kemahiran guru dalam pentaksiran berada pada tahap rendah walaupun di negara-negara mereka telah lama melaksanakan pentaksiran. Bagaimana pun kajian-kajian tersebut tidak menyatakan sama ada Jabatan Pendidikan negara masing-masing menjalankan kursus secara aktif dan sistematik untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran guru. Berbeza dengan keadaan di Malaysia, KPM secara aktif dan sistematik menjalankan usaha-usaha untuk membantu guru-guru meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka berkaitan ilmu pentaksiran.

Perbezaan dapatan ini menunjukkan perkaitan dengan program-program pentaksiran PBS yang telah dilaksanakan oleh KPM untuk guru-guru. Pelbagai usaha telah dijalankan bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran guru yang akan menentu sahkan pentaksiran yang bakal dilakukan. Tidak dapat dinafikan bahawa





pengetahuan dan kemahiran amat penting dalam ilmu pentaksiran. Penguasaan ilmu pengetahuan yang baik, akan membuatkan guru dapat melaksanakan sesi pengajaran dan penilaian dengan berkesan (Fishbein & Ajzen, 1975) serta meningkatkan keyakinan diri mereka. Keupayaan guru melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan yang tinggi adalah satu usaha ke arah menangani perubahan dan cabaran dengan cekap dan berkesan.

Secara keseluruhannya tahap kesediaan guru dalam melaksanakan PBS adalah sederhana. Pihak sekolah perlu memainkan peranan dalam menyediakan dan menyiapkan semua kemudahan kepada guru dari segi latihan profesional dan kemudahan fizikal. Guru pula perlu tingkatan ilmu pengetahuan dan kemahiran supaya pelaksanaan PBS menjadi lebih mantap. Saranan ini telah dikemukakan oleh Donovan dan Cross (2002) dalam Harrell et.al (2004) yang menyatakan bahawa peningkatan tahap kesediaan dan profesionalisme guru dalam pengurusan bilik darjah adalah sangat penting kerana ketidakupayaan guru untuk mengurus bilik darjah dengan efektif akan memberi kesan kepada pencapaian rendah murid (Oliver & Reschly, 2007). Maka semua pihak termasuklah KPM perlu turun padang bagi memastikan kemudahan di sekolah mencukupi terutama di sekolah luar bandar. Kursus dalaman perlu dilaksanakan secara praktikal dan bukan secara pendedahan teori semata supaya pengetahuan dan kemahiran guru boleh di praktik pada bila-bila masa.





5.3.4 Proses Perancangan dan Pelaksanaan PBS

Bagi mencapai sesuatu matlamat program, proses transformasi atau aktiviti-aktiviti yang terlibat harus dirancang dan dilaksanakan dengan berkesan. Kepincangan dalam proses perancangan dan pelaksanaan akan menyebabkan matlamat program tidak tercapai seperti yang diharapkan. Bagi membincangkan secara mendalam Proses Perancangan dan Pelaksanaan PBS ini, penyelidik menghuraikan mengikut subtopik-subtopik berikut:

a. Perancangan Guru



Secara keseluruhan dapatan kajian menunjukkan tahap perancangan guru adalah tinggi. Adalah menjadi kejanggalan apabila guru masuk ke bilik darjah tanpa perancangan. Gruskey (2008, 2010) menyatakan bahawa aspek perancangan perlu dilakukan sebaiknya bagi memastikan pelaksanaan pentaksiran menepati standard pembelajaran. Selaras dengan dapatan kajian yang mendapati semua guru melakukan perancangan. Antara perkara yang dirancang adalah guru-guru akan memastikan instrumen yang akan digunakan mencukupi. Ini adalah kerana ia akan mengganggu gugat proses pentaksiran nanti. Perkara ini menepati apa yang dinyatakan oleh Brookhart (2007), Stiggins dan Chappuis (2006) yang menyatakan bahawa perancangan dari segi bahan pengajaran perlu dilakukan setiap hari bagi memastikan pelaksanaannya lancar. Melalui temu bual dan analisis dokumen, penyelidik mendapati guru-guru membuat perancangan berdasarkan PPPM dan DSP.



Perkara ini sangat penting sebagaimana yang dinyatakan oleh Cowie dan Bell (1999), dan Gruskey (2008, 2010) yang berpendapat bahawa aspek perancangan perlu dilakukan sebaiknya bagi memastikan pelaksanaan pentaksiran menepati standard pembelajaran yang ditetapkan.

Dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa guru-guru ada merancang kaedah pengajaran yang akan digunakan untuk mentaksir murid. Ini selari dengan dapatan Asriman (2009) yang menyatakan bahawa kaedah pengajaran harus dipilih berdasarkan pencapaian yang akan diukur. Guru juga akan memastikan instrumen yang digunakan bersesuaian dengan kaedah pengajaran. Dari dokumen yang di analisis iaitu Buku Rekod

Pengajaran guru, memang terdapat perancangan yang rapi termasuk lah kaedah pengajaran dan instrumen yang akan digunakan sebelum pengajaran dilakukan. Perancangan yang rapi ini disokong dengan pernyataan Brown Brown (2011) yang menyatakan bahawa perancangan yang sempurna akan membantu guru lebih fokus terhadap pengajaran dan akan menghasilkan pembelajaran yang bermakna. Maka pihak sekolah harus mengekalkan amalan guru-guru ini yang berjaya membuat perancangan sebelum pengajaran dan disarankan supaya menambah baik setiap perancangan supaya pelaksanaan PBS lebih berjaya.

b. Perancangan Panitia

Pelaksanaan PBS di sekolah bukan sahaja berdasarkan perancangan guru semata, malah panitia juga memainkan peranannya yang tersendiri. Kajian ini menunjukkan tahap



Perancangan Panitia adalah sederhana. Dapatan kajian juga menunjukkan guru-guru bersetuju bahawa panitia mereka ada membuat perancangan untuk mengadakan kursus dalaman. Dapatan ini bertepatan dengan Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 4/1986, yang menyatakan bahawa antara tujuan penubuhan dan fungsi Panitia adalah untuk memperbaiki dan meningkatkan mutu keberkesanan PdP (Mok Soon Sang, 2010). Maka kursus dalaman perlu di adakan supaya guru-guru boleh sama-sama memperbaiki dan meningkatkan mutu pengajaran mereka. Sesungguhnya kursus dalaman merupakan satu mekanisme yang amat penting bagi perkongsian ilmu di kalangan guru dalam konteks di sekolah dan dapat meningkatkan keberkesanan PdP. Ini selaras dengan pandangan Abd Rahim (1993) yang menyatakan bahawa kursus dalaman dapat memajukan staf atau guru di sekolah dan mengembangkan tahap profesionalisme guru.



Guru-guru yang pernah mengikuti kursus di PPD/JPN sepatutnya mengendalikan kursus dalaman apabila mereka kembali ke sekolah masing-masing selepas tamat kursus. Walaupun perkara ini bukan satu kewajipan, dan tiada pekeliling yang menetapkannya, namun kursus dalaman ini sering ditegaskan kepada peserta-peserta kursus yang pernah mengikuti kursus di PPD/JPN sebagai satu mekanisme atau ruang bagi mereka menyebarkan pengetahuan yang diperoleh daripada kursus kepada rakan sejawat yang lain. Kurangnya pelaksanaan kursus dalaman di sekolah ada kaitannya dengan sikap pentadbir kerana mengikut Jones et al. (1989), penggerak utama untuk melakukan perkembangan staf dan kursus dalaman di sekolah adalah pihak pentadbir iaitu Pengetua atau Guru Besar. Ia bergantung pada sikap pihak pentadbir yang pasif, aktif, reaktif ataupun proaktif dengan sebarang keperluan pendidikan (Bell et al., 1991).





Selain itu dapatan kajian juga mendapati panitia sekolah membuat penyelarasan skor hanya di peringkat sekolah tetapi tidak di peringkat pusat. Penyelarasan adalah untuk memastikan keseragaman pelaksanaan tugas dan penskoran demi keadilan kepada calon serta kesahan dan kebolehpercayaan skor pentaksiran. Adalah menjadi satu keperluan untuk pihak sekolah membuat penyelarasan di peringkat pusat supaya skor yang diberikan kepada murid selaras dengan skor yang telah ditetapkan oleh LP kerana menurut Eftah dan Abdul Aziz (2013), dua penilai seharusnya dapat memberi skor yang konsisten menggunakan kategori yang telah diperjelaskan. Penyelaras Luaran yang merupakan petugas yang dilantik oleh JPN atau LPM perlu memastikan proses ini dilaksanakan supaya tiada pertikaian skor oleh ibu bapa dan murid itu sendiri. Maka pentadbir sekolah perlu memastikan setiap panitia mata pelajaran memainkan peranan dengan membuat perancangan yang rapi supaya dapat membantu guru-guru dalam melaksanakan PBS.

c. Perancangan Sekolah

Para pentadbir yang bijak mengaturkan perancangan bukan sahaja akan membantu kelancaran proses pelaksanaan malah akan memudahkan pelaksanaannya iaitu guru-guru dalam membuat pentaksiran (Bell at al., 1991). Selaras dengan dapatan kajian ini yang mendapati hampir semua pihak sekolah membuat perancangan yang baik dengan melantik ahli jawatankuasa PBS dan memastikan mengadakan Mesyuarat PBS yang pertama dilaksanakan sebelum bulan Mac.





Dapatan kajian juga mendapati semasa Mesyuarat PBS, pihak sekolah ada menyampaikan tentang konsep, dasar dan komponen PBS tetapi tidak di titik beratkan. Namun demikian dapatan menunjukkan tahap perancangan sekolah berada di tahap yang tinggi. Ini adalah kerana peranan pentadbir terutama Guru Besar atau Pengetua yang telah memainkan peranan yang baik dalam proses merancang. Selaras dengan pernyataan ini, Syed Ismail dan Ahmad Subki (2010) yang menyatakan bahawa tonggak kepimpinan Guru Besar atau Pengetua mempengaruhi kejayaan sekolah dalam bidang akademik dan juga kokurikulum. Oleh yang demikian kepimpinan Guru Besar dalam pelaksanaan PBS di peringkat sekolah amat diperlukan supaya matlamat dan hal tuju sistem PBS tidak menyimpang dari tujuan asalnya. Yusuf dan Mohd Musa (2011) dalam kajiannya juga menyatakan bahawa Guru Besar yang mempunyai pengetahuan tentang PBS akan memberi sokongan dalam pelaksanaan PBS.

Sebagai pemimpin dalam sekolah, mereka perlu ada kualiti diri yang boleh membina asas pentaksiran yang kuat di peringkat sekolah. Pentadbir juga haruslah mempunyai ilmu dalam bidang pentaksiran supaya boleh dijadikan rujukan oleh mana-mana pihak seperti guru dan ibu bapa. Ini adalah supaya sebarang permasalahan dalam pelaksanaan PBS yang dihadapi murid, ibu bapa dan guru, para pentadbir boleh atasi dengan cara profesional dan bukan mengikut emosi. Pengetahuan yang dimiliki akan menjurus kepada tindakan yang betul di mana mengikut pekeliling dan prosedur. Maka pihak KPM mahu pun JPN dan PPD perlu juga mengadakan kursus kepada para pentadbir supaya pengetahuan dan kemahiran mereka tentang PBS setanding dengan guru-guru yang melaksanakan PBS.





Kajian ini juga telah mengenal pasti perancangan dari guru, panitia dan sekolah dalam pelaksanaan PBS. Secara keseluruhannya, Perancangan mencapai tahap tinggi. Dapatan ini menggambarkan semua pihak di sekolah telah membuat perancangan yang baik dan teliti untuk mencapai matlamat PBS. Menurut Amin Senin (2008) matlamat utama perancangan ialah membina perasaan keupayaan dan komitmen dalam kalangan warga sekolah terhadap penambahbaikan program. Bagi memastikan semua perancangan dilaksanakan seperti apa yang di atur, pihak pentadbir dan guru perlu berkongsi tanggung jawab dengan memainkan peranan dan mengambil kira semua faktor semasa proses merancang (Clement & Vandenberghe, 2001). Perancangan yang mantap dari gabungan guru, panitia dan sekolah mampu menghasilkan suatu perubahan dalam pelaksanaan PBS. Ini adalah penting supaya pelaksanaan PBS memenuhi hasrat yang ditetapkan oleh LPM serta memenuhi aspirasi negara melalui Dasar Pentaksiran Negara secara holistik.

d. Pelaksanaan Pentaksiran

Kajian ini menunjukkan tahap Pelaksanaan Pentaksiran adalah tinggi. Dapatan kajian mendapati hampir semua guru membuat perancangan semasa melaksanakan PBS dan perancangan pengajaran juga telah menjadi amalan guru dalam pentaksiran. Guru-guru akan menggunakan PPPM atau DSK sebagai rujukan. Dapatan kajian juga menunjukkan semasa melakukan pentaksiran, guru-guru akan mengubah strategi pengajaran dan berusaha meningkatkan pencapaian murid jika masih ada murid yang belum mencapai tahap yang telah ditetapkan. Selaras dengan pendapat Phopham (2008) yang menyatakan





“... *assessment is not a test but a process*”. Ini menggambarkan pentaksiran adalah satu proses untuk guru-guru dan murid mendalami ilmu pengetahuan yang selama ini hanya diserap dan dikeluarkan semula semasa peperiksaan. Ini juga menggambarkan guru-guru akan berusaha pelbagai cara sebelum murid ditaksir supaya mendapat pencapaian yang baik. Namun, berbeza dengan dapatan Hamzah dan Sinasamy (2009) yang menyatakan guru-guru sukar melaksanakan pentaksiran sehingga meminta supaya PBS diubah kepada penilaian sedia ada.

Sehubungan itu, antara amalan dalam pentaksiran yang kerap guru-guru lakukan adalah menilai apa yang murid telah kuasai untuk memberi maklum balas kepada mereka.

Amalan ini merupakan salah satu amalan dalam pentaksiran yang terbaik yang disarankan dalam kajian Barkdale-Ladd dan Thomas (2000) iaitu menyediakan maklum balas untuk membantu murid meningkatkan pembelajaran mereka. Namun begitu dapatan kajian Adediwura (2012) mendapati bahawa lebih daripada lima puluh peratus daripada guru-guru mempunyai persepsi negatif terhadap amalan pengajaran mereka dalam melaksanakan PBS. Mereka beranggapan apa yang dilakukan di bilik darjah selama ini adalah amalan yang terbaik setelah bertahun-tahun diamalkan. Ini menunjukkan tidak semua guru boleh menerima inovasi dalam pendidikan. Maka dengan itu guru-guru yang berpengalaman lebih dari sepuluh tahun perlu membimbing guru-guru junior supaya PdP mereka lebih terarah.

Selain itu dapatan kajian juga mendapati bahawa semasa guru-guru melakukan pentaksiran, mereka akan memastikan pentaksiran yang dilakukan seiring dengan





penguasaan pembelajaran murid. Guru-guru juga akan memastikan skor yang diberi selaras dengan tugas yang diberi dan mereka akan membina instrumen berdasarkan apa yang akan ditaksir. Dapatan ini selaras dengan saranan William dan Thompson (2007) yang menyatakan antara konsep pentaksiran yang baik adalah berbincang dengan murid tentang perkembangan pembelajaran mereka di samping melakukan pentaksiran atas apa yang dikuasai. Perkara ini menggambarkan bahawa guru-guru telah pun melaksanakan PBS dengan baik dengan melakukan konsep pentaksiran yang betul. Ini bersesuaian dengan saranan KPM yang mahukan pentaksiran dilaksanakan kerana sebelum ini (sistem peperiksaan), guru-guru sering kali meninggalkan kemahiran dan kandungan yang dianggap tidak akan diuji dalam peperiksaan awam kerana memberi ruang kepada kandungan kurikulum yang selalu diuji dalam peperiksaan (KPM, 2012). Maka pentaksiran memberi peluang murid menguasai semua kandungan kurikulum berdasarkan kecerdasan mereka.

Namun demikian, Kate (1997) menyatakan bahawa PBS adalah suatu pengiktirafan kuasa yang diberikan kepada guru untuk mengiktiraf kemahiran dan kebolehan yang boleh dicapai oleh murid mereka. Menurut Kate lagi, guru telah diberi tanggung jawab untuk memastikan pencapaian murid mereka berada di tempat yang sepatutnya. Maka guru akan mentaksir dan melapor apa yang telah dicapai oleh murid mereka. Penyataan ini selaras dengan dapatan kajian ini yang mendapati guru-guru yang telah melakukan pentaksiran akan merekod skor pencapaian murid dalam Modul Perekodan PPM dan membuat pelaporan secara holistik bagi setiap murid. Penyataan ini juga disokong oleh Eftah dan Abdul Aziz (2013) bahawa guru perlu mempunyai sistem pelaporan yang baik untuk





menggambarkan pentaksiran yang telah dilaksanakan. Dengan ini ibu bapa akan lebih yakin dengan sistem pentaksiran yang dilaksanakan.

Berdasarkan data analisis temu bual dan pemerhatian yang dibuat, penyelidik mendapati kelancaran pelaksanaan pentaksiran guru-guru disebabkan pengalaman yang dilalui setelah hampir lima tahun pelaksanaan PBS. Ini terbukti apabila tahap pelaksanaan pentaksiran PBS adalah tinggi. Ini menggambarkan guru-guru sudah boleh menerima pelaksanaan PBS secara perlahan-lahan. Kelancaran pelaksanaan PBS sepenuhnya akan mengambil sedikit masa lagi memandangkan guru-guru sudah bijak mengatur masa bagi melakukan pentaksiran dalam PdP. Pernyataan ini disokong oleh dapatan kajian Suzana (2015) yang menyatakan bahawa guru-guru sangat komited melaksanakan PBS dan akan lakukan sehabis baik untuk pastikan murid mencapai tahap yang tertinggi. Maka disarankan supaya pihak KPM dan sekolah sama-sama membantu para guru dari pelbagai sudut supaya mereka berjaya melaksanakan PBS seperti yang digariskan. Guru-guru akan melakukan sebaik mungkin andai semua kekangan-kekangan di atasi.

e. **Pembinaan Instrumen**

Instrumen adalah tugas dan penskoran yang diberikan oleh guru untuk menaksir murid (LPM, 2013). Semasa membina instrumen guru-guru sekolah rendah perlu merujuk DSP dan bagi guru sekolah menengah mereka akan merujuk PPPM. Ini adalah supaya instrumen yang digunakan adalah berdasarkan objektif pengajaran. Namun begitu dapatan





kajian mendapati kebanyakan guru tidak membina instrumen sendiri tetapi menggunakan buku di pasaran sebagai instrumen pentaksiran mereka di bilik darjah. Namun demikian, guru-guru akan memastikan instrumen yang digunakan menepati objektif pengajaran. Ini menggambarkan guru-guru tidak menggunakan instrumen sembarangan untuk digunakan dalam pentaksiran. Tindakan guru ini menepati apa yang di sarankan oleh Eftah & Abdul Aziz (2013) yang menyatakan bahawa guru-guru seharusnya memastikan instrumen yang akan digunakan mentaksir apa yang patut ditaksir, bebas dari kesilapan bahasa, baik secara teknikal dan menghasilkan markah yang sah dan konsisten.

Hasil analisis temu bual dengan guru-guru, mereka menyatakan bahawa mereka menghadapi kekangan masa untuk membina instrumen sendiri. Tambahan pula terdapat banyak buku di pasaran yang boleh dipilih untuk dijadikan instrumen. Namun begitu, tahap Pembinaan Instrumen adalah tinggi walau pun hanya 33.3 peratus sahaja guru yang membina instrumen sendiri. Ini menunjukkan guru-guru mementingkan penyediaan dari pembinaan instrumen semasa proses pentaksiran dijalankan. Selaras dengan dapatan Norlly dan Hamimah (2013) yang mendapati pembinaan instrumen merupakan satu beban kerja yang amat berat dan memberi tekanan kepada guru-guru. Pengetahuan dan kemahiran dalam pembinaan instrumen yang diperoleh semasa kursus tidak memberi kesan kepada guru. Maka adalah menjadi kewajipan pihak pentadbir menekankan pembinaan instrumen dalam kalangan guru supaya mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi (William et al., 2004).





Dapatan ini juga mendapati jenis instrumen yang kerap digunakan adalah ujian bertulis dan lembaran kerja. Dapatan ini selari dengan dapatan kajian Mubieyn (2012) yang juga mendapati guru-guru masih terikat dengan instrumen pengujian kertas dan pensel. Sesetengah guru tidak mengetahui apakah instrumen dan item pentaksiran yang sesuai digunakan dalam PBS. Hasil kajian turut mendapati instrumen yang dibina oleh guru boleh diragui kesahan dan kebolehpercayaan. Dapatan kajian ini adalah selari dengan hasil kajian oleh Ali Yidirim (2004), Eftah (2013) dan Mazuien (2013) yang diperolehi mendapati bahawa kaedah dan strategi ujian jawapan pendek menjadi alat pentaksiran yang biasa. Ujian pilihan pelbagai dan ujian esei juga biasa digunakan. Guru-guru berpuas hati dengan penggunaan strategi ini manakala bagi murid, mereka menyatakan bahawa penggunaan strategi tersebut tidak mencukupi untuk menaksir prestasi dan pencapaian mereka di dalam bilik darjah. Ini diakui oleh Mohd Sahandri Gani (2014) yang menyatakan bahawa semua instrumen itu pada asasnya adalah untuk melahirkan murid yang bukan saja memberi penumpuan pada akademik semata-mata, malah mempunyai kemahiran untuk mempelbagaikan kemampuan.

Dapatan kajian secara atas talian oleh LPM juga mendapati guru sukar membina instrumen pentaksiran pelbagai bentuk kerana masih terikat dengan fahaman dan kebiasaan menilai pencapaian murid menggunakan ujian berbentuk kertas dan pensel. Maka pihak sekolah harus menekankan ketua panitia setiap mata pelajaran supaya membuat kursus dalaman bersama guru-guru untuk membina instrumen sendiri supaya instrumen tersebut berjaya mengukur pencapaian murid berdasarkan kebolehan mereka. Ini adalah kerana hanya guru sahaja yang boleh menilai kebolehan murid mereka.





f. Pementoran

Pementoran bertujuan untuk memberi pengetahuan, kefahaman dan kemahiran mengenai prosedur dan garis panduan kepada guru. Selain membimbing dan membantu guru menyelesaikan masalah, mentor juga berfungsi membantu meningkatkan profesionalisme dan kualiti guru. Namun dapatan kajian menunjukkan tahap pementoran di sekolah adalah sederhana dan 56.9 peratus sahaja guru-guru yang terlibat dengan aktiviti pementoran. Dapatan ini menggambarkan sebahagian guru tidak menggunakan mentor dalam pelaksanaan PBS dan mereka akan merujuk pihak lain terutama rakan sejawat dalam menangani permasalahan berkaitan PBS. Bagi guru-guru, rakan sejawat lebih mudah didekati dan mereka lebih suka merujuk antara satu sama lain secara tidak formal.



Selain itu, dapatan kajian ini juga mendapati guru-guru akan merujuk Setiausaha PBS sebagai mentor untuk berbincang sepenuhnya perkara berkaitan murid yang bermasalah. Bagi guru-guru ini, mentor telah membantu mereka tentang cara bagaimana untuk melaksanakan pentaksiran seiring dengan PdP dan kerana itu lah guru-guru dapat rasakan bahawa pementoran ini membantu mereka meningkatkan kompetensi dan keyakinan dalam pentaksiran. Dapatan ini selari dengan dapatan kajian Gay (1995) yang merumuskan bahawa aktiviti pementoran dapat merangsang refleksi menyelesaikan sesuatu isu, menambah baik pengajaran dan pembelajaran dan menambah keyakinan semasa mentaksir. Mentor yang baik akan mempunyai ciri-ciri seperti bertimbang rasa, boleh dianggap kawan dan mempunyai pengetahuan yang luas (Salhah & Ainon, 2005).





Oleh sebab itu mentor yang dilantik oleh sekolah perlu meyakinkan mentee mereka bahawa mereka berkelayakan untuk membimbing.

g. Penyelarasan

Penyelarasan perlu dilakukan di sekolah secara berterusan supaya PBS dilaksanakan secara sistematik dan selaras seperti yang ditetapkan oleh KPM (Suzana, 2015). Kajian ini menunjukkan tahap Penyelarasan adalah sederhana dan dapatan kajian mendapati 48.5 peratus guru tidak terlibat dengan aktiviti penyelarasan kerana bagi mereka tugas ini telah diambil alih oleh Setiausaha PBS. Aktiviti penyelarasan ada dibuat di sekolah iaitu semasa mesyuarat PBS dan telah membincangkan sepenuhnya tentang kefahaman guru-guru dalam penskoran. Ini adalah penting supaya memastikan guru-guru mempunyai keseragaman dalam penskoran demi keadilan kepada murid serta mencapai kesahan dan kebolehpercayaan skor pentaksiran yang tinggi.

Selain itu analisis temu bual juga mendapati bahawa guru-guru juga keliru dengan skor yang diberi apabila skor yang diberi tidak selaras sesama rakan sejawat mereka dan antara sekolah-sekolah lain. Ini menunjukkan penyelarasan penting di setiap sekolah kerana skor pentaksiran yang diberikan tidak boleh di banding beza dengan sekolah lain (Fang et al., 2014). Sementara itu, perbezaan antara markah penilai pertama dengan penilai kedua perlu diselaraskan semula agar terdapat jurang yang kecil dalam proses penandaan markah (Shamsiah et al., 2010). Guru-guru dalam sesi temu bual juga mengakui bahawa





penyelarasan skor yang dilakukan di sekolah adalah untuk memastikan ketepatan skor mengikut keupayaan dan prestasi murid. Namun analisis temu bual dengan guru-guru, penyelidik dapati ada guru-guru yang tidak tahu tentang kewujudan aktiviti penyelarasan di sekolah terutama di sekolah luar bandar. Ini bermakna skor guru tersebut tidak diselaraskan dari peringkat dalaman.

Kurangnya kesedaran ini mungkin disebabkan tidak berlaku kecairan maklumat tentang perkara ini di sekolah tersebut. Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Meriam (2008) di Bangladesh mendapati guru-guru sukar melakukan penskoran kerana adanya aktiviti penyelarasan skor di sekolah. Mereka lebih selesa jika skor tidak diselaraskan.

Hasil kajian ini sama dengan dapatan kajian Tan (2010) iaitu guru kurang bersedia dalam penskoran PBS. Kesannya proses pemberian skor pentaksiran kepada murid-murid tidak sah dan tidak adil. Ini menjejaskan kesahan dan kebolehpercayaan pentaksiran. Kajian Hamzah dan Sinnasamy (2009) juga mendapati bahawa pelaksanaan PLBS dan ULBS tidak akur sepenuhnya dengan kehendak garis panduan LPM. Hal itu berpunca daripada tahap kesedaran inovasi dan perubahan yang masih belum mencukupi. Kepimpinan PBS yang diterajui oleh pengetua juga belum benar-benar mantap dari segi kefahaman konsep PBS dan peranan ikhtisas yang perlu dipatuhi. Maka para pentadbir perlu sentiasa selalu mendapatkan maklumat yang terkini berkaitan PBS dan pastikan tiada berlakunya ketirisan maklumat dalam menyampaikan kepada guru-guru.





h. Pemantauan

Pemantauan adalah satu proses bagi memastikan pelaksanaan PBS mengikut prosedur dan garis panduan yang ditetapkan oleh LPM. Namun dapatan kajian ini menunjukkan tahap pemantauan di sekolah berada di tahap yang sederhana. 63.4 peratus guru mengakui bahawa mereka di pantau secara terbimbing oleh Ketua Panitia dan bahan yang dipantau adalah Buku Rekod Pengajaran. Perangkaan ini hampir sama dengan dapatan kajian Chan (2005) yang menyatakan bahawa 75 peratus guru mengatakan ada pemantauan dari pihak pentadbir. Ini bermakna pemantauan dalaman dan luaran perlu dipertingkatkan lagi bagi memastikan pelaksanaan PBS berjalan dengan lancar.



Mesyuarat tentang pemantauan perlu dijalankan dengan lebih kerap supaya sebarang masalah berkaitan pelaksanaan PBS dapat dikenal pasti dan diatasi secepat mungkin. Di samping itu pemantau dapat berbincang dan membimbing guru-guru bagi menjamin kelancaran pelaksanaan PBS. Sehubungan dengan ini, Button et al. (1996) dalam kajian mereka terhadap Program Profesional Development (PDS), mendapati pemantauan yang dijalankan oleh mentor serta kerjasama dengan guru dalam membimbing, boleh membina pengetahuan dan keyakinan guru.

Kajian ini juga mendapati bahawa guru-guru percaya, pemantauan yang dilakukan oleh pentadbir adalah untuk menambah baik pelaksanaan PBS tetapi kajian Chan (2005) sekali lagi menyatakan pihak pentadbir tidak menghiraukan pelaksanaan PBS dan mereka hanya mahukan keputusan sahaja. Kajian Tan (2010) juga mendapati pemantauan





pelaksanaan PBS oleh pihak LPM dan JPN yang sekadar berfokuskan kepada laporan penulisan dan telah banyak mewujudkan isu mengenai akauntabiliti penilaian berkenaan. Keadaan ini berlaku disebabkan pemantauan yang dijalankan pada tahap amali sahaja. Ini bermakna penekanan pemantauan tidak diberi oleh pentaksir pada peringkat proses (Tan, 2010).

Hasil temu bual, penyelidik dapat membuat kesimpulan bahawa pemantauan yang dilakukan di sekolah lebih kerap dilakukan semasa tahun pertama pelaksanaan PBS. Ini adalah kerana pihak atasan (PPD/JPN/KPM) kerap turun ke sekolah untuk melihat pelaksanaan PBS. Namun setelah lebih dari tiga tahun pelaksanaan, pihak atasan telah menyerahkan sepenuh kepercayaan kepada pihak pentadbir untuk memastikan kelancaran pelaksanaan PBS di sekolah masing-masing. Ini adalah kerana tertubuhnya ahli jawatankuasa Penjaminan Kualiti terdiri daripada pegawai luaran (PPD/JPN/KPM) dan pegawai dalaman (para pentadbir/S/U PBS/ JUS). Menurut Shamsiah (2010) pemantauan amat perlu dalam memastikan penilaian dibuat dengan baik dan sempurna. Pentadbir sekolah merupakan pihak yang harus memainkan peranan yang besar bagi memastikan pelaksanaan PBS di sekolah berjalan mengikut garis panduan yang telah ditetapkan. Pernyataan ini disokong oleh Nursyam (2012) yang menyatakan bahawa sekiranya sekolah dianggap sebagai institusi pembelajaran maka seharusnya setiap individu di sekolah tersebut terikat dengan aktiviti pemantauan dan penilaian.





i. Pengesanan

Pengesanan ialah satu proses bagi memastikan instrumen pentaksiran yang digunakan mampu menghasilkan skor yang sah dan boleh dipercayai. Dapatan kajian mendapati 53.9 peratus guru telah terlibat dengan aktiviti pengesanan di sekolah. Guru-guru menyatakan bahawa mereka akan memastikan kesahan dan kebolehpercayaan skor yang diberi selaras dengan skor yang telah ditetapkan oleh sekolah. Namun dapatan kajian Noraliza (2006) mendapati bahawa penilaian guru mungkin tidak dapat diseragamkan antara satu sekolah dengan satu sekolah yang lain. Masalah ketidakadilan mungkin akan timbul sewaktu penilaian terhadap murid berlangsung. Guru mungkin akan dipengaruhi dengan mainan emosi sewaktu menilai murid mereka (Grima, 2003). Namun begitu, PBS bukan lagi seperti sistem peperiksaan yang bertujuan untuk membandingkan pencapaian antara sekolah-sekolah. Maxwell (2004) menyokong pernyataan ini dengan menyatakan bahawa, PBS adalah satu bentuk pentaksiran yang sah, progresif dan berterusan. Oleh itu PBS akan melenyapkan keburukan peperiksaan yang akan membanding beza pencapaian semata-mata (Yip & Cheung 2005) dan PBS akan meringankan tekanan murid kepada peperiksaan (Maxwell, 2004).

Sementara itu, dapatan kajian ini juga mendapati bahawa guru-guru bersetuju dengan menyatakan S/U PBS adalah pegawai yang bertanggungjawab dalam pengesanan dan akan mengesan instrumen guru-guru. Ojo dan Gbinigie (2009) menyatakan bahawa untuk mengesahkan sesuatu instrumen pentaksiran itu, memerlukan orang yang pakar dalam bidang tersebut diperlukan. Memandangkan S/U PBS kerap mengikuti kursus di





luar sekolah, maka S/U PBS sememangnya mempunyai kelayakan tersebut. Namun begitu, S/U PBS perlu meningkatkan ilmu dan kemahiran mengenai instrumen dari masa ke semasa supaya pengesanan instrumen guru-guru sentiasa mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi. Guru-guru juga perlu pastikan instrumen yang dibina adalah berdasarkan prinsip yang dibina oleh LP.

Secara keseluruhan, kajian menunjukkan tahap pengesanan adalah sederhana sahaja. Sementara itu sub konstruk Pengesanan ini mempunyai perbezaan yang signifikan dalam pelaksanaan PBS berdasarkan jenis sekolah ($F(1, 586) = 13.149, p=0.001$). Skor min Pengesanan di sekolah menengah (min = 3.09) lebih tinggi berbanding skor min



Pengesanan di sekolah rendah (min = 2.83). Ini menunjukkan guru-guru sekolah menengah lebih menitik beratkan aktiviti pengesanan berbanding guru sekolah rendah.

Namun dapatan Suzana (2015) yang membuat perbandingan Penjaminan Kualiti antara sekolah rendah dan sekolah jenis kebangsaan, mendapati guru-guru di sekolah kebangsaan telah melaksanakan Penjaminan Kualiti dengan lebih baik berbanding sekolah jenis kebangsaan. Penekanan pengesanan di sekolah menengah disebabkan murid di sekolah menengah lebih menitik beratkan skor yang diperolehi (Iasonas & Christie, 2009). Memandangkan murid akan membandingkan skor yang diperolehi dengan rakan-rakan mereka, maka guru-guru perlu lebih berhati-hati dalam pemberian skor supaya tiada pertikaian dalam kalangan mereka. Maka pentadbir sekolah harus sentiasa menitik beratkan perkara ini dengan mengadakan mesyuarat pengesanan dengan lebih kerap supaya skor yang diberikan oleh guru-guru tidak dipertikaikan oleh mana-mana pihak.





5.3.5 Penerimaan Guru dalam Melaksanakan PBS

Memandangkan pentaksiran di sekolah dijalankan sepenuhnya oleh guru, maka sepanjang proses PdP guru merupakan individu yang memainkan peranan penting dalam proses pentaksiran (Law, 2003). Sejauh mana guru boleh menerima pelaksanaan PBS adalah berdasarkan kepercayaan, sikap dan komitmen yang diberi sepanjang proses pentaksiran. Bagi membincangkan secara mendalam penerimaan guru dalam melaksanakan PBS ini, penyelidik menghuraikan mengikut subtopik-subtopik berikut:



a. Kepercayaan Guru dalam Melaksanakan PBS

Dapatan kajian ini mendapati guru-guru percaya bahawa pelaksanaan PBS memberi kelebihan apabila murid banyak terlibat dalam proses pembelajaran. Sistem pendidikan tradisional sebelum ini hanya berpandukan kurikulum yang hanya mencakupi kebolehan murid mengingat dan kemahiran menghafal semata-mata. Kemahiran yang lain tidak di aplikasi, dianalisis, di sintesis dan dinilai dalam sesuatu penilaian (Begum & Farooqui, 2008). Maka PBS telah memberi peluang kepada murid untuk menunjukkan apa yang mereka belajar.

Dengan PBS juga guru-guru percaya bahawa mereka boleh mengenali murid dengan lebih dekat. Ini adalah kerana sepanjang proses pentaksiran, guru dan murid akan terlibat secara kolaboratif dan ini menggalakkan keterlibatan murid secara maksimum





apabila diberi tugas pentaksiran. Bagi memastikan objektif pentaksiran mencapai matlamat, guru-guru akan memastikan pentaksiran yang dilakukan adalah berdasarkan objektif pengajaran. Dapatan kajian ini jelas menunjukkan bahawa apabila guru-guru percaya apa yang dilakukannya adalah baik maka pelaksanaannya juga akan mencapai matlamat yang diharapkan. Ini disokong dengan dapatan Alaba (2012) yang menunjukkan bahawa guru-guru yang terlibat dengan pelaksanaan PBS telah mengiktiraf bahawa PBS mempunyai kelebihan yang tersendiri dan mempunyai pandangan positif terhadap pelaksanaan PBS.

Namun tahap kepercayaan guru dalam melaksanakan PBS adalah sederhana. Hasil temu bual dengan beberapa orang guru, penyelidik membuat kesimpulan bahawa di awal pelaksanaan PBS, guru-guru tidak boleh menerima transformasi ini dan tidak percaya sistem ini akan mencapai matlamatnya. Namun setelah beberapa tahun dilaksanakan, guru-guru telah mula menunjukkan sedikit kepercayaan dan sedang menuju ke arah matlamat yang ditetapkan. Dapatan kajian ini disokong dengan dapatan kajian Alaba (2012) yang mendapati hampir setengah daripada guru-guru di Nigeria kurang bersedia dengan transformasi yang dilakukan seperti keperluan, prosedur dan kriteria tentang pelaksanaan PBS ini. Mereka bersependapat bahawa PBS sangat sesuai dengan perkembangan semasa murid, namun masih sukar untuk dijadikan amalan di dalam pengajaran mereka. Maka pihak KPM seharusnya membantu guru-guru meringankan tugas mereka supaya kepercayaan mereka terhadap PBS semakin bertambah.





b. Sikap Guru Terhadap Pelaksanaan PBS

Secara keseluruhannya kajian ini mendapati tahap Sikap Guru Terhadap Pelaksanaan PBS adalah tinggi. Ini adalah kerana sikap guru yang positif terhadap pelaksanaan PBS dengan membuat perancangan lebih awal. Guru-guru juga semakin yakin dalam membuat pentaksiran dan memastikan murid mencapai skor yang tertinggi mengikut kemampuan mereka. Hasil dapatan ini menggambarkan bahawa guru-guru telah memahami tentang rasional pelaksanaan PBS ini. Berbanding dapatan Abdul Zubir (2007) yang mendapati bahawa kepercayaan guru tentang kepentingan PBS dan kemahuan mereka dalam melaksanakannya masih rendah. Namun dapatan ini adalah di awal pelaksanaan PBS.

Mohd Sahandri Gani (2014) turut akui bahawa perkara ini boleh berlaku disebabkan kesukaran guru menerima sesuatu inovasi dalam pendidikan.

Sikap yang positif juga dapat dilihat apabila penyelidik menemu bual guru-guru dan mendapati bahawa mereka terlalu mementingkan pencapaian murid. Dapatan ini juga selaras dengan saranan Noraini dan Suhaida (2014) yang menyatakan bahawa guru-guru perlu bersikap positif terhadap semua inovasi dalam kurikulum. Guru perlu sentiasa bersedia dari pelbagai aspek memandangkan pelaksanaan PBS akan menjadikan tugas dan tanggungjawab guru semakin mencabar. Untuk itu guru-guru telah menggunakan pelbagai usaha termasuklah mengajar semula, mengubah strategi pengajaran dan sebagainya supaya murid mencapai tahap tertinggi. Alaba (2012) dalam kajiannya juga mendapati pelbagai kaedah telah digunakan oleh guru untuk mentaksir murid-murid tersebut dan murid-murid ini dapat menunjukkan kebolehan sebenar mereka.





Kajian Chan (2009) juga turut mendapati guru-guru yang ditemu bual bersikap positif terhadap pelaksanaan PBS di mana guru-guru bersetuju dengan pelaksanaan PBS kerana pengajaran akan menjadi lebih berkesan. Guru dapat mengesan dengan segera pencapaian murid, menggalakkan pelbagai aktiviti menarik untuk murid, pencapaian murid akan lebih baik, dan mengurangkan ketakutan murid di mana PBS boleh meningkatkan keyakinan murid. Justeru guru-guru perlu sentiasa didedahkan dengan perkara yang positif, suasana kerja yang positif, rakan sejawat yang positif serta pemikiran yang positif. Ini adalah kerana untuk mendapatkan sesuatu yang baik, kita perlu fikir yang baik baik-baik dalam kalangan orang yang baik-baik (Fadzilah Kamsah et al., 2007).



c. **Komitmen Guru dalam Melaksanakan PBS**

Kajian ini mendapati tahap Komitmen Guru dalam Melaksanakan PBS adalah sederhana. Guru-guru menunjukkan komited dalam melaksanakan PBS apabila mengakui bahawa pelaksanaan PBS akan membuatkan pengajaran mereka lebih berkesan. Dapatan ini disokong oleh Brown (2011) yang mendakwa bahawa pentaksiran yang dilakukan di dalam bilik darjah akan membuatkan pengajaran guru lebih bermakna dan meninggalkan kesan jangka panjang kepada murid-murid.

Dapatan juga mendapati melalui pentaksiran, guru-guru juga dapat menggambarkan apa yang murid tahu, faham dan boleh buat. Alaba (2012) menyatakan guru yang mengajar adalah guru yang mentaksir. Maka guru akan lebih tahu dan arif





tentang murid-murid mereka selain pentaksiran yang dijalankan di dalam bilik darjah lebih santai berbanding dengan peperiksaan yang memberikan tekanan kepada para murid. Dengan itu proses pentaksiran akan memberi suasana pembelajaran yang sebenar kepada murid. Guru juga mempunyai banyak peluang untuk mengenali murid semasa melakukan proses pentaksiran.

Namun begitu dapatan kajian ini mendapati guru seolah-olah memberi syarat untuk komited melaksanakan PBS jika bebanan mereka dikurangkan. Ini menggambarkan guru-guru boleh melaksanakan PBS dengan lebih berkesan apabila bebanan mereka dikurangkan. Maka pihak KPM perlu mengkaji dengan lebih mendalam tentang perkara ini kerana kejayaan PBS adalah bersandarkan kepada pelaksanaannya iaitu guru. Hamzah dan Sinnasamy (2009) yang memetik ucapan dari Tan Sri Dr Murad Mohammad Nor, bekas Ketua Pengarah Pendidikan yang mendakwa;

“... bahagian yang paling penting dalam pelaksanaan apa-apa rancangan, adalah guru. Walau bagaimana baik pun rancangan itu, ia akan menjadi tidak berguna jika guru tidak melaksanakan dengan baik.”

(Hamzah & Sinnasamy, 2009; p. 14)

Maka, kebajikan guru perlu diutamakan supaya tiada rungutan yang boleh menggagalkan pelaksanaan PBS.

Dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa guru-guru telah melaksanakan PBS dengan komited sehingga dapat menggambarkan secara positif tentang pelaksanaan PBS.





Gambaran positif ini adalah datangnya dari kesediaan dan keyakinan guru untuk melaksanakan PBS. Namun begitu bertentangan dengan dapatan kajian Stiggins (2005) yang mendapati tidak ramai guru yang betul-betul bersedia dalam melakukan pentaksiran bilik darjah kerana mereka tidak berpeluang untuk mempelajari teknik-teknik dan amalan pentaksiran yang betul. Maka keyakinan guru dalam mentaksir perlu ada dalam diri supaya pentaksiran yang dilakukan lebih berkesan.

Secara keseluruhannya dapat disimpulkan bahawa penerimaan guru dalam melaksanakan PBS adalah bergantung pada guru itu sendiri. Sejauh mana mereka percaya akan dipamerkan melalui sikap. Sikap yang positif akan menzahirkan komitmen yang tinggi dalam melaksanakan PBS dan sebaliknya. Kajian ini mendapati tahap penerimaan guru dalam melaksanakan PBS adalah sederhana. Ini menunjukkan bahawa guru belum boleh menerima sepenuhnya pelaksanaan PBS walau pun hampir lima tahun PBS dilaksanakan. Ini menggambarkan guru-guru masih belum menerima pelaksanaan PBS secara menyeluruh walaupun hampir lima tahun PBS telah dilaksanakan.

Dapatan kajian juga mendapati perancangan berada di tahap yang tinggi. Ini juga menunjukkan guru-guru, panitia mahu pun pihak sekolah telah merancang sehabis baik. Namun pelaksanaannya hanya di tahap sederhana. Keadaan ini berlaku disebabkan terdapat gangguan dari pelbagai sudut seperti sumber yang kurang, kurangnya pelaksanaan Penjaminan Kualiti dan kekangan yang menghalang guru melaksanakan PBS sebaik perancangan yang dilakukan. Maka pihak KPM perlu mengisi dan memperbaiki segala





kekurangan supaya pelaksanaan PBS boleh dilaksanakan oleh guru-guru dengan penuh komitmen.

Maka pelbagai pihak perlu bangun dan tampil untuk menambah baik serta memurnikan program PBS bagi menampakkan keberkesannya. Ini adalah kerana menurut Bennett (2011), sistem pentaksiran yang sedang di laksana perlu diberi peluang untuk diteruskan supaya kita dapat merasakan keberkesannya. Maka dengan itu, kita (KPM, LPM, JPN, PPD, Pentadbir) harus bekerja keras untuk ke arah itu.

5.3.6 Kekangan Guru dalam Melaksanakan PBS



Dapatan kajian ini mendapati kekangan yang dihadapi oleh guru dalam melaksanakan PBS adalah menambah bebanan tugas yang sedia ada. Selari dengan dapatan kajian Hamzah dan Sinasamy (2009) yang menyatakan bahawa guru-guru terpaksa membuat kerja yang bukan akademik yang membebankan. Mereka terpaksa meluangkan waktu yang lebih untuk membuat program-program sekolah, melatih sukan dan sebagainya. Ini di akui dalam dapatan kajian Tan (2010) yang menyatakan antara bebanan tugas guru adalah seperti tugas pengkeranian, proses memasukkan markah dan sistem fail menjadi kekangan guru dalam melaksanakan PBS. Namun berdasarkan analisis temu bual, mendapati semua guru menyatakan kekangan yang hampir sama iaitu bebanan tugas.





Selain itu guru-guru juga terbebani dengan tugas untuk menyediakan instrumen. Memandangkan guru-guru tidak membina sendiri instrumen, maka penyediaan instrumen dengan mengambil dari buku-buku di pasaran akan mengambil masa kerana guru perlu pastikan instrumen tersebut memenuhi kriteria dan objektif pengajaran. Guru juga perlu memastikan instrumen tersebut sesuai digunakan mengikut tahap pencapaian murid.

Selain itu dapatan kajian ini juga mendapati guru-guru tidak mampu memberi skor seperti yang diselaraskan. Ini adalah kerana kurangnya aktiviti penyelarasan di sekolah yang membuatkan guru-guru tidak mengendahkan pelarasan skor ini. Terdapat guru yang melaporkan mereka masih merasakan tidak cukup terlatih untuk melaksanakan pentaksiran. Mereka berasa kurang arif dalam prosedur-prosedur yang boleh dijalankan bagi menilai prestasi murid yang mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan. Contohnya guru tidak tahu cara dalam mengenal pasti aras pencapaian murid (Wise et al., 1991; Stiggins & Bridgeford, 1985). Maka dengan ini mentor memainkan peranan dengan membimbing supaya guru-guru lebih yakin dalam pemberian skor. Pentingnya penyelarasan skor di sekolah adalah supaya skor yang diberikan sah dan boleh dipercayai (Fang et al., 2014).

Namun terdapat kes terpencil yang diakui oleh guru semasa penyelidikan menemu bual, guru-guru diminta memberi skor yang tinggi kepada murid untuk menjaga kualiti pencapaian sekolah. Ini turut diakui oleh dapatan kajian Tan (2010) yang mendapati amalan birokrasi yang menuntut penghasilan gred dengan satu format yang standard di sekolah. Hasil temu bual beliau dengan guru mengatakan bahawa guru diminta secara am





memberi gred yang baik kepada murid. Arahan ini secara tidak langsung mendorong pengurusan PBS ke arah sekadar mengisi keperluan markah, khasnya dalam memberi gred yang baik kepada murid. Kesannya di sini adalah PBS akan menghasilkan murid yang tiada kualiti apabila skor yang diberi bukan mengikut pencapaian sebenar. Manakala matlamat sebenar PBS tidak akan tercapai dan pelaksanaan PBS tidak akan mencapai objektifnya.

Sementara itu menyemak eviden murid merupakan satu lagi bentuk kekangan yang dihadapi oleh guru dalam melaksanakan PBS. Berdasarkan temu bual penyelidik, guru-guru membandingkan kaedah lama di mana guru hanya menyediakan dan menyemak lembaran kerja. Berbanding sistem PBS, guru perlu menyediakan, menyemak, memberi skor dan merekod. Seperti umum ketahui guru-guru akan mengajar tiga hingga empat kelas yang puratanya seramai 25 hingga 35 orang murid di dalam satu kelas (PPPM, 2013-2025). Ini bermakna guru-guru perlu menanda, memberi skor dan merekod 75 hingga 140 eviden. Namun hakikat sebenar bilangan murid di dalam kelas terutama di sekolah bandar adalah seramai 28 hingga 45 orang. Kerumitan untuk menyemak semua eviden ini menjadi bebanan tugas kepada guru. Penambahan tugas ini sedikit sebanyak mengganggu proses PdP guru di bilik darjah (Ness et al., 2007).

Selaras dengan dapatan kajian Tan (2010) yang mendapati kerja pengkeranian yang melampau, termasuk pemprosesan markah dan penghasilan sijil telah menjejaskan emosi guru. Hasil temu bual dengan guru, Tan membuat kesimpulan bahawa pengurusan markah secara rubrik yang melibatkan pengisian markah yang 'ekstensif' (melampau) telah





menjejaskan matlamat adanya PBS. Bebanan tugas ini harus dibendung oleh pihak sekolah dengan mengurang tugas guru dari segi jawatan di sekolah. Jawatan yang terdapat di sekolah perlu diagih sama rata kepada guru-guru supaya tidak terbeban pada guru-guru tertentu sahaja. Pihak sekolah juga perlu mengurangkan program-program yang kurang penting di sekolah dengan memberi tumpuan kepada pelaksanaan PBS.

Walaupun begitu tahap kekangan guru adalah sederhana sahaja. Sementara itu hasil analisis dari temu bual, kajian ini telah menemui tiga lagi faktor kekangan guru yang belum didapati dalam mana-mana kajian iaitu kehadiran murid, memberi pemahaman kepada ibu bapa dan kekangan masa dari segi ‘mengejar’ silibus. Murid yang kerap poteng akan menjadi beban kepada guru kerana pentaksiran tidak boleh di jalankan secara serentak dengan murid lain dan perlu mengambil masa lain untuk membuat pentaksiran. Guru perlu memilih masa yang lain untuk membuat pentaksiran semata-mata untuk beberapa murid yang ponteng tersebut. Perkara begini sedikit sebanyak mengganggu tugas sedia ada guru dan menambah bebanan.

Bebanan guru semakin bertambah apabila ibu bapa terutama di luar bandar yang masih belum faham tentang PBS. Guru-guru terpaksa menerangkan satu persatu kepada ibu bapa apabila mereka meminta markah sedangkan pencapaian murid adalah dalam bentuk ‘band’. Adalah menjadi kesukaran pihak guru untuk menerangkan kepada ibu bapa setiap kali pencapaian murid disampaikan melalui anak mereka. Memandangkan tahap pendidikan ibu bapa di luar bandar agak rendah, maka kesedaran tentang pelaksanaan PBS masih kurang. Menjadi satu kesukaran kepada pihak sekolah apabila perlu sentiasa





memberi maklumat tentang PBS kepada ibu bapa. Guru juga terbeban dengan permasalahan ini apabila ibu bapa tidak mementingkan kehadiran anak ke sekolah disebabkan anggapan mereka bahawa PBS telah melenyapkan sistem peperiksaan sepenuhnya.

Sementara itu, silibus yang banyak dan perlu dihabiskan dalam masa setahun turut menjadi salah satu kekangan guru dalam melaksanakan PBS. Sebelum PBS dilaksanakan guru-guru hanya mengajar, menanda latihan dan menilai murid secara formatif. Tetapi semasa PBS dilaksanakan, dengan silibus yang sama guru terpaksa menambah beberapa lagi tugas iaitu menyediakan instrumen, membuat pentaksiran, menyemak eviden membuat penskoran dan merekod skor. Bagi mereka silibus yang banyak menghalang mereka dari menggunakan pelbagai kaedah pengajaran semasa PdP. Mereka juga membandingkan PBS di negara lain di mana guru-guru bebas membina kurikulum sendiri (dipantau oleh pihak atasan) dan bebas mengajar mengikut kecerdasan murid. Guru-guru juga akui bahawa mereka terpaksa berlaku tidak jujur dalam pentaksiran apabila silibus tidak dapat dihabiskan. Maka di sini pentaksiran yang dilakukan sudah tentu tidak mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan.

Dapatan kajian menunjukkan kursus yang diikuti tidak memberi apa-apa kesan dalam menangani kekangan yang dihadapi oleh guru. Bermula dari tahun 2010 sehingga kini, KPM, JPN dan PPD telah menyediakan pelbagai latihan dalam perkhidmatan dalam bentuk kursus, bengkel dan taklimat bagi menyampaikan maklumat kepada guru-guru yang melaksanakan PBS. Pelaksanaan kursus dan bengkel ini melibatkan perbelanjaan,





masa dan tenaga yang banyak. Misalnya anggaran perbelanjaan untuk latihan dalam perkhidmatan pada tahun 2012 adalah lebih 45 juta. Perbelanjaan ini termasuk perbelanjaan bagi kursus penataran bagi setiap subjek sekolah rendah dan menengah rendah pada tahun 2012 (Perangkaan Pendidikan, 2012).

Melalui dapatan kajian Abdul Zubir (2007) mendapati hanya 30 peratus yang mengatakan PBS itu sangat penting dan 37 peratus guru yang mahu PBS ini diteruskan dan selebihnya mahu PBS dihentikan. Dapatan yang sama juga di peroleh oleh Rosli (2008) yang mengkaji pelaksanaan PBS dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup yang mendapati bentuk kemahuan guru untuk melaksanakan PBS menunjukkan tahap yang sederhana.

Penyelidik dapati kekangan-kekangan yang dibincangkan di atas adalah faktor utama kepada 'kedinginan' guru terhadap untuk menerima pelaksanaan PBS. Guru-guru boleh menerima pelaksanaan PBS sepenuhnya tetapi ia akan mengambil masa yang lama. Perkara ini telah disimpulkan oleh Abdul Haqq (1996) yang menyatakan;

“Teacher, researchers, and policymaker consistently indicate that the greatest challenge to implementing effective professional development is lack of time. Teacher need time to understand new concept, learn new skills, develop new attitudes, research discuss, reflect, assess, try new approaches and integrate them into their practice; and time to their own profesional development”.

(Abdul Haqq, 1996; p. 134)





5.3.7 Perbandingan Proses Yang Merangkumi Perancangan dan Pelaksanaan PBS Berdasarkan Lokasi dan Jenis Sekolah

Terdapat perbezaan yang signifikan antara proses Perancangan dan Pelaksanaan PBS bagi sekolah rendah dan menengah sama ada di bandar mahu pun luar bandar. Tiada perbezaan poses Perancangan bagi sekolah rendah dan sekolah menengah. Tetapi bagi proses Pelaksanaan, guru sekolah menengah yang lebih memainkan peranan di sekolah apabila min proses pelaksanaan guru sekolah menengah lebih tinggi dari min guru sekolah rendah. Ini menunjukkan guru sekolah menengah mempunyai komitmen yang lebih tinggi dalam melaksanakan PBS. Memandangkan guru sekolah menengah berhadapan dengan dua peperiksaan pusat iaitu PT3 dan SPM berbanding sekolah rendah yang berhadapan dengan satu sahaja peperiksaan pusat iaitu UPSR, maka pemantauan dari pihak atasan lebih kerap. Oleh sebab itulah guru-guru sekolah menengah telah melaksanakan PBS dengan penuh tanggungjawab.

Walaupun proses Perancangan kedua-dua jenis guru ini tiada perbezaan, namun guru sekolah menengah berjaya menampakkan kesungguhan mereka dari segi pelaksanaannya. Dalam kajian Chan (2009) mendapati 75 peratus guru mengatakan murid di sekolah menengah di bandar lebih serius berbanding murid di sekolah menengah luar bandar yang kurang serius. Jadi, guru terpaksa serius dalam membuat pentaksiran memandangkan murid dan ibu bapa di bandar lebih memberi penekanan pelaksanaan PBS.

Dapatan kajian juga mendapati terdapat perbezaan yang signifikan proses Perancangan dan Pelaksanaan PBS bagi sekolah bandar dan luar bandar. Min proses





Perancangan dan Pelaksanaan PBS guru-guru di sekolah bandar lebih tinggi dari min proses Perancangan dan Pelaksanaan PBS guru-guru luar bandar. Ini menggambarkan guru-guru di sekolah bandar lebih berusaha dalam menjayakan pelaksanaan PBS. Memandangkan kedudukan sekolah di bandar, guru-guru mungkin mempunyai kemudahan yang lengkap seperti capaian internet yang membolehkan guru-guru mengakses bahan-bahan PBS dan sebagainya. Ini secara tidak langsung membantu guru-guru di sekolah bandar menjayakan program PBS. Selain itu, sekolah-sekolah di bandar berdekatan dengan PPD atau JPN mahu pun KPM. Maka guru-guru ini harus sentiasa bersedia untuk dipantau oleh pegawai-pegawai pendidikan pada bila-bila masa.



Manakala guru-guru di luar bandar pula yang serba-serbi kekurangan dari segi kemudahan terpaksa melaksanakan PBS dengan apa yang disediakan di sekolah. Pemantauan yang kurang dari pihak atasan akan menjadikan guru-guru di sekolah luar bandar melaksanakan tugas mereka dengan acuh tak acuh. Namun begitu, dapatan ini tidak setara dengan dapatan Suzana (2015) yang mendapati pelaksanaan PBS di sekolah bandar dan luar sama baik. Proses pentaksiran dan penjaminan kualiti antara sekolah bandar dan luar bandar juga menunjukkan kesetaraan.

Kajian ini juga mendapati tidak wujud kesan interaksi antara proses Perancangan dan Pelaksanaan dalam kalangan guru-guru sekolah rendah dan sekolah menengah sama ada di bandar atau luar bandar. Hasil analisis temu bual, guru-guru sekolah menengah di bandar mengakui bahawa lebih banyak kursus dan program yang dijalankan di sekolah yang membantu mereka melaksanakan PBS dengan lebih baik. Berbanding guru-guru





sekolah rendah di luar bandar yang mempunyai bilangan guru yang sedikit. Bilangan guru ini seolah-olah menghalang pihak sekolah mengadakan program-program di sekolah bagi membantu guru-guru melaksanakan PBS dengan lebih berkesan. Sekali lagi perbezaan antara dapatan kajian ini dengan dapatan kajian Suzana (2015) yang mendapati ada kesan interaksi proses pentaksiran antara sekolah bandar dan luar bandar. Dapatan beliau menyatakan sekolah rendah di luar bandar dapat melaksanakan PBS dan penjaminan kualiti dengan lebih baik berbanding guru sekolah rendah di bandar.

Secara keseluruhannya dapat disimpulkan di sini bahawa keberkesanan sesuatu program itu adalah bermula dengan perancangan yang rapi disusul dengan pelaksanaan yang berkesan. Pihak pentadbir perlu memainkan peranan penting bagi memastikan pelaksana (guru) dapat melaksanakannya dengan penuh kesungguhan.

5.3.8 Pemboleh Ubah Yang Menyumbang Kepada Penerimaan Guru Melaksanakan PBS

Statistik analisis regresi berganda langkah demi langkah (stepwise), kajian ini mendapati enam daripada lima belas pemboleh ubah bebas telah mempunyai korelasi dan sumbangan yang signifikan terhadap Penerimaan Guru dalam Melaksanakan PBS. Pemboleh ubah bebas tersebut ialah Pelaksanaan Pentaksiran, Matlamat PBS, Pengesanan, Pembinaan Instrumen, Sumber Bukan Manusia dan Pementoran. Keenam pemboleh ubah ini adalah peramal yang mempunyai korelasi dan sumbangan sebanyak 47.6 peratus ($R^2=0.476$) terhadap Penerimaan Guru dalam Melaksanakan PBS. Berdasarkan dapatan ini, boleh





dirumuskan bahawa keenam pemboleh ubah bebas ini berupaya menjadi penyumbang atau peramal kepada Penerimaan Guru dalam Melaksanakan PBS.

Penyumbang utama dan tertinggi bagi Penerimaan Guru dalam Melaksanakan PBS ialah Pelaksanaan Pentaksiran PBS ($\beta = 0.161$, $t = 3.863$, dan $\text{sig. } t = 0.000$) dan sumbangannya sebanyak 29.8 peratus. Dapatan ini jelas menunjukkan bahawa pelaksanaan pentaksiran PBS dalam kalangan guru adalah faktor utama yang menyumbang sebanyak 29.8 peratus kepada Penerimaan Guru dalam Melaksanakan PBS. Kesungguhan dan komitmen guru adalah tonggak kepada pelaksanaan PBS. Guru memainkan peranan yang sangat penting kerana pentaksiran yang dilakukan akan memberi impak kepada keberkesanan PBS itu sendiri. Pernyataan ini disokong oleh Kane (1997) yang menyatakan bahawa PBS adalah suatu pengiktirafan kepada kuasa yang diberikan kepada guru untuk mengiktiraf kemahiran dan kebolehan yang boleh dicapai oleh murid mereka.

Penyumbang kedua tertinggi bagi Penerimaan Guru dalam Melaksanakan PBS ialah Matlamat PBS ($\beta = 0.287$, $t = 8.468$ dan $\text{sig. } t = 0.000$) dan sumbangannya sebanyak 9.6 peratus. Dengan lain perkataan penguasaan Matlamat PBS dalam kalangan guru-guru adalah penting bagi menggalakkan penerimaan guru dalam melaksanakan PBS. Untuk memastikan sesuatu program itu mencapai hala tujuanya, maka pelaksana program perlu tahu tentang matlamat program tersebut (Florian, 2011). Maka guru-guru perlu menguasai segala matlamat PBS yang telah ditetapkan supaya pelaksanaan PBS akan menjadi lebih berkesan.





Penyumbang-penyumbang lain kepada Penerimaan Guru dalam Melaksanakan PBS yang signifikan termasuklah Pengesanan yang menyumbang sebanyak 4.3peratus terhadap Penerimaan Guru dalam Melaksanakan PBS. Ini diikuti dengan Pembinaan Instrumen yang menyumbang sebanyak 2.3 peratus, Sumber Bukan Manusia yang menyumbang sebanyak 1 peratus dan Pementoran menyumbang sebanyak 0.6 peratus. Walaupun sumbangan faktor-faktor ini terhadap Penerimaan Guru dalam Melaksanakan PBS adalah signifikan, namun peratusan sumbangan adalah kecil.

Berdasarkan dapatan ini, dapat dirumuskan bahawa faktor utama yang menyumbang kepada Penerimaan Guru dalam Melaksanakan PBS adalah pelaksanaan Pentaksiran PBS dengan sumbangan sebanyak 29.8 peratus. Dapatan ini selaras dengan dapatan (Jara, 2010) yang mendapati pentaksiran yang bermakna akan mendorong guru-guru menerima perubahan dalam pendidikan. Dengan ini apabila kemahiran guru dalam mentaksir tinggi, maka keyakinan guru akan bertambah. Oleh sebab itu guru-guru akan menerima sistem baru ini iaitu PBS. Untuk menambah kemahiran dan keyakinan guru-guru dalam mentaksir, ia adalah dari kursus dan bengkel yang dianjurkan. Pihak KPM perlu menganjurkan bengkel pentaksiran kepada guru supaya kemahiran guru makin bertambah dari masa ke semasa.





5.3.9 Pemboleh Ubah Yang Menyumbang Kepada Pelaksanaan PBS

Statistik analisis regresi berganda langkah demi langkah (stepwise), yang melibatkan sebelas daripada dua belas pemboleh ubah bebas ke atas pemboleh ubah bersandar iaitu Pelaksanaan PBS mendapati terdapat sebelas daripada pemboleh ubah berkenaan telah menunjukkan korelasi dan sumbangan yang signifikan terhadap jumlah varians pelaksanaan PBS. Pemboleh ubah bebas tersebut adalah Perancangan Sekolah, Sikap Guru Terhadap Pelaksanaan PBS, Sumber Manusia, Komitmen Guru dalam Melaksanakan PBS, Perancangan Panitia, Konsep PBS, Kepercayaan Guru dalam Melaksanakan PBS, Perancangan Guru, Sumber Bukan Manusia, Matlamat PBS dan Objektif PBS adalah pemboleh ubah yang mempunyai korelasi dan sumbangan (53.2%) yang signifikan terhadap Pelaksanaan PBS.

Penyumbang utama dan tertinggi bagi Pelaksanaan PBS ialah Perancangan Sekolah ($\beta = 0.141$, $t = 3.570$, dan sig. $t = 0.000$) dan sumbangannya sebanyak 30.5 peratus. Dapatan ini jelas menunjukkan bahawa perancangan sekolah adalah faktor utama dalam mempengaruhi Pelaksanaan PBS. Sesungguhnya perancangan sekolah akan menentukan sejauh mana pencapaian PBS di sekolah. Ketelitian sekolah dalam perancangan akan membantu guru-guru melaksanakan PBS dengan lebih rapi dan teratur. Ia membantu guru-guru melancarkan proses pentaksiran di samping meningkatkan kualiti pentaksiran itu sendiri.





Penyumbang kedua terbesar dalam Pelaksanaan PBS adalah Sikap Guru Terhadap Pelaksanaan PBS ($\beta = 0.066$, $t = 2.127$ dan sig. $t = 0.034$) yang menyumbang sebanyak 12.3 peratus. Dapatan ini jelas menunjukkan bahawa sikap guru terhadap pelaksanaan PBS akan mempengaruhi Pelaksanaan PBS. Dengan lain perkataan sikap guru sama ada positif atau negatif terhadap pelaksanaan PBS akan mempengaruhi Pelaksanaan PBS itu sendiri. Guru-guru perlu mempunyai motivasi yang tinggi terhadap pelaksanaan PBS supaya mereka boleh melaksanakan PBS dengan baik. Sikap positif terhadap pelaksanaan PBS adalah sangat penting, kerana ini merupakan prasyarat bagi menggerakkan guru melaksanakan PBS. Pentingnya sikap positif dalam menangani sebarang perubahan dalam sistem pendidikan telah banyak diperkatakan oleh pakar-pakar pendidikan termasuklah Sobel (1981), Howson dan Malone (1984) dan Fullan (1986). Oleh itu kursus-kursus dalaman di sekolah seharusnya memberi fokus yang utama dalam memupuk sikap yang positif terhadap pelaksanaan PBS. Di samping itu juga peserta-peserta kursus juga perlu didedahkan kepada latar belakang dan perkembangan PBS dari negara-negara luar yang sedang rancang melaksanakan pentaksiran di sekolah-sekolah. Semua ini pasti akan meningkatkan sikap yang positif, keyakinan dan komitmen guru terhadap pelaksanaan PBS.

Pemboleh ubah bebas yang lain yang menyumbang secara positif terhadap proses Pelaksanaan PBS ialah Sumber Manusia menyumbang sebanyak 3.8 peratus, Komitmen Guru dalam Melaksanakan PBS telah menyumbang sebanyak 2.3 peratus, Perancangan Panitia sebanyak menyumbang 1.3 peratus, Konsep PBS pula menyumbang sebanyak 0.9 peratus, Kepercayaan Guru dalam Melaksanakan PBS juga menyumbang sebanyak 0.7





peratus, Perancangan Guru menyumbang sebanyak 0.7 peratus, Sumber Bukan Manusia telah menyumbang sebanyak 0.4 peratus dan Objektif PBS menyumbang sebanyak 0.3 peratus.

Pemboleh ubah bebas yang menyumbang secara negatif terhadap Pelaksanaan PBS ialah Matlamat PBS ($\beta = -0.104$, $t = -2.648$ dan sig. $t = 0.008$) dan menyumbang sebanyak 0.4 peratus. Ini bermakna penguasaan Matlamat PBS oleh guru-guru akan mempengaruhi Pelaksanaan PBS. Walaupun sumbangan pemboleh ubah ini adalah signifikan dan memberi kesan negatif kepada Pelaksanaan PBS, namun sumbangannya adalah kecil iaitu 0.4 peratus sahaja.



Berdasarkan dapatan ini dapat dirumuskan bahawa faktor utama yang menyumbang kepada Pelaksanaan PBS dalam kalangan guru ialah Perancangan Sekolah yang menyumbang sebanyak 30.5 peratus. Dapatan ini selaras dengan pandangan Amin Senin (2008). Beliau menyatakan bahawa perancangan yang teliti akan memberi impak yang positif sekiranya pentadbir dan guru bertanggungjawab dalam merancang kerana perancangan tersebut dari semua pihak. Clement dan Vandenberghe (2001) menyatakan bahawa; *“Another important cultural workplace condition is collective goal-setting. Clear and share goals create common expectations: they foster professional solidarity.”*(p.34)

Penyataan ini menggambarkan bahawa perancangan sekolah bukan dari pihak pentadbir semata-mata. Tapi ia adalah gabungan kerjasama dari pihak guru juga kerana segala perancangan akan dilaksanakan bersama-sama supaya mencapai matlamat.





5.4 PENUTUP

Keputusan kajian ini memperlihatkan bahawa pelaksanaan PBS dalam kalangan guru belum mencapai matlamat sepenuhnya di mana penerimaan guru-guru dalam melaksanakan PBS adalah sederhana dan bukan sepenuhnya. Penilaian terhadap semua aspek iaitu konteks, input, proses dan produk menunjukkan terdapat beberapa aspek yang tidak memberangsangkan. Aspek perancangan menunjukkan kesungguhan guru untuk melaksanakan PBS. Namun, pelaksanaannya sekadar sederhana dan perlu diberi penambahbaikan. Guru-guru sekolah rendah di luar bandar perlu diberi penekanan dan pemantauan agar mereka tidak terpinggir dan boleh menyumbang sesuatu kepada pelaksanaan PBS. Guru-guru di luar bandar berhak untuk memberikan sumbangan terbaik demi masa hadapan murid mereka. Justeru, semua pihak yang terlibat dalam program PBS perlu merancang strategi dan langkah penambahbaikan secara bersepadu agar PBS dapat mencapai matlamat yang diharapkan. Malaysia juga harus menaik taraf sistem pendidikan supaya setanding dengan negara-negara yang lain.





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 6

KESIMPULAN DAN CADANGAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

6.1 Pengenalan

Bab ini mengandungi tiga bahagian iaitu implikasi kajian, kesimpulan kajian serta cadangan pelaksanaan dan cadangan kajian lanjutan. Dalam bahagian implikasi kajian, penyelidik menyatakan kesan kajian ini ke atas beberapa pihak. Manakala dalam kesimpulan kajian dirumuskan dengan jelas dapatan kajian yang diperolehi. Cadangan pelaksanaan, penyelidik mencadangkan beberapa tindakan yang perlu dilakukan oleh pihak-pihak tertentu bagi mempertingkatkan kualiti pelaksanaan PBS dalam kalangan



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



guru manakala cadangan lanjutan penyelidik mencadangkan beberapa kajian lanjutan yang boleh dilaksanakan oleh penyelidik seterusnya yang berkait rapat dengan pelaksanaan PBS.

6.2 Implikasi Kajian

Dapatan kajian membawa beberapa implikasi yang penting ke atas teori pelaksanaan amalan pentaksiran khasnya di Malaysia. Kajian ini menyumbang kepada himpunan kajian berkaitan pentaksiran khasnya berkaitan pentaksiran PBS di peringkat sekolah rendah dan menengah. Kajian-kajian pentaksiran sedia ada banyak tertumpu pada subjek-subjek tertentu dan bukan secara menyeluruh. Dapatan kajian ini mampu memberi pencerahan kepada guru-guru yang melaksanakan PBS tentang keperluan-keperluan utama dalam melaksanakan pentaksiran PBS di sekolah.

KPM telah mengambil langkah yang positif dalam memperkenalkan Modul PPPM untuk sekolah menengah dan DSP untuk sekolah rendah mahupun buku Rekod Pengajaran yang sering menjadi rujukan para guru saban hari. Walau bagaimana pun Objektif PBS, Matlamat PBS dan Konsep PBS tidak dimasukkan dalam modul dan dokumen tersebut. Kajian ini menunjukkan betapa pentingnya guru mengetahui Objektif PBS, Matlamat PBS dan Konsep PBS supaya pelaksanaan PBS lebih terarah dan boleh menyumbang kepada kecemerlangan pendidikan di negara ini. Dapatan kajian ini juga mampu menghasilkan





maklumat berkaitan keperluan berkaitan pelaksanaan PBS yang lebih tepat untuk membolehkan tindakan sewajarnya di ambil oleh guru-guru, PPD, JPN dan KPM.

Konsep pentaksiran PBS sebagaimana yang dikemukakan oleh KPM juga kurang memberi penekanan kepada sumber bukan manusia iaitu penyediaan kemudahan di sekolah seperti komputer, capaian internet dan sebagainya. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa penyediaan kemudahan merupakan satu elemen yang penting dan harus diutamakan dalam melaksanakan PBS. Dengan itu dapatan kajian ini menyumbang sesuatu yang penting kepada KPM bahawa penyediaan kemudahan yang lengkap dan mencukupi mampu memberi motivasi yang tinggi kepada guru untuk menghasilkan pentaksiran yang lebih berkualiti.



